

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 48

Isnin

20 Oktober 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman 27)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2009	(Halaman 27)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 51)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 20 Oktober 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa peratus dan jumlah dalam angka ruang niaga (*retail outlet*) yang dikendalikan oleh Malaysia Airport di Terminal Utama KLIA dan LCCT dikhususkan kepada peniaga bumiputera.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya juga memohon ampun dan maaf kalau ada salah dan silap di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah ruang niaga, *outlet* yang terdapat di Terminal Utama KLIA adalah sebanyak 88 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 buah atau 69% ruang niaga adalah dikendalikan oleh peniaga bumiputera, manakala di LCCT pula jumlah ruang niaga yang disediakan adalah sebanyak enam buah. Daripada jumlah tersebut sebanyak lima buah atau 83% ruang niaga dikendalikan oleh peniaga bumiputera. Oleh hal yang demikian, jumlah keseluruhan ruang niaga yang terdapat di kedua-dua terminal tersebut adalah sebanyak 94 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 66 buah atau 70% ruang niaga berkenaan dikendalikan oleh bumiputera. Sekian.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada timbalan menteri yang telah memberikan jawapan yang tepat. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah memberikan peluang kepada bumiputera untuk berniaga di terminal-terminal lapangan terbang ini kerana ianya merupakan pintu utama masuk ke dalam negara kita. Soalan tambahan saya, adakah keadaan ini juga berlaku di terminal-terminal lain seperti misalnya di Johor Bahru, Kota Kinabalu, Penang, Kuching dan sebagainya.

Saya juga ingin tahu kenapakah harga makanan di LCCT begitu tinggi, tidak menggambarkan kepada namanya itu sendiri. Adakah ini disebabkan sewanya terlalu tinggi atau sebagainya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih soalan tambahan dari Sekijang. Saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa penyewaan *outlet* yang berada di seluruh *airport* ataupun di lapangan terbang, kita bagi prioriti kepada bumiputera, tetapi kita juga memberikan ruang kepada bukan bumiputera. Seperti disebut tadi bahawa lebih daripada 60% ruang-ruang niaga ini dimiliki oleh bumiputera di seluruh terminal lapangan terbang yang ada di negara kita.

Sementara soalan kedua mengenai dengan harga barang ataupun harga makanan di LCCT, sebelum tahun 2007, memang banyak Kementerian telah menerima aduan bahawa harga makanan mahal di lapangan terbang ataupun di Terminal LCCT. Daripada pertengahan tahun 2007, Terminal LCCT dan juga Kementerian Pengangkutan telah berusaha bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah membina lima buah gerai ataupun ruang niaga khas untuk makanan sahaja dan telah menawarkan kesemua kelima-lima ruang niaga ini kepada bumiputera, tetapi dengan syarat harga yang rendah.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, harga teh tarik di gerai kita yang ada sekarang ini, Terminal 2, hanya RM1 sahaja segelas ataupun secawan, harga roti canai hanya RM1.20 dan kita juga di Terminal LCCT ini kita juga ada gerai nasi kandar, mi, nasi campur, nasi beriani, gerai minuman dan 100% dimiliki oleh bumiputera. Bagi *fast food* seperti KFC dan lain-lain, memang KFC membuat caj 10% kerana mereka memiliki standard internasional, jadi mereka ada caj 10% kepada pelanggan. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya timbalan menteri, bagaimana dengan sambutan *outlet* ini, adakah *outlet* ini boleh dikatakan perniagaan mereka terdapat tunggakan sewaan dan lain-lain. Adakah tunggakan sewaan yang masih belum dikutip oleh pihak penganjur atau mereka yang ditugaskan untuk *collect* sewa ini? Bagaimana dengan sambutan *outlet*, sebab saya nampak ada juga *outlet* ini langsung susah hendak dapatkan perniagaan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskannya dan bagaimana?

■1010

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka, setakat ini, pihak kementerian tidak menerima sebarang aduan atau rayuan tentang *rental* ataupun sewa iaitu harga sewa yang dikendalikan oleh terminal ataupun MAB.

Cara pembayarannya ialah di mana pihak pemilik kedai-kedai ini atau ruang-ruang perniagaan ini, mereka membayar secara terus. Di mana, hasil kutipan yang mereka peroleh setiap hari itu akan terus kepada satu akaun, yang mana akaun ini akan dikendalikan oleh pihak MAB. Selepas setiap bulan, lebih daripada harga sewa itu akan dikembalikan kepada peniaga-peniaga yang berniaga di kawasan sama ada di KLIA ataupun di mana-mana juga

terminal di seluruh negara. Jadi setakat ini tidak ada masalah tentang peniaga-peniaga untuk membayar *rental* dan sebagainya. Terima kasih.

2. Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan keberkesanan projek menghalang hakisan pantai di negeri Kelantan dan di manakah projek terbaru yang telah diluluskan serta bila dijangka akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]:
Assalamualaikum dan selamat pagi. Yang Berhormat, terima kasih di atas soalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menghalang hakisan yang telah dilaksanakan di beberapa kawasan pantai di negeri Kelantan, didapati telah berjaya mengawal hakisan sepenuhnya di kawasan-kawasan yang berkenaan. Sehingga kini, projek mengawal hakisan pantai telah dilaksanakan di sepanjang Pantai Dasar Sabak, Kampung Kuala Pak Amat, Kuala Kitang, Kampung Kemerok dan Kampung Teritam dengan panjang pantai yang dilindungi sepanjang 2.1 kilometer.

Projek mengawal hakisan pantai terbaru yang telah diluluskan ialah sebanyak RM10 juta yang mana akan dilaksanakan dan jumlah RM3.5 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jika hakisan Pantai Sabak, salah satu sebabnya dahulu adalah kerana pengambilan pasir pantai yang berleluasa untuk projek pembesaran Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, apakah tidak dijangka bahawa kesan yang sama akan berlaku terhadap Pantai Bachok akibat daripada pengambilan pasir pantai yang agak hebat sehingga keluar di dalam TV baru-baru ini untuk projek membina Universiti Malaysia Kelantan? Terima kasih.

Datuk Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha pengambilan pasir untuk ditambah ke lain-lain projek, ia tertakluk kepada berbagai-bagai peraturan yang perlu dipatuhi dan ini dipantau oleh pihak JPS sepenuhnya. Bagi struktur-struktur yang telah dibina pada masa ini, insya-Allah setakat ini didapati ia berada di dalam keadaan baik dan tidak ada tanda-tanda menunjukkan bahawa kawasan tersebut masih di dalam keadaan bahaya.

Walau bagaimanapun, banyak lagi kerja-kerja yang perlu dilaksanakan di sepanjang pantai-pantai ini yang saya yakin akan mengambil kira dan akan terus mengawal usaha-usaha pengambilan pasir yang berlaku di sana. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, hakisan pantai ini berlaku di mana-mana bukan sahaja di Kelantan. Punca-puncanya bukan sahaja akibat pasir itu diambil untuk pembangunan, tetapi ia berlaku akibat keadaan cuaca.

Jadi, soalan saya apakah langkah kerajaan dan apakah kerajaan mempunyai wang yang mencukupi untuk menampung bagi mengatasi masalah ini? Ini disebabkan pantai-pantai yang terhakis akan merugikan industri pelancongan negara, iaitu kita akan kehilangan pelancong sama ada daripada luar negara dan dalam negara. Pantai yang seharusnya indah pada suatu ketika dahulu, hari ini telah menjadi tidak menentu.

Jadi apakah langkah-langkah? Jikalau kerajaan mempunyai cukup wang, kenapa perkara ini tidak diatasi? Kalau tidak cukup wang, apakah langkah yang bijaksana diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi persoalan ini? Terima kasih.

Datuk Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita dapati bahawa panjang pantai di Malaysia ialah dalam 4,809 kilometer. Pihak kerajaan telah mengenal pasti bahawa pantai-pantai yang menghadapi hakisan dan berada dalam keadaan risiko ialah sepanjang 1,414.5 kilometer. Masalah ini juga berlaku di pantai di mana berlakunya pemendapan muara dan lebih daripada 100 muara telah dikenal pasti. Kerajaan sedar akan ancaman kepada pantai-pantai di seluruh Malaysia dan usaha-usaha sedang dibuat untuk memperbaiki keadaan ini dalam jangka masa 5 hingga 10 tahun untuk mengelakkan pantai-pantai ini dari terus rosak.

Apakah langkah-langkah bijak seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi. Saya ingin memaklumkan bahawa untuk memperbaiki, mengatasi atau untuk melindungi pantai-pantai ini daripada terus terhakis, kita dapati bahawa banyak kaedah yang boleh dilaksanakan.

Satu daripadanya ialah pembinaan struktur kawalan hakisan dan terdapat berbagai-bagai kaedah yang boleh dilaksanakan tertakluk kepada kajian-kajian yang akan dibuat. Di antaranya ialah penggunaan batu ataupun bongkah-bongkah batu untuk melindungi pantai. Di mana, setelah dipotong cerun-cerun yang berkenaan mengikut spesifikasi teknikal, maka ia dialas dengan geotekstil ataupun *synthetic fiber* dan seterusnya diletakkan bongkah-bongkah tadi.

Selain daripada itu, terdapat juga pendekatan di mana boleh dipasang *flat slab* ataupun *interlocking* dengan izin *slab* yang dibuat daripada simen. Selain daripada itu, kaedah yang boleh digunakan ialah dengan pembinaan benteng tambahan yang kita gelar sebagai Labuan blok, menggunakan juga konkrit blok.

Satu lagi yang paling digemari ialah kaedah eko pendekatan alam semula jadi penanaman bakau di tempat-tempat yang sesuai, ini adalah kaedah-kaedah yang digunakan. Untuk makluman Dewan yang mulia, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sahaja, terdapat 54 projek melindungi atau memperbaiki pantai-pantai di seluruh Malaysia yang bernilai lebih daripada RM708,823,000. Terima kasih.

3. Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyakkah projek perumahan yang dilancarkan oleh pemaju telah menggunakan konsep "bina dan jual" sejak konsep ini dilancarkan. Apakah insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada pemaju untuk menggalakkan lebih ramai pemaju menggunakan konsep ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, di mana Yang Berhormat Menteri kita yang baru kalah itu? Kalau dia lari, adakah dia undur, *resign* atau apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu bertanya macam itu. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia hendak mempersoalkan tentang kedudukan menteri Barisan Nasional, suruh dia masuk MCA dahulu Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa guna? Buli, dibuli oleh UMNO! Pembuli! Apa guna dibuli oleh UMNO! Kita tidak mahu dibuli oleh UMNO! Kita semua ikut parti.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu PKR buli DAP, apa macam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab kepada soalan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan ini. *[Dewan riuh]* *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini secara serentak dengan soalan nombor 13 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Merbok dan soalan nombor 19 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan, masing-masing bertarikh 12 November 2008 memandangkan ia menyentuh perkara yang sama.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, konsep "Bina Kemudian Jual" - BKJ varian 10/90 mula diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 12 April 2007 selari dengan pelaksanaan konsep sedia ada untuk tempoh peralihan selama dua tahun. Sehingga 31 Julai 2008, selain daripada Jabatan Perumahan Negara, KPKT telah meluluskan satu permohonan lesen pemaju perumahan swasta untuk melaksanakan konsep BKJ varian 10/90 ini.

■1020

Konsep BKJ yang diperkenalkan mengandungi beberapa insentif bagi menggalakkan pemaju untuk melaksanakannya. Insentif-insentif tersebut adalah seperti berikut:

- (i) mengecualikan syarat pembayaran deposit sebanyak RM200,000 bagi lesen pemaju perumahan;

- (ii) memberi pelepasan daripada kuota membina rumah kos rendah sepenuhnya; dan
- (iii) keutamaan *fast lane* , dengan izin bagi semua urusan yang melibatkan pemajuan seperti tukar syarat tanah, pecah sempadan, kelulusan pelan susun atur, pelan bangunan dan kelulusan dari jabatan-jabatan teknikal.

Pada masa ini, KPKT belum lagi bercadang untuk mewajibkan pemaju perumahan melaksanakan konsep BKJ ini bagi projek perumahan termasuk projek perumahan kos rendah dan kos rendah sederhana. Satu kajian impak untuk menilai keberkesanan pelaksanaan konsep ini ke atas industri perumahan di Malaysia akan dibuat selepas tempoh dua tahun peralihan tamat sebelum sesuatu dasar baru mengenai konsep BKJ digubal oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada timbalan menteri di atas jawapan. Soalan tambahan saya adalah persepsi bahawa projek perumahan menggunakan konsep bina dan jual adalah lebih mahal dan membebankan rakyat. Adakah ini benar dan jika tidak bagaimanakah kementerian dapat memastikan bahawa harga rumah menggunakan konsep ini adalah berpatutan.? Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Labis, saya ingin memberitahu bahawa persepsi yang mengatakan bahawa konsep bina dan jual lebih mahal adalah semata-mata persepsi yang terpulang kepada pembeli-pembeli kerana kita telah pun meletakkan satu had di mana rumah-rumah boleh dijual dengan satu tahap yang diluluskan oleh kementerian. Jadi, sama ada dia buat melalui bina dan jual ataupun jual dulu baru bina adalah sama-sama dengan harga yang telah pun ditetapkan oleh kementerian, maka persepsi ini sebenarnya tidak benar. Oleh sebab itu, saya meminta kalau boleh semua pemaju perumahan dapat mengikut konsep yang telah pun kita cadangkan ini untuk kebaikan industri perumahan dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya tahu konsep bina dan jual ini mendapat tentangan hebat daripada pemaju-pemaju perumahan dan juga persatuan perumahan tetapi konsep ini penting untuk rakyat. Ramai yang membeli rumah tetapi rumah tidak siap dan ini menjadi masalah kepada rakyat. Saya hendak kepada kementerian, berapa serius kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap konsep ini.? Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kerajaan tidak ada niat untuk mewajibkan konsep ini. Ini isu rakyat, ramai yang sudah sangkut dan terlibat terutama rumah-rumah kos rendah, ada pembeli yang tersangkut tidak dapat rumah sampai lima, enam tahun malah 10 tahun pun ada. Jadi, apakah dan bagaimana seriuskah kerajaan dalam isu atau perkara ini?

Saya juga hendak bertanya soalan tambahan, kalau boleh sebagai soalan yang lain iaitu mengenai projek-projek yang tidak dapat siap. Apakah tindakan kerajaan terhadap pemaju-

pemaju yang buat rumah, jual dan lepas itu tidak siap sebab beban rakyat sungguh teruk sekali dalam isu ini. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama daripada Yang Berhormat Bayan Baru adalah tentang berapa seriusnya kementerian untuk menjalankan konsep ini. Saya telah pun menjawab tadi bahawa cadangan ini kerajaan sekarang ini belum mewajibkan. Belum mewajibkan bukan bermakna tidak mahu mewajibkan. Kita akan hanya membuat kajian selepas tempoh dua tahun daripada peralihan tamat sebelum sesuatu dasar yang kita buat itu berjalan kerana kita ingin membuat satu kajian yang terperinci sama ada perkara ini kita boleh jalankan dengan baik ataupun tidak.

Oleh sebab itu, kerajaan sekarang ini sedang menggubal satu dasar perumahan negara untuk melihat bahawa semua projek yang dijalankan terutama dari segi industri perumahan ini dapat dijalankan dengan baik. Ini kerana dalam keadaan industri perumahan yang begitu ketara masalahnya oleh kerana peningkatan harga barang-barang maka sudah tentulah dasar yang ingin kita gubalkan itu adalah satu dasar yang diambil kira dari semua segi termasuklah masalah rumah-rumah terbengkalai yang dibawa oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi. Kerajaan sedang meneliti dan cuba untuk membantu pembeli-pembeli dari semua segi dan juga cuba untuk melihat semua projek ini dapat diselamatkan. Sekian, terima kasih.

4. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan peruntukan dan sokongan yang diberikan kepada pertumbuhan bioteknologi termasuk R&D sejak 2000 terutamanya peruntukan RMK-9. Apakah potensi dan peratusan aplikasi dari projek-projek R&D berbanding dengan negara yang lain.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi sektor bioteknologi termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) ialah sebanyak RM267 juta manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ialah sebanyak RM1.3 bilion. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian telah memberikan penekanan yang lebih besar kepada R&D terpilih untuk membangunkan kemahiran dan pengkhususan dalam bidang teknologi baru bagi menjana sumber pertumbuhan baru. Sehubungan itu, MOSTI telah memberikan tumpuan dalam bidang bioteknologi dalam usaha untuk meningkatkan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha menggalakkan pertumbuhan baru dalam bidang R&D bioteknologi kementerian telah menyediakan pembiayaan bagi projek-projek penyelidikan dalam bidang bioteknologi pertanian, industri dan penjagaan kesihatan di bawah Program Sains *Fund*, Tekno *Fund* dan Ino *Fund* yang mana sehingga Oktober 2008 sebanyak 564 projek telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM358.3 juta. Peruntukan berjumlah RM270 juta juga disediakan bagi melaksanakan inisiatif R&D di bawah Institut Agrobioteknologi, Institut Geno Malaysia dan Institut Farmaseutikal dan Neutrasedutikal

untuk menjalankan penyelidikan yang berasaskan kepada teknologi pelantar atau dengan izin *flatfrom technology*.

Bagi menyokong dan menggalakkan pembangunan industri bioteknologi, Perbadanan Bioteknologi Malaysia (*Biotech Corp*) telah ditubuhkan sebagai pusat sehenti, dengan izin *one stop centre* industri bioteknologi dan memperkenalkan satu status BioNexus serta konsep BioNexus. Selain itu, *Biotech Corp* juga telah turut mengadakan program latihan khas keusahawanan bioteknologi kepada graduan, taklimat kerja jaya, program rakan BioNexus, program latihan pengurusan harta intelek dan bekerjasama dengan *California Institute for Quantitative Biosciences* bagi meningkatkan keupayaan universiti-universiti tempatan mengkomersialkan hasil penyelidikan. *Biotech Corp* juga mengendalikan program perbadanan teknologi iaitu teknologi *match matching* di antara syarikat tempatan dan antarabangsa untuk perolehan teknologi dalam mempercepat dan menggalakkan pembangunan industri teknologi di Malaysia.

Peraturan pengkomersialan projek-projek R&D bagi peruntukan yang dibiayai oleh geran MOSTI pada masa ini ialah dalam lingkungan 3.4%. Sebagai perbandingan norma antarabangsa yang digunakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia dan Jepun ialah di antara 5% hingga 10% sahaja yang dapat dikomersialkan. Usaha-usaha seperti memperkenalkan modul inovasi negara bagi menggalakkan pengkomersialan R&D ke tahap 10% seperti mana yang diunjurkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan kadar pengkomersialan ini tidak jauh berbeza dengan kadar pengkomersialan antarabangsa. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baik jugalah menteri sendiri dapat menjawab. Bukan biasa nampak ada seorang menteri sahaja ni. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalannya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Seorang menteri ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong, soal menteri tidak berkaitan dengan soalan asal.

■ 1030

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang, memang tetapi itu baik jugalah. Itu amalan dari Sabah itu baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan di...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Altantuya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Altantuya kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya. Mungkin diorang pergi cari Altantuya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya kah? Bukan dari Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Padang Serai, Padang Serai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya nampak itu memang ada usaha untuk mempertingkatkan penyelidikan dan juga pengkomersialan bagi projek-projek penyelidikan ini dan nampaknya setakat ini daripada 564 projek ini, kita sudah membelanjakan lebih RM500 juta. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah sebenarnya yang berlaku dengan Malaysia Bioteknologi Kluster itu. Saya nampak ada sebahagian disebutkan tadi ataupun BioValley Malaysia itu? Di sinilah kita hendak tahu setakat mana Yang Berhormat dapat melaksanakan, menjayakan BioValley *Strategic Plan*? Memang ada banyak *plan* di sini.

Yang Berhormat Batu Pahat jangan bunyi selepas rumah siap. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habis Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada soalan kah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada soalan. Memang ada, sudah tanya soalan itu cuma sekarang hendak sambung sahaja kepada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah tanya duduklah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ada lagi Nasional Bioteknologi Division itu dengan kerjasama MIT, MMBPP itu. Apakah sebenarnya kita dapat menjayakan MMBPP sekarang itu? Saya dapat dengar tadi ada genomik disebutkan. Apakah terjadi dengan proteomik dan sebagainya? Memang susah sekali, bioteknologi memang penting, belanja yang banyak tetapi hasil yang kecil hanya komersialan itu 3.4% sahaja. Bilakah kita akan meningkatkan kepada 5 ataupun 10% untuk dikomersialkan?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong atas minat yang ditunjukkan. Berapa banyak soalan yang di situ itu? Mengenai dengan BioNexus dan BioValley, saya hanya boleh menyatakan di sini bahawa selepas pelancaran Dasar Biotek Negara, maka semuanya itu disusun semula dan keutamaan diberi dari segi pelaksanaan dasar itu adalah pelaksanaan BioNexus dan dari segi itu Biotech Corp telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk melaksanakan program-program tersebut.

Jadi, kita tidak bercadang untuk meletakkan syarikat-syarikat biotek ini kepada satu tempat sahaja tetapi seperti konsep yang digunakan dengan MAC Malaysia iaitu mereka boleh memperoleh BioNexus status di mana mereka berada tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Pada saat ini, Biotech Corp telah meluluskan 71 syarikat di mana nilai pelaburan keseluruhan adalah RM1.3 bilion dan daripada ini 30 syarikat adalah diluluskan di bawah bioteknologi kesihatan, 23 daripada sektor bioteknologi pertanian dan 16 di sektor bioteknologi industri dan dua dalam bidang bioinformatik. Jadi, syarikat ini boleh di *Penang*, boleh di Sabah,

boleh di Melaka, boleh di Johor dan seterusnya kerana ia berasas kepada konsep BioNexus status dan bukan kepada satu lingkungan *valley* sahaja.

Dari segi soalan seterusnya yang berasas kepada kerjasama mengenai dengan *National Biotech Center*. Dahulunya ini dimulakan dengan sudah begitu lama dengan sebelum pun biotek berdasarkan keseluruhan dimulakan. Sebenarnya, pada hujung minggu ini saya akan berada di MIT untuk menyusuli perkara ini dan seterusnya mengambil perhatian kepada kedudukan *studies* yang sedang dilaksanakan dan seterusnya boleh memutuskan dari segi kesinambungan projek tersebut yang telah pun dimulakan.

Mengenai dengan 10% ini, ini adalah tanggungjawab kita bersama dari segi mengkomersialkan R&D kita. Seperti mana yang saya katakan tadi, pada setakat ini kita dalam lingkungan 4% di bawah matlamat yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Dasar Biotek Kebangsaan dengan kerjasama semua termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada yang bukan kerajaan, saya yakin kita boleh menjurus kepada matlamat 10% yang digariskan. Terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, bagaimanakah pihak kerajaan dan agensi-agensi seperti MEDEC, MAFKET membuat *due diligence* dengan izin iaitu sebelum pelaburan kita buat kepada satu syarikat ataupun projek R&D supaya kegagalan Invent Q Jaya yang di mana pelaburannya berjumlah RM228 juta baru-baru ini dalam sebuah syarikat IT di Amerika Syarikat yang telah mengalami kerugian akibat daripada penyelewengan yang dilakukan oleh pihak pengurusan tidak akan berulang lagi? Kedua, apakah hasil penemuan yang telah dicapai setakat ini? Hasil daripada pelaburan peruntukan yang dibuat ke atas R&D?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua itu sebahagian telah pun saya sentuh dalam jawapan asal tadi. Mengenai dengan penelitian yang diberi kepada pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi mahupun berkaitan dalam bioteknologi ataupun ICT di bawah kementerian, sememangnya penelitian yang rapi dijalankan dan bukan sahaja oleh pihak agensi tersebut seperti MB Cap atau MTDC, atau pun Dana Perdana atau pun MDB. Ini adalah syarikat-syarikat GLC yang terlibat dari segi sokongan dana kepada pelaburan dalam biotek ataupun dalam ICT.

Bukan sahaja dengan penelitian dalaman oleh pihak agensi ini tetapi sering kali juga dijemput penganjur perunding dari luar untuk memberi *due diligence*, dan untuk memberi penelitian sebelum pun sesuatu keputusan pelaburan itu dilaksanakan. Namun, sememangnya dalam dunia pelaburan ini tidaklah semuanya keputusan dalam segi analisa itu 100% tepat apabila ada perubahan ekonomi dan kewangan di sekeliling suasana pelaburan tersebut. Namun, kita akan terus memberi penekanan yang lebih rapi dari segi penelitian pelaburan-pelaburan yang dibiayai oleh agensi-agensi kewangan khususnya para penyokong dana.

Dari segi soal pengkomersialan *session* yang disebutkan tadi itu memang ini akan terus diberi perhatian yang lebih rapi. Saya telah pun menubuhkan satu kajian yang menyeluruh bagi MOSTI untuk kembali meneliti dari Rancangan Malaysia Kelapan, Kesembilan untuk meneliti dana-dana yang telah diberi setakat mana ia telah diterjemahkan kepada *outcome* khususnya kepada *patterns* dan apakah halangan-halangan yang telah dihadapi supaya pada masa akan datang peningkatan pengkomersialan sesi, keputusan-keputusan penyelidikan itu atau peringkat *patterns* itu dapat dipertingkatkan lagi. Terima kasih.

5. Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta Perdana Menteri menyatakan apakah masalah serta kesulitan yang dihadapi oleh majoriti rakyat di akar umbi berikutan kenaikan harga minyak dan bahan makanan dan adakah kerajaan sedang mengkaji pendekatan yang diguna pakai sekarang bagi memastikan nasib malang mereka ini tidak berterusan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K. Devamany]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Mas Gading. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar akan kesulitan yang dihadapi oleh majoriti rakyat di akar umbi berikutan kenaikan harga barang-barang keperluan disebabkan kenaikan harga minyak, bahan mentah dan makanan.

Indeks harga pengguna IHP, *consumer index* yang selama ini pada 2007 Tuan Yang di-Pertua di sekitar 2% telah meningkat ke paras tertinggi sejak 26 tahun kepada 8.5% pada bulan Ogos 2008 akibat kenaikan tinggi indeks harga bagi sistem pengangkutan dan makanan seperti roti, beras dan bijiran yang mempunyai kenaikan sebanyak 25.7%, daging 11%, susu, keju dan telur 13%, ikan dan makanan laut 9%, dan sayuran 9.3%. Rakyat menghadapi masalah kenaikan harga.

■1040

Maka dengan izin, *there is a combination of economics stagnation and inflation*. Maka sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kebajikan rakyat terutama golongan miskin dan yang memerlukan adalah sentiasa terjamin, kerajaan telah mengkaji semula subsidi dan bantuan-bantuan yang diberikan supaya ianya adalah relevan dengan keadaan semasa dan memenuhi objektifnya. Malah, semasa pembentangan Bajet 2009 baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah di bawah Program Jaringan Keselamatan Sosial (*Social Safety Net*), dengan izin.

Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan izinkan saya memberitahu lapan langkah Tuan Yang di-Pertua.

- (i) menaikkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemberian bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan daripada RM400 sebulan kepada RM720 sebulan untuk Semenanjung, RM830 untuk Sarawak dan RM960 sebulan untuk Sabah. Sebanyak 110 ribu isi rumah dan 40 ribu warga emas dijangka dapat menikmati faedah ini;

- (ii) pesara kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun pula akan menerima pencen tidak kurang daripada RM720 sebulan mulai 1 Januari 2009;
- (iii) mengawal harga beras iaitu Super Tempatan 15% antara RM1.65 sekilogram hingga RM1.80 sekilogram dan memastikan ia mencukupi dan didapati di seluruh Malaysia;
- (iv) isi rumah yang membayar bil elektrik sebanyak RM20 ke bawah sebulan tidak perlu membayar bil elektrik berkuat kuasa 1 Oktober 2008 sehingga akhir 2009. Seramai 1.1 juta isi rumah akan mendapat manfaat daripada langkah ini;
- (v) duti import ke atas beberapa barangan pengguna dikurangkan daripada 10% dan 60% kepada di antara 5% dan 30% bagi barang-barang kegunaan isi rumah tertentu seperti pengisar makanan, periuk nasi, ketuhar, gelombang mikro dan cerek elektrik;
- (vi) duti import di atas beberapa jenis makanan di antara 2% hingga 20% dikecualikan sepenuhnya. Seperti mee hoon, biskut, jus, buah-buahan, jagung manis dalam tin dan sebagainya;
- (vii) mengembangkan Skim Kredit Mikro melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang selama ini ditujukan kepada golongan di luar bandar sahaja dan diperluaskan kepada golongan miskin di bandar pertama kali untuk menambahkan pendapatan golongan-golongan yang mempunyai niat untuk berniaga; dan
- (viii) bayaran elaun sebanyak RM150 sebulan kepada golongan OKU yang tidak bekerja di samping elaun murid OKU di Sekolah Pendidikan Khas akan ditambah daripada RM50 kepada RM150.

Selain daripada itu sejak kenaikan harga petrol dan diesel pada 5hb. 2008, kerajaan telah pun menurunkan sebanyak tiga kali harga petrol dan diesel, iaitu pada 23 Ogos, 25 September dan terbaru baru-baru ini 15 Oktober selaras dengan penurunan harga minyak mentah dunia. Ini akan mengurangkan tekanan inflasi dan seterusnya beban kos sara hidup di atas rakyat. Kerajaan berharap dengan langkah-langkah yang diperkenalkan tersebut, kesan negatif dan kenaikan kadar inflasi yang tinggi akan dapat dikurangkan. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab. Memang kita sedar kerajaan telah berusaha mengambil langkah-langkah seperti mana yang telah diterangkan tadi, tetapi kita sebagai wakil rakyat masih lagi berhadapan dengan keluhan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Oleh kerana kita sedar tidak kurang daripada 3.8% rakyat kita masih lagi berada di kawasan luar bandar. Jadi masalah dia bukan kerajaan tidak mengambil pendekatan dan

sebagainya, tetapi masalah adalah lebih daripada menaikkan kelayakan untuk mendapat bantuan dan sebagainya.

Masalah yang kita hadapi adalah daripada segi perkhidmatan, *delivery system*. Itu yang masih lagi menjadi masalah. Oleh kerana kalau kita pergi ke Sarawak misalnya di kawasan luar bandar. Satu gelen minyak mungkin RM15, satu tin sardin RM5. Jadi inilah masalah yang kita hadapi. Walaupun kawasan saya tidak berapa jauh daripada bandar, tetapi harga barang-barang ini masih lagi tinggi. Jadi saya ingin tahu selain daripada langkah-langkah yang kita ambil, bagaimana kita akan dapat memastikan rakyat-rakyat ini betul-betul akan dapat manfaat dan tidak berterusan dalam masalah yang mereka hadapi sekarang. Sekian.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat Mas Gading. Yang pertama untuk Sabah/Sarawak ini, kerajaan telah mengadakan pemberian subsidi untuk produk petroleum, bantuan harga padi, baja, pengangkutan, subsidi pengangkutan udara ke kawasan pedalaman Sabah/Sarawak kerana ini merupakan masalah utama, kerana kosnya tinggi akibat daripada kos untuk hantar barang ini semakin tinggi. Maka kerajaan sedar dan telah memberi subsidi.

Saya mengakui bahawa masih ada segelintir rakyat di peringkat akar umbi di pedalaman yang menghadapi masalah harga yang tinggi ini. Maka saya melihat konsep ini dari tiga perspektif, di mana kerajaan ingin memastikan bahawa kita memperkasa lagi sistem penyampaian yang diperkatakan tadi. Satu dari segi mengenal pasti siapakah golongan sasaran yang perlukan bantuan. Kita masih ada masalah, di peringkat akar umbi, pejabat daerah, majlis daerah dan agensi-agensi masih saya rasa belum begitu jitu dalam mengenal pasti golongan-golongan yang memerlukan bantuan. Untuk itu ada dua inisiatif baru yang dibuat.

Satu fokus *group*, di mana ada satu portal e-kasih yang diadakan di ICU *Implementation Coordination Unit*, di Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan bahawa tidak ada golongan-golongan yang tertinggal daripada edaran bantuan ini. Itu yang penting. Maka saya mohon semua Ahli Parlimen dan juga wakil-wakil rakyat memastikan bahawa di daerah masing-masing pastikan bahawa golongan-golongan ini didaftarkan dalam portal e-kasih melalui *focus group* ini.

Yang kedua, ini saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana mereka mengadakan Projek Cari di mana mereka meminta supaya wakil-wakil rakyat akan pergi ke bawah mencari siapakah yang miskin ini supaya mereka juga turut masuk dalam fokus *group* ini. Maka seterusnya saya meminta Yang Berhormat untuk melihat tiga perkara. Satu harga ini tinggi Tuan Yang di-Pertua, kerana rantai penawaran kita tidak kukuh, perlu diperkukuhkan *supply chain*. Untuk itu saya rasa orang tengah, mekanisme orang tengah ini perlu diperkasa kerana di situ kita ada masalah, kerana masalah berkomplot, *cartel* yang menentukan harga.

Yang ketiga, *artificial shortage* diwujudkan secara maya kurang bekalan dan ketiga penyorokkan. Maka inilah masalah-masalah yang perlu kita tangani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan S. K. Devamany: Maka saya memberitahu kepada Yang Berhormat Mas Gading supaya sama-samalah kita perjuangkan, tetapi kerajaan prihatin dengan membuat langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa bebanan rakyat itu dapat dikurangkan. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, dengan penurunan harga getah dan juga kelapa sawit yang ada sekarang ini menambahkan lagi beban rakyat. Tambahan pula dengan kebergantungan kita kepada makanan import, yang sebahagian besar kita lihat masih lagi makanan utama masih bergantung kepada import. Apakah strategi kerajaan dan apakah pemantauan yang dibuat supaya perkara ini tidak terus berlarutan dan memberi kesan yang sangat besar terutama kepada pengguna, suri-suri rumah dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Masalah harga barang ini kadang-kadang di luar kawalan kerajaan, kerana kita menghadapi tempias daripada krisis kewangan dunia Tuan Yang di-Pertua dan krisis ini tenat, parah. Maka oleh kerana krisis ini begitu, maka kita mendapati kesannya terdapat dalam harga-harga komoditi yang begitu tidak stabil. Akan tetapi untuk 2008, untuk makluman Yang Berhormat Rantau Panjang, GDP kita masih stabil.

■1050

Cuma kita perlu perkasa dan bersedia untuk tahun depan kerana kesan-kesannya akan dirasai tahun depan. Untuk itu, langkah pertama kita akan menjana pertumbuhan ekonomi domestik kerana tidak boleh mengharapkan eksport *market*. Eksport kita sudah tentu akan menghadapi masalah serius sedikit akibat daripada global ekonomi. Maka, Timbalan Perdana Menteri kita, Dato' Sri Haji Mohd. Najib juga akan mengumumkan *stabilization plan* dalam beberapa hari akan datang. Maka inilah langkah-langkah yang telah dirancang dalam dua tiga minggu ini untuk membantu keadaan ini.

Saya simpati dengan seruan Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Kita bersama-sama berdoa bahawa keadaan ini akan dapat pulih. Saya bagi jaminan sistem bank kita baik, *depositors* kita diberi deposit *guarantee plan*. Maka projek RMK-9 akan berterusan, koridor akan dimajukan. Maka dengan itu kita harapkan penjana ekonomi tempatan akan lebih kukuh. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidakkah MIC berhasrat untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...minta Timbalan Perdana Menteri sama seperti MCA?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: MIC tidak mahukah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak izinkan begini Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan S. K. Devamany: Itu bukan cara kita.

6. Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor] minta Menteri Kewangan menyatakan jangkaan pungutan dan perincian perbelanjaan hasil windfall tax yang dikenakan kepada IPP (penjana kuasa bebas) dalam usaha mengurangkan beban kos bahan api kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September 2008 telah memutuskan supaya levi keuntungan luar biasa atau *windfall tax* tidak lagi dikenakan ke atas penjana kuasa bebas atau IPP dan digantikan dengan bayaran *one-off*.

Bayaran *one-off* adalah bersamaan dengan levi keuntungan luar biasa untuk tempoh setahun dan hendaklah dibayar oleh semua syarikat pada setiap bulan dalam tempoh 12 bulan. Bayaran ini adalah sebanyak RM500 juta untuk tempoh 12 bulan. Perincian perbelanjaan tidak dapat dinyatakan kerana semua bayaran ini dikutip oleh Jabatan Kastam dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Segala pendapatan dan hasil dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan digunakan bagi menampung perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan kerajaan. Ini termasuk bagi menampung pelbagai subsidi kepada pengguna yang diberi oleh kerajaan dan dalam usaha untuk mengurangkan beban yang diakibatkan oleh kos bahan api kepada rakyat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Sementara saya memahami kontroversi yang dicetuskan hasil daripada berkuat kuasanya *windfall tax* ini khususnya daripada penjana bebas tenaga (IPP), kontroversi ini memang di peringkat global pun dibincangkan. Namun kita tahu kenapa persoalan *windfall tax* ini dikenakan dan pada apa yang disebutkan sebagai 30% daripada *Earnings Before Interest and Tax* (EBIT), kita tahu bahawa kegunaannya adalah untuk apa pun kesan daripada *development* ataupun *hardship* daripada IPP.

Jadi oleh kerana itu, saya ingin lanjutkan soalan saya Tuan Yang di-Pertua mengapa ia hanya perlu menjadi *one-off*. Apakah tidak lebih baik kalau kerajaan memikirkan bahawa ia perlu diteruskan penguatkuasaannya tetapi pada pendekatan yang sedikit berbeza. Contohnya, kalau 2008, 30% daripada 9% *return on asset*. Apakah boleh kalau 2009 kita *pro-business* sedikit, kita kata 10% daripada *return on asset* dan seterusnya 11% daripada *return on asset*. Itu pertama.

Kedua, daripada kita mengenakan EBIT ataupun *Earnings Before Interest and Tax*, apakah boleh kita mengambil pendekatan menguatkuasakan *Earnings After Interest and Tax*. Walaupun terdapat soalan-soalan lain yang hendak saya kemukakan tapi cukup sekadar itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam jawapan saya, kita tidak akan mengimplementasikan *windfall tax* lagi untuk IPP dan bayaran *one-off* itu telah pun kita sampai oleh kerana semua IPP sedia berunding semula perjanjian pembelian tenaga dengan TNB. Oleh kerana itu, *one-off* itu untuk jangka masa 12 bulan ini dan untuk adakah ia akan dilanjutkan atau tidak, kita belum buat keputusan lagi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya ingin tahu perkembangan terkini perundingan antara syarikat IPP dengan TNB untuk menyemak semula PPA yang disebut tadi iaitu perjanjian pembelian tenaga ini di mana jika dimuktamadkan PPA ini, maka syarikat IPP ini akan dikecualikan daripada membayar levi terhadap keuntungan berlebihan.

Jadi saya ingin tahu apakah butiran yang dibincangkan dalam PPA itu dan setakat ini soal pembayaran *installment* ini iaitu tarikh tutup *installment* pertama sudah pun lupus. Jadi apakah ada syarikat yang tidak membayar *installment* pertama daripada 12 *installment* ini sudah dikenakan penalti. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Rundingan semula perjanjian pembelian tenaga di antara IPP dan TNB ini sedang berjalan dan belum sampai ke satu keputusan yang muktamad lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, *installment*, sebanyak RM47,484,160.28 telah dibayar oleh kesemua 17 IPP dan untuk bulan Ogos, bayaran yang dikutip adalah RM47,347,437.28.

Jadi jumlah yang dikutip pada masa sekarang adalah RM94,831,597.56. Jadi kesemua 17 IPP itu ada membayar *installment* ini. Tidak ada satu pun yang tidak bayar. Jadi mereka juga telah pun bersetuju berkenaan dengan *one-off payment* atas perjanjian itu dan mereka untuk berunding semula perjanjian pembelian tenaga. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Perdana Menteri Menyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar Pendidikan Tinggi dari negeri Sabah yang telah menerima biasiswa yang diberi oleh kerajaan, agensi-agensi kerajaan, mahupun syarikat GLC seperti JPA, MARA, Petronas dan lain-lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar Sabah yang ditawarkan biasiswa JPA di luar negara bagi tahun 2006 sehingga 2008 adalah seramai 50 orang. Di samping itu bagi pengajian dalam negara, pelajar Sabah yang ditawarkan biasiswa JPA bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seramai 240 orang. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar daripada Sabah yang ditawarkan biasiswa dalam negara bagi tahun 2008 masih belum dapat ditentukan memandangkan permohonan biasiswa bagi program penajaan dalam negara baru ditutup pada 13 Julai tahun 2008.

■1100

Bilangan pelajar dari negeri Sabah yang telah menerima penajaan Petronas bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi sejak lima tahun yang lalu adalah seramai 113 orang. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Basiswa untuk luar negara - 240, jadi saya mahu tahu kerana saya ada dapat maklumat bahawa ada anak-anak orang kenamaan yang tidak layak untuk menerima basiswa anak mereka dibagi kelulusan. Jadi saya mahu minta kalau ada butir beritahu, adakah tidak? Kalau ada apakah sebab orang-orang kenamaan ini seperti anak-anak menteri, anak-anak menteri besar diberi basiswa. Mereka ini tidak layak. Kalau ada, tolong expose dalam surat khabar sebab kita mahu tahu semua. Boleh? *[Tepuk]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di JPA kita mempunyai pengambilan ataupun pembahagian basiswa ini diberi mengikut merit. Kita mengikut merit ialah kita bagi kepada markah, yang pertama sekali ialah akademik, akademik sebanyak 70%. Yang kedua ialah dari latar belakang sosioekonomi 10%, kokurikulum 10% dan temu duga 10%.

Kadangkala kita melihat bahawa pelajar-pelajar yang cemerlang pun tidak mendapat basiswa berdasarkan kepada sistem yang ada sekarang ini. Akan tetapi walau bagaimanapun mengenai dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat, saya akan ambil perhatian dan saya akan lihat dari segi perkara ini dan saya akan maklum kepada Yang Berhormat secara bertulislah. Sekiranya ada di kalangan anak-anak orang kenamaan yang mendapat basiswa tidak mengikut saluran yang betul dan tindakan tegas akan diambil. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya timbalan menteri, apakah kerajaan bercadang untuk mengubah dasar pemberian basiswa ini dengan menitik beratkan kepada asas latar belakang kemiskinan, bukan kepada kecemerlangan. Kecemerlangan diambil kira tetapi pokok asasnya ialah latar belakang kemiskinan terutamanya pelajar-pelajar di luar bandar kerana dalam Perlembagaan negara kita pun di bawah Fasal 152 iaitu basiswa ini merupakan hak kaum peribumi.

Jadi ianya tidak patut diasaskan kepada kriteria yang disebutkan tadi tetapi hak yang sepatutnya dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengangkat kedudukan kaum peribumi dalam bidang pendidikan. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat itu adalah cadangan yang baik tetapi kadang-kadang apabila kita berdasarkan kepada sosioekonomi iaitu pelajar-pelajar berdasarkan kepada kemampuan keluarga daripada keluarga yang miskin. Akan tetapi jika kita tidak mengikut merit dari segi akademiknya, maka pelajar-pelajar ini akhirnya akan tercicir di sesetengah, dalam perjalanan apabila mereka berada di universiti.

Umpamanya macam di Australia, sekurang-kurangnya dia mempunyai tahap tertentu untuk dia *qualified* untuk masuk di universiti-universiti ini. Kalau pelajar-pelajar yang dihantar tidak mengikut tahap ini, mereka sudah pasti akan ditolak.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, latar belakang di UiTM, sebelum ini pelajar-pelajar di luar bandar tetapi apabila pergi ke luar negara dapat cemerlang.

8. Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah kos yang digunakan untuk menjalankan kursus PTK untuk guru-guru menginap di hotel selama seminggu (sejak diperkenalkan). Adakah terdapat kesan yang positif guru-guru tersebut menginap di hotel bagi mengikuti kursus dan mengambil peperiksaan PTK.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan untuk melihat guru-guru kita meningkatkan kecemerlangan dan juga membina *learning organization* ya.

Untuk maklumat Yang Berhormat, tempoh kursus PTK ini tidaklah seminggu sejak mula dilaksanakan. Pada permulaan pelaksanaannya, tempoh kursus adalah selama dua minggu bermula dari tahun 2003 sehingga 2005. Tempoh kursus itu telah dipendekkan kepada seminggu sahaja mulai tahun 2006. Ini di atas persetujuan daripada Lembaga Penilaian dan juga kompetensi Kementerian Pelajaran.

Tempoh kursus ini telah dipendekkan. Kos pelaksanaan kursus ini bagi tahun 2003 sehingga 2005 adalah sebanyak RM9.8 juta. Manakala untuk tahun 2006 sehingga Ogos 2008 adalah sebanyak RM42,458,850 dan jumlah keseluruhan kos bagi kursus PTK ataupun Penilaian Tahap Kecekapan bagi awal pelaksanaan sehingga bulan Ogos 2008 adalah kira-kira RM52 juta iaitu melibatkan kira-kira 33,626 orang guru-guru kita dengan nisbah perbelanjaan ke atas seorang sebanyak kira-kira RM1,600. Ini adalah berdasarkan kepada kelayakan para peserta untuk mengikuti kursus itu yang dilaksanakan di hotel-hotel berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2008 yang terkini.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, pelaksanaan PTK ini di premis hotel adalah mengikut kadar pakej Kementerian Pelajaran, mengikut gred dan jawatan masing-masing. Kesan positif terhadap guru-guru ialah mendapat input berupa pengetahuan, kemahiran berhubung dengan kepimpinan, pelan perancangan strategik, dasar-dasar kerajaan, etika perkhidmatan awam dan juga dapat meningkatkan profesionalisme guru dengan komponen utama iaitu komponen generik dan juga komponen *functional*.

Selain daripada itu juga, kegiatan yang dibuat ataupun latihan ataupun kursus yang dilakukan di hotel ini membolehkan guru memberi tumpuan yang sepenuhnya dalam keadaan yang kondusif. Lebih-lebih lagi mereka dapat bertukar fikiran kerana para peserta itu adalah lintas disiplin dan sekali gus juga dalam dialog perbincangan mereka memberi kesan simbiosis di kalangan para peserta.

Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: [*Pembesar suara tidak berfungsi*] Terima kasih, ha ini pembangkang tak bagi, dia *switch off*nya. Yang Berhormat Kepong, dia masuk, dia pasang, dia tutupnya saya. Saya tahniah kepada...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, ya, ya.

Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Yang campur aduk dalam keluarga kami itu buat apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Menyampuk*]

Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Betul. Yang sini bimbang yang baju merah takut tak ada tempat dalam DAP. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat, nampaknya memang ada manfaat yang baik untuk mengadakan kursus untuk guru-guru. Akan tetapi saya baru terdengar dalam satu negeri pembangkang, dia arahkan supaya semua pegawai kerajaan pergi hanya hotel-hotel kerajaan negeri sahaja, hotel swasta tidak dibenarkan. Bagaimana? Satu negeri besar, kerajaan negeri arahkan jangan menggunakan hotel-hotel biasa, hanya hotel yang dipunyai oleh kerajaan negeri sahaja. Adakah Yang Berhormat mengetahui apakah yang berlaku di kerajaan Selangor?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Perdana Menteri kena tolak keluar, *you* tak ada cakap keluarga ha. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, tidak boleh macam itu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih di atas pandangan itu. Sebenarnya kita mematuhi pelaksanaan di premis hotel itu. Kita mengikut pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia kita. Yakni sekarang ini kita terlibat kira-kira 17 hotel keseluruhannya di seluruh Malaysia ini yang melibatkan para peserta kadang-kadang mencecah angka 12,000, 14,000.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang di Selangor itu, saya kurang maklumlah sama ada diarahkan. Sebab kita banyak hotel-hotel tertentu, barangkali sudah pun dibuat rundingan awal dengan hotel-hotel tersebut.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, PTK ini adalah satu kursus yang menyeksa guru-guru. Mereka telah pun ada diploma masing-masing, jadi adakah kerajaan tidak berhasrat ataupun membuat kajian dan kalau boleh menghapuskan PTK ini yang menjadi masalah besar kepada perkhidmatan perguruan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Sebenarnya kita perlu sesuatu instrumen untuk kita menilai prestasi. Jadi tidak boleh sembarangan dalam proses naik pangkat atau dalam proses anugerah

anjakan gaji itu, ia perlu ada cara untuk kita menilai, *appraise* kita punya pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran. Ada satu cara.

■1110

Jadi memang kita mengakui bahawa guru-guru kita bukan sahaja guru malah di kalangan profesional yang lain mereka memiliki ijazah ada yang PhD, ada yang *master* tetapi kita perlu juga menilai dari segi dua perkara. Yang pertama ialah komponen generik mereka iaitu tentang peraturan-peraturan. Kadang-kadang guru kita tidak tahu tentang peraturan, tatacara, pengurusan kewangan misalnya. Selain daripada itu kita hendak lihat juga tahap motivasi mereka. Jadi ini adalah merupakan komponen-komponen. Memang dari segi fungsinya itu ataupun aspek *functional*nya itu mereka tahu tetapi ada aspek-aspek lain yang perlu diuji yang perlu kita siasat yang perlu kita lihat tahap pencapaian mereka.

Bagaimanapun seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi Kementerian Pelajaran memang senantiasa melihat dan menilai bagaimanakah kesan ke atas penilaian kompetensi guru-guru kita ini.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]

10. **Datuk Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah kementerian bercadang mengkaji semula pelbagai jenis kurikulum pendidikan prasekolah atau tadika di Malaysia memandangkan banyak kes pencapaian rendah, setinggi 58% murid-murid darjah satu sekolah kebangsaan di Tawau, yang masih tidak dapat membaca, menulis atau mengira; dan
- (b) rancangan dan jangka masa pelaksanaan yang akan diambil oleh kementerian supaya mengurangkan bilangan kes pencapaian rendah tersebut sehingga sifar.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih Yang Berhormat. Matlamat utama pendidikan prasekolah sebenarnya bukanlah untuk kita menilai. Ia lebih kepada mendidik dan mengasuh membiasakan kanak-kanak bersosialisasi dan menyediakan mereka untuk laluan yang lebih kemas dan teratur ke Tahun Satu. Disamping memberi pengalaman pembelajaran secara holistik secara menyeluruh dalam aspek intelek, dalam aspek rohani, jasmani, emosi iaitu dari segi kecerdasan-kecerdasan *multiple intelligent* yang diajar di kelas-kelas prasekolah itu. Untuk maklumat yang sekarang ini terdapat kira-kira 6,848 kelas prasekolah *and next* ke sekolah-sekolah kebangsaan seluruh negara yang melibatkan kira-kira 168,189 orang.

Tumpuan utama seperti mana yang telah saya sebut itu adalah untuk pendidikan asas dan juga mereka diwajibkan menggunakan satu kurikulum yang sama iaitu kurikulum prasekolah kebangsaan yang telah kita mulai sejak tahun 2003. Buat masa ini Kementerian Pelajaran juga

sedang menyemak kurikulum prasekolah ini. Untuk kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran iaitu kanak-kanak yang memerlukan kepada pendidikan khas kita ada kelas-kelas prasekolah yang bersifat *integrative* iaitu kita *integrate* ke kelas-kelas biasa. Sekarang ini terdapat kira-kira 94 buah sekolah pra yang kita integrasikan ke sekolah-sekolah biasa untuk anak-anak yang menghadapi masalah penglihatan, masalah pendengaran dan juga masalah-masalah pembelajaran yang lain.

Untuk persoalan yang kedua kementerian telah mempunyai pelbagai rancangan untuk mengurangkan pencapaian yang rendah di kalangan murid-murid kita dengan pelbagai jenis intervensi yang telah berulang-ulang kali saya sebut iaitu melalui program K1A2M iaitu kemahiran menulis, membaca awal dan juga mewujudkan program pemulihan khas, program 3M, program bimbingan bagi kanak-kanak terutama di sekolah menengah sekiranya mereka masih belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2005, dua orang murid Malcolm dan Philatus dari Inanam, Sabah telah dihalang oleh pihak sekolah daripada menduduki peperiksaan UPSR. Kononnya kerana mereka lemah dalam pelajaran sekolah yang akan kait hubung dengan kegagalan pendidikan awal kanak-kanak seperti yang saya tanya di soalan. Guru besar mereka akan menjejaskan prestasi sekolahnya dalam keputusan UPSR. Oleh itu mereka dihalang daripada menduduki dan seterusnya mereka tidak dibenarkan membuat pinjaman buku teks sekolah menengah dan mereka dihina oleh murid-murid lain sehingga salah satu seorang tercicir dari sekolah.

Jadi saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah prestasi sebuah sekolah dalam UPSR lebih penting atau peluang pendidikan dari peperiksaan yang sama bagi semua murid lebih penting. Apakah tindakan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan perkara itu? Sekian, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat saya berasa sedih sekali bila kes seperti ini berlaku tetapi ini adalah merupakan satu kes yang spesifik yang melibatkan dua orang murid di Inanam seperti mana yang telah disebut. Ya, memang Kementerian Pelajaran melihat pendidikan itu adalah merupakan proses untuk kita mengasuh anak-anak kita. *It is education not elimination*. Sebenarnya. *It is education not elimination, it is educating not eliminating*. Bukan hendak kita asing dan pisahkan. Saya rasa amat dukacita dengan perkara ini dan saya memberi kepastian di sini kita akan lihat dan siasat sekiranya berlaku kes-kes serupa ini.

Memang betul bahawa Kementerian Pelajaran sekarang pun sedang berusaha untuk mengurangkan tekanan kepada peperiksaan sebab saya rasa ia adalah merupakan yang bersifat *exam oriented* dalam sistem kita itu. Supaya kita tidak hanya melihat dalam konteks penilai yang di akhir kursus, *summative evaluation*. Kita juga harus melihat dalam konteks *formative evaluation* penilaian dalam proses itu. Saya kira ini adalah merupakan dimensi yang lebih baik dan terima kasih di atas pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad binti Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang pendidikan prasekolah ini. Kita lihat misalnya di prasekolah kelas-kelas prasekolah swasta di mana mereka menggunakan sistem-sistem untuk menyebabkan anak-anak ini boleh bagi membolehkan anak-anak ini membaca dengan cepat. Kadang-kadang umur empat tahun, lima tahun sudah boleh mengenal huruf dan juga sudah boleh membaca.

Adakah pihak kementerian telah melakukan kajian-kajian tentang sistem-sistem yang diguna pakai di sekolah-sekolah swasta ini supaya dengan ini membolehkan ataupun memaju meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar prasekolah. Saya juga ingin bertanya tentang tadi adakah usaha-usaha dibuat supaya sistem pendidikan kita tidak *exam oriented* tetapi *knowledge oriented*. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail : Terima kasih. Sebenarnya saya melihat berbuat sesuatu itu dengan cepat dan pantas tidak semestinya benar dan betul. Kita harus lihat apakah kemampuan pelajar-pelajar kita itu. Ada pelajar yang *slow learners* ada yang *handicap* dan semua macam lagi itu ertinya kita perlu teliti *case by case* dalam proses pendidikan anak-anak ini. Kita tidak semestinya melihat bahawa semua orang mempunyai kemampuan yang sama. Kita tidak harus melihat anak-anak itu sebagai *miniatures adult*. Kita harus melihat dalam konteks perspektif kanak-kanak itu sendiri. Memang kita tahu ada yang disebut sebagai *accelerated* iaitu kaedah pacuan yang pantas. Kementerian sebenarnya ada mempelajari dan menekuni kaedah-kaedah ini melalui pihak perkembangan kurikulum.

Persoalan yang kedua yang telah ditimbulkan tentang apakah cara untuk kita meredakan meleraikan yang *exam orientation* kepada peperiksaan ini. Memang kita sudah ada sekarang ini malah kita juga akan membuat *matrix test* kepada anak-anak kita pada peringkat sekolah rendah lagi. Di manakah kecenderungan mereka dan kita juga memberi penekanan kepada penilaian yang bersifat *criterion reference* iaitu di atas ciri-ciri individu itu sendiri yang bersifat formatif seperti mana yang telah saya sebut tadi. Tidak semata-mata kita menumpukan kepada apa yang disebut sebagai *summative evaluation* penilaian di akhir kursus sahaja.

Tuan Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Menteri menjawab soalan saya ingin membuat sedikit pembedaan terhadap perkataan 'membekalkan' di barisan keempat kepada 'dibekalkan' daripada membekalkan kepada dibekalkan.

11. Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyediakan benih-benih dan baka ternakan yang mencukupi untuk dibekalkan kepada para petani, nelayan dan penternak di Sarawak.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lawas atas pembedaan kecil dibuat tadi. Tuan Yang di-Pertua, benih dan baka adalah penting untuk memajukan sektor pertanian. Dua yang penting

yang pertama benih hendaklah mencukupi kalau tidak ada benih tidak boleh ada pertanian. Yang kedua benih hendaklah berkualiti jadi dua perkara penting yang pertama kena cukup dan yang kedua kena berkualiti dan yang membekalkan benih di negara kita ini bukan sahaja kerajaan sektor swasta pun membekalkan benih juga. Jadi dua saluran kerajaan ada bekal benih swasta pun ada bekal benih. Kerajaan ada peranan untuk memastikan benih mencukupi dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua bagi negeri Sarawak seperti Yang Berhormat sedia maklum ada dua saluran benih dan baka. Yang pertama melalui agensi kerajaan negeri, Kerajaan Negeri Sarawak ada Kementerian Pertanian, Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pemakanan. Ini kementerian yang bertanggungjawab di Sarawak untuk memajukan sektor pertanian. Satu saluran lagi ialah Kementerian Pertanian Industri Asas Tani di bawah Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur. Jadi ada dua saluran.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, mengenai benih umpamanya. Sebagai contoh benih kambing, Kerajaan Pusat menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan untuk tahun ini sahaja diperuntukkan RM2 juta bagi membekalkan benih kambing yang berkualiti.

Jadi setakat ini, saya difahamkan bahawa kira-kira RM1.28 juta telah dibelanjakan untuk membeli baka kambing berkualiti ini, kira-kira 800 ekor kambing kesemuanya, kambing boer. Ini akan dijual kepada penternak secara subsidi, kadar yang dikenakan rendah, lebih rendah daripada kadar yang dikenakan oleh pasaran kira-kira separuh lebih rendah, kurang sedikit daripada separuh daripada kadar yang ditetapkan oleh pasaran. Itu mengenai kambing boer.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perikanan Laut Sarawak, yang ini di bawah Kerajaan Pusat juga menyediakan benih udang di Belawai, serta ikan dan udang laut di Stesen Asuhan Benih Santubong yang mengeluarkan benih ikan laut. Kedua-dua pusat ini menyediakan benih yang berkualiti kepada penternak ikan di seluruh negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai benih padi pula, ini merupakan inisiatif kerajaan negeri yang mana sebuah pusat adalah dalam pertimbangan kerajaan negeri. Dalam peringkat awal, perancangan sebuah pusat pengeluar mengeluarkan benih padi sah di Setumbin, di Sri Aman dalam perancangan dan pusat ini mampu untuk mengeluarkan 2,300 tan metrik benih padi sah untuk menampung keperluan negeri Sarawak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri di Sarawak berganding bahu untuk memastikan bahawa bekalan benih mencukupi dan bekalan baka dan benih berkualiti bagi memastikan bahawa sektor pertanian dapat dimajukan lagi. Terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri yang datang sendiri untuk menjawab. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dalam usaha kita menuju kejayaan khususnya

dalam bidang pertanian melibatkan para petani, nelayan dan penternak, masalah kekurangan benih dan baka ternakan seperti dialami di kawasan saya di Lawas perlulah diatasi oleh pihak berwajib.

Contoh golongan sasaran memohon terlibat menternak kambing boer dan lembu sehingga kini belum mendapat bekalan baka. Ini disebabkan baka yang diperlukan harus didatangi dari lain-lain tempat di Sarawak seperti Kuching, Sibu dan Miri yang juga kekurangan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, bulan lepas sebelum raya, saya melawat ke sebuah kampung nelayan di kawasan saya untuk meninjau perkembangan penternakan ikan dalam sangkar. Saya mendapati ikan yang dipelihara selama lapan bulan hanya mencapai saiz tiga ke empat inci panjang. Manakala di Taiwan waktu rombongan kami melawat ke sana tempoh hari, pada umur enam bulan sahaja, ikan yang dipelihara mencapai saiz lebih kurang satu kaki panjang.

Soalan, bolehkah dan saya menyeru kepada pihak kementerian dan Jabatan Pertanian menyediakan dengan secukupnya bekalan benih yang bermutu kepada petani, nelayan dan penternak yang memerlukan bekalan. Yang kedua, bolehkah Jabatan Pertanian membenarkan kemasukan benih dan baka dari negeri jiran Sabah ke Lawas tanpa syarat memandangkan di Sabah terdapat bekalan yang mencukupi dan lebih mudah untuk di bawa ke Lawas berbanding daripada lain-lain tempat di Sarawak. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk membawa ternakan dari negeri Sabah memerlukan proses kuarantin dan proses ini tidaklah sukar sangat. Ini untuk memastikan bahawa penyakit tertentu dapat dikawal. Penyakit yang ada di Sabah umpamanya tidak merebak ke Sarawak, begitu jugalah kalau ternakan baka daripada Thailand perlu melalui proses kuarantin untuk memastikan apa jua penyakit tidak merebak ke Semenanjung Malaysia. Itu proses yang dikenakan.

Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Lawas kita akan cuba untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan termasuklah tadi baka dari Sabah dan juga isu berkaitan dengan kekurangan baka kambing boer dan ikan dalam sangkar. Berkaitan ikan dalam sangkar Tuan Yang di-Pertua, ada empat faktor yang boleh mempengaruhi pertumbuhan ikan. Tadi disebut, dibandingkan kadar pertumbuhan di Taiwan dan negara kita Malaysia.

Pertama, sudah pasti yang penting adalah baka. Baka hendaklah baik. Kedua, makanan hendaklah mencukupi, bukan sekadar mencukupi tetapi diberikan pada masa tertentu. Yang ketiga kualiti air hendaklah baik. Kadang-kadang kalau kualiti *salinity level* umpamanya naik dengan tinggi maka boleh menyebabkan kematian ikan. Keempat akhir sekali, pengurusan. Jadi kalau hendak pastikan ikan kita ini berkembang dengan seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat tadi, inilah empat faktor yang diperlukan. Baka yang baik, makanan yang mencukupi, kualiti air dan pengurusan yang baik oleh penternak.

Berkaitan dengan kambing boer, memanglah ini satu ternakan yang diminati oleh ramai rakyat Malaysia. Di Sarawak, untuk makluman yang ada ternakan ini cuma 800 ekor untuk seluruh negeri. Ini pun melibatkan peruntukan RM1.28 juta. Jadi peruntukan untuk tahun ini RM2 juta Tuan Yang di-Pertua sudah pun hampir habis dibelanjakan.

Maka 800 ekor untuk kita agihkan seluruh negeri termasuklah Lawas, memang kita akui tidak mencukupi. Kita akan usaha pada tahun hadapan dan seterusnya untuk memastikan peruntukan akan dapat ditambah supaya lebih ramai lagi rakyat yang berminat untuk menternak kambing ini, dapat menternak kambing boer di Sabah, Sarawak dan juga di seluruh Semenanjung Malaysia. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, soalan tambahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan hendak menafikan Yang Berhormat Menteri. Tidak ada niat hendak memperkecilkan Kementerian Pertanian. Kita ucapkan terima kasih, tahniah, Yang Berhormat Menteri bersungguh-sungguh, timbalan menteri bersungguh-sungguh, ketua setiausaha bersungguh-sungguh, semua bersungguh-sungguh. *[Ketawa]*

Namun tidak dapat hendak dinafikan kita masih ketinggalan. Ambil contoh saya dan rombongan pergi ke Taiwan *[Ketawa]*. Yang Berhormat Ketua Pembangkang minat dengar ke Taiwan ini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Suruh Yang Berhormat Padang Serai ke Taiwan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Bukan hendak meninggikan negara orang tetapi ilmu harus agaknya kita pelajari dan dalam hendak menambahkan hasil pertanian ini; ilmu, cara, kaedah, pendekatan harus agaknya berubah daripada amalan yang telah pun kita amalkan selama ini. Ambil contoh macam ikan.

Kita pergi melawat satu pusat ternakan ikan kerapu. Dia boleh ternak Yang Berhormat Menteri dalam masa 10 bulan ikan itu beratnya empat kilo. Negara kita ternak ikan kerapu 18 bulan panjang masa dia, setahun setengah, tiga kilo, macam mana itu? Saya tidak tahulah macam mana. Kita 18 bulan - tiga kilo, dia 10 bulan masa yang paling singkat, berat dia empat kilo.

Dia punya keluasan tanah lebih kecil daripada negara kita tetapi dia boleh eksport beras 43% daripada pengeluaran dia. Kita lebih besar tanah, lebih luas tanah pertanian tetapi kita kena import beras daripada negara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, menteri tiada masa jawab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri tiada masa jawab kerana masa singkat Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Malaysia boleh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau dia tidak sempat jawab pun tidak mengapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah cukup masa Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebagai contoh, cara pendekatan, kesungguhan kementerian dia. Ketua setiausaha kementerian turun bawah, raba tanah ini, hendak tengok macam mana pendekatan dia.

■1130

Ketua setiausaha kementerian tak ada pakai jaket tak pakai apa, raba kat tanah bawah kat petani *'Ini kau punya tanah ini kenapa tak begitu halus'*, umpamanya. Macam mana pendekatan kepimpinan kementerian dia nak menentukan bahawa negara dia mengeluarkan hasil pertanian yang boleh menguntungkan rakyat dan juga menjadi pulangan labur kepada negara. Saya minta Datuk punya komen kalau nak komen tapi tetap Datuk, Majlis Tertinggi insya-Allah Datuk akan menang.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya dalam tempoh terdekat akan mendapat taklimat daripada Sri Gading mengenai hasil lawatan ke Taiwan dan rakan-rakan yang lainlah. Saya minta maaf kerana belum berkesempatan untuk berjumpa dan mendengar taklimat hasil lawatan tersebut. Saya tahu bahawa banyak sekali yang diperolehi. Jadi tadi banyak input diberikan kepada saya. Selaku menteri, saya mengakui bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan. Memang Taiwan begitu canggih, begitu berjaya dalam ikan, padi yang disebut Yang Berhormat tadi malah bukan Taiwan, banyak lagi negaralah, Thailand.

Saya kurang pasti kenapa ke Taiwan bukan ke Thailand ya. Thailand pun juga mencatatkan kejayaan yang cemerlang dalam bidang pertanian. Jadi saya menghargai pandangan Yang Berhormat. Saya tahu dalam tempoh sidang ini banyak sekali isu-isu berkaitan Taiwan dibangkitkan, jadi yang terbaik ialah untuk saya berjumpa dengan ahli Yang Berhormat yang terlibat untuk diberikan taklimat supaya ilmu saya bertambah dan dengan itu kita boleh bela ikan kerapu lebih baik, boleh menambah pengeluaran padi dan beras dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tamatlah sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2008****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum Cukai Pendapatan tahun 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima juta ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” **[16 Oktober 2008]**

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 18(7) dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, pada Jumaat dulu saya telah memfailkan satu usul tergepar daripada Peraturan Mesyuarat 18(1) iaitu mengenai Larangan HINDRAF untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini Akan tetapi, hari ini saya telah menerima satu surat daripada Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa usul

itu ditolak tetapi saya hairan Tuan Yang di-Pertua kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 18(7), ada syarat-syarat dikenakan di mana seorang Yang di-Pertua boleh membuat keputusan untuk menolak usul di kamar. Akan tetapi, kalau kita baca surat tersebut Tuan Yang di-Pertua, surat itu berbunyi sedemikian “Saya mendapati perkara ini tidak perlu disegerakan, oleh yang demikian saya menolak usul Yang Berhormat dalam kamar” tetapi ini tidak terkandung dalam Peraturan Mesyuarat 18(7) bermakna dengan rendah diri saya mengatakan bahawa ia perlu dikaji balik dan saya dibenarkan untuk mengusulkan usul yang saya telah *submit* pada hari Jumaat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, jika saya salah, saya ingin menggunakan Peraturan Mesyuarat 18(3) supaya mendapat sokongan daripada 15 orang Ahli Parlimen di Dewan ini supaya usul ini dapat didengar dan dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat, kita berbangkit di sana Yang Berhormat. Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Memang benar Yang Berhormat telah mengeluarkan usul dan telah pun ditolak oleh... sila duduk Yang Berhormat, oleh Tuan Yang di-Pertua dan penolakan ini adalah sesuai dengan Perkara 18(7) seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dan kalau kita baca perkara 18(8); mana-mana usul yang ditolak di bawah perenggan 7 tidak boleh dikemukakan dan tidak boleh dibaca dalam Majlis Mesyuarat dan kalau kita lihat juga Perkara 43, keputusan Yang di-Pertua adalah muktamad dan tidak boleh ditimbang semula. Yang Berhormat, kita akan kekal dengan keputusan penolakan usul Yang Berhormat di dalam kamar seperti yang telah dibuat oleh Yang Dipertua. Itu saja penjelasan saya Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya hormati...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak izinkan lagi perbahasan terhadap isu ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya hormati keputusan Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau kita kaji 18(7), ada syarat-syarat yang tertentu dan syarat itu tidak diikuti oleh Yang di-Pertua. Saya pohon supaya perkara ini dapat dikaji balik oleh Yang di-Pertua kerana saya rasa itu adalah satu kesalahan yang telah dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya patuhi bahawa 43 dan semua kaedah yang ada di peraturan mesyuarat. Saya setuju kepada itu tetapi nampaknya penggunaan perkataan di sini, di mana dikatakan tidak boleh disegerakan ada satu yang salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di luar daripada apa yang di dalam buku peraturan mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Memandangkan Tuan Yang di-Pertua telah membuat satu keputusan, boleh saya pohon di bawah peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ianya tidak berbangkit Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh saya usulkan dulu Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Clause* itu tidak berbangkit dalam isu ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di bawah Peraturan Mesyuarat 18(3) mengatakan bahawa saya ada sokongan daripada 15 orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berbangkit.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ahli Parlimen di Dewan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau kita baca... itu, tidak berbangkit. Tidak berbangkit Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Can I*, boleh saya dapat sokongan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak berbangkit.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh saya dapat sokongan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak berbangkit. Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya meneliti perbahasan Yang Berhormat. Jika Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan, Yang Berhormat mempunyai hak di bawah peraturan mesyuarat untuk mengemukakan usul tersendiri untuk mengkaji keputusan yang telah dibuat. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dalam 18(3) Tuan Yang di-Pertua, saya ada sokongan daripada 15 orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya katakan bahawa Perkara 18(3) tidak berbangkit dalam perkara ini. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Menyampuk*] Tukar Speaker.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: [*Bangun*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa ini? *Point of order* ke apa ke?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Sudah habis la.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya deal dulu sama Yang Berhormat Ipoh Barat ini. Duduk dulu Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Kalabakan, adakah ini *point of order* ataupun apa?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Bahas.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi, belum lagi, Yang Berhormat Ipoh Barat ini belum puas hati saya nampak. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di bawah 18(1), (2) sampai (8) saya rasa sehingga hari ini pun ada yang kurang faham ataupun sengaja untuk tidak mahu faham.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [*Menyampuk*] Sengaja, sengajalah. Yang Berhormat Ipoh Barat tak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Usul di bawah 18(1) macam mana kita putar belitkan pun, kriteria pertama Speaker mesti puas hati dan alasan-alasan seterusnya tetapi yang kritikal di situ ialah adakah perbahasan itu perlu untuk disegerakan dan saya rasa tidak perlu disegerakan dalam hal ini kerana yang dibawa itu adalah satu perkara yang boleh dibahas panjang lebar dalam sesi perbahasan Bajet.

Kalau Yang Berhormat Ipoh Barat mahu bercakap dengan soal itu, setengah jam boleh kerana ianya tidak perlu disegerakan. Perkara yang perlu disegerakan begitu kalau kita ada *opportunity* lain untuk membahas perkara itu tapi *this is no opportunity* dan mengenai dengan soal yang berdiri 15 orang ini, cuba Yang Berhormat tengok 18(6)(b) *then you read together* "Kalau ada kekeliruan di bawah 18(3)(a) sama (b), *you read together with* 18(6)(b). Pengertian saya dan itu yang saya telah tegaskan daripada dahulu lagi, 18(3)(b) jika Tuan Yang di-Pertua puas hati yang demikian.

■1140

Kalau pun Tuan Yang di-Pertua puas hati iaitu saya puas hati, (a), Majlis Mesyuarat memberi izin. Kalau tidak ada *objection* daripada Majlis Mesyuarat walaupun satu, *then you can go*, boleh dibahaskan tetapi kalau ada satu orang *object* di bawah (a), *then (b) trigger*, bermakna 15 orang berdiri setelah Tuan Yang di-Pertua puas hati apabila 15 orang berdiri barulah boleh dibenarkan. Untuk memperjelaskan ini ialah dengan membaca 16(b), jika perkara itu dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua tetapi Ahli itu tidak mendapat sokongan dari sekurang-kurangnya 15 orang Ahli-ahli di bawah perenggan kecil (b) kepada perenggan tiga. *So meaning*, yang 15 orang berdiri ini apabila seorang daripada Ahli Majlis walaupun Tuan Yang di-Pertua puas hati boleh dibahaskan tetapi ada seorang berdiri dia kata *no*, bermakna Majlis tidak tetapi ianya boleh di *overrule* kalau di bawah 18(3)(b) ada 15 orang berdiri, begitu.

Jadi dalam 18 ini, tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ia perlu disegerakan, *there is no other opportunity to* bahas perkara itu *then I will allow*, untuk dibaca di sini, tetapi apa keperluan ia Yang Berhormat? *When you can talk or debate after this, about this HINDRAF* punya kes dalam bajet ini? *There is no different, you see?* Jadi jangan mempergunakan perkara 18 ini untuk sewenang-wenang mahu ada satu perkara yang kita terfikir selepas itu kita bahas di bawah 18(1). 18(1) ini adalah satu usul yang boleh dibawa apabila perkara-perkara itu benar-benar perlu untuk dibahaskan. Saya sudah bagi penjelasan iaitu seperti waktu kita bahas

mengenai harga beras, *I allow it* tetapi apabila saya *open floodgate* bahawa setiap usul yang difikirkan, dibahaskan, undi tidak percaya pun dibahaskan di bawah 18(1), macam mana hendak jadi kepada budaya Parlimen Malaysia?

You see, it is not relevant dan tidak ada kesegeraan. Jadi Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat *you are prominent lawyer. You should be advising me on matter like this.* Kalau umpamanya saya silap, boleh bawa usul bahawa saya silap, begitu tetapi dalam perkara apabila saya buat ketetapan, saya tidak buat begitu sewenang-wenang. *I do my research, I do my reading because I know outsiders are observing us* terutama sekali negara-negara Komanwel yang berminat dengan perkembangan Parlimen Malaysia sekarang. Jadi kalau ada Ahli Yang Berhormat yang ingin menyelewengkan itu saya tidak, *I will not allow that.* Terima kasih.

Yang Berhormat, sudah saya buat keputusan mengenai dengan soal ini. Kalau Yang Berhormat tidak setuju *then you* bawa usul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, *I think...*

11.43 pg.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya bangun bersama rakan-rakan bagi membahaskan bajet negara pada 2009. Sebelum saya membahaskan bajet, terlebih dahulu saya ingin minta penjelasan kerana ada rakan-rakan kata pergi Taiwan belajar macam-macam saya tidak pergi Taiwan. Jadi ada orang kata seorang wakil rakyat dapat RM50 ribu. Kalau dapat RM50 ribu dan saya pun tidak pergi dan kalau itulah balasan yang dia bagi, bagi juga sama saya. Kalau tidak bagi penjelasan dalam Dewan tidak ada dan ada *newspaper* mengatakan ada tuduhan-tuduhan itu. Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Laluan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Boleh, boleh bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kalabakan ingat ya setengah jam, kalau kasi laluan banyak bermakna tidak ada masa, tempoh.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma memberi penjelasan apa yang disebut itu tidak betul. Itu hanyalah tohmahan daripada pembangkang. RM50 ribu tidak ada, memang tidak ada ini semua belanja duit sendiri sebenarnya dan memang kami dapat pelajaran yang banyak di Taiwan, yang banyak buang duit ini ialah PKR.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Okey, terima kasih. Itu jawapan, saya mahu penjelasan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2009 telah diutarakan, disampaikan dalam Dewan yang mulia ini oleh Menteri Kewangan yang dulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila sudah dibentangkan dalam Parlimen, banyak yang

mempertikaikan belanjawan. Kononnya belanjawan ini sudah tidak tepat kerana barang-barang seperti minyak, komoditi yang lain sudah turun harga. Jadi fokus kita sudah tidak kena. Jadi daripada pembangkang pun kata mesti mahu buat belanjawan baru. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu ajar untuk kita buat belanjawan. Belanjawan ini yang sebenarnya satu anggaran, satu fokus.

Jadi Yang Amat Berhormat fokus sewaktu komoditi itu tinggi dan sewaktu komoditi ini rendah tentu sekali ia tidak boleh ubah, panggil Parlimen untuk bentang belanjawan baru, itu salah. Yang Amat Berhormat fokus sahaja, dia bukan malaikat. Menteri Kewangan bukan malaikat dia tahu apa terjadi dua bulan, tiga bulan yang akan datang, tidak. Jadi belanjawan yang dibuat itu seperti juga dalam satu keluarga apabila buat penganggaran belanja setahun untuk keluarga. Apabila pendapatan bapa dia kurang tentu dia hanya bikin *adjustment* sahaja, kurangkan apa belanja yang patut dipotong untuk mengeluarkan belanja yang komoditi itu sudah turun kita tidak dapat hasil begitu punya.

Jadi itu ialah konsep yang sebenarnya belanjawan. Jadi saya harap, pada hari ini apabila saya mengemukakan hujah ini, TV-TV kerajaan dan swasta boleh *highlight* perkara ini supaya rakyat tidak keliru. *Highlight* tetapi masalahnya saya tidak tahu TV1, TV3, TV9, yang mana satu TV kerajaan? Yang saya tahu banyak menyuarakan perkara-perkara yang dibangkit yang penting, tidak disiarkan dalam TV1. TV3, TV9 keluarkan banyak perkara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, biasanya penyokong-penyokong kerajaan ini mungkin ada kritikan sedikit, menegur kerajaan, TV1 takut keluarkan. Kenapa takut? Itu teguran yang membina Tuan Yang di-Pertua. TV1 takut, TV3, TV9 keluar.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat Rompin ada maksud Yang Berhormat, dia berdiri.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Ya tetapi kita nampak TV1, program-program hiburan terlalu banyak disiarkan seperti puntianak. Macam-macam program yang menakutkan yang tidak dapat kita bagi ilmu kepada anak-anak kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat tentang cadangan Ketua Pembangkang bahawa perlu kita tarik balik belanjawan ini dan masuk yang baru. Kita terima bahawa dari segi anggaran pendapatan mungkin ada perubahannya dengan kos-kos komoditi berubah tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah dalam kita memahami, kalau kita tangguh perbelanjaan ini kerana dalam perbelanjaan ini ada bukan sahaja unjuran pendapatan tetapi juga dari segi jangkaan kos dia termasuk gaji kita di Dewan Rakyat ini.

Bermakna kalau kita tangguhkan bajet ini, tidak diluluskan tahun ini, kita wakil-wakil rakyat di sini dan pegawai-pegawai kerajaan ini mungkin tidak boleh dibayar gajinya bila 1 Januari nanti. Adakah kita sedar sebab itu saya sokong Yang Berhormat Kalabakan jangan

ditangguh belanjawan ini kita teruskan namun demikian seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru sudah semestinya unjuran-unjuran itu mesti diubahsuai dengan keadaan-keadaan yang baru seperti juga kita lihat di negara-negara yang lain. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin, saya sudah katakan tadi belanjawan ini fokus. Apa pendapatan negara pada ketika itu? Bukan bilang satu bulan setengah dia sudah turun bahkan ada tiga hari lepas kita bentang perbelanjaan untuk 2009, dia turun, Takkan kita mahu buat satu tangguh, dan buat satu bajet baru tidak. Hanya kita mahu kebijaksanaan Kementerian Kewangan, dia buat *adjustment* sahaja.

■1150

Dulu pendapatan kita sekian, sekarang pendapatan kita kurang, jadi bagaimana kita mahu turunkan perbelanjaan kita mengikut hasil yang kita pungut, kita tidak boleh - apabila belanjawan kita yang dibentangkan sebulan setengah dulu RM200 bilion, habis itu turun 40% tinggal 1.5, 1.4. Kita mahu belanja RM200 bilion pun tidak boleh juga, sebab kita tidak ada kewangan yang kita terima, jadi apa yang patut kita buat, *adjustment*, *adjustment* dalam keluarga begitu juga, *adjustment* kalau kita punya pendapatan sedikit, kita *adjust*, tapi kalau kita buat *adjustment*, jangan pula peruntukan di Sabah di Sarawak dipotong, itu saya tidak setuju.

Kalau ada lain-lain *adjustment* yang dibuat, itu kita setuju betul, kita setuju. Inilah dinamakan bajet, bajet ini bukannya ia mutlak, ia hanya *focus*, anggaran. Kalau perbelanjaan kita nampak, anggaran kita hasil besar, kita belanja besar apabila hasil pendapatan kita rendah, kita *adjust* supaya mengikut anggaran yang kita ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Mertajam, tergamit.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, bahawa kita perlu buat *adjustment* dan saya juga berpendapat bahawa *adjustment* ini perlu diumumkan di dalam Parlimen ini supaya kita tahu sama ada *adjustment* ini termasuk memotong peruntukan untuk Sabah, Sarawak atau tidak. Jadi inilah apa yang dikatakan oleh pihak di sini bahawa *adjustment* mesti dibuat dan di mana *adjustment*nya, tolonglah umumkan di dalam Dewan ini, supaya kita semua boleh tahu dan boleh bahas, dan kita ada masa satu bulan sebelum Parlimen ini bermesyuarat..

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, kalau banyak minta penjelasan, saya minta tambahan..

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah beritahu awal-awal tadi

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: .. sedikit sahajalah, awak sudah kasi. Bukankah Yang Berhormat Kalabakan bersetuju bahawa memang pihak kerajaan ada masa untuk buat *adjustment* dan *announce* di Parlimen sebelum Parlimen bermesyuarat, itulah soalnya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kalabakan. Saya secara umum boleh dikatakan setujulah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kalabakan sekiranya bajet ini telah pun diluluskan, tetapi sekarang ini kita di dalam proses nak meluluskannya, dan bila kita dalam proses nak meluluskannya, kita dah nampak bahawa perubahan kepada angka-angkanya bukan sedikit, tetapi *very significant* dengan izin, lalu seperti mana yang disebutkan tadi, saya rasa tiada masalah sekiranya kerajaan mengambil sedikit masa seperti mana yang dicadangkan untuk membentangkan balik dengan angka-angka yang kita dah tahu. Pasal kita sekarang ini, kita diminta untuk meluluskan satu bajet, sedangkan dalam proses kita nak luluskan, kita tahu bahawa bajet itu tidak tepat.

Apa salahnya diperbetulkan, lainlah kalau dah diluluskan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Mertajam dan juga Yang Berhormat Shah Alam, saya katakan tadi, takkan hari ini dibahas, hari ini juga Menteri Kewangan buat perubahan, bahas dulu, mungkin nanti apabila Menteri Kewangan masuk, dia akan umumkan bahawa bajet yang kita *focus* dulu sekian banyak, sekarang di*adjust* begini, memang dibuat, kalau dia tidak buat pun, memang kita pun fikir tidak sesuai.

Jadi, tunggulah Yang Berhormat Menteri datang, kita tidak boleh habis satu ucapan daripada Ahli Parlimen, esok sudah ada pengumuman, sekarang mungkin Menteri Kewangan sama ada yang dulu ataupun sekarang mungkin sudah mula meneliti yang mana harus kita buat penelitian betul-betul, untuk *adjust* bajet macam yang kita mampu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi TV1, TV3, TV9 yang mana satu TV kerajaan? Kerana kita nampak, TV1 yang tahyul-tahyul dia kasi keluar, yang mangga bercabang 20 yang ada, itu dia kasi keluar, nanas yang lain, pelik rupanya dia kasi keluar, macam-macam.

Jadi, kita minta TV1 walaupun barangkali ada daripada *Back-benchers*, kerajaan, jangan bilang pembangkang, kerajaan! Yang mengkritik kerajaan, walau pahit sekalipun, kasi keluar kerana itu akan menambah nilai Barisan Nasional, orang kata, walaupun mereka ini *Back-benchers*, penyokong kerajaan, mereka boleh tegur kerajaan, ini satu *mileage* kepada Barisan Nasional, jangan kita takut, kalau kita takut TV lain kasi keluar, lain kali, orang tidak mahu tengok TV1, sedangkan sekarang pun kebanyakan rakyat di negara kita tengok TV3 dan TV9 saja, kerana dia kata TV1 ini "*bias*".

Saya kata "*bias*", kerana apa kita suarakan pun tidak keluar, Barisan Nasional, tidak keluar, jangan sekali pembangkang. Barisan Nasional punya *Back-benchers* pun tidak keluar. Jadi kita minta supaya kita realistik sedikit, kalau pahit pun yang dikeluarkan oleh Barisan Nasional, *Back-benchers* keluarkan supaya rakyat tahu bahawa kerajaan ini memang mahu memperbaiki keadaan yang salah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara terpanggil.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya mahu minta masa tambahan tapi Tuan Yang di-Pertua, alih saya punya pandangan kepada sebelah, jadi kalau saya bagi tentu sekali..

Tuan Yang di-Pertua: Dia berdiri, jadi tidak elok dipandang bahawa ramai yang berdiri, maka itu saya tarik...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Okey tidak apa, tapi saya mintalah kalau boleh dapat tambahan. Cepat sahaja.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan, saya harap hari ini, petang ini di RTM1 bila tunjukkan sesi Parlimen dapat tunjuklah Yang Berhormat Kalabakan punya kritik kepada kerajaan hari ini supaya rakyat tahu betapa kuat *Back-benchers*, kerajaan untuk mengkritik polisi-polisi kerajaan yang kurang sempurna ini.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, memang daripada dulu sewaktu saya jadi Ahli Parlimen hingga sekarang, saya tidak perlu berpura-pura, *I cannot be pretending, what is good I say good, what is no good, I say no good*. Dari dulu saya tidak boleh, orang kata ini, "Datuk Ghapur kenapa cakap begini macam seolah-olah pembangkang", bukan itu soalnya, soalnya saya mahu cerita, *I want to speak my mind*.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi saya pun terpaksa pura-pura tidak nampak Yang Berhormat Bukit Mertajam, terpulang sama Datuk. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan, saya rasa ada satu penyelesaiannya, sekiranya RTM1, ini kerana dia ada 30 minit sahaja, saya rasa kalau kita semua setuju meringkaskan semua mesyuarat Parlimen, jadi rakyat dapat lihat, siapakah yang cakap apa, jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita *telecast* tidak perlu *live telecast*, tapi ada satu *channel* untuk *telecast* semua mesyuarat Parlimen.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Itu memang saya setuju, dari dulu lagi kita sudah suarakan kerana itulah sebab saya suarakan hari ini. *[Tepuk]* Itu memang kita setuju, tapi saya mesti adil sedikit juga kerana kita mahu edit juga. Kadang-kadang ada perkara yang dibawa tidak munasabah seperti teriak meneriak dalam Dewan, sebut menyebut, itu memang tidak relevan kepada Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya program-program TV1 ini yang saya katakan tadi, puntianak, tahyul, itu kita potong, kita kasi masuk apa yang penting, Dewan Rakyat punya perbahasan yang munasabah, yang kita nampak logik kita keluarkan.

■1200

Tidak apa kalau pun mungkin sekarang kita ada setengah jam, 11.30 hingga 12.00, kenapa salah kalau kita 'taruk' jam 10.00 hingga 12.00 perbahasan dalam Dewan Rakyat selama dua jam. Itu rakyat setuju sebab apa, inilah rakyat mahu tahu.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin dalam wawancara Astro Awani, 501, kita nampak ramai panel-panel terutama sekali Pemuda MIC, dia ada kata perbahasan Dewan Rakyat tidak ada makna, tidak ada *substance* dia kata. Saya pun fikir, ini Pemuda MIC cakap. Apabila saya nampak dia tidak ada *substance*, tidak seharusnya tidak ada *substance* dalam Dewan Rakyat ini yang mereka bawa. Ini bodoh punya perkataan. Dulu waktu MIC dalam Barisan Nasional...

Seorang Ahli: Masih lagi, masih lagi.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Maksud saya MIC sampai sekarang tapi waktu dulu, waktu mereka ini kuat, mereka tidak berani bersuara. Sekarang baru kritik Parlimen. Ini pengecut. Patut waktu kuat dalam Barisan Nasional suara akan barang-barang yang tidak baik.

Seorang Ahli: Itu memang betul.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Jangan sampai nanti orang kata UMNO buli komponen Barisan Nasional yang lain. Kalau begitu perkataan itu betul.

Beberapa Ahli: Betul

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Jangan kata sahaja. Belum masuk Dewan, belum tahu apa yang masalah yang kita hadapi.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: MIC ke? Tadi MIC.

Seorang Ahli: UMNO?

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: UMNO. *[Ketawa]* Yang Berhormat Shah Alam jangan campur, bukan urusan UMNO. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Apabila kenyataan yang dibuat UMNO membuli rakan-rakan komponen, ini masalah dalam komponen.

Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat, apabila pengorbanan yang dibuat oleh UMNO terlalu besar di mana penduduk yang terdiri daripada orang Melayu dan bumiputera lebih ramai pun UMNO sanggup bagi kepada rakan-rakan komponen. Adakah ini juga dianggap sebagai buli. Sepertimana yang dibuat tanggapan pada hari ini?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya kata bukan buli. Waktu kita kuat, Barisan Nasional kuat, 90% kuasa dalam Dewan Rakyat, mana ini Pemuda MIC, tidak bercakap. Sekarang baru cakap. Sudah kalah baru cakap. Saya bersetuju banyak pengorbanan yang dibuat oleh UMNO. Contoh di dalam kawasan Parlimen Kalabakan, kawasan DUN, Dewan Undangan Negeri Merotai, 80% pengundi Islam. Akan tetapi kerana kita muafakat, kita bagi kepada LDP. Calon Cina kita taruk. Kita menangkan, kita kerja, kita tidak sabotaj. Ini bererti UMNO ini tidak juga buli. Hanya saya katakan bahawa waktu kuat, MIC, MCA, GERAKAN, waktu dulu kenapa tidak cakap? Sekarang baru

cakap apabila sudah lemah. Ini dia Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin tidak berapa banyak masa. Saya mahu tumpukan kepada lain-lain perkara.

Tuan Yang di-Pertua, kontraktor-kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera menangis di Sabah. Mereka ini menangis kerana apa Tuan Yang di-Pertua? Dulu kontrak-kontrak yang dibagi sama ada dengan tender, sama dengan *direct negotiation or to direct award*, sekarang mereka tidak boleh kerja. Tidak boleh kerja kerana bahan-bahan begitu meningkat tinggi dan mereka tidak boleh kerja. Memang kerajaan ada kata boleh dipertimbangkan pertambahan tapi saya tidak nampak ada bajet yang menunjukkan ada tambahan untuk projek-projek yang belum selesai yang tidak dapat diselesaikan oleh kontraktor-kontraktor berkenaan. Jadi saya minta mungkin EPU, mungkin Jabatan Perdana Menteri, mungkin Menteri Kewangan, saya mahu penjelasan yang sebenarnya apa macam menyelamatkan bumiputera dan bukan bumiputera yang sekarang ini menangis kerana tidak dapat menyelesaikan masalah kewangan yang begitu mahal barang-barang di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan binaan naik melambung. Barang-barang lain komuniti lain naik melambung. Sewaktu kerajaan umum kenaikan harga minyak, kita nampak semua bahan naik. Roti canai RM0.70, RM1.20 sekarang. Nasi goreng RM3 naik RM 5 sekarang. Mee goreng RM2.50 naik RM 3.50 dan lain-lain kalau saya sebut satu persatu tentu sekali bermasalah selain daripada naik tepung, naik gula dan macam-macam lagi.

Di Sabah Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu di bandar di mana Tuan Yang di-Pertua dulu menjadi Ketua UMNO bahagian tentu tahu. Apabila kita dapat harga di bandar sekian, 100% tinggi di luar bandar. Jadi saya mahu minta kerajaan, ini Kementerian Hal Ehwal Pengguna ini kerjanya apa? Menteri, timbalan menteri kementerian kerja apa? Apa mereka kerja? Naik harga minyak, naik harga barang. Harga minyak turun, barang tidak turun.

Jadi mana penguatkuasaan ini? Di mana boleh?

Seorang Ahli: Menteri kena turun.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Menteri, timbalan menteri, pegawai-pegawai jangan harap pegawai penguat kuasa sahaja. Mereka ini harus datang ke pelosok di seluruh negara di Kalabakan, di kampung dan lain-lain. Masuk, lihat dan ambil tindakan yang sewajarnya menurunkan harga barang-barang makanan untuk rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sesi yang lalu saya sudah berucap juga. Bila saya tegur, orang kata seolah-olah pembangkang. Tidak. Kita tegur kerana kita sayang. Nanti Kerajaan Persekutuan yang ada ini pada pilihan raya yang akan datang ini akan hapus sama sekali. Dengar sebab ini rekod. Saya cakap di sini supaya didengar. Kalau sekiranya tidak didengar, jangan menyesal di belakang hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sistem penyampaian kita cukup teruk. Di Sabah, kalau kontraktor hantar tuntutan untuk pembayaran projek terutama sekali bumiputera, mereka ini menderita tiga bulan pembayaran tidak dapat.

Jadi kita minta Kementerian Kewangan, EPU turun ke Sabah dan *check*, bagi arahan dalam dua minggu mesti selesai pembayaran kerana kalau tidak bumiputera ini, bumiputera yang kecil-kecilan RM20 ribu, RM30 ribu kontrak ini akan jatuh bankrap. Jadi, kita minta supaya pegawai-pegawai atau menteri sekali jumpa di Sabah tengok keadaan sistem kita. Buat pembetulan supaya kita dapat... Ini saya kata bukan projek kerajaan sahaja. Bahkan Kementerian Pelajaran banyak dia bagi. Tiga bulan tidak dapat pembayaran. Jadi kita minta supaya turun padang dan lihat. Menyelesaikan masalah yang kita hadapi. Tuan Yang di-Pertua, saya sedih apabila membaca surat khabar. Seniman mengeluh kenapa bintang Shah Rukh Khan, penyanyi Bollywood dibagi "Datuk". Apa jasa kepada negara?

■1210

Seorang Ahli: Banyak filem Hindustan itu.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Apa jasa Shah Rukh Khan ini kepada negara? Atau mungkin selain dia datang, ada habuan lain dia bagi, bagi Dato'. Tuan Speaker, ini memalukan. Saya syorkan di sini bintang yang dibagi kepada orang asing ini ditarik. Tidak ada jasa kepada kita. [*Tepuk*]

Seorang Ahli: Anak Melaka pun tak dapat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Anak Melaka, anak Malaysia atau seniman yang banyak berjasa. Kalau tidak tarik balik mungkin ada orang tidak boleh menang Timbalan Presiden. Tarik mesti tarik. Kalau bagi kepada kita, rakyat Malaysia, pelakon-pelakon kita yang sudah berjasa, itu kita tidak marah tetapi jangan kepada orang asing yang tidak ada jasa sama sekali.

Tuan Speaker, ini satu perkara penting, BPR. Saya mahu tanya BPR ini bebaskah atau tidak bebas? Bebaskah atau tidak bebas, atau BPR ini apabila orang atas cakap jangan siasat, tidak siasat. Ini BPR, sebab apa, Tuan Speaker, contoh satu saya bagi. Timbalan Ketua Menteri Sabah, Dato' Raymond Tan, apabila SAPP sudah keluar daripada Barisan Nasional, dia kata, saya sendiri cakap sama Perdana Menteri, jangan tangkap Yong Teck Lee. Bolehkah kalau Yong Teck Lee salah untuk tangkap, mesti tangkap, dia kata jangan tangkap. Apa jadi kepada BPR kalau ada orang bagi arahan tangkap atau tidak tangkap?

Jadi saya bersetuju kalau ada enakmen baru yang dikemukakan supaya BPR bertanggungjawab kepada Parlimen. Itu saya memang setuju. [*Tepuk*] Saya memang bersetuju kalau ada cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Ya, kita akan akur, Tuan Speaker. Kita akan akur, jadi saya mesti akan selesaikan semua perkara yang saya fikir yang tidak penting saya akan tolak dan saya akan akur kepada lima minit lagi.

Jadi, Tuan Speaker, sekolah-sekolah di Sabah diberi perabot, meja, kerusi untuk seluruh sekolah. Saya sudah tulis surat kepada Kementerian Pelajaran, saya beritahu bahawa perabot yang dihantar ke sekolah-sekolah, *not up to standard*. Tidak ada standard sama sekali kerana apabila dihantar perabot-perabot ini, dia hanya boleh digunakan tiga bulan sahaja. Selepas itu dia patah, tidak boleh tulis, papan buruk bila tulis, pen termasuk dalam papan. Jadi ini, Tuan Speaker, kenapa begini? Apa sebab? Mungkin kementerian bagi terlanjur murah atau dibeli mahal tetapi perabot yang dibagi tidak ada standard, dengan peraturan-peraturan dalaman, ini saya mahu disiasat juga.

Disiasat Tuan Speaker kerana kalau kita tidak siasat, yang menderita, anak-anak kita di sekolah. Ada saya kemukakan di sini, bila sudah tidak ada perabot, perabot sudah pecah, perabot sudah tidak ada, anak sekolah duduk di lantai. Kementerian pergilah tengok, betulkah Ahli Parlimen Kalabakan ini cakap. *Check*lah semua meja dan kerusi yang dibekalkan ini. Kita mahu tolong bumiputera tetapi kita tidak mahu bumiputera yang sudah dapat kontrak, mengaut keuntungan dengan bahan-bahan yang dibagi itu tidak ada nilai. Kita mahu bumiputera dapat untung tetapi munasabah untung yang patut kita bagi.

Tuan Speaker, dahulu saya sudah katakan di sini tetapi tidak ada tindakan. Saya mahu sebut sekali lagi. Ada kontrak-kontrak yang dibagi, misalan di Pulau Sebatik kita ada satu jalan, Tamang-Bergosong, RM42 juta. Selepas dibina enam bulan, hancur jalan. Saya mahu supaya JKR sama ada JKR Persekutuan atau negeri siasat perkara ini atau *Anti-Corruption Association* siasat. *Anti-Corruption Association* ini besar dia punya bidang. Perkara yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen yang disuarakan dalam surat khabar, ambil tindakan, *check*. Betulkah ini atau Ahli Parlimen buat-buat supaya dapat bercakap dalam Dewan sahaja? Ini perlu disiasat.

Jalan Kalabakan-Sepulut, 200 kilometer, sudah belanja RM700 juta, tidak cukup, mahu minta peruntukan, siasatlah ini, mana duit ini pergi, ke poket siapa ia pergi? Ini kita mahu BPR siasat kerana kalau kita tidak siasat, sia-sialah kita teriak sini, kita teriak sana, belakang tidak ada tindakan. Kita tidak mahu, Tuan Speaker, daripada dulu kita teriak sampai sekarang kita pun berteriak, perkara yang sama tidak ada tindakan. Sistem *delivery* kita dahulu Perdana Menteri kata ada satu sistem *high-powered* – Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, pengerusi dan timbalan pengerusi. Ini sistem *delivery* tetapi sampai mana sistem ini, *high-powered committee* ini monitor semua projek.

Kemudian kita adakan satu Jawatankuasa PEMUDAH, bukan 'permudah', per"masalah"lah pula. [Ketawa] Jadi kita minta supaya mungkin Perdana Menteri, menteri-menteri lihat semua sistem yang kita ada. Minggu lalu saya ada suarakan pasal *Sabah Development Corridor*, satu pasir pun belum keluar, belum dipegang pun satu pasir. Menteri di

Jabatan Perdana Menteri kata dia tidak ada butir-butir untuk jawab saya. Saya sudah kata apa punya menteri.

Jadi, Tuan Speaker, EPU, *Economic Planning Unit* ini bila ada projek bermasalah, yang betul-betul bumiputera dan bukan bumiputera punya, bila betul mahu peruntukan RM10 juta atau RM20 juta tambahan, enam bulan belum selesai, satu tahun belum selesai, dua tahun belum selesai. Jadi bagaimana kita boleh maju kalau kita taruk seorang yang tidak tahu menahu duduk dalam EPU mahu jaga kepentingan sendiri sahaja, bukan kepentingan rakyat.

Tuan Speaker, kita minta supaya kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri tumbuk meja sedikit. Menteri tidak buat kerja, *sack*. [*Tepuk*] Timbalan menteri tidak buat kerja, *sack*. [*Tepuk*] Pegawai yang tidak ikut arahan, gantung. [*Tepuk*] Baru ya, Tuan Speaker. Jangan orang kata Datuk Ghapur ini cakap dalam Parlimen macam pembangkang. Bukan, saya bukan pembangkang. Saya Ahli Parlimen Barisan Nasional, cuma menegur kerajaan. Kasi keluar dalam TV – orang kata ini baru, Barisan Nasional pun tegur kerajaan.

Jadi Tuan Speaker, saya tahu Tuan Speaker sudah jeling-jeling, memang saya punya masa sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terpaksa saya buat kerja saya, Yang Berhormat, masa habis.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Jadi saya ucap banyak-banyak terima kasih, maka saya ingin menyokong. Terima kasih.

12.19 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Gulung, gulung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hendak gulung dah, 30 minit sahaja, sudah hendak gulung. [*Ketawa*] Dia bagi tiga minit kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

■1220

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam 30 minit ini di dalam keadaan negara yang pergolakannya luar biasa dan dengan krisis ekonomi dunia yang akan membawa kemerosotan ekonomi kepada negara ini. Walaupun kerajaan di dalam 10 tahun ini ada mengambil tindakan-tindakan terutamanya selepas tahun 1997 dan 1998, ada langkah-langkah yang diambil, saya tidak tahu sama ada langkah-langkah ini cukup termasuk dahulunya kita ada tindakan-tindakan seperti modal, harta dan sebagainya. Sama ada ini cukup mempertahankan kita sekarang, saya belum tahu. Cuma yang saya tahu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengumumkan hasrat untuk bersara. Oleh yang demikian, timbullah masalah.

Saya nampak Pulau Selingsing ada balai,

Bukan diikuti jalan putus,
Kalau kucing tiada misai,
Takkan ditakuti tikus.

[Ketawa] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Tengok sini Yang Berhormat. Tengok saya Yang Berhormat, jangan tengok Yang Berhormat Arau. [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Kepong tidak ada misai. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Termasuk Yang Berhormat Araulah, tidak menghormati Yang Amat Berhormat sekarang lagi. Ada aduan-aduan yang menyatakan sesetengah menteri dan sesetengah Ahli-ahli parlimen, yang tidak menghormati kepada Yang Amat Berhormat lagi.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya tidak semacam itulah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengumumkan hasrat dia untuk mengotakan janjinya termasuklah janji untuk mewujudkan kehakiman yang bebas dan adil. Saya belum lagi melihat apakah hendak dia buat untuk memperkukuhkan kehakiman. Saya berharap beliau dapat mengotakan janjinya dan menegakkan satu kehakiman yang bebas, adil dan saksama.

Yang seterusnya, beliau juga ada menyatakan, hendak mengadakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Saya berharap ini dapat dilakukan supaya dapat mewujudkan integriti seperti mana yang diwujudkan juga iaitu Institut Integriti Malaysia (IIM).

Dengan adanya institusi seumpama ini, kita pun berhasrat supaya negara ini benar-benar ada integriti daripada yang teratas hinggalah kepada yang terbawah. Begitu juga mengenai kebebasan akhbar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengatakan kita berkehendakkan kebebasan akhbar. Akan tetapi apa yang saya nampak, kebebasan akhbar di Malaysia ini termasuk surat khabar kita iaitu kalau *Utusan Malaysia* tentulah kita tahu. Seperti *Berita Harian*, *The New Straits Times*, siapakah yang mengongkong monopoli? Begitu juga dengan surat khabar Cina, surat khabar Tamil yang sudah dikongkong dan dimonopoli. Kalau ada segelintir orang sahaja elit yang mengongkong, menguasai serta memonopoli media kita termasuk Astro dan sebagainya. Ini memang mewujudkan satu keadaan di mana kita tidak boleh nampak sangat kebebasan akhbar walaupun ada gejala-gejala yang baik juga seperti kita ada BERNAMA TV, rancangan 24 jam dan sebagainya. Ini sudah menampakkan sedikit kelonggaran. Akan tetapi ini tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya kita mewujudkan satu langkah atau keadaan di mana kita dapat kebebasan akhbar, kebebasan media dengan tanggungjawab. Dengan negara yang majmuk, kita tidak boleh adakan sifat-sifat yang melampau sama ada dari segi agama, kaum dan sebagainya.

Baru-baru ini, saya nampak daripada sebelah situ, pun ada menyebutkan perkara-perkara yang tidak patut disebutkan seperti sejarah kaum dan sebagainya. Kita mesti ikut

Perlembagaan supaya semua kaum, hak-haknya dapat dipelihara. Di sinilah walaupun kita mahukan kebebasan akhbar, kita juga mahu tanggungjawab itu. Tanggungjawab supaya jangan kita bangkitkan perkara-perkara yang boleh menyinggung kaum sesama sendiri. Yang Berhormat Batu Pahat, jangan kita berkeras untuk membangkitkan masalah-masalah yang lampau. [Disampuk] Ya, memang. Di pihak pembangkang dan Pakatan Rakyat, kita tidak wujudkan perkara seumpama ini.

Seorang Ahli: Betul!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai universiti kita. Ada 25 minit lagi Tuan Yang di-Pertua? Mengenai masalah pengajian tinggi. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Kalabakan ada mengatakan kita tidak boleh persoalkan anggaran belanjawan. Ini anggaran, memang anggaran. Akan tetapi dengan krisis ekonomi dan kemerosotan akan ikut beberapa bulan lagi, kita memang sedar misalnya dari segi pendidikan.

Pendidikan mendapat RM45.51 bilion. Adakah peruntukan sebesar ini kita dapat diberikan kepada Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi? Ini kerana Kementerian Pelajaran mendapat RM31.4 bilion, walhal Kementerian Pengajian Tinggi mendapat RM14.11 bilion. Ini sememangnya satu peruntukan yang besar iaitu 24% daripada belanjawan kita. Di sini, kita tidak tahu sama ada peruntukan ini dapat dilaksanakan.

Oleh sebab itulah, Yang Berhormat Kalabakan mestilah tahu pihak kerajaan sepatutnya memberitahu kepada kita, apakah kajian semula ke atas peruntukan-peruntukan seumpama ini? Kita juga melihat daripada hujah-hujah Yang Berhormat Ipoh Timur serta ramai lagi ada menyentuh mengenai *Times Highest Education US World University Ranking*. Malangnya, Malaysia tidak termasuk. 200 buah universiti ke atas, tidak nampaklah di sini. [Membelek surat khabar berkaitan] Yang nampaknya, tertinggi sekali kalau tidak silap saya iaitu UM lah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Surat khabar itu tidak cukup muka surat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak cukuplah, memang tidak cukup. Di sini Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bersetuju kita mesti mewujudkan universiti di Malaysia mengikut keadaan sosial, keadaan masyarakat dan ikut negara kita. Memang kita mesti wujudkan. Akan tetapi, kita tidak boleh mengabaikan apakah tafsiran orang mengenai Malaysia. Ini adalah kerana kita memperuntukkan wang sebegitu banyak bagi pendidikan.

Tiap-tiap tahun, dalam lebih satu dekad ini kita memperuntukkan hampir 25% daripada bajet kita. Oleh sebab itulah kita mesti mengambil kira *ranking* orang juga. Mengapa kita tidak boleh masuk ke lingkungan 100 universiti yang terbaik di dunia? Memang yang terpenting sekali dan di sini saya hendak mencadangkan supaya kita tidak ada campuran politik di dalam universiti-universiti kita. Misalnya, lebih 20 buah universiti IPTA kita dan kita tidak bolehlah masuk campur tangan politik terutamanya daripada UMNO. [Disampuk] [Tepuk] Yang Berhormat Arau sentiasa dan juga Yang Berhormat Kuala Krau.

■1230

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kepong. Apabila Yang Berhormat hendak kaitkan campur tangan di IPTA di negara kita, saya rasa kedua-dua pihak terbabit; pihak pembangkang dan kerajaan. Akan tetapi dalam keadaan sekarang kalau Yang Berhormat ikhlas biar pandangan dan tujuan Yang Berhormat itu didasarkan perbincangan kepada kedua-dua pihak. Saya hendak tengok rasional keikhlasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sudah tidak cukup masa.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tadi Yang Berhormat sebut Kuala Krau. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Itulah jangan sebut, sedap-sedap duduk. Sebenarnya pengalaman saya juga sebagai pemimpin pelajar di Universiti Kebangsaan, Yang Berhormat Permatang Pauh pun biasa datang ke Universiti Kebangsaan. Memang ada pemimpin-pemimpin pembangkang bergerak untuk bersama-sama berkempen dalam majlis perwakilan pelajar universiti. Ini kenyataan, kalau pembangkang boleh, kenapa pula pihak kerajaan dikatakan haram masuk ke universiti. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, itu graduan daripada UKM tadi. UKM tidak dapat APEX sebab itulah graduan itu tidak begitu pandai. *[Ketawa]* APEX itu hilang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini gurau-gurau saja

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, naib cancellor dia, Datuk Sharifah Habsah itu pergi hendak minta APEX dengan hujah-hujah yang cantik, baik dan yang lantang itu tetapi malangnya USM yang dapat. Itu pun satu perkara lagi mengenai APEX kita ini. Di sini saya hendak mencadangkan supaya kedua-dua pihak, daripada pembangkang ataupun pihak kerajaan, jangan kita campur dalam hal ehwal universiti-universiti kita.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Cukuplah sekali. Saya tidak sebut. Itulah kalau kerap kali macam itu APEX tidak dapat langsung. Saya pun ada cadangkan supaya APEX itu jangan diberi kepada satu universiti sahaja. Sepatutnya dikira semua sebab UM pun banyak ada sumbangan. UKM pun ada buat baik juga dan banyak lagi universiti-universiti lain. Jangan bagi satu universiti sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: UKM pun sama.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Pihak timbalan menteri itu kata kita tidak boleh mengabaikan USM kerana institut yang di utara itu kita tidak nampak sangat, tetapi USM ini hebat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi timbalan menteri mesti memikirkan semua universiti diberikan peluang kerana bila kita dapat APEX peruntukannya bertambah. Ini memang tidak adil.

Saya berharaplah supaya pihak kerajaan mengkaji semula apakah dasar APEX ini yang bagi kepada satu universiti. Takkanlah UM tidak baik? Ini banyak faktor yang mewujudkan satu universiti yang cemerlang. Ia banyak faktor.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Saya bangun hendak beritahu Yang Berhormat Lembah Pantai berdiri di belakang. Apa pun, Tuan Yang di-Pertua...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau macam itu, saya minta laluan dulu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, bagus, hujah daripada Yang Berhormat Kepong ini. Saya harap Yang Berhormat Kepong pun faham sebenarnya APEX itu adalah...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak betul ini. Sepatutnya...

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan menteri jawab.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: *Accelerated Program for Excellence.* Ia bukan suatu pengiktirafan kepada mana-mana institusi pengajian tinggi tetapi saya suka pantun Yang Berhormat Kepong tadi. Pantun itu pasal kucing tidak ada misai. Saya bagi Yang Berhormat Kepong satu pantun:

Baik-baik menebang jati,

Biar rebeh jangan tumbang;

Baik-baik mencari pengganti,

Biar lebih jangan kurang.

Setuju ke Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Lembah Pantai belum lagi, sekali gus.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat, baru-baru ini Kementerian Pengajian Tinggi telah mengubah tarikh pilihan raya kampus. Tadi Yang Berhormat sebut tentang gangguan daripada pihak kerajaan dan juga pembangkang. Dahulu pilihan raya kampus diadakan secara serentak. Sekarang ia diasing-asingkan dan universiti-universiti lain akan diadakan pilihan rayanya pada tahun depan pada bulan Januari.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebab utama dilengah-lengahkan tarikh pilihan raya kampus ini adalah untuk memastikan redanya sentimen terutama sekali tsunami politik 8 Mac dulu. Ini supaya lebih lama maka lebih kurangnya pengaruh pembangkang di kampus. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju. Oleh kerana ada tsunami politik, ada pihak yang tertentu itu dia takut juga. Tsunami ini akan menjejaskan keadaan dan fikiran dia terkeliru.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Pembangkang hendak masuk universitakah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, memang.

Pulau Ledang berpantai luas,

pantau pendatang haram dahulu;

kalah panjang beri beruas,

kalah pendek beri berbuku.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mestilah mengikut peraturan. Jangan kita mengagung-agungkan satu universiti sahaja. Ikut peraturan yang dimestikan. Saya berharap dan sudah ulang tiga kali, jangan kita campur dari segi politik parti di dalam universiti sama ada Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional yang kurang rasional itu. *[Disampuk]* Jangan kita campurkan, berilah kebebasan supaya mereka boleh tumbuh dengan cemerlang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengenai dasar jaminan makanan. Sebanyak RM5.6 bilion di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Peruntukan ini antara lain adalah untuk pembayaran insentif kepada pengusaha pertanian bertujuan meningkat beban kenaikan kos pengeluaran bagi pengeluaran hasil tani.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 350,000 orang petani yang mengusahakan sayur-sayuran, buah-buahan, akuakultur dan ternakan akan mendapat faedah daripada insentif ini. Saya sebutkan hal ini kerana saya nampak pihak Kementerian Kesihatan memang ada mengambil tindakan terhadap pengimportan bahan-bahan yang mengandungi melamin. Melamin yang menjadi masalah di Cina dan sudah empat bayi yang mati.

Namun di sini, sambil kita mengambil tindakan untuk mengawal bahan-bahan makanan yang diimport mesti kita buat, langkah yang baik dan penguat kuasa mestilah cekap dan bertanggungjawab dalam semua ini. Dari itu, kita mesti mengambil kira bahawa masalah makanan ini bukan setakat para penguat kuasa yang mengambil tindakan, tetapi masalah yang pokoknya datang daripada pengeluar makanan.

Misalnya, di Malaysia, kita mempunyai lebih 200 buah kilang. Saya katakan lebih itu kerana ini yang didaftar, yang belum daftar itu banyak lagi. Kita tidak tahu berapa kilang yang mengeluarkan makanan itu kerana ia tidak didaftarkan. Lebih 200 buah kilang yang didaftarkan yang mengeluarkan makanan itu. Di sini pengeluar makanan itu yang penting, yang boleh menjamin keselamatan di negara kita dan di seluruh dunia. Kita tidak ada bilangan penguat kuasa yang

begitu ramai, yang boleh memantau, yang boleh mengendalikan semua ini di seluruh negara, termasuk yang mengimport binatang ternakan daripada Thailand, Indonesia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang teruk sekali bukan setakat yang diimport, bukan setakat kerana tercemar dengan bahan kimia. Akan tetapi yang teruk sekali ialah mengenai, kuman, lalat dan sebagainya.

■1240

Ini yang teruk tercemar oleh kuman yang berbahaya, tercemar oleh bahan-bahan kimia yang saya sebutkan tadi seperti melamin, tercemar oleh lalat, habuk dan sebagainya. Ini yang penting kerana Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di dalam hampir satu tahun ini. Kes racun makanan itu, Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan mengeluarkan satu artikel yang menunjukkan insiden untuk keracunan makanan sudah meningkat 100% dan ini yang diketahui melibatkan 11,226 kes.

Jadi, kalau berbanding dengan pencemaran kimia itu memang teruk, daripada kuman, daripada lalat dan sebagainya. Jadi itulah, saya hendak mencadangkan supaya kerajaan sambil mengambil tindakan ketat terhadap bahan-bahan makanan yang mengandungi melamin, kerajaan perlu memastikan pengeluaran-pengeluaran makanan seperti 350,000 petani dan lebih 200 kilang dan ramai lagi yang belum mendaftar, yang memproses makanan, mengeluarkan makanan yang tidak tercemar, yang selamat. Memang itu penting.

Menteri Kesihatan tidak sebutkan. Dia cuma berminat dengan yang diimport, dengan yang dicemar dan kimia sedikit. Itu penting tetapi yang terpenting sekali beribu-ribu sakit kerana makanan yang beracun. Ini memang penting dari segi makanan. Seterusnya, saya hendak sebut sedikit mengenai Parlimen kita. Mengenai pusat sumber kita, dokumen kita, sebab apa tiap-tiap kali saya dapat dokumen ini, bawa balik bertimbun-timbun menjadi bukit, menjadi bukit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu pusat kecemerlangan, pusat sumber kita itu untuk rujukan dalam bidang Parlimen, bidang politik Malaysia ini mestilah kita memenuhi keperluan maklumat, penyelidikan dan ilmu terutamanya kepada Ahli-ahli Parlimen tetapi sekarang kita ada dunia digital, dunia internet. Saya nampak, dengan adanya pusat sumber kita, dengan adanya internet bilangan dokumen itu sudah bertambah. Ini perkara yang songsang. Apabila kita ada digital, kita ada internet, *information technology* tetapi bilangan kertas kita bertambah. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengkaji mengapa dokumen kita itu bertambah. Untuk itu, mungkin Aturan Mesyuarat kita perlu macam ini. *[Sambil menunjukkan Aturan Urusan Mesyuarat]* Mungkin lah satu, dua, tiga muka tetapi bagi Hansard dan juga mungkin kita bagi DVD cukup, email pun boleh, DVD pun dan sebagainya. Mungkin kita kaji kerana setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya pun kesian kepada Tuan Yang di-Pertua di sini kerana peruntukan bagi *information technology* tidak cukup, bahkan bukan sahaja tidak cukup, tiada langsung lah itu. Saya hendak tolong sahaja itu. Ini macam mana ini? Hendak itu ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Arau kah itu? Kalau macam itu menyerupai... Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang lima minit lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kita mengkaji, yang boleh kita kurangkan kertas itu kita kurang dan ada boleh kita bagi email, bagi DVD, cukup. Saya setuju kadang kala kita tidak boleh elakkan. Selain daripada semua yang tidak kita elakkan, kita bagi dari segi DVD dan sebagainya untuk mengurangkan dokumen kita, supaya kita dapatlah sesuaikan diri dengan dunia hari ini.

Mungkin kita boleh kaji apa yang dibuat oleh *West Minister* misalnya dari segi pusat sumber, dari segi dokumen kerana saya pun itulah, koleksi terbitan Parlimen itu banyaklah termasuk bukan sahaja Hansard, bukan sahaja ada rang undang-undang, kertas perintah dan sebagainya. Ada juga koleksi perundangan Malaysia, koleksi monograf, koleksi jurnal tetapi itulah kita boleh kaji. Saya berharap kita dapat kaji dan peruntukan daripada kerajaan mesti ditambah, mesti ditambah untuk mempertingkatkan, mengemaskinikan, menambahbaikkan pusat sumber kita. ICT kita mestilah dipertingkatkan kerana sangat *idle*, sangat lambatlah sekarang ini. Internet kita sangat-sangat lambat.

Masa tidak cukup lagi. Ada banyak lagi itu. Tuan Yang di-Pertua, di sini selain daripada ICT di Parlimen, saya hendak menyentuh mengenai PDRM kita. Ini adalah kerana, hari ini kita dapat peruntukan lebih RM3 bilion untuk memperbaiki, mempertingkatkan PDRM kita dan di sinilah saya hendak ulang sekali lagi, pihak kerajaan hendak wujudkan jawatan tambahan berjumlah 60,000 perjawatan baru bagi pegawai dan anggota polis tetapi malangnya walaupun ada peruntukan, kita tidak boleh latih begitu ramai.

Tahun lepas saya pergi ke Maktab Polis Diraja di Cheras. Saya ada tanya pegawai-pegawai di situ bilangan polis yang boleh dilatih di situ. Waktu itu saya diberitahu lebih 2,000 orang boleh dilatih di seluruh negara dan kita pun tahu yang bersara itu 2,000 juga, lebih 2,000, akan meningkat kepada 3,000. Ini bermakna, kita latih 2,000, dia bersara 2,000. Jadi, sampai bila kita boleh tambah 60,000?

Di sini ada jawapan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri beritahu sekarang kita boleh latih 4,000. Sekarang saya diberitahu lebih 5,000 dah, 6,000 pun boleh datang. Macam mana boleh tambahkan kemudahan dan pelatih begitu cepat. Dua tiga bulan kita tambah pengambilan begitu banyak. Saya tidak percaya. Di mana-mana pun di dalam Maktab, kita tidak boleh tambah kemudahan dengan begitu cepat. Dua, tiga bulan bilangan pelatih bertambah, bilangan kemudahan bertambah. Saya tidak setuju dengan cara jawapan sedemikian dan setakat ini walaupun ada jawapan bagi saya ialah bukan main hebatnya jawapan. Misalnya, itu

...

■1250

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi untuk gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: *Two more minutes.*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak apalah. Selaras dengan dasar kerajaan, pihak PDRM telah mengambil langkah lebih proaktif, yang disebutkan lebih aktif untuk mengisi penambahan perjawatan baru yang diterima secara berperingkat. Iaitu pertama, PDRM akan mengadakan lebih kerap urusan pengambilan dan pelatih baru dan sebagainya. Tambah dua kali ambil kepada empat kali.

Untuk makluman, sehingga 1 Julai 2008, sejumlah 2,360 orang telah diambil. Kalau dua ribu, ambil dua kali hanya lima ribu sahaja. Walhal tiap-tiap tahun kita perlu ambil 12,000. Ini masalah kita dan saya bangkitkan berulang kali kerana saya hendak menolong pihak polis juga untuk menambahkan pelatih, kemudahan dan bukan sekadar menambahkan bilangan bahkan meningkatkan mutu pelatih-pelatih ini supaya dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada masyarakat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan akan mengambil tindakan yang berkesan supaya di universiti kita, kita nak capai universiti kalau boleh 50 universiti yang terbaik di dunia. Kalau universiti Singapura boleh sampai 30, mengapa kita tidak boleh? UM dulu, cawangan universiti Singapura, sekarang Singapura di dalam 'index time' tu, 30 di dunia. Kita 230, jadi pihak kerajaan mestilah memastikan semua parti politik termasuk pembangkang dan UMNO jangan campur tangan lagi. Sekian, terima kasih.

12.53 tgh.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Saya turut serta mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan Tahun 2009. Kami dari Sarawak turut berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memperuntukkan belanjawan sejumlah RM3.3 bilion kepada negeri Sarawak yang berkeluasan 124,449.5 km persegi pada tahun ini.

Untuk ini, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah merealisasikan hasrat rakyat yang susah dengan memberi tambahan kepada elaun OKU dan juga kumpulan masyarakat yang berkelayakan untuk memanfaatkan peruntukan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Projek Cari. Saya berharap dan mencadangkan agar projek ini diimplementasikan dengan segera kerana ini akan membolehkan rakyat yang amat memerlukan dapat memanfaatkan dari kemudahan yang dihasratkan oleh kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di sini agar ditambah bilangan petugas-petugas yang membantu dalam Projek Cari ini. Bayangkan bagi kawasan saya begitu luas, hanya seorang sahaja pegawai kebajikan yang memikul tugas ini. Maka untuk menjalankan

tugas ini dengan berkesan dan untuk mempercepatkan proses Projek Cari ini, saya berharap ditambahkan bilangan pegawai-pegawai untuk membantu pegawai kebajikan di kawasan saya.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian mengenai cabaran-cabaran yang dilalui oleh OKU. Ini adalah maklum balas yang saya terima sendiri dari OKU-OKU yang terlibat. Pertama sekali dari segi perkhidmatan awam yang tidak memuaskan. Perkara ini memang patut diberikan perhatian terutamanya dari segi pengangkutan awam. Secara umumnya sesebuah bandar raya sepatutnya mempunyai perkhidmatan awam yang cekap dan di bawah Projek *Healthy City*, minta izin Tuan Yang di-Pertua.

“Healthy City the defined as a city that is continually creating and improving those physical and social environments and expanding those country resources which enable people to mutually support each other in performing all functions of life and in developing to their maximum potentials including the special needs group.”

Jadi perkhidmatan awam yang diberi sepatutnya prihatin terhadap keperluan OKU. Kerjasama di antara pelbagai agensi adalah penting terutamanya yang melibatkan kenderaan awam. Misalnya di Adelaide sebagai contoh, laporan dari lawatan sambil belajar untuk program warga emas di mana bas awam dapat digunakan untuk mereka yang menggunakan dengan izin *wheelchair* dan penglibatan Majlis Tempatan dan juga NGO seperti Bulan Sabit Merah adalah contoh yang amat baik dalam menyediakan perkhidmatan ini.

Berhubung dengan penggunaan *traffic light* ataupun lampu isyarat yang berbunyi juga dapat membantu OKU terutama yang cacat penglihatan. *Ramp* juga dengan izin yang ada di jalan-jalan dapat membantu pergerakan mereka yang berkerusi roda untuk bersama-sama di bandar. Boleh dikatakan kebanyakan bandar raya mempunyai kemudahan *ramp* amat terhad. Contohnya di hotel-hotel besar yang tidak menyediakan *ramp* untuk OKU.

Tempat letak kenderaan OKU pula disalahgunakan oleh masyarakat yang normal, kerap berlaku juga. Pentingnya penguatkuasaan dilakukan. Cadangan juga supaya keluarga yang mempunyai anggota keluarga yang cacat juga diberi *sticker* atau pelekat OKU di kereta mereka. Contohnya ibu bapa yang membawa anak OKU, ini memudahkan mereka untuk meletak kenderaan di tempat OKU. Cadangan juga supaya *signage* OKU dengan izin ditinggikan dan bukan diletak di atas jalan kerana sukar untuk dilihat oleh OKU.

Tiada tambang murah untuk OKU, memang benar ini adalah salah satu daripada maklum balas juga dari OKU. Jadi perkara ini perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan. Penggunaan kupon juga untuk perjalanan OKU seperti yang diamalkan di Australia boleh dijadikan contoh, ini adalah hasil dari lawatan mereka yang pergi ke Adelaide.

Kedua ialah mengenai latihan. Latihan yang berbentuk kemahiran perlu dipelbagaikan lagi dan perlu diperkembangkan. Cadangan ini amat bagus kerana kecemerlangan pendidikan formal untuk golongan ini adalah amat terhad dan kemahiran vokasional dapat membantu

mereka menyara hidup di kemudian hari. Contohnya pembaikan elektrik, penglibatan dalam pertanian dan *house keeping* dengan izin adalah di antara latihan-latihan yang boleh diketengahkan.

Latihan kemahiran juga perlu diperkenalkan pada peringkat awal sekolah menengah untuk pelajar-pelajar yang bermasalah pembelajaran. Mereka ini boleh dilatih secara vokasional dan bukan melalui pendidikan formal. Kemudian, yang sedia ada seperti Pusat Pemulihan Samarahan di Sarawak. Ini kerana Batang Sadong adalah salah sebuah kawasan di bawah bahagian Samarahan di Sarawak, jadi saya merujuk kepada Pusat Pemulihan Samarahan, perlu dipertingkatkan kualiti latihannya.

Pelbagai pihak perlu bekerjasama untuk membantu mempelbagaikan latihan yang disediakan. Penglibatan Jabatan Tenaga Kerja, guru-guru teknik dan vokasional dapat membantu. Agensi kerajaan terlibat dalam memainkan peranan dalam mengkoordinasikan semua aktiviti-aktiviti ini.

Ketiga ialah mengenai peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan yang ada amat terhad terutamanya di jabatan-jabatan kerajaan. Hanya Jabatan Kebajikan yang mengambil pekerja OKU, jabatan lain amat mendukacitakan. Masalah ini timbul kerana pengambilan pekerja dijalankan di peringkat Kerajaan Persekutuan atau melalui SPA dan bukan di peringkat negeri. Jadi kalau ada pun agensi kerajaan negeri mengambil pekerja OKU, bilangannya amat kecil.

Untuk membantu OKU dalam pekerjaan, penglibatan agensi-agensi bukan kerajaan dan orang perseorangan amatlah diperlukan. Pengaruh politik boleh memainkan peranan utama dalam memaksa mereka untuk menyediakan kuota pekerja OKU. Pangkalan data juga perlu disediakan dan untuk ini, POCS iaitu Persatuan Orang Cacat Sarawak boleh memainkan peranan dalam menyediakan pangkalan data OKU yang mempunyai kelulusan pendidikan yang baik.

Yang keempat, mengenai pendidikan pula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung perbincangan semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada usul ya.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.32 ptg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 21 Oktober 2008.”

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul sebagaimana yang telah dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, malam ini kita sampai 8.30 malam untuk mengulangi sekali lagi. Lepas itu Yang Berhormat Batang Sadong tambah ada 23 minit lagi.**2.33 ptg.****Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung. Tadi saya tengah bincang mengenai cabaran-cabaran yang dilalui oleh OKU yang ada di Malaysia ini dan perkara keempat yang menjadi cabaran mereka ialah mengenai pendidikan. Bilangan sekolah untuk kanak-kanak OKU semakin meningkat.

Walau bagaimanapun, kualiti pendidikan masih tidak memuaskan. Ini adalah kerana guru-guru yang terlatih adalah amat terhad. Kelas untuk kanak-kanak OKU mestilah dengan izin, OKU *friendly*. Contohnya disediakan kelas OKU di tingkat bawah di sekolah dan bukannya di tingkat atas. Untuk negeri Sarawak, keperluan untuk mempunyai sekolah berasrama untuk tempat-tempat yang di luar bandar adalah perlu disebabkan masalah kenderaan. Terdapat kanak-kanak yang terpaksa tidak bersekolah disebabkan tiada kemudahan kenderaan contohnya di kawasan Padawan. Amat sedih bila ini berlaku kerana ia melibatkan masa hadapan kedua-dua kanak-kanak yang pernah mengalami masalah ini.

Jika sekolah rendah mempunyai asrama, kanak-kanak terlibat tidak perlu berulang-alik. Pendidikan juga dapat dilakukan di pusat pemulihan dalam komuniti (PDK). PDK memainkan peranan yang penting terutamanya di luar bandar. Kemudahan ini sepatutnya sejajar dengan klinik dan sekolah yang mempunyai perkhidmatan OKU. Tiga jenis perkhidmatan ini sepatutnya

complimenting each other, saling bantu-membantu di antara satu sama lain dan bukannya dianggap perkhidmatan yang bertindih.

Seterusnya ialah mengenai pendaftaran OKU. Anggaran OKU mengikut *National Health and Morbidity Survey II* ataupun NHMS II 1996 adalah 2% dari jumlah penduduk. Anggaran ini adalah lebih tepat kerana ia mengikut definisi OKU yang Malaysia gunakan. Tidak termasuk masalah mental, warga emas dan masalah kesihatan. Berdasarkan ini anggaran jumlah OKU di negeri Sarawak misalnya adalah 48,084 dan di daerah Kuching adalah 11,646. Jika dibandingkan jumlah ini dengan jumlah yang berdaftar adalah amat rendah.

Walau bagaimanapun, jumlah ini menunjukkan peningkatan yang amat ketara terutamanya semenjak lima tahun kebelakangan ini. Pendaftaran OKU dalam komuniti contohnya melalui program Mayang merupakan satu projek yang amat baik kerana ia dapat merangkumi penduduk luar bandar. Projek ini memerlukan kerjasama dari Jabatan Kesihatan yang diperlukan untuk mengenal pasti jenis-jenis kecacatan. Ingin saya *quote* dengan izin, “*don't look at their disability but focus on their ability. Only then we can help them*”.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai industri pertanian dan pelancongan. Saya ingin menyentuh mengenai perkara ini kerana saya salah seorang dari ahli penyokong BN ke Taiwan pada tempoh hari untuk lawatan sambil belajar dan saya amat tertarik dengan apa yang saya saksikan di Taiwan, kerana kawasan saya Batang Sadong mempunyai banyak persamaan dengan apa yang saya saksikan di Taiwan.

Di sini kita memerlukan kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Pelancongan untuk mewujudkan satu usaha sama, di mana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh menggalakkan pengusaha pertanian dengan memberi tunjuk ajar, memberi pendidikan dari segi teknologi di mana di Taiwan teknologinya begitu tinggi, *advance* dengan izin dan kalau kita perhati di sekeliling Taiwan itu di kawasan-kawasan walaupun tanah yang ada itu tidak besar, tapi sentiasa ditanam dengan hasil tanaman sama ada sayur, padi ataupun buah-buahan dan usaha sama dengan industri pelancongan pula di mana pengusaha pelancongan dari segi *resort* ataupun kalau di sini kita ada *homestay*, kebanyakannya boleh membawa pelancong untuk bersama-sama melibatkan diri mendapat pengalaman untuk bercucuk tanam, dan pelancong ini boleh membayar kepada pengusaha pertanian ini. Dari situ pengusaha pertanian boleh mendapat keuntungan ataupun mendapat hasil, kerana kalau kita perhati di Taiwan mereka yang menjalankan usaha pertanian ini bukan sahaja bertani untuk menjualkannya. Mereka mempunyai konsep iaitu dengan izin, *leisure farming*. Jadi terdapat satu cara untuk menggalakkan industri pelancongan.

Pada masa yang sama petani-petani di Taiwan dan diharapkan petani kita juga meningkat tarafnya menjadi petani yang mempunyai ilmu pengetahuan, *knowledgeable farmers* di mana mereka boleh memberi penerangan kepada pelancong-pelancong dan yang menarik hati di Taiwan pula, di mana pengusaha pelancongan ini juga boleh memberi penerangan ini kepada

pelancong-pelancong dan sekali gus minat itu timbul di kalangan pelancong untuk menyaksikan sendiri apa yang dihasilkan oleh petani-petani di Taiwan.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di sini melalui kesempatan ini agar pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertindak satu langkah lagi iaitu dengan memberi tunjuk ajar kepada petani mengenai teknik yang terbaik untuk digunakan untuk petani. Secara tidak langsung petani kita menjadi pengusaha yang mempunyai standard yang begitu tinggi. Seterusnya ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana saya ingin menyeru kepada kementerian ini untuk memastikan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan api dan air di kawasan-kawasan yang masih belum dibekalkan dengan kemudahan asas ini dibekalkan dengan segera. Walaupun ini bukan kali pertama saya membawa perkara ini, tetapi saya berasa ini adalah masa yang paling sesuai untuk kita mengingatkan lagi supaya dipercepatkan pembekalan kemudahan asas ini.

Begitu juga dengan sistem perparitan dan saliran kerana banyak kawasan yang telah dilanda banjir akibat sistem perparitan dan saliran yang tidak begitu teratur akibat dari kesan saliran dan perparitan yang tidak baik dan kerana itulah tanaman yang telah dimasuki air dan dicemarkan dan maka itu telah merosakkan tanaman. Banyak tempat di tebing sungai juga telah susur, kata orang Sarawak. Supaya yang ada di sini boleh belajar betul-betul bahasa Sarawak. Hakis, susur, kena hakis. Saya terpaksa meminta bantuan dari rakan untuk menegur sama ada bahasa saya betul atau tidak. Terima kasih. Seterusnya adalah mengenai projek agropolitan Tuan Yang di-Pertua.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sarawak dahulu iaitu merasmikan Jambatan Sebuyau iaitu pada 10 Jun pada tahun lepas, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan kepada orang kampung yang hadir bahawa salah sebuah kawasan yang diluluskan projek agropolitan ialah kawasan Batang Sadong. Saya berharap dan merayu agar projek ini dilaksanakan dengan segera kerana sudah terlalu lama rakyat di kawasan Batang Sadong yang mana ada di antara mereka yang masih tidak mempunyai bekalan air bersih, bekalan elektrik dan jalan raya. Sudah tidak sabar-sabar lagi mereka mengingatkan saya supaya dibawakan perkara ini ke Parlimen dan kemudahan-kemudahan ini disampaikan di kawasan kita. Saya hendak mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk *to welcome the students from the Faculty of Social Science* dari UKM dengan izin. [Tepuk] Saya sambung semula Tuan Yang di-Pertua mengenai pengajian tinggi.

Kebetulan pelajar-pelajar kita berada di sini. Ini yang saya hendak suarakan di sini ialah mengenai UiTM cawangan Sarawak di Samarahan dan juga di Mukah. Oleh kerana kawasan Batang Sadong juga di bawah bahagian Samarahan, walaupun ini bukan secara langsung di bawah kawasan Batang Sadong, tetapi untuk menyuarakan keperluan orang-orang Sarawak dan juga pelajar-pelajar. Apa yang hendak dikongsikan bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di

sini ialah dengan mengujudkan cawangan UiTM di Sarawak, peluang untuk pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi sangat meluas. Begitu juga dengan peluang untuk kerajaan mempromosikan budaya sesebuah negeri kepada pelajar-pelajar kerana pelajar di luar Sarawak menuntut di UiTM Samarahan dan di cawangan Mukah di Sarawak.

Pada masa ini, cawangan Samarahan mempunyai seramai 5,000 pelajar. 300 orang pelajar di cawangan Mukah di mana kampus UiTM cawangan Samarahan menyediakan sebanyak 23 program dan ini memerlukan sebuah kawasan yang lebih luas. Jadi sebagai menyokong usaha ini, Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan tanah seluas 1,000 ekar pada 25 Mei tahun 2000 dan itu merupakan tempoh masa yang lama. Ia melibatkan pampasan tanah sejumlah RM28,300. Pelan juga telah diluluskan pada 5 September 2007. Oleh kerana saya sering kali melalui kampus UiTM Samarahan, apabila pergi ke kawasan saya nampak ia sebagai *eye sore* kerana banyak semak di situ, tidak banyak *maintenance*.

Saya khawatir kawasan terlalu besar dan terlalu luas. Apa yang diperlukan di sini ialah saya rasa pihak UiTM Sarawak sedang menunggu bantuan dari Kerajaan Pusat untuk membangunkan kampus UiTM terutama sekali UiTM cawangan Samarahan supaya dapat memberi peluang untuk pelajar-pelajar di UiTM kampus Samarahan lebih selesa iaitu mempunyai satu kampus yang lengkap dan penuh.

Seterusnya pusat latihan untuk kaum wanita. Ini adalah permintaan wanita di kawasan saya terutama sekali di kawasan Simunjan untuk menyahut seruan kerajaan untuk menggalakkan wanita melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Maka, wanita-wanita kita memerlukan tempat.

Terutama sekali macam di kawasan saya di Simunjan. Kawasan ini amat jauh dari Bandar Kuching. Maka mereka memerlukan satu tempat yang khas untuk dijadikan tempat mereka untuk bertemu untuk melatih diri dan meningkatkan kemahiran mereka supaya mereka boleh berdikari dan boleh menunjukkan bakat masing-masing untuk belajar. Kalau kita perhatikan, Sarawak adalah salah sebuah negeri yang begitu terkenal dengan kuih lapis iaitu kek lapisnya. Di sini kita nek memprojekkan kawasan yang jauh dari bandar boleh digunakan untuk mengoptimumkan masa dan tempat itu untuk memprojekkan hasil produk yang begitu unik untuk negeri Sarawak.

Akan tetapi apa yang perlukan di sini ialah satu tempat. Kalau boleh Kerajaan Pusat membantu untuk memberi kita satu tempat kepada wanita-wanita di kawasan kita untuk mempunyai satu tempat untuk mereka meningkatkan kemahiran mereka dan kalau boleh memajukan diri mereka lagi dengan menghasilkan apa yang mereka pelajari dan dipasarkan supaya membolehkan mereka mendapat perolehan dari situ. Seterusnya ini juga satu permohonan, tiga permohonan sebenarnya dari kawasan saya di Sadong Jaya di mana di Sadong Jaya kita tidak mempunyai jabatan bomba, balai polis dan juga pejabat pos. Kalau mungkin Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu kawasan Sadong Jaya itu amat terpencil, jauh,

memerlukan perkhidmatan bomba sekiranya berlaku kebakaran yang sering berlaku terutama sekali kawasan kita kawasan kampung.

Rumah-rumah kebanyakannya masih rumah yang dibina daripada kayu dan amat cepat untuk api merebak kalau berlaku kebakaran. Kalau air pasang, bomba boleh sampai dengan cepat ke tempat atau ke destinasi kerana boleh menaiki feri. Akan tetapi kalau air surut, bomba terpaksa berpusing dan mengambil masa begitu lama untuk sampai ke destinasi kita. Sama juga dengan perkhidmatan polis jika diperlukan. Jadi keadaannya sama. Begitu juga dengan pejabat pos, apa yang berlaku sekarang ialah orang dari Sadong Jaya terpaksa pergi ke kawasan Asa Jaya untuk menggunakan atau menikmati perkhidmatan dari pejabat pos dan ini adalah diperlukan oleh masyarakat di kawasan Sadong Jaya.

Akhir sekali ialah mengenai Pusat Pemulihan Samarahan. Tadi saya menyentuh mengenai OKU, tetapi ini khusus kepada Pusat Pemulihan Samarahan, iaitu PPS. Mengenai PPS ini oleh kerana Batang Sadong juga saya sebutkan ini di bawah bahagian Samarahan, maka seperti juga di UiTM tadi saya bawa dalam sesi perbincangan belanjawan 2009 ini untuk mereka yang di kawasan Samarahan.

■1450

PPS ini memberi perkhidmatan pemulihan termasuk rawatan perubatan dan latihan vokasional kepada OKU supaya mereka lebih produktif dan dapat hidup berdikari. Kapasiti PPS ialah 100 orang pelatih dalam satu-satu masa. Walau bagaimanapun pada tahun 2008 ia hanya mempunyai 33 orang pelatih sahaja. Dalam erti kata lain kemudahan yang disediakan ini tidak diguna dengan sepenuhnya. Jadi peluang pekerjaan untuk pelatih lepasan PPS amat tipis kerana latihan yang diberikan tidak setaraf dengan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan ataupun MLVK. Di sini saya mencadangkan supaya PPS ini dinaik taraf supaya ianya dapat membantu pelatih OKU mendapat pekerjaan dengan mudah.

Saya juga menyeru agar badan-badan korporat memberi peluang pekerjaan kepada pelatih-pelatih di PPS. Latihan pekerjaan juga boleh diperkuatkan lagi dengan adanya *job coach* dengan izin. Program latihan yang disediakan di PPS sangat terhad, jadi adalah disarankan agar bengkel di PPS ini dapat dijadikan sebagai pusat untuk membuat, membaiki dan menyediakan peralatan pemulihan kepada semua OKU di samping memberi rezeki kepada pelatih-pelatih. Disarankan juga agar kementerian berkenaan mengubah nama pusat pemulihan kepada pusat latihan kerana ia menggambarkan seolah-olah pelatih-pelatih yang tinggal di situ adalah orang yang sakit ataupun terdiri dari penagih. Jadi ia tidak betul-betul melambangkan penghuni ataupun pelatih-pelatih yang di situ.

Dan akhir sekali saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita sentiasa aman dan supaya kita di bawah bajet yang diperuntukkan ini kita boleh meneruskan usaha murni kita ini untuk

melaksanakan tugas kita seterusnya membangunkan negara kita. Sekian saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak perkara yang dibangkit Yang Berhormat itu ada relevan dengan kawasan saya juga itu. Saya panggil Yang Berhormat Tawau. Yang Berhormat Tawau. Hari ini Hari Wanita Yang Berhormat, wanita pun tunggu dekat belakang ini.

2.52 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua terima kasihlah diucapkan atas peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009. Saya akan teruskan memainkan peranan saya sebagai suara rakyat Tawau dan Sabah dalam mengutarakan kerunsingan rakyat terhadap isu-isu sebenar yang mempengaruhi rakyat Malaysia di Sabah. Saya rasa sedih sangat bagi isu yang mendesak telah pun saya bangkit di Parlimen lebih daripada 10 tahun dahulu. Namun isu-isu yang sama terpaksa diulangi saya pada hari ini. Jika sekiranya suara rakyat masih tidak terdengar dan tiada sebarang perubahan dilakukan maka pandanglah kata Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak jika kita tidak ada berani dan kurang berwawasan untuk berubah rakyat akan tukarkan kita.

Ingin saya menarik perhatian Dewan ini terhadap banyak rekod yang tercapai di Sabah dan Tawau meskipun rekod-rekod ini bukan sesuatu yang boleh dibanggakan. Saya minta penjelasan dari pihak kementerian tentang perkara satu, pendatang tanpa izin. Mengapakah terhadap kelebihan seramai 1.9 juta populasi Sabah yang mempunyai sejumlah 3.3 juta populasi pada tahun 2004. Berasaskan kadar penambahan populasi Sarawak mengapakah rakyat Sabah terpaksa menderita manakala orang-orang asing dilayan lebih baik dan lebih diutamakan.

Perkara yang kedua, isu-isu perkhidmatan kesihatan. Mengapakah kadar kematian kanak-kanak di Sabah merupakan yang tertinggi di seluruh Malaysia dengan 9.6 di antara 1000 kelahiran pada tahun 2007. Lebih kurang dua kali ganda kadar purata kebangsaan iaitu 5.61 di antara 1000 kelahiran. Mengapakah kadar kematian ibu bersalin di Sabah adalah di antara yang tertinggi di seluruh Malaysia melebihi kadar purata kebangsaan iaitu 3.0 dia antara 100,000 kelahiran bayi hidup pada tahun 2005. Mengapakah Sabah mencatat rekod tertinggi berlakunya malaria di seluruh Malaysia dengan 44,000 kes atau 68% dari jumlah kebangsaan 65,000 kes. Mengapakah kes-kes batuk kering atau tuberkulosis di Sabah merupakan salah satu rekod yang tertinggi di seluruh Malaysia.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta maaf ucapan saya sangat panjanglah, saya tidak boleh selesai dalam 30 minit. Mungkin Tuan Yang di-Pertua akan memberikan *injury time* kepada saya, saya akan mengizinkan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada *injury time* Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tidak ada, okey *sorry*lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan tunggulah peluang sendiri sahaja.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Mengapakah kes-kes HIV/AIDS di Sabah merupakan salah satu rekod tertinggi di seluruh Malaysia dengan Tawau mendahului Sabah dalam kes-kes baru HIV/AIDS di antara penagih dadah. Perkara yang ketiga isu-isu kemiskinan. Mengapakah Sabah masih menjadi negeri termiskin yang kedua di seluruh Malaysia walaupun banyak peruntukan telah pun diberi kepada negeri ini untuk membasmi kemiskinan. Perkara yang keempat, isu-isu prasarana. Mengapakah gangguan bekalan elektrik masih merupakan yang selalu berlaku sekali di seluruh Malaysia. Mengapakah air yang tidak berhasil di Sabah masih merupakan salah satu rekod tertinggi di seluruh Malaysia dengan Tawau mencatatkan rekod *72% of non-revenue water*.

Mengapakah sebilangan jalan di kawasan-kawasan pertanian Sabah masih dalam keadaan yang terburuk sekali di seluruh Malaysia. Isu-isu pendidikan. Mengapakah Sabah mendahului Malaysia dengan rekod bilangan murid darjah satu KIA2M pada 2008 di sekolah kebangsaan iaitu setinggi *65.5% involving 28,700 students* di Sabah dan *50% involving students 2,697* di Tawau yang gagal membaca atau menulis. Mengapakah kanak-kanak orang tempatan Sabah telah dinafikan pendidikan. Mengapakah kadar-kadar keciciran kanak-kanak sekolah rendah dan menengah sangat tinggi terutama sekali di sekolah-sekolah luar bandar.

Perkara keenam, keluarga ibu bapa tunggal di Sabah. Mengapakah bilangan keluarga ibu bapa tunggal kebanyakan ibu tunggal di Sabah merupakan yang tertinggi di seluruh Malaysia seperti mana yang dilaporkan dalam tinjauan University of Uppsala Sweden pada tahun 2007 iaitu bilangan itu melonjak melebihi dua kali ganda daripada 444,000 pada tahun 1980 kepada 895,000 pada tahun 2001. Mengapakah penyeludupan haram barangan seperti diesel, 15,000 beras super dan minyak masak melintasi sempadan di Sabah mencatatkan rekod tertinggi di seluruh Malaysia.

■1500

Kadangkala, keluarga-keluarga miskin di Sabah dirampas bekalan beras dan minyak masak bersubsidi. Manakala negara-negara jiran beruntung daripada Kerajaan Malaysia. Saya sangat sedih kerana rekod-rekod yang tidak membanggakan ke atas negara kita tidak adil kepada rakyat Sabah dan Tawau jika sekiranya mereka terus diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya huraikan lebih mendalam sedikit berkaitan isu pendatang tanpa izin yang merupakan punca segala ancaman di Sabah. Satu, isu pendatang tanpa izin adalah masalah kebangsaan tetapi ia telah menghantui rakyat Malaysia di Sabah sahaja.

Penjelasan, Sabah mempunyai satu garis sempadan yang panjang lagi mudah tembus dan susah dikawal yang diberi oleh pihak-pihak berkuasa kerajaan tidak tepat sama sekali kerana Sarawak mempunyai garis sempadan yang lagi panjang bersama Indonesia.

Mengapakah bilangan pendatang tanpa izin di Sarawak kurang daripada di Sabah dan diteliti trend penambahan populasi seperti di jadual berikut, dengan izin *in 1970 Malaysia has a population of 10,439,430. Then pada tahun 2000, Malaysia has a population of 22,202,614 with an increase of 100.13%* dan *for Sarawak in 1970, population is 97,269 and tahun 2000 Sarawak has a population 2,012,616 with the increase of 106% but for Sabah pada tahun 1970, it has a population 636,431. In year 2000, there has increased up to 2,499,389, an increase of 285%. In year 2004, Malaysia has a population 27 million in the increase a 14% from year 2000 but Sabah in year 2004, the population increase up to 3.4 million with the increase of 40% from year 2000.*

Ada ramai orang kata mungkin Sabah *is more fertile*. Dengan berasaskan kadar penambahan populasi Sarawak, populasi Sabah patut hanya mencatat 1.4 juta pada 2004. Justeru itu nampaknya terdapat satu kelebihan yang luar biasa sebanyak 1.9 juta. Angka ini tidak ambil kira pendatang tanpa izin yang telah melebihi tempoh tinggal di Malaysia atau datang ke Malaysia tanpa sebarang dokumen perjalanan yang sah.

Angka rasmi untuk pendatang tanpa izin yang ditangkap pada 2007 adalah 500,000 orang tetapi dipercayai bahawa bilangan yang pandai-pandai terlepas dari mata atau tangan pihak yang berkuasa mungkin mencatat beberapa kali ganda lagi. Kebanyakan rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah berasa terancam dan tidak selamat apabila bilangan orang asing terus bertambah.

Walaupun tidak ada sesiapaupun termasuk kerajaan yang sebenarnya mengetahui angka yang lebih tepat, pendatang tanpa izin bertambah setiap hari. mereka sedang mengubah landskap ekonomi, sosio budaya dan politik di Sabah. Generasi-generasi Malaysia yang akan datang, anak cucu akan menyalahkan kita suatu hari nanti jika mereka mendapati bahawa hari ini kita tidak membuat sesuatu untuk melindungi hak milik tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 23 Disember 2005, populasi banduan penjara di Sabah adalah 3052 orang lebih kurang 70% terdiri daripada orang asing. Banyak kes bunuh dan rogol tidak dapat diselesaikan kerana penjenayah yang berkaitan telah melepaskan diri melalui sempadan yang mudah lepas.

Malaysia bukan sebuah negara yang dianggotai Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu berkaitan status pelarian-pelarian tahun 1951 atau protokol berkaitan status pelarian-pelarian tahun 1967. Pada penghujung 1960-an atau 1970-an, lebih kurang 60,000 pelarian dari Filipina Selatan datang ke Sabah lalu diberikan status IMM-13.

Sebahagian telah menetap di kem-kem pelarian Bangsa-bangsa Bersatu di Tawau. Lebih daripada 40 tahun kemudian, sebahagian pelarian telah berkahwin dengan orang tempatan dan diberikan kewarganegaraan Malaysia tetapi masih ada diberikan IMM13.

Apakah dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa terhadap status pelarian berkaitan dengan orang-orang yang masih memegang IMM13. Mengapakah IMM13 masih dikeluarkan. Pada 2002, walaupun Jabatan Imigresen sepatutnya tidak boleh membuat demikian selepas tahun 1984.

Isu yang kedua, orang-orang asing dilayan lebih baik dan lebih diutamakan berbanding rakyat tempatan. Ingin saya sebut beberapa contoh yang teruk. Seorang perempuan Filipina yang berumur 24 tahun mempunyai sijil beranak menunjukkan dia bukan warganegara Malaysia, ibu bapa bukan warganegara Malaysia juga seperti mana yang ditunjukkan dalam sijil beranak.

Pada tahun 1998, bapanya memperoleh kad pengenalan bunga raya Malaysia dan kemudiannya mendapat MyKad pada tahun 2000. Kes ini menunjukkan bahawa seorang lelaki Filipina, isterinya dan anak perempuannya yang bukan warganegara Malaysia telah memperoleh MyKad dan kewarganegaraan Malaysia dalam tempoh masa dua tahun sahaja.

Pada tahun 2002 semasa penyerbuan imigresen di Keningau, 34 orang asing didapati memegang MyKad yang didapati sah yang sepenuhnya belum diperkenalkan di Sabah pada ketika itu lagi dan sebaliknya rakyat tempatan yang berumur 33 tahun telah dilahirkan pada 24 Mac tahun 1975 di Kampung Mandurian, Pitas.

Kedua-dua ibu bapanya juga orang tempatan yang telah tinggal di Kampung Mandurian, Pitas. Dia memegang sijil beranak yang sah, dikeluarkan oleh JPN. Dia telah memohon MyKad dan telah menunggu selama 12 tahun. Mengikut dia, dia telah dinafikan banyak haknya sebagai rakyat tempatan Malaysia.

Ini semua kes yang disebut bukan satu kes sahaja dan ratusan orang Murut, orang-orang asli Sabah ada dari Sarawak di Serudung Baru, Serudung Laut dan Kampung Runggu di Tawau telah dinafikan sijil beranak atau sijil kewarganegaraan Malaysia kononnya kerana permohonan terlewat atau *ignorance* datuk nenek atau ibu bapa, kegagalan mendaftar ibu-ibu mengandung untuk penjagaan perubatan dan hidup di bawah keadaan-keadaan yang terabai di kampung-kampung luar bandar. Baru-baru ini...

■1510

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta maaf, ucapan saya sangat panjang.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sikit pun tak boleh?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pendedahan kes gadis wanita Penan di Sarawak telah membangkitkan keprihatinan kebangsaan dan antarabangsa. Sebuah komuniti kecil orang Penan juga didapati di Jalan Apas, Tawau. Mereka datang ke Sabah dari Hulu Baleh, Sarawak sebelum kemerdekaan pada tahun 1938 waktu zaman Jepun. Sebanyak 68 buah keluarga di sini sehingga sekarang belum diberi pengiktirafan kewarganegaraan dan masih dianggap tidak bernegara atau *stateless*. Mereka telah banyak kali

memohon tetapi tidak dapat dikesan. Apakah salah mereka yang tinggal di atas tanah sendiri ini yang menyebabkan layanan seburuk ini daripada kerajaan kita?

Saya berharap pihak-pihak berkuasa akan mempercepatkan proses kelulusan permohonan mereka. Hendak kenal pasti orang-orang ini cukup senang sahaja, mereka mempunyai loghat asli yang tersendiri dari kampung asalnya. Untuk memudahkan permohonan, janganlah minta mereka pergi jauh-jauh ke Kota Kinabalu dari Tawau untuk tinjauan membuat permohonan serta menghadiri temu duga kerana mereka tidak mampu menanggung kos perjalanan itu.

Saya ingin mengetahui mengapakah kesemua orang Sabah ini masih *stateless* atau tidak bernegara walaupun mereka tidak pernah meninggalkan tempat lahirnya. Mengapakah pihak-pihak berkuasa memberi layanan lebih utama kepada orang-orang asing daripada orang-orang tempatan?

Tuan Yang di-Pertua, pada 9 Julai 2006, Menteri Kesihatan melaporkan bahawa hospital-hospital Sabah telah menerima bilangan orang asing yang terbesar, yang merupakan 30% daripada jumlah pesakit. Pada 18 November 2007, lebih kurang 80% daripada katil-katil Hospital Likas telah diduduki oleh pendatang tanpa izin yang adalah pesakit biasa di hospital kita yang hanya membayar harga-harga terendah bagi ubat-ubat bersubsidi kerajaan. Para jururawat, doktor perubatan, pembantu dan kakitangan perubatan di hospital-hospital Sabah terlalu terbeban dengan kerja sehingga orang-orang tempatan Sabah kadangkala diabaikan akibat beban kerja yang melampau.

Tidak dapat dinafikan bahawa pendatang tanpa izin telah menyumbang kepada pembangunan negeri Sabah dengan menyediakan pekerja-pekerja terutama sekali dalam sektor pembinaan dan pertanian. Saya cadang bahawa satu dasar pekerja asing yang komprehensif terhadap tenaga kerja dilaksanakan supaya mengesahkan kedudukan pekerja-pekerja pendatang tanpa izin.

Saya telah menerima banyak maklum balas daripada kedua-dua sektor bahawa para majikan memang tidak suka menggaji pekerja PATI. Sebenarnya dasar-dasar yang menghalang serta membebaskan mereka berbuat demikian, majikan mengalami kerugian apabila pekerja-pekerjanya berhenti bekerja dengan selepas mereka membayar jumlah wang yang besar untuk levi, ujian perubatan FOMEMA dan kos-kos yuran lain. Tidak ada penguatkuasaan atau denda yang sesuai terhadap majikan yang mencuri pekerja asing majikan yang lain.

Untuk menyelesaikan masalah-masalah berkaitan pengesahan kedudukan pekerja-pekerja asing yang sudah lama terbiar, saya cadangkan bahawa;

- (i) Pengurangan bayaran levi untuk semua pekerja asing di satu kadar standard yang mampu dibayar oleh majikan terutama sekali semasa huru-hara ekonomi sekarang ini, katakan RM300 setahun bagi semua;

- (ii) benarkan bayaran levi dipindahkan kepada pekerja asing baru apabila pekerja asing lama berhenti bekerja dengan seseorang majikan; dan
- (iii) mana-mana majikan yang menggaji pekerja berlesen yang lain, harus dihukum berat dengan penguatkuasaan yang lebih kuat oleh pihak-pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terkejut juga apabila mendapati bahawa terdapat sebanyak ...

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada lagi yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Sikit saja, sikit saja.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Saya tak cukup *time, injury time* pun Tuan Yang di-Pertua tidak bagi *injury time*.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ini mengenai dengan levi Yang Berhormat sentuh tadi.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tunggu saya habis. Kalau saya ada masa yang lebih, saya akan bagi.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Saya minta setuju atau tidak setuju saja.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta maaflah Yang Berhormat. Terdapat sebanyak 895,000 keluarga - *single parent family* di Sabah, kebanyakan ibu tunggal di Sabah pada tahun 2001. Kebanyakannya muncul akibat pendatang tanpa izin, bapa-bapa tidak bertanggungjawab yang kembali ke negara-negara asal masing-masing apabila menghadapi kesulitan. Ibu-ibu tunggal dan anak-anak ditinggal sahaja untuk menghadapi masalah-masalah kesihatan, kekurangan makanan dan kesulitan kewangan. Kebanyakan mereka hidup dalam kemiskinan dan kemiskinan tegar.

Namun mereka dianggap lebih bertuah daripada lelaki-lelaki tempatan bersama perempuan-perempuan asing kerana anak-anak golongan yang kedua itu tidak bernegara atau *stateless children*. Kanak-kanak tidak bernegara itu yang dilahirkan kepada bapa-bapa rakyat Malaysia tidak dapat peluang pendidikan.

Oleh kerana kerumitan masalah-masalah pendatang tanpa izin yang mula muncul sejak 40 tahun dahulu, masalah-masalah yang terjadi semakin besar sampai terlalu besar untuk ditangani dengan apa-apa formula ringkas. Tindakan menghantar balik pendatang tanpa izin baru-baru ini hanya dapat mengurangkan bilangan pendatang tanpa izin buat sementara sahaja.

Kita perlu ada satu mekanisme yang lebih berkesan untuk mengelakkan kepulangan mereka semula secara haram ke Malaysia. Memastikan bahawa mereka tidak balik kampung bercuti sahaja dan kembali ke Malaysia tidak lama lagi atau balik kampung sebagai Ali, kembali ke Malaysia sebagai Ahmad.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Silam bangun Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Beberapa muslihat contohnya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tawau, bagi tak bagi?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tunggu saya habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha tunggu habislah baru bercakap. Yang Berhormat Silam duduk.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: ...dibantu oleh pihak-pihak tertentu. Bagaimanakah orang-orang asing yang sudah memperoleh MyKad dengan jalan-jalan penipuan. Bagaimanakah pula mereka diberi kad pengenalan bunga raya untuk tujuan membuang undi? Mestilah ada keazaman politik yang lebih kuat serta tindakan yang lebih tegas dan jujur, kerana ini akan menjadi satu masalah Malaysia bukan setakat masalah Sabah sahaja. Saya memberi sokongan penuh terhadap penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menangani isu pendatang tanpa izin di Sabah supaya isu-isu pendatang tanpa izin dapat diselesaikan dengan efektif.

Kedua, tentang isu ISA atau Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kita berpendirian menentang sebarang tindakan keganasan terhadap wanita. Seperti mana yang diakui dalam sasaran nombor tiga - Pembangunan Milenium Bangsa-bangsa Bersatu.

■1520

Rakyat jelata Malaysia terkejut sahaja bila seorang Ahli Parlimen wanita dan seorang pemberita wanita daripada *actor Sin Chew Daily* ditahan di bawah ISA bulan lalu. Bagaimanakah boleh pihak berkuasa menggunakan hanya maklumat yang tersiar dalam akhbar sebagai bukti untuk menahan Ahli Parlimen itu di bawah ISA. Pemberita wanita itu hanya menjalankan tugasnya bila melaporkan apa yang dikatakan oleh seseorang itu. Semua rakyat Malaysia bingung dengan tindakan Kementerian Dalam Negeri dan pihak polis. Mengapakah tindakan yang begitu terang-terangan dwistandard atau *double standard* telah dilakukan oleh pihak berkuasa. Mengapakah perlu menahan kedua-dua orang wanita yang tidak bersalah?

Saya menggesa pihak berkuasa yang berkaitan agar dapat menyemak semula dasar-dasar ISA secara komprehensif dan hanya membenarkan ISA digunakan untuk menahan pengganas-pengganas atau *terrorist* atau orang-orang yang melakukan keganasan semasa *street violence*. Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga, kekurangan doktor perubatan di Sabah dan Tawau. Kekurangan doktor pakar di Sabah terutama sekali di kawasan luar bandar dengan *accessibility* yang kurang memuaskannya akibat kekurangan prasarana, menyumbang kepada kadar kematian bayi dan ibu bersalin yang tinggi di Sabah yang tercatat sebagai rekod tertinggi di seluruh negara seperti mana yang dilaporkan oleh Pengarah Kesihatan Sabah.

Saya yakin kematian-kematian ini boleh dielakkan. Saya menggesa Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menyelaraskan usaha mereka untuk menyediakan lebih ramai doktor-doktor pakar di Sabah dan Tawau. Kuota yang diberikan kepada pelajar-pelajar Sabah dalam fakulti perubatan Universiti Malaysia Sabah atau UMS adalah kurang daripada 20% sekarang. Saya menggesa Kementerian Pendidikan Tinggi agar dapat meningkatkan jumlah pengambilan pelajar UMS pada tahun hadapan dan juga meningkatkan kuota pelajar Sabah sehingga 50%. Ini boleh menjadi salah satu cara yang dapat membantu menyelesaikan masalah serius kekurangan doktor di Sabah.

Ramai pelajar Sabah yang layak memasuki fakulti perubatan terpaksa pergi ke seberang laut untuk mengikuti kursus perubatan disebabkan kekurangan tempat-tempat bagi pelajar perubatan di Malaysia *and this is caused brain drain*. Pelajar Sabah yang layak juga dinafikan peluang mengikuti kursus perubatan di Malaysia kerana tidak mampu membayar yuran tuisyen yang tinggi di universiti-universiti swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terperanjat apabila membaca satu laporan bahawa di antara beberapa orang doktor perubatan yang baru tamat pengajian lebih kurang ialah di antara 7,000 orang doktor itu, *7,000 medical students* yang baru *graduate* itu, lebih kurang 45% telah meninggalkan bidang perubatan untuk menyertai profesion-profesion lain. Kebanyakan yang mengejar padang yang lebih hijau atau keuntungan yang lebih lumayan. Jika laporan ini adalah benar, ia mestilah satu kebenaran yang dahsyat yang saya menggesa Kementerian Kesihatan mengesahkan atau menolaknya. Saya menggesa Kementerian Kesihatan supaya mengambil langkah-langkah segera untuk membetulkan keadaan ini. Jika tidak masalah serius kekurangan doktor perubatan di Malaysia khususnya di Sabah dan Tawau akan terus bertambah buruk. Berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, ada tiga minit lagi.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Mungkin Yang Berhormat Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia jemput Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih tiga minit ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, soalan sikit sahaja jangan tiga minit.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bertanya sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan seruan untuk menubuhkan suruhanjaya siasatan diraja tetapi Yang Berhormat telah menyentuh tadi. Saya mahu tanya satu soalan lagi sama ada Yang Berhormat setuju penerangan daripada Jabatan Kastam mengenai dengan levi. Dalam mesyuarat *Public Account Committee* saya bertanya kepada kastam bahawa semua majikan pemilik estet di Sabah bersetuju dan tidak mempunyai masalah dengan

pembayaran levi yang tinggi Yang Berhormat sentuh. Adakah Yang Berhormat setuju tetapi apa yang saya tahu kelmarin ialah semua majikan merasakan bebanan pembayaran levi yang tinggi. Minta pendapat Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih lah Yang Berhormat dari Tuaran. Ini adalah masalah berlaku di Sabah dan di Tawau. Saya pun bersetujulah dengan apa yang di *feed back* kan oleh petani-petani dan mengikut levi itu, bukan sahaja levi itu yang tinggi tetapi masalahnya mereka yang sudah bayar levi dan pekerjaanya sudah lari dalam tempoh yang singkat yang mungkin satu ke dua bulan dan mereka akan hilang kerugian kewangannya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan, ini cerita Sabah semua ini. Ringkas Yang Berhormat ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tertarik dengan hujah Yang Berhormat Tawau, soal orang yang menghidap penyakit di Sabah ini kian meningkat, soal kematian kian meningkat, soal kemiskinan makin banyak di Sabah. Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat, siapakah orang-orang ini Yang Berhormat dan apakah cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan dapat mengatasi masalah-masalah yang di hadapi rakyat di negeri Sabah ini?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih. Mungkin Yang Berhormat pun tahu juga apa masalahnya tetapi mengikut rekod-rekod di sini kita tidak ada *breakdown*, ada pihak tempatan dan ada pihak pendatang, tetapi waktu saya melawat ke hospital-hospital, kita memanglah menyaksikan banyak pesakit di hospital adalah pendatang tanpa izin dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis sebenarnya.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Dengan itu, sekian terima kasih.

3.29 ptg.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ada fakta-fakta yang tertentu Yang Berhormat, jangan itulah, saya mengetahui apa yang saya buat. Sila Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Ini memang giliran kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat, tidak payah, itu soalan saya Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sabar, sabar. Sabar itu separuh daripada iman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak perlu orang mempertahankan kerusi ini. Belum lagilah.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya tidak menduakan Tuan Yang di-Pertua sebab saya tahu Yang Berhormat cukup hebat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berhubung dengan Bajet 2009.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nanti masa Yang Berhormat habis.

■ 1530

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya minta kawan-kawan tolong senyap ya. Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara pertanian yang dikurniakan oleh Allah SWT kelebihan, sinaran cahaya yang mencukupi, keluasan tanah yang dianggap sesuai untuk aktiviti pertanian dan tanaman, tetapi dalam keadaan kita mempunyai segalanya *advantage* semula jadi yang diberikan oleh Allah SWT ini, kita tidak dapat memanfaatkan supaya ia lebih cekap, lebih *excellent* dan walaupun jawapan pagi tadi diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pagi tadi berhubung dengan juga sebuah negara jiran kita yang telah berjaya mencapai tahap pertanian yang cukup membanggakan iaitu Thailand, tapi sebahagian besarnya daripada apa yang diamalkan di Thailand adalah mereka sebenarnya telah mengamalkan cara penanaman yang bersifat sains, *R&D base, agriculture farming* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sedangkan negara kita masih mengamalkan *extensive agriculture farming*. Jadi, itu perbezaannya.

Kalau Taiwan sebuah negara pulau yang kecil, jumlah penduduknya lebih kurang sama banyak dengan penduduk negara kita, mempunyai keluasan yang begitu terhad, tetapi di sebalik, bagaimana mereka berjaya memanfaatkan keluasan dan kedudukan tanah yang ada di negara berkenaan yang membolehkan mereka mencapai tahap hasil pertanian yang mereka tidak perlu diimport daripada luar negara. Jadi bermakna kata, secara langsung *food import bill* mereka tidaklah begitu tinggi jika dibandingkan dengan negara kita yang kita lihat antaranya, kita masih lagi meletakkan kebergantungan kepada import sebahagian daripada makanan daripada negara-negara luar.

Jadi, salah satu yang menarik perhatian saya dan rakan-rakan ialah bagaimana aktiviti pertanian sambil seperti penanaman padi di sawah-sawah padi itu dibuat pergiliran tanaman, kemudian di samping pergiliran tanaman disertai dengan penternakan itik, penanaman sayur dan semuanya yang dibuat dengan begitu cekap dan hasil yang mereka dapat, di celah-celah bangunan di negara berkenaan, mereka ada sawah padi. Ini bermakna kita tidak hairan bagaimana kita boleh takrifan bahawa tidak ada luar bandar di negara berkenaan secara langsung, setakat pandangan mata kasar, kita melihat soal-soal kemiskinan sudah berjaya diatasi sepenuhnya oleh kerajaan ataupun dasar yang telah dirancang hasil daripada pendekatan sains, *R&D base, agriculture farming* yang diamalkan oleh kerajaan Taiwan pada masa kini. Sila.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Arau. Saya ingin minta penjelasan, di Malaysia kita ada lebih kurang tiga ribu pekebun dan penternak dan saya rasa masalah mereka bukan hanya teknologi tapi mereka tidak

ada keyakinan, tanah mereka tidak ada geran, itulah satu masalah di Malaysia yang besar sekali, pemilik tanah itu tidak ada geran, jadi mereka tidak dapat labur dalam teknologi tanah itu. Oleh itu isu itu mesti dikendalikan, diselesaikan. Hampir semua kita punya *market, gardeners*, penternak, tidak ada geran.

Kita hanya tumpukan pada teknologi tanpa selesaikan masalah pemilikan. Itu yang sangat asas. Minta penjelasan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput atas pencelahan tadi. Sebenarnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Siput, tapi sistem kita sekarang ini, tanah di bawah bidang kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan, ada yang di bawah KPTG dan sebagainya. Jadi apa yang berlaku sekarang..., dan ada juga tanah kita ni kalau diikuti dari segi *land code* dan *land law* kita, dibuat begitu rupa yang membolehkan soal perlindungan, ada di panggil..., di Penang satu istilah yang kadang-kadang kita disebut..., ini semua hasil peninggalan penjajahan Inggeris dan kadang-kadang memang dari segi sistem kita akui baik tapi dari segi kita nak mengurus tadbir seperti mana Yang Berhormat Sungai Siput bangkitkan tadi, adalah sesuatu yang cukup memeningkan kepala sebab kalau orang tidak berani melabur kalau tidak ada jaminan, orang tidak berani mengeluarkan wang, sama ada hendak memajukan, menggunakan teknologi, mengimport teknologi dan sebagainya, kalau dilihat itu tidak memberi jaminan.

Kalau kita lihat di Taiwan, dia ada satu sistem yang kadang-kadang kita rasa sungguh pelik tapi diamalkan di sana. Kalau petani sudah mencapai tahap umur yang mencukupi, makna kata umur dia 70-80 tahun, mereka sudah tidak ada kemampuan, mereka petani ini boleh pergi kepada Pejabat Pertanian Daerah di kawasan masing-masing untuk daftar, bahawa tanah ini diberi kebenaran dan kerajaan akan terus bayar sewa kepada mereka, dan tanah ini kemudian dibuka peluang kepada siswazah-siswazah, graduan-graduan yang berminat dalam bidang pertanian yang tidak mahu bekerja dengan sektor lain atau yang bukan sektor pertanian, sektor-sektor lain, sektor perkhidmatan sebagainya, mereka boleh menjadi petani dengan mengambil tanah yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan sewa ini dibayar oleh kerajaan kepada pemilik-pemilik tanah berkenaan.

Jadi perkara-perkara ini kita perlu buat kajian. Sebab itu kalau ada peluang untuk kita melihat sistem, mana yang baik kita perlu ikuti. Kalau ada peluang yang boleh dibuat oleh Kementerian Pertanian dengan kita menghantar pegawai-pegawai kanan dan sebagainya berkursus, bukan sahaja Taiwan, malah negara-negara lain yang kita anggap dapat memberi sesuatu yang terbaik ke atas sistem kita ini, kita perlu bagi peluang dan mereka perlu pergi kursus betul-betullah dapatkan teknologi ini, jangan pergi makan angin, duduk di bandar, kemudian hanya pergi dua, tiga jam balik, kena balik bagi laporan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita tidak mahu ini kerana pembaziran akan berlaku, kerana perbandingan dari segi, contohnya kita ambil padi, penghasilan setiap hektar, kita baru letak *target* 10 tan satu hektar, tapi di Taiwan, mereka sudah capai taraf 12 hinggap 14 tan sehektar. Jauh meninggalkan kita...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bangun*]

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [*Bangun*]

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Tidak apa, saya bagi dua-dua Tuan Yang di-Pertua. Saya ini, semuanya rakan-rakan karib, Yang Berhormat Kota Melaka kawan, Yang Berhormat Balik Pulau kawan. Yang Berhormat Balik Pulau dulu kemudian Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kalau macam ini punya kawan, kita ada harapan tu. Yang Berhormat Arau tadi ada menjelaskan bahawa mengenai aspek tarikan kepada siswazah tadi,. Cuma saya mahu penjelasan sejauh mana gagal atau berjayanya dan saya rasa setakat tinjauan saya, agak kurang berjaya atau gagal rancangan kerajaan untuk menarik minat para siswazah dalam program pertanian kerana rata-rata di kampung kita masih lagi melihat pak-pak tani, mak-mak tani ni kurang sedikit. Jadi saya memohon penjelasan. Saya faham teknologi yang dipelajari di Taiwan dan sebagainya, tetapi sejauh mana kita dapat tarik minat siswazah ini untuk terlibat di dalam program pertanian tersebut.

Saya rasa agak gagal, dan saya mohon penjelasan, sejauh mana program kerajaan ini berjaya ataupun gagal. Terima kasih

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang lawatan ke Taiwan, teknologi tentang penanaman padi. Saya ingin tanya Yang Berhormat, adakah di negara kita juga sebelum lawatan ke Taiwan ini, memang sudah ada petani yang sudah gunakan teknologi Taiwan seperti di Sekinchan dan Kuala Selangor juga kalau saya tidak salah, ada juga yang pernah diberitahu di Dewan yang mulia ini bahawa hasil mereka berkali-kali ganda lebih dari yang lain, bukankah itu juga teknologi Taiwan, dan mengapa sekian lama kita tidak gunakan mereka sebagai contoh atau untuk meminta lain-lain jelapang padi belajar daripada mereka, mengapa perlukan lawatan ke Taiwan baru kita akui bahawa memang teknologi ini perlu kita belajar. Terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya jawab soalan Yang Berhormat Kota Melaka dulu sebab terdekat. Memang Sekinchan, saya tidak anggap Sekinchan..., tetapi soal sikap. Dalam pertanian ini dia ada dua benda. Pertama kita menguasai ilmu *skill* pertanian, *knowledge* kita dalam pertanian yang kedua, *advise*, khidmat nasihat. Jadi masalah kita sekarang ini, Sekinchan telah menunjukkan tapi Sekinchan *target* kita setakat 10 tan, kalau kita mahu lebih dari 10 tan, kita masih belum mencapai sasaran berkenaan, tapi di Taiwan mereka sudah mencapai 12 hingga 14 tan sehektar. Negara kita 10 tan belum lagi dapat kita gapai dengan *infra* dengan peruntukan, dan saya difahamkan peruntukan ini amat besar disediakan oleh kerajaan dalam meningkatkan hasil pertanian, keutamaan diberi kepada padi beras.

■1540

Ini kerana kalau setiap kali kita bincangkan soal dasar ini, ini sebagai peringatan kepada kerajaan supaya kita jangan fikir bila kita hendak merancang bagaimana hendak menstabilkan, dengan izin *food staple* ini, makanan ruji kita ini Tuan Yang di-Pertua. Kita selalu merujuk kepada import daripada negara luar. Apakah harga murah di Vietnam, harga murah di Thailand kita boleh bawa masuk sebagai persediaan untuk *stockpile*, yang amat kita perlukan untuk sebulan, dua bulan, tiga bulan dari segi perancangan kita? Itu yang selalu kita buat. Kita selalu lihat benda yang ada di luar. Tapi perancangan di peringkat dalamannya kita masih lagi dalam peringkat tergapai-gapai.

Saya tidak menyalahkan polisi. Polisi baik, Sekinchan itu orangnya rajin sebab mereka turun sawah lapan hingga sepuluh jam satu hari. Selepas subuh mereka sudah turun ke sawah. Kota Melaka, saya pergi belajar juga, pergi tengok Sekinchan bukan setakat infra. Infra disediakan oleh diri sendiri. Walaupun dibuat oleh kerajaan sedikit, tapi kesedaran petani mahu hidup yang lebih baik, peningkatan hasil yang lebih baik mereka buat sendiri sistem perparitan dengan menggunakan wang sendiri.

Adakah apa yang dilakukan oleh petani di Sekinchan itu dapat dituruti oleh rakan-rakan yang lain? Setakat untuk menyertai mini estet, kelompok yang dirancang, disediakan oleh kerajaan, ini kawan saya di MADA Kuala Kedah, bekas pegawai MADA hendak disatukan pun tidak boleh dibuat hingga sekarang ini. Hanya ada beberapa kumpulan sahaja yang mencapai kejayaan. Itu sebab sikap. Jadi kita ini bukan soal kita tidak boleh. Kita ada Universiti Putra sudah lama bertapak dari segi teknologi pertanian. Tapi soalnya sekarang sikap masyarakat itu perlu diperbetulkan. Jangan sampai dalam keadaan sekarang kita masih lagi tergapai-gapai. Ini Yang Berhormat Balik Pulau tidak jawab lagi Yang Berhormat Kota Melaka...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sebelum ini, boleh saya tanya sedikit sahaja. Adakah Yang Berhormat Arau Tuan Yang di-Pertua yakin bahawa tadi dikatakan selepas lawatan ini, sekarang adakah cara atau ada perancangan atau pelan bagaimana boleh menaikkan atau mengubah sikap petani negara kita supaya dapat setanding dengan - saya hendak tanya sikap sahaja.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Sebelum pergi Taiwan pun sudah bercakap. Bermakna kata, bila balik dari Taiwan keyakinan lebih menyerlah sebab kita hendak perbetulkan lagi keadaan ini. Sebab saya bercakap ini Yang Berhormat Kota Melaka atas dasar kawasan saya yang dua pertiganya adalah kawasan pertanian. Padi merupakan tanaman utama. Sebab bila saya melihat sejak kita merdeka hingga sekarang saya masih melihat ada lagi orang tengah yang masih mengaut keuntungan hasil daripada penat jerih petani-petani, masih ada. Sedangkan petani-petani sekarang boleh dikatakan ada lagi yang masih bergantung kepada orang tengah, yang bukan setakat membuat pinjaman sebelum dapat hasil tuaian, malah mereka ini

keseluruhan kos perbelanjaan untuk mengerjakan sawah mereka bergantung kepada orang tengah dan hasilnya mereka terpaksa bagi kepada orang tengah.

Untuk mendapatkan harga yang lebih baik, yang orang tengah ini dia tahu. Untuk dia dapat harga lebih baik, harga yang tidak ada penipuan dalam timbangan dan sebagainya dia jual dekat Padi Beras Nasional Berhad. Tapi untuk hasil petani dia pergi jual di kilang-kilang swasta lain yang mungkin diragui dari segi timbangan berat, potongan dan sebagainya walaupun kualiti petani hanya ada tiga bulan, 100 hari itulah hasil mereka untuk menyara keluarga, itulah hasil mereka untuk menyara anak-anak untuk belajar di sekolah dan sebagainya. Jadi benda-benda ini yang kita lihat, saya mahu pegawai-pegawai lebih aktif. Kalau satu masa dulu kita menempatkan rumah pegawai pertanian di kawasan. Akan tetapi rumah itu sekarang jadi sarang dadah. Rumah itu sekarang telah dikosongkan yang tahu *maintenance* dibuat setahun sekali, cat baru tapi pegawai tidak duduk sebab pegawai sudah beli rumah di kawasan perumahan. Tidak ada masa dia hendak duduk bersama petani-petani hendak bagi khidmat nasihat.

Kalau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Yang Berhormat Dato' Mustapa minta laporan daripada pegawai MADA dia hanya telefon. "Pak Mat, adakah pesawah-pesawah kita ini kena penyakit karah? Berapa kawasan ini?" Dia hanya telefon, dia tidak berada di *field* yang sebenarnya untuk bagi laporan yang sebenar. Jadi dasar yang dirancang, pegawai bagi maklumat tidak betul jadi tidak betullah segala-galanya, ini yang berlaku. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Kota Melaka sudah jelas. Kemudian balik kepada penjelasan kepada Yang Berhormat Balik Pulau, sahabat saya. Mentaliti siswazah kita ini - sudah tidak ada adik-adik ini. Ada satu perkara di sini mereka menganggap bidang ini, pertanian bukan mendatangkan *it's not a business*. Bukan satu perniagaan pada diri mereka. Pada saya dana-dana yang telah diberikan oleh kerajaan terlalu banyak. Baru-baru ini kalau tengok pinjaman belia tani iaitu pinjaman mudah menerusi Bank Pertanian, menerusi borang yang diedarkan saya ingat RM5,000, RM3,000, RM10,000 dalam bidang penternakan dan sebagainya ini telah dibagi pinjaman mudah begitu sahaja.

Setengahnya dibagi *reserve collateral*, tidak ada faedah dan sebagainya. Jadi perkara-perkara ini kadang-kadang kita bagi penjelasan, tetapi mereka tidak minat langsung, tidak ada minat. Bagi menarik minat mereka bahawa bidang pertanian ini sebenarnya kalau diusahakan dengan teliti ianya sebenarnya boleh mendatangkan hasil dan juga pendapatan dan terbukti apabila kita lihat Hari Penternak, Petani, Nelayan dan sebagainya ada usahawan-usahawan muda yang mendapat anugerah. Bagaimana mereka menjana pendapatan? Ada setengahnya mencapai tahap yang cukup membanggakan dalam kehidupan. Sebab itulah dalam hal ini selain daripada itu, kerana orang kebanyakannya stail kita orang Malaysia, barang kita bila pergi keluar jadi kualiti tinggi nilainya. Duduk dalam negara ia tidak ada nilai. Macam kita dulu, kita terkenal dalam sepak takraw dulu. Kita tidak ada tandingan. Dalam badminton kita tidak ada tandingan. Kita hendak bagi sukan ini popular dan ada tandingan kita hantar juru latih ke luar negara.

Apabila orang sudah pandai, orang boleh tewaskan negara kita. Sekarang kita hendak dapat balik pun mustahil. Macam itu juga biji benih kita hasilkan kadang-kadang ia berbuah sebiji. Tapi kalau pergi ke Taiwan ia berbuah tiga biji. Orang ambil benih kita tapi *research* R&D yang dibuat dengan menggunakan pendekatan sains itu telah menyebabkan ianya mendatangkan hasil yang cukup.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya tertarik dengan Yang Berhormat daripada Arau. Kalau kita eksport kualitinya begitu bagus. Saya hendak minta penjelasan, mengapa jadi begitu? Proton sebagai contoh digalakkan rakyat membeli Proton, tetapi kalau kita bandingkan Proton untuk kegunaan dalam negeri dan yang dieksport lain kualitinya. Kenapa jadi begitu? Tadi dia sebut begitu. Jadi saya minta penjelasan.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Tidak apa. Masih berkaitan, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat Kubang Kerian saya merasakan bahawa, contohnya Syarikat Proton dulu apabila kita hendak lahirkan kereta negara ini, walaupun ada tentangan tapi ianya pada suatu ketika ia berada di puncak tapi selepas ianya berlaku sedikit perubahan iaitu kegagalan kita dalam R&D dan sebagainya. Akhir-akhirnya Proton dilihat gagal walaupun sekarang ini kita sudah mula naik kembali sedikit sebanyak. Tapi ada perkara-perkara yang perlu dibagi perhatian untuk kita berdaya saing untuk mencapai taraf *world class car* di peringkat dunia. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ialah kualiti yang dihasilkan masih sama.

Adakah ia berkaitan dengan soal pengurusan yang melibatkan pengurusan orang-orang Malaysia ini tidak mampu, kerana perlu ambil orang Jepun juga terlibat dalam pengurusan baru dia boleh jadi elok. Jadi sampai banyak benda yang kita perlu pertikaikan sampai soal vendor. Vendor yang dihasilkan tidak berkualiti di antaranya ada kajian yang dibuat bahawa di antara sebab-sebab berlakunya kemalangan penggunaan *spare part* yang dibuat tiruan, yang begitu banyak digunakan oleh pengguna-pengguna. Jadi perkara itu tidak dijaga selain *specnya*. *Spec* UK tidak sama dengan *spec* Malaysia. Jadi apa salahnya dibuat sama, sedangkan harga yang dijual untuk kita mencuba pasaran di luar negara jauh lebih murah daripada yang dijual di negara kita. Yang mana ianya *free tax* dan sebagainya, jadi dalam hal ini, dalam kita hendak mencapai taraf negara maju yang ini kita mestilah sekurang-kurangnya kita mesti menukarkan sikap.

Begitu juga dalam bidang pertanian seperti yang saya katakan tadi selain daripada teknologi yang kita dapat kita haruslah menguasai R&D, kita harus menguasai khidmat nasihat, itu yang paling penting dan harus bersikap terbuka dalam..

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh?

■1550

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Ada berapa minit , Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masih ada masa lagi.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Masih ada masa. Silakan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Banyak masa lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Arau. Berhubung dengan industri permotoran yang dibangkitkan sebentar tadi, mengapa perindustrian permotoran kita yang diterajui oleh Petronas begitu tidak bermaya untuk menembusi pasaran luar negara menjadi sebuah syarikat membuat kereta seperti pembuat kereta negara-negara lain. Setujukah Yang Berhormat kalau saya mengatakan bahawa pengurusan Proton perlu ditukar kerana telah gagal dalam usaha ini.

Saya merasakan mereka telah gagal walaupun kerajaan telah memberikan peruntukan berbilion ringgit untuk membantu Proton dalam projek ini. Kalau kita ambil Korea atau ambil Jepun, mereka hanya mengambil masa lebih kurang 20 tahun untuk menjadi pengeluar syarikat kereta bertaraf antarabangsa, tetapi Proton telah begitu lama, lebih daripada 20 tahun saya kira. Jadi ini menunjukkan kelemahan dari segi pengurusan Proton dan kita mendapat tahu mereka teragak-agak untuk membuat kerjasama dengan syarikat-syarikat kereta yang ternama yang boleh memberikan pengajaran dan juga teknologi yang sesuai untuk membangunkan industri kereta ini.

Kenapa agaknya berlaku begini? Kita kena belajar. Korea belajar daripada Jepun. Jepun belajar daripada syarikat kereta daripada *General Motors*, *Chrysler*, daripada *Ford*, manakala kita belajar dengan siapa? Tidak mahu belajar. Bila tidak mahu belajar, ini yang jadi macam ini, tidak maju-maju.

Seorang Ahli: Pergi Taiwan balik. Belajar dari Taiwan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa kena mengena dengan Taiwan? Taiwan tidak ada kena mengena dengan kereta. *[Ketawa]* Jadi, boleh tidak Yang Berhormat bagi sedikit penekanan....

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Biar dia kejar kita balik di Taiwan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa itu?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Biar dia kejar kita balik di Taiwan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Balik Taiwan?

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Saya amat bersetuju dengan Pasir Salak dan bersetuju untuk memasukkan pandangan Yang Berhormat sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Cuma kita minta dalam hal ini kerajaan harus berhati-hatilah terutama dari segi kerjasama. Macam satu ketika, CTRM, sebuah GLC yang membeli syarikat membuat kapal terbang di Amerika Syarikat di US, apa yang kita tahu apa perjanjian yang dibuat yang menyebabkan tiap-tiap tahun kita kena bagi *capital injection*, kena bagi duit, kena hulu USD10 juta tau USD20 juta

sehinggakan yang terbaru apabila kita sudah melihat, kita pun tidak tahu sebab diurus tadbir oleh 'mat saleh' semua.

Kita pun tidak pandai tetapi syarikat itu milik Kerajaan Malaysia. Maknanya hebatnya Malaysia ada kilang membuat kapal terbang kalau tidak silap di Virginia, usahawan. Kalau boleh diperbetulkan selepas ini kalau salah, tetapi kita terpaksa jual balik kerana kita tahu bahawa dalam kita hendak buat sesuatu pelaburan, biar ianya harus berdasarkan kepada pertimbangan, kena *consider of factors*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh menyebabkan tidak berlaku kerugian seperti mana kesilapan-kesilapan yang kita buat pada masa-masa yang lalu.

Jadi saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak dan supaya ianya dapat dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Walaupun kawan-kawan dok ketawa pasal Taiwan, Korea, negara-negara Asia tetapi sekarang ini kita melihat negara-negara Asia ini sudah mempunyai simpanan trilion USD yang cukup hebat dan apabila berlaku krisis kejatuhan dasar liberalisasi, diregulasi yang diamalkan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, nampaknya sistem kewangan atau sistem ekonomi dunia sudah beralih pandangan ke Asia hasil daripada simpanan besar yang dimiliki oleh negara China, Korea Selatan, Singapura, Hong Kong, Taiwan dan sebagainya. Inilah menunjukkan bahawa negara-negara Asia tidak kurang hebatnya. Kalau kesungguhan perubahan fikiran, minda rakyat yang sanggup menerima segala perubahan yang boleh menyebabkan kita boleh mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cakap sektor pertanian tadi sudah hilang. Kawan-kawan sudah kacau ganggu, lima, enam orang. Saya pun tidak tahu apa lagi yang saya hendak cakap. Daripada kereta masuk Proton, masuk itu ini, cuma saya hendak beralih tentang subsidi RM800 bagi setan beras dalam usaha kita hendak menstabilkan harga beras pada kadar RM16.80 di pasaran. Saya sebenarnya bersetuju dengan hasrat, niat murni kerajaan supaya rakyat mendapat harga yang murah pada kadar beras hancur 15% pada harga RM16.80. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sedar atau tidak, walaupun Majlis Harga Negara berkali-kali menegaskan dalam memastikan stok penimbal kita ini dapat kita kawal sepenuhnya, dalam masa yang sama kalau ianya tidak dilaksanakan dengan berhati-hati sebab saya difahamkan di peringkat awal lagi saya pernah tegur di Dewan yang mulia ini iaitu konsultan yang telah diberi tanggungjawab untuk membuat akses bagi stok penimbal dan juga kedudukan harga beras hancur 15% dalam pasaran ini, mereka tidak berbincang dengan pihak industri.

Saya sudah kata di awal, mereka tidak berbincang dengan pihak industri. Kalau tidak berbincang dengan pihak industri, macam mana keputusan boleh dibuat. Itu kesilapan besar yang dibuat kerana pada saya, konsultan ini dia kena faham industri. Apa pun kalau tidak faham industri, dia akan gagal. Polisi yang kita rancang, ianya tidak akan menjadi kenyataan di sini. Jadi apabila ianya dibuat keputusan, kita menghargai hasrat murni tetapi di peringkat penyelewengan yang dijangka akan berlaku ialah apabila RM800 setan bagi setiap beras yang

telah dibuat *agreement* dengan kilang-kilang yang ada di negara kita, ianya boleh menjuruskan kepada pengeluaran invoice kosong.

Jadi apa jaminan penguat kuasa padi beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bahawa tidak akan berlaku perkara ini kerana saya difahamkan, *enforcement*, penguat kuasa di peringkat negeri-negeri tidak ramai. Jadi andai kata berlaku pengeluaran invoice kosong, berlakulah *claims* ataupun duit ini daripada kerajaan, duit yang berasnya tidak keluar. Invoice yang *disclaim* itu macam berlaku penyeludupan yang dibuat dahulu ini, dia seludup beras dari Kelantan, beras Siam yang tidak masuk menerusi AP ini, dia masuk macam itu sahaja tetapi menggunakan invoice 1 sampai Terengganu, invoice 2 sampai Kelantan, invoice 3 sampai Kuala Lumpur, tetapi sampai.

Makna kata perkara ini berlaku. Jadi untuk hal ini dan kalau ianya dikeluarkan pun sampai ke peringkat *retailers*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua ataupun peringkat peruncitan, tuan punya kedai dia akan letak 10 kempit, yang 15% itu yang lain dia tukar kempit. Di belakang dia akan letak harga 20%. Masih lagi berlaku kegagalan dan pengguna ataupun rakyat tidak dapat menikmati harga sebenar yang memang ditujukan untuk mereka. Kandungan sama, cuma kempit ditukar lain, wajah lain, warna lain, nama lain, harga RM16.80 telah berubah kepada harga RM28 dan sebagainya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dalam hal ini kita minta biarlah walaupun kita terpaksa melihat keadaan ini dengan begitu teliti kerana peruntukan RM800 juta pada saya cukup besar. Selain kita sudah sebut di peringkat awal lagi, kegagalan kita untuk mencapai tahap 10 tan pun masih jauh. Sekarang ini 3 hingga 4 tan sahaja *average* dan saya difahamkan dalam *harvesting season* yang baru lepas padi di seluruh negara baru sekitar 5 hingga 6 tan. Jadi 10 tan pun belum sampai, apatah lagi hendak ke pasaran seperti mana di Taiwan, 12 tan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Saya tidak bagi, Balik Pulau, minta maaf kerana masa sudah tidak cukup. Cuma kita hendak tunjuk di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam keadaan apa pun, kesungguhan yang kita buat, kita perlu sebenarnya serius dan terutamanya dari segi pelaksanaan. Kalau kerajaan buat dasar yang terbaik, peruntukan besar disediakan sekalipun, tetapi dari segi pelaksanaannya nampak gagal, kekurangan pegawai untuk kita mencapai, maka kita akan gagal untuk mencapai sasaran seperti mana yang kita kehendaki.

■1600

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pemasaran iaitu FAMA. FAMA adalah sebuah badan ataupun *body* yang telah diberi kuasa untuk memasarkan bahan-bahan atau buah-buahan hasil-hasil pertanian tempatan. Jadi dalam masa yang sama, FAMA juga berperanan untuk bukan sahaja memasarkan di dalam negara. FAMA juga diberi tugas menerusi

akta yang telah diubah baru-baru ini di mana pegawai-pegawai FAMA telah diberi peluang untuk boleh membuat pinjaman di bank dalam menguruskan anak-anak syarikat yang terbabit di dalam bidang pemasaran ini. Cuma kita minta di sini, kesungguhan kita untuk memasarkan produk-produk pertanian di negara kita ini di luar negara. Walaupun sesetengahnya kita tidak dapat pasarkan secara segar ataupun secara *fresh*, kita boleh gunakan untuk memasarkannya dalam bentuk-bentuk yang lain.

Ini adalah sebab, kita kena fikirkan menerusi IPTA dan juga IPTS yang ada di negara kita ini, terutamanya di dalam bidang yang berkaitan dengan makanan. Kita cuba jadikan makanan yang kita hantar, semua chef-chef yang dilatih di IPTA ini keluar negara dan ditempatkan di hotel *five* atau *six stars* di semua bandar raya-bandar raya utama negara yang menggunakan kaedah masakan hasil daripada produk pertanian kita. Jadi itu merupakan antara kaedah ataupun cara yang sebenarnya telah menolong untuk orang mengenali hasil buah-buahan tropika yang mana kita sebenarnya memang ada perkara-perkara ini, cuma cara, masa dan ketika dan bagaimana untuk kita memastikan ia dapat berjalan dengan lancar. Itulah yang sepatutnya kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Taiwan ke Hong Kong. Di Hong Kong, kita di Konsulat Jeneral ada majlis berbuka puasa, sembahyang tarawih dan sebagainya dengan rakan-rakan di sana. Kita dimaklumkan, satu perkara penting tentang masalah pelancongan. Usaha murni yang dibuat oleh TDC untuk menarik pelancong datang ke negara kita adalah kita hargai dan kita alu-alukan. Cuma apabila mereka ini balik ke negara mereka, mereka protes dari segi keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, tahap keselamatan di negara kita sekarang terutamanya di tempat-tempat penginapan, di kawasan-kawasan peranginan, ada yang cukup tidak terkawal. Ada pelancong yang balik ke negara mereka mengadu mereka dirogol oleh kakitangan hotel ataupun kawasan dan barang-barang, dokumen-dokumen serta segala wang ringgit diambil di dalam bilik hotel.

Jadi perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Orang-orang tertarik. Kita ada *advantage* tempat-tempat menarik di negara kita. Orang-orang berminat hendak datang, sanggup berbelanja wang dan kita jadikan negara kita *shopping paradise* dan sebagainya. Orang tengok segala-galanya dengan sesuatu yang cukup meyakinkan kita. Akan tetapi kalau masalah keselamatan kita tidak jaga macam kes balai polis di Chow Kit dan sebagainya itu, yang ini harus diberi perhatian.

Selain daripada polis, kita ada juga pengawal-pengawal keselamatan yang kita ambil di hotel dan sebagainya. Akan tetapi, sekarang ini saya tengok trend-trend hotel pun, macam kita masuk ke sebuah hotel di India, di Dhubai dan sebagainya. Orang-orang tempatan sudah tidak dipakai lagi. Kenapa Kementerian Dalam Negeri tidak berusaha *upgrade* pegawai-pegawai keselamatan? Jangan ambil pak cik-pak cik yang berumur 70 tahun, 65 tahun. Ada cara lain untuk kita bagi mereka *survive*, bukan dengan mereka diambil untuk menjadi pegawai keselamatan.

Cuba kita wujudkan institut latihan keselamatan yang lebih canggih, yang ada modul latihan. Tidak payah kita ambil *Nepalists* atau orang-orang Nepal yang datang ke negara kita. Semuanya hidung mancung-mancung dekat hotel. Di Kuala Lumpur ini, cuba kita tengok. Seluruh orang Malaysia tidak mampu, sedangkan yang menganggur di luar bandar, masih lagi ramai. Kenapa ini berlaku? Sebab mereka ini *Nepalists*. Ini bukan *Nepalists* yang pakar di dalam bidang ketenteraan! Gurkha, Nepal ini, bukan askar Gurkha! Dato' Seri Azmi bin Khalid, Yang Berhormat Padang Besar boleh sahkan perkara ini.

Mereka ini moden-moden semua dah! *Handsome-handsome* macam pelakon Hindustan, sudah tidak tahu bermain senjata pun. Yang mereka tahu, mereka boleh nampak. Ini akan mendatangkan krisis sosial juga tidak lama lagi sebab mereka ini *handsome-handsome* belaka. Sudah macam Shah Rukh Khan pun! Lebih daripada Shah Rukh Khan, lebih *handsome* daripada itu. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan ini adalah masalah yang cukup penting. Kita berseronok, seronok juga, akan tetapi yang ini kita kena jaga. Kedatangan pelabur-pelabur asing untuk meningkatkan FDI, orang akan tengok dari segi tahap keselamatan negara.

Oleh sebab itu, saya mohon mencadangkan kepada pihak kementerian, segerakanlah ditubuhkan institut latihan keselamatan untuk pegawai-pegawai keselamatan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Dalam negeri, akta keselamatan kedua-duanya itu mesti kena laksanakan dengan segera. Modulnya sudah ada. Di Malaysia, orang sudah buat. Di Thailand, orang sudah buat. Di luar-luar negara, semua sudah ada. Apabila kita *upgrade* mereka-mereka masuk ke institut ini, mengikut modul menggunakan senjata, kawad, cara bagaimana bertugas sebagai pegawai keselamatan, diberi uniform yang menarik, ada pangkat koperal, sarjan, ada paku, ada apa semua, maka gaji mereka pun, boleh disamakan. Ini kita sanggup bayar kepada Nepal daripada kita hendak bayar kepada pekerja sendiri. Semacam mana Yang Berhormat Tawau tadi bangkitkan. Dia tidak bagi laluan dekat saya tadi. Saya hendak tanya sebenarnya hendak *supporting details* dia punya kenyataan. Akan tetapi dia tidak bagi, tidak mengapalah.

Namun begitu, saya hendak ceritakan bahawa inilah kenyataan. Keselamatan adalah satu sudut yang cukup penting yang mana harus diberi perhatian oleh kerajaan supaya pelancong-pelancong yang balik ke negara mereka, mereka menganggap, "*Oh, tahap keselamatan Malaysia cukup baik*". Sekarang ini bukan kata tidak baik pun. Akan tetapi kalau ada kes-kes yang terpencil macam itu, orang akan memperbesarkan, orang akan nampak Malaysia tidak selamat sebagai destinasi pelancongan yang boleh dijadikan tempat mereka melancong bersama keluarga dan sebagainya.

Jadi, usaha kita buat tetapi perancangan susulan di negara sendiri di peringkat asas ini perlulah berada di dalam keadaan yang benar-benar terkawal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Boleh, boleh gulung. Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapa saya tidak gulung. Saya pakai berhenti terus nanti Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya Kementerian Pelancongan tentang premis-premis ataupun chalet-chalet yang dibuat yang saya rasa sekarang ini banyak yang masih belum digunakan dan belum dipasang terutamanya di negeri Perlis. Ada dua berhampiran dengan pantai yang masih belum dimasuki elektrik dan belum diberi hak atau *right to manage* kepada mana-mana syarikat ataupun kerajaan negeri mengendalikannya.

Jadi, perkara ini jangan dibiarkan membazir. Bangunan cantik kita lihat sudah mula disalahgunakan. Jadi, hendak buat biar perancangan gunakan. Sebab perkara ini kalau dibuat promosi, maka orang akan datang dengan tempat yang begitu menarik.

Yang terakhir sekali ialah tentang sukan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak bercakap tentang sukan negara, seperti Yang Berhormat Kubang Kerian bangkitkan, adalah tidak lengkap.

Jadi saya hendak beritahu, sukan sekarang walaupun ada sukan yang kita telah mencapai tahap yang baik, ada sukan masa ini, masih jauh kita ketinggalan di belakang. Pendekatan kejurulatihan di antara perkara yang harus diberi penekanan oleh Kementerian Belia dan Sukan terutamanya dengan menggunakan *sports science*.

Jadi jurulatih yang ada di negara, kalau hendak menggunakan jurulatih tempatan, dia harus dihantar berkursus di negara-negara yang telah mencapai tahap sukan yang tinggi. Di mana mereka menggunakan kaedah-kaedah yang saintifik, bukan terikat dengan pendekatan-pendekatan yang konservatif, tradisional yang masih jauh dan ketinggalan zaman sehingga menyebabkan mutu sukan negara tidak dapat dipertingkatkan dengan hasil pelaburan atau peruntukan besar yang diberikan oleh kerajaan.

Yang Kedua, kita ada dua cara untuk mengecap kejayaan segera. Untuk kita hendak pastikan, kita boleh, macam sukan bola keranjang, orang tidak berapa nampak. Kita boleh membawa masuk pemain bola keranjang daripada China. Yang ini buat sementara waktu, bagi mereka PR untuk mereka mewakili negara. Pemain bola sepak daripada Amerika Latin, kita ambil daripada umur 15 tahun. Datang tiga orang cukup. *Defend* satu, *midfield* satu, *striker* satu. Kemudian mereka ini merupakan pencetus, penggalak kepada rakan-rakan orang-orang Malaysia yang lain. Ataupun hantar skuad yang berumur 11 tahun, 12 tahun terus berlatih di Brazil, Argentina seperti yang dibuat di Negara China. Mereka hantar dan pada umur 21 tahun baru balik. Akhirnya sekarang, liga bola sepak China telah meningkat mendadak mendahului kita. Kita sudah lama mula pro, semi-pro, ada pemain import, tidak ada pemain import, macam-macam kita sudah buat. Tahap bola sepak bukan main naik, malah makin jatuh merudum dan terus merudum kerana kita pun tidak tahu apa sebabnya.

Akan tetapi, inilah hakikatnya. Kadang-kadang negara-negara jiran buat dengan negara-negara yang maju di bidang sukan buat. Akan tetapi kita tidak mahu buat. Kononnya, kita

hendak perlukan ada jati diri. Pemain kita sendiri, kita hendak lahirkan, hendak bentuk. Itulah yang kita dok bagi alasan sampai sekarang. Akan tetapi apa yang kita buat tidak setimpal dengan pelaburan dan peruntukan besar yang telah disediakan oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

■ 1610

4.10 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk sama-sama membahaskan belanjawan Bajet 2009 yang telah pun dihurai dengan panjang lebar oleh pandangan Ketua Pembangkang dan di kebanyakan sudut mungkin telah puas dihujahkan dengan penghujahan yang kukuh dan tuntas oleh beberapa lagi Ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat.

Saya mahu memulakan perbahasan ini dengan mengungkap satu coretan kolumnis Media Perdana yang menceritakan bagaimana pengalaman beliau yang sekali gus merupakan kekecewaan beliau dan rintihan beliau yang menyebutkan tentang bagaimana sepinggan nasi putih kosong yang dibeli di restoran nasi kandar di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) naik daripada 60 sen hingga menjadi RM1.00. Tatkala ditanya mengapa kenaikan mendadak seperti ini, taukenya menyebut bahawa ia adalah kerana harga petrol naik. *[Ketawa]* Semua Ahli Dewan yang mulia ini maklum mulai 5 Jun yang lalu harga minyak petrol naik daripada RM1.92 bagi RON 97 kepada RM2.72 seliter, lonjakan 78 sen, paling bersejarah di negara ini. Meskipun telah tiga kali diturunkan harga petrol ini iaitu pada 23 Ogos sebanyak 15 sen, awal September 10 sen dan baru-baru ini 15 Oktober turun 15 sen, jumlah harga yang telah turun ialah 40 sen. Namun pada setiap penurunan hinggalah ke hari ini nasi putih kosong di restoran nasi kandar di Jalan TAR ini masih pada harga RM1.00 sepinggan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada lawak-lawak yang beliau coret dan oleh kerana semuanya agak celik, saya tidak perlu lanjutkan dengan salahnya telahan dahulu bahawa semua yang naik itu sepatutnya turun juga, tetapi nyata dalam telahan ini beliau tersasar dan tersilap. Tuan Yang di-Pertua, inilah antara keluhan rakyat teramai. Suri rumah juga mengeluh dan merintih harga keperluan di dapur naik dan terus naik. Bawang, cili, asam jawa semuanya naik. Tepung, bayam, kacang panjang dan ikan kembung yang menjadi penanda aras rakyat bawahan (marhaen) kali ini tidak boleh lagi dibeli dengan harga RM8 sekilo. Sekarang ia sudah melebihi RM12, RM13 dan mungkin juga RM15 sekilo.

Tuan Yang di-Pertua, itulah satu *snapshot* kedudukan rakyat yang berlatar belakang perbahasan ataupun pembentangan Bajet 2009, tidak termasuk tambang bas naik, bas sekolah naik, tambang teksi naik, cendol naik, karipap naik, semuanya yang disebutkan. Namun apa yang menjadi malangnya, saya lanjutkan, dalam suasana yang seumpama ini apabila dibahaskan oleh semua Ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat dan kadang kala ada juga insinuisi-insinuisi dari Ahli Yang Berhormat daripada sebelah sana, khususnya Sabah dan

Sarawak yang juga merintih memberitahu Dewan yang mulia ini. Paling malang adalah kerana apabila setelah penghujahan itu dibuat bahawa bajet perlu dinilai semula dengan kadar yang seberapa segera dan dibentangkan kembali. Kita lihat sindrom penafian Kerajaan Barisan Nasional masih lagi pada tahap yang cukup kukuh walaupun telah diberikan satu deraan yang agak parah setelah 8 Mac, tsunami politik yang melanda mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahukan *adjustment* yang kritikal, *adjustment* yang penting untuk dibuat kerana seluruhnya unjuran-unjuran khususnya bagi persoalan pendapatan sudah tidak boleh lagi diguna pakai kerana jauh tersasar. Ini telah pun dibahaskan dan mungkin saya akan menimbulkannya kemudian. Sekali gus apabila kita lihat dan saksikan respons yang sedemikian maka kita mempertikaikan sejauh mana keprihatinan kerajaan dalam benar-benar menggarap pahit getirnya kedudukan rakyat khususnya rakyat marhaen, rakyat teramai dan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menerima bahawa dari sudut-sudut tertentu ataupun dari sudut-sudut yang diterima sebagai *parameters micro* ataupun *micro-economic parameter*, kewangan dan ekonomi negara itu tidaklah jauh ataupun tidaklah sangat tergugat; *balance of payment* betul, simpanan antarabangnya (*foreign reserve*) betul, *surplus account and currentnya* betul dan begitu juga dengan *national savingnya*. Memang ada kebenarannya bahawa ia tidak di tahap yang mencurigakan. Namun untuk berhujah bahawa secara terus-terusan negara akan bebas daripada ancaman *the global net down* yang persis dari sudut impaknya yang parah seumpama *global depression* 1930, saya kira penafian itu tidak dapat - *it's no longer tangible*. Ekonomi negara sudah tidak boleh dikira apa yang dihujahkan sebagai boleh dirungkaikan daripada politik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Inilah yang dikatakan sebagai ketidakupayaan ekonomi negara itu *decoupled* ataupun *decoupling of economy* kerana ia tidak boleh

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baru masuk. Belum lagi ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah masuk. Sudah jauh masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi laluan Yang Berhormat?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak mengapalah, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sebab sudah lama tidak dengar suaranya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia baru balik dari UK.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor, terima kasih banyak. Saya merasa agak hairan dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Kuala Selangor yang begitu berpengalaman dan berpengetahuan dalam soal ekonomi mempunyai sikap penafian yang disebutkan, iaitu mengatakan bahawa kerajaan tidak mengambil kira kesan daripada kemelesetan ekonomi yang akan melanda dunia dan negara kita ini dan terus berdegil dengan perancangan dan belanjawan yang dikemukakan. Apakah Yang Berhormat tidak membaca di dalam akhbar dan mengikuti perkembangan apa yang dilakukan oleh kerajaan dilaporkan di dalam media cetak, media elektronik bahawa kerajaan mengakui adanya kemelesetan ekonomi yang akan kita hadapi. Dengan sebab itu kerajaan mengambil tindakan-tindakan untuk menghadapi masalah ini.

■1620

Apakah Yang Berhormat tidak faham? Saya hendak tanya sekarang. Yang Berhormat bercakap sudah berapa banyak perkara disebut, saya tidak nampak cadangan. Apa cadangan Yang Berhormat sebagai daripada Parti Pembangkang untuk membaiki bajet yang dibentangkan oleh kerajaan?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukup Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan bawa soal nasi sepinggan dua pinggan. Kalau takut harga nasi naik, jangan makan di kedai, makan di rumah. Ini soal nasi sepinggan menjadi isu dalam Dewan Rakyat, memalukan daripada seorang tokoh ekonomi, seorang bekas pensyarah.

Bercakap soal harga nasi, kita mahu strategi bajet, bagaimana kerajaan untuk menjadikan bajet ini sebagai satu bajet yang boleh ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukuplah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa pula cukup? Kenapa takut?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak apalah itu. Saya faham. Duduk dengar.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Takut hendak berhujah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Duduk, dengar, duduk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak takut hendak berhujah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau hujan cakap macam ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini soal ekonomi dunia. Soal ekonomi dunia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Seorang lawan berapa orang ini?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa balik?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu teruskan.

- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.
- Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini soal ekonomi dunia.
- Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** *[Menyampuk]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Pasir Salak ya.
- Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*
- Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cabar apa? Apa cabar? ...hendak cabar apa?
- Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.
- Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini antara saya dengan Yang Berhormat Kuala Selangor.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Ya.
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...sudah cukup. Bukan *time* kamu, karang kamu hujah, kamu hujah lah. Dia sudah...*[Dewan riuh]*
- Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini soal ... Apa kamu-kamu?
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apalah hendak tunjuk samseng dekat sini?
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Duduklah Yang Berhormat Pasir Salak.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat Kuala Selangor.
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Inilah masalahnya Tuan Yang di-Pertua.
- Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bercakap soal ekonomi dia.
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Macam lepas gian.
- Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pandai, tetapi apabila orang berhujah takut. Takut hendak mendengar hujah. Apa ini? *[Dewan riuh]*
- Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Duduklah Yang Berhormat Pasir Salak. Mengarut sahaja.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat Kuala Selangor.
- Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa mengarut? Ya, berhujah, mari.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak cukup ya.
- Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, nanti potong dia punya masa, tambah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah ganggulah. Yang Berhormat Kuala Selangor teruskan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berapa orang hendak tolong ini? Berapa orang hendak tolong ini. lagi-lagi ramai tolong. Tolong lagi. *[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukup lah. Kita, cukuplah Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Teruskan-teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bercakap soal ekonomi, macam-macam...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh berucap lah nanti.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, kita selaku wakil rakyat yang mewakili rakyat membawa perbahasan antara lainnya apa yang juga dirasakan oleh rakyat di akar umbi.

Seorang Ahli: *Yes. [Tepuk]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini dia. Kita...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini bukan rakyat, ini parti pembangkang punya dakwah. Dakwah parti pembangkang, rakyat saya tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Seorang kolumnis media perdana...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tohmahan tidak habis-habis.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...yang menulis di dalam media perdana. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya ingin meneruskan penghujahan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, dia tidak bagi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya ingin meneruskan penghujahan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya sebutkan, kalau kita masih ingat bagaimana mantan Menteri Kewangan yang juga selaku Perdana Menteri apabila membentangkan bajet yang lalu. Panjang penghujahannya tentang pembangunan membawa persoalan pendapatannya di hujung dan di akhir-akhir. Itu songsang bukan?

Kita berbelanja apa yang sebenarnya dalam kemampuan atau lebih sedikit. Akan tetapi daripada cara pendekatan perbincangan dan perbelanjaan bajet yang lalu itu, bicaranya panjang tentang pembangunan atau *development* atau apa yang hendak dibuat ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akan tetapi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kena minta jalan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukup lah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini bukan kali pertama Kerajaan Barisan Nasional membentangkan satu bajet.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya menyebutkan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah berapa puluh tahun, berapa puluh kali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Tidak beri jalan ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya ingat ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Menyampuk*]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya menyebutkan kerana di sini yang menjadi teras pertikaian adalah kerana kita sudah sepuluh tahun mengalami bajet defisit. Pada tujuh tahun yang lalu, hampir-hampir lima tahun yang lalu. *There was a progressive attempt in reducing the deficit budget* yang merupakan satu yang boleh diberikan sedikit pengiktirafan, tetapi kali ini Bajet 2009 pendapatannya memang jauh tersasar. Oleh kerana itu, segala penghujahan dan segala perkara yang dibawa dalam Bajet 2009 yang lalu yang dibentangkan oleh mantan Menteri Kewangan pada pandangan kami sudah jauh tersasar.

Ambil sahaja contoh, saya akan hujahkan mengapa defisit bajet terus-terusan akan menjejaskan mikroekonomi negara khususnya daripada sudut *sovereign rating* yang hari ini kita di paras *single A*, masih baik dari sudut menggamit pelaburan dan juga dari sudut *currency* kita. Namun, kalau begini caranya kita sudah tidak ada perdulian kepada persoalan defisit kerana khususnya dalam perbelanjaan, dalam bajet yang lalu persoalan pendapatan yang hari ini diterima, diterima oleh *CIMB Research House*. Paling mutakhir disebutkan sendiri oleh *Malaysian Institute of Economic Research* oleh pengarah urusannya sendiri, bahawa negara ini sudah tidak lagi boleh mengekang serangan global *meltdown* ini. Justeru kerana itu, persoalan bajet mesti dibentangkan kembali dengan *numbers* dan *numbers crunching nya* yang baru, sesuai dengan bagaimana, apa dia dan bagaimana persoalan pendapatan dalam negara mampu dijana dan dipacu.

Oleh kerana itu kalau saya ambil beberapa contoh. Pada setiap penurunan RM10 setong minyak mentah *tapis blend*, penurunan pendapatan negara adalah sebanyak RM4 bilion pada setiap penurunan *reduction of USD10 per barrel*. Congakan yang dibuat dan congakkan saya sendiri di sana sahaja terdapat berkemungkinan besar, *ballpark numbers* adalah kekurangan pendapatan sebanyak RM16 hingga RM20 bilion daripada penjualan atau pun pendapatan utama kerana ekonomi negara kita masih lagi bersifat *commodity based*. Walaupun kita bercakap tentang k-ekonomi tetapi masih menaruh pergantungan kepada hanya minyak kepala sawit, getah dan bijih galian.

Ini yang kita rundingkan tentang persoalan tentang persoalan pengurusan ekonomi dan *finance* negara. Kerana apa? Hari ini negara dunia bercakap, *future risk* bercakap tentang *the new Asian century*. Saya sendiri sedang membaca satu buku *The New Asian Hemisphere* oleh Profesor Kishore Mahbubani yang uar-uarkan tentang kedatangan satu era baru dalam Asian *renaissance*. Akan tetapi kalau begini cara kita mengurus tadbir kewangan dan ekonomi negara seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, "Terkial-kial kita untuk bertarung bukan dengan negara-negara *emerging economy* seperti South Korea, Singapore, Hongkong, Taiwan dan seumpamanya dengan Vietnam, Thailand, The Philipines pun kita jauh terkial-kial ketinggalan untuk menggamit contohnya FDI".

Itu sebabnya, kalau kita lihat kalau ambil juga *crude palm oil*. *Crude palm oil* pada setiap penurunan RM100 satu tan. Kita akan kehilangan penurunan pendapatan sebanyak RM1.76 bilion. Kurang lebih, congakan pakar-pakar ekonomi, saya rasa saya bersetuju dengan mereka adalah sebanyak RM25 bilion. Kerana apa? Kerana anggaran dan *estimate* yang dibuat dalam bajet yang lalu adalah pada paras harga CPO RM3,300 2009. Hari ini, harga CPO hanyalah berlegar di sekitar RM1,630 dan di CPO *futures* lebih rendah daripada itu.

Jelas dengan dua penghujahan ini, kalau Yang Berhormat Pasir Salak masih dengar bagaimana persoalan bajet 2009 yang lalu Tuan Yang di-Pertua sudah tidak lagi *tenable* untuk menggarap perbelanjaan yang dibuat. Justeru kerana itu, saya meneruskan juga ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebut Pasir Salak tadi boleh berhujah tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, dia sebut Pasir Salak. Jadi boleh berhujah tidak dengan Pasir Salak.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Pasir Salak untuk *round* pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Kuala Selangor dia tengok saya, dia ajak saya berhujah. Akan tetapi apabila saya bangun hendak bercakap dia tidak bagi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya sudah terima hujahan tadi yang saya rasa tidak ada hujahnya pun...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tiap-tiap kali bercakap dia tengok saya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukup meleset...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *So, you are inviting me to debate with you. Come let's go and debate.*

■1630

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu debat kat sini Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini *floor* saya, saya *debate* dahulu. Sebentar nanti Yang Berhormat Pasir Salak boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tapi Yang Berhormat boleh lihat di sini Yang Berhormat. Arah sini Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat dari sudut *capital market, share market*...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Kuala Selangor mohon laluan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya tidak mempunyai masa yang mewah Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit sahaja, hendak tanya sahaja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ... mahu memberikan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Takut dia.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Kuala Selangor sedikit sahaja hendak tanya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau Yang Berhormat Pasir Salak tidak takut, insya-Allah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Cuma inginkan penjelasan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik, baik saya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor, saya pun tidak hendak kita bercakap retorik sahaja. Cuma saya hendak tahu dari segi pandangan ahli ekonomi lokal kita. Saya setakat ini saya tidak dengar lagi yang lokal *economies* kita menggunakan secara terbuka bahawa bajet kita ini tidak boleh dibahaskan, tidak boleh diperdebatkan. Soal sumber tadi yang dikatakan merosot kerana harga CPO kita jatuh, harga

minyak kita jatuh. Apakah kita tidak ada sumber lain.? Apakah defisit itu kita tidak boleh merancang dan melaksana? Saya berharap Yang Berhormat Kuala Selangor dapat memberi penjelasan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik, saya sebutkan sebentar tadi, *researches houses* yang disebutkan tadi adalah semuanya lokal. Saya tidak merujuk kepada mana-mana *international research houses*. Saya menyebutkan tentang CIMB Bank, *Aseambankers* termasuk *Malaysia Institute Of Economic Researches think-tank* kerajaan itu sendiri. Kesemuanya kalau Yang Berhormat Batu Pahat juga membaca, sepatutnya sudah insaf dengan betapa pentingnya. Perkara ini bukan untuk memerintah dari segi kepentingan parti...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Apakah MIER ada mengatakan bahawa bajet ini mesti ditolak...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Persoalan bajet...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...dan dibuat baru?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak apa, biar saya jawab. *In the latest of financial edge daily*, jelas menunjukkan bahawa apa pun yang disebutkan oleh Pengarah Urusan, tentang kedudukan ekonomi khususnya tentang pendapatan yang merupakan sebahagian separuh daripada bajet. Pendapatan adalah separuh daripada perbincangan bajet yang sudah jauh tersasar. Berbelanja itu satu hal. Kita hanya boleh berbelanja apa yang kita ada. Kalau hendak lebih pun, lebih sedikit-sedikit. Ini kalau sudah sampai *double* digit defisit apa ceritanya Tuan Yang di-Pertua?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tanya apakah MIER ada mengatakan bahawa bajet ini perlu ditolak dan di bawa bajet baru?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena minta jalan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Mafhumnya, adalah persoalan itu tolong baca *Financial Daily*. Mungkin Yang Berhormat Batu Pahat kurang membaca mutakhir ini. Baik, Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itulah saya jawab, siapa kata itu saya kata...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan Yang Berhormat Kuala Selangor sahaja pandai bacalah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tolong cakap betul-betul, maksudnya apakah MIER kata tolak? Bawa bajet baru? Jangan putar belitkan kenyataan MIER itu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, MIER tidak bercakap tentang bajet, tetapi ekonomi dan kewangan negara. Persoalannya, penting dalam bajet adalah

pendapatan ekonomi negara. itu yang diperbahaskan, bukan untuk menjawab soalan Yang Berhormat Batu Pahat, lebih besar daripada itu.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ekonomi dan pendapatan negara sudah jauh tersasar. Ini memerlukan satu krisis atau *crisis management* yang di antara lainnya mesti diterjemahkan dalam pembentangan bajet yang baru.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu saya kata bajet ini boleh diteruskan. Tahulah kerajaan buat *revision* kemudiannya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukuplah, cukup. Saya ada banyak lagi *point* ini. Itu yang saya bagi laluan tadi. Sudah bagi betis hendak...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dalam bahasa halusny MIER tolaklah itu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itu saya tidak cakap.

Tuan Haji Roslan bin Shaharum [Bukit Gantang]: Tidakkann itu tidak reti Yang Berhormat Batu Pahat. Apa yang teruk sangat?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan berdialog.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jangan diputarbelitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan berdialog. Siapa yang bercakap, bercakap dengan elok. Kalau ada minta penjelasan, minta penjelasan dengan baik. Sila teruskan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Justeru kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesimpulan kalau mahu berbicara tentang persoalan pendapatan negara yang sudah hari memang jauh terjejas, dan juga yang akan seterusnya menjejaskan beberapa perkara yang telah saya sebutkan terlebih dahulu tentang *sovereign rating*, dan juga tentang bagaimana kesemuanya ini akan dapat membawa kesan kepada mikro *economics* khususnya *unemployment*, khususnya *growth* ataupun pertumbuhan. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mahu merubah sedikit pendekatan saya. Kerana saya rasa masa yang ada ini, saya mahu mengongsi lontaran pandangan saya dari satu sudut pandang pembentangan bajet yang juga sekali gus akan menggarap beberapa isu yang kalau boleh saya mahu maksimakan masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 10 minit lagi Yang Berhormat. Sepuluh minit.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya tidak mahu beri laluan apa lagi Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan dari sudut pandang Islam khususnya dari sudut pandang Pas umumnya, perlu mengambil kira tiga dasar penting dan dasar inilah di bawah pemerintahan Islam Hadhari kerajaan Barisan Nasional saya mahu memajukan supaya diambil teliti. Ini beberapa cadangan yang lebih khusus mungkin. Pertama adalah prinsip yang disebutkan dalam bahasa Inggerisnya *good governance*. Akan Tetapi ia termaktub dalam Al-Quran sebagai satu yang

dituntut Allah SWT. Itu adalah prinsip Al-Istikhlaf dalam surah An-Nur ayat 55, Allah memberi faham bahawa di antara sifat sebuah kerajaan dan kepimpinan yang bertanggungjawab adalah mereka yang mengurus tadbir negara dengan prinsip Al-Istikhlaf dalam bahasa yang mudahnya *good governments* [Dengan menyebut sepotong ayat Al-Quran] tanpa saya berhujah panjang, saya mahu terus masuk. Itu prinsip *good governance* dan *good governance* ini menyinggung persoalan antara lainnya supaya tidak berbelanja lebih daripada pendapatan. Nabi Allah Yusuf dalam surah Yusuf menyebutkan hanya 7 tahun. Ini sudah 10 tahun.

Defisit yang berterusan seumpama ini meninggalkan kesan yang cukup berat kepada negara dan kepada rakyat. Saya ingin menyebutkan dan diujahkan kemudian huraian. Yang kedua, prinsip Al-Istiqmar [Dengan menyebut sepotong Al-Quran] Allah SWT. menyebut manusia ini dijadikan di atas muka bumi supaya dimakmurkan muka bumi ini dan pada akhirnya untuk mencapai apa yang dikatakan sebagai *the world being ness of all* Rakyat Al-Falah. Tuan Yang di-Pertua, saya berhajat untuk menguraikan perkara ini dalam kekangan waktu yang ada ini. Yang pertama yang saya ingin sebutkan tentang melanjutkan persoalan bajet itu. Daripada sudut pandang *good governance* atau pun Al-Istikhlaf wajar dan wajib sebuah kerajaan memastikan bukan hanya mampu membuat anjuran-anjuran *policy prescription*, tetapi lebih penting daripada itu membawa sistem penghantaran ataupun sistem *delivery*, penyampaian sistem yang cekap yang berkesan.

Kalau total bajet kita Tuan Yang di-Pertua, adalah sebanyak RM207 bilion kurang lebih, 1% ketirisan menjejaskan sebanyak RM2.7 bilion. Anggaran pakar ekonomi yang saya boleh *quote*, saya tidak sandar kepada mana-mana pembangkang, *The Edge* menyebutkan, seorang pakar ekonomi Morgan Stanley menyebutkan bahawa tahap ketirisan dan kebocoran pengurusan ekonomi kewangan negara ini adalah pada tahap 3% GDP. Dengan kata lain, kalau berterusan berlaku ketirisan dalam bajet ini dan dalam *delivery system* bajet ini yang sudah jelas pada kita bagaimana ianya dibuktikan sama ada Laporan Ketua Audit Negara sama ada segala ketirisan yang kita bahaskan sepanjang-panjangnya di Dewan yang mulia ini pembelian BII contohnya yang sudah tidak *prudent* melangkaui dan melepasi apa yang *historical* amalan negara Indonesia itu sendiri. Pembelian Pakistan Bank *Of Commerce*, pemberian kepada projek-projek mega, *fast feed broadband*, 2 Bilion dan juga pada projek-projek yang terbengkalai seperti Broga... Sedikit masa dahulu jambatan bengkok Johor RM100 juta pampasan, RM700 juta pampasan. Keseluruhannya perkara ini meninggalkan satu kesan yang cukup parah...

■1640

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: [*Bangun*]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...Yang ditanggung bukan oleh Kerajaan Barisan Nasional tetapi rakyat...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Mencilah sedikit.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...*Tax payers*. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tolong, mencelah sedikit.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tak ada masa, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak benarkan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya membawa penghujahan ini kerana pentingnya untuk ditekankan persoalan sistem *delivery* ataupun penghantaran sebagai satu prinsip alistiklak yang dituntut oleh Allah, yang dituntut oleh Islam, yang dituntut oleh nilai-nilai sejagat *on good governance*.

Di samping itu juga persoalan meletakkan *priority* ataupun alalawiyah, *prioritization* dalam pembangunan supaya peruntukan-peruntukan dana yang mega mewah mesti diletakkan kepada projek-projek yang membawa pulangan yang besar kepada rakyat. Antara lainnya kalau pun defisit biarkan ianya defisit yang berkualiti bagi menjana *multiplier effect* khususnya untuk membawa kesan langsung kepada generasi hadapan.

Umpama *prioritization* adalah sektor-sektor pendidikan, *health system* yang kian terjejas, *housing*, perumahan dan juga mutakhir ini pertanian. Ada pun infrastruktur-infrastruktur yang lain bersifat *double tracking*, bersifat apa jua yang mega mewah ianya penting tetapi ada di sana perkara yang lebih penting daripada yang penting. Sebab itu *Islamic legal system* menekankan tentang takdim ahabbuminalmuhim. Meletakkan yang lebih penting daripada segala yang penting.

Oleh kerana itu kalaulah tidak diletakkan keutamaan ini pada teras dan kepada penarafan yang sebenarnya maka kita dapat lihat bagaimana koridor-koridor pembangunan ini yang kita hingga hari ini tidak diberikan penjelasan yang terperinci di sudut *number crunching* nya, di sudut programnya. Apa yang kita diuar-uarkan dan diisytiharkan adalah sebanyak kalau tidak silap saya RM1.3 trilion yang akan dibelanjakan di lima koridor ini. Bagaimana rakyat mendapat limpahan pulangan ini masih jauh untuk dijangkau dan kesemuanya itu masih lagi merupakan mimpi di siang hari. Tidak termasuk bagaimana kesan buruk kesan sampingannya.

Justeru kerana itu Tuan Yang di-Pertua, persoalan pertumbuhan sebagai parameter mikro ekonomik perlu dilihat dan ditinjau kembali. *There must a revisit of concept of growth* ataupun konsep pertumbuhan GDP ataupun KDNK ini. Dari sudut pandang kami persoalan KDNK ini bukan hanya *growth per say not growth for it's growth sake*.

Oleh kerana itu pacuan ekonomi, pacuan pertumbuhan setiap tahun mahu dipacu. Satu masa dahulu seorang mantan Perdana Menteri menyebutkan dengan begitu megah di Dewan yang mulia ini, kita akan memacu pertumbuhan sebanyak 10% untuk 10 tahun akan datang katanya. Ditakdirkan merudum 1999 *a financial crisis of Asia* dan kita lihat bagaimana sebuah negara yang memandu pada gear dua untuk satu jangka jalan yang terlalu jauh *result in over*

heating, result in apa yang dikatakan sebagai ekonomi meruap dan membelon dalam banyak sektor khususnya sektor yang spekulatif seperti saham dan hartanah.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya Kuala Selangor bagi mewakili kawan-kawan dalam PAS dan juga Pakatan Rakyat memajukan satu konsep *green* GDP. Satu konsep bukan *green* sebab kami ini PAS tetapi hijau kerana ia merupakan dan menggambarkan simboliknya pertumbuhan yang mapan, yang *sustainable* dan yang subur. Justeru kerana itu Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan ini perlu diambil kira juga pengenalan apa yang dikatakan sebagai *carbon tax* hasil daripada perhitungan karbon kredit untuk memulihara alam sekitar yang kian diperkosa dengan penjanaaan pertumbuhan kononnya yang tidak mengenal apa erti nilai-nilai yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hitung GDP ini Tuan Yang di-Pertua segala apa yang ada dalam ekonomi dan aset negara ini umpamanya hutan belantara, *our virgin forest* ia tidak dianggap satu yang membawa kesan kepada GDP selama ia tidak dipungut dan digondolkan. Sebaik sahaja lojing berlaku, sebaik sahaja apa jua ekonomi aktiviti berlaku ia termasuk dalam perhitungan GDP. Begitu juga dalam pembinaan sebuah *prison* di Sarawak yang harganya ratusan juta ringgit. Ia juga termasuk apa yang dikatakan sebagai GDP ataupun perhitungan kepada pertumbuhan GDP. Kalaupun kedua-duanya tadi membawa kesan yang cukup parah *as a negative adverse impact* kepada *environment* dan juga kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung dalam seminit Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua persoalan pertumbuhan, persoalan *growth* GDP *persay* perlu di *revisit*. Perlu ditinjau kembali dengan satu paradigma dan satu *world view*, satu pendekatan yang jauh lebih baik daripada apa yang dikemukakan selama hari ini. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara yang ingin saya sebutkan yang terpaksa saya ringkaskan dan dalam satu minit ini Tuan Yang di-Pertua apa yang boleh saya sebut. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Elakkan pertenggaran lain kali.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya. Inilah celahan-celahan Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Batu Pahat ini Tuan Yang di-Pertua tapi kawan-kawan tak apa Tuan Yang di-Pertua.

Jadi apa yang hendak saya tegaskan sebagai rumusannya Tuan Yang di-Pertua Bajet 2009 hari ini memerlukan satu pencerakinan semula. Ia perlu dihitung khususnya dari sudut pendapatannya Tuan Yang di-Pertua kerana sudah jauh tersasar daripada apa yang dikatakan sebagai hasil yang mampu dipungut RM176.2 bilion. Juga begitu persoalan pengurusan, mengurusnya sudah jauh meningkat dalam tiga tahun contohnya. Dahulunya RM100 bilion sekarang RM155 bilion. Apa tidaknya Tuan Yang di-Pertua, kalau kabinet saiznya pun sudah *double XL* Tuan Yang di-Pertua. Yang kalah pun hendak jadi menteri juga. Jadi penasihat pun gajinya macam menteri juga.

Kesemua perkara ini Tuan Yang di-Pertua meletakkan persoalan dalam di bawah kerajaan Islam Hadhari persoalan prinsip ikhtilaf, prinsip istikmal memakmurkan negara dan rakyat, mengurus dengan pentadbiran yang baik untuk akhirnya melahirkan sebuah negara baidatun toyyibatun warabulrafur yang menjadi cita-cita kesemuanya kita sama ada nilai sejagat mahupun nilai Islam masih jauh daripada mampu dicapai.

Justeru kerana itu saya merakamkan di Dewan yang mulia ini daripada Kuala Selangor membawa sekali lagi senario *snapshot* rakyat yang sedang terhimpit dengan segala kenaikan ini hasil daripada satu polisi yang tidak bertanggungjawab dan kurang kepeduliannya kepada rakyat hingga hari ini kita tidak boleh merombak kembali dan kembali kepada tahap lama walaupun kita akan mengurangkan harga petrol sebanyak RM0.78 untuk masa akan datang. Inilah perkara yang saya sebutkan dalam perbahasan titah dahulu dan saya ulangi sekali lagi rakyat mungkin tidak faham mikro ekonomik, pertumbuhan, *foreign reserve*, *current account*, *surplus* atau defisit tapi yang rakyat tahu apabila mereka ke Kuala Lumpur, apabila mereka berada di Kuala Selangor, di Sabah dan Sarawak di mana pedalaman sekalipun mereka ingin tanya berapa nasi kosong sepinggan di restoran yang mereka langgan. Inilah yang menjadi keperitan rakyat...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya merakamkan Tuan Yang di-Pertua sekian terima kasih. Saya mohon dipertikaikan dan dibentangkan kembali Bajet 2009.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudah tahukan lepas sebelah kiri mesti sebelah kanan. Yang Berhormat Pasir Salak, lama saya tidak dengar suara Yang Berhormat Pasir Salak. Sila. Jangan banyak provokasi ya Yang Berhormat.

4.49 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bismillahhirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan memulakannya dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan kerajaan yang telah membentangkan satu belanjawan yang mempunyai niat yang baik tidak lain tidak bukan untuk memastikan kesejahteraan rakyat dapat dibuat dengan baik sekali.

■1650

Inilah fokus kepada bajet yang dibentangkan oleh kerajaan yang kita harus berikan pujian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Barisan Nasional. Sebelum saya meneruskan hujah-hujah saya, saya ingin rakamkan rasa kesal di atas sikap yang ditunjukkan oleh rakan-rakan daripada parti pembangkang, di mana selama ini melaungkan untuk mewujudkan Parlimen yang bertaraf dunia, di mana kita boleh berbahas dan berhujah di antara satu sama lain.

Akan tetapi malangnya sebentar tadi apabila Yang Berhormat Kuala Selangor bercakap, saya ingin memberikan hujah dan ingin bertukar pendapat telah dihalang dan diserang oleh rakan-rakan beliau termasuk Yang Berhormat Shah Alam yang bersikap kurang ajar dengan menggunakan perkataan “kamu” kepada saya di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Peraturan, *Standing Order* 36(6), saya rasa, saya minta dia tarik balik.

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya minta dia tarik balik perkataan “kurang ajar” itu.

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan perkataan “kurang ajar” kerana tidak ada orang menggunakan perkataan “kamu”.

Dato’ Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Saya fikir Tuan Yang di-Pertua menggunakan perkataan “kamu” banyak kali di dalam Dewan ini.

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tapi itu dalam semangat yang lain, bukan semangat untuk menghina seseorang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mana dia tahu semangat saya Tuan Yang di-Pertua. Dia ini bukan *kasyaf*, dia tak boleh baca hati saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Shah Alam, janganlah gunakan perkataan sebegitu.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Minta tarik balik Yang Berhormat Pasir Salak, minta tarik balik.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta tarik balik yang kurang ajar tu.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Tak elok perkataan “kurang ajar”, orang Perak pun tak gemar terutama orang Bukit Gantang. Tarik baliklah!

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya merasakan penghinaan yang dilakukan oleh beliau. Oleh sebab itu saya tidak akan menarik balik perkataan yang saya gunakan tadi.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedang tunggu reaksi daripada Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ulang sekali lagi iaitu Yang Berhormat Shah Alam bersikap kurang ajar apabila menggunakan perkataan “kamu” kepada saya untuk berbahas di dalam Dewan ini dengan Yang Berhormat Kuala Selangor. Menggunakan perkataan dengan niat yang tidak baik, datang daripada seorang wakil rakyat parti Islam tetapi berlagak tidak *Islamic*. Bercakap soal Islam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Shah Alam duduk dulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak berhujah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, saya tadi tidak ada dengar apa yang dihujahkan sama ada “kamu” itu berniat jahat atau tidak. Kalau boleh Yang Berhormat Pasir Salak yang perkataan “kurang ajar” itu, kalau boleh tarik baliklah, tolonglah.

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Tuan Yang di-Pertua: Kerana kalau kita mahu perbincangan berjalan dengan baik, hormat-menghormati, elakkanlah perkataan-perkataan sebegini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua tetapi menggunakan perkataan demikian dengan niat yang jahat, kita tidak boleh benarkan berlaku. Saya tidak mahu tarik balik sebab ini niat jahat. Kalau dengan niat yang baik, saya boleh tarik balik, tapi niat jahat, menghina. [*Dewan riu*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, duduk dulu sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap. Perkataan Yang Berhormat Shah Alam gunakan tadi itu sewaktu berbahas saya tidak ada di sini. Jadi saya mahu penerangan daripada Yang Berhormat Shah Alam sama ada perkataan “kamu” itu digunakan dengan niat jahat atau tidak?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Saya tidak menggunakannya dengan niat yang jahat malahan perkataan “kamu” ini bagi saya satu perkataan yang biasa digunakan seperti mana juga dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, boleh respons kepada itu. Dia tidak mempunyai niat jahat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada pepatah Melayu mengatakan, “*Orang berak tepi jalan, dia tidak mengaku*”. Ini pepatah Melayu, dia buat salah, dia tidak akan mengaku, tak kan dia nak mengaku, dia malu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, kalau pun umpamanya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sini Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar daripada luar dengar menggunakan ...[*Dewan riu*]...dengar menggunakan perkataan “kamu”.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ingat pelajar-pelajar tidak adalah. [*Ketawa*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan bermain dengan kata-kata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, tolonglah Yang Berhormat Pasir Salak. Kalau umpamanya Yang Berhormat Pasir Salak tidak suka dengar perkataan “kamu” itu mungkin niat jahat. Bagi saya perkataan “kurang ajar” itu lebih lagi tidak baik. [*Tepuk*] Tolonglah, silalah, *gentleman*lah sikit, minta maaf. Boleh? Kalau tidak saya buat perkara begini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua, apakah perkataan yang sesuai untuk saya gunakan kepada seorang yang mengeluarkan perkataan dengan niat yang tidak baik begitu? Gunakan perkataan yang sesuai, biadab? Tidak bertamadun?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tolonglah, janganlah kesabaran saya diuji, tolonglah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ini selalu *double standard*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, saya mohon sekali lagi untuk tarik balik perkataan “kurang ajar” itu kerana kalau saya tidak minta Yang Berhormat tarik balik, saya tidak boleh berfungsi sebagai Tuan Yang di-Pertua, duduk esok lusa menegur...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak boleh, kita kompromi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada kompromi dengan saya kerana ia...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan dengan Tuan Yang di-Pertua, dengan Yang Berhormat Shah Alam. Dengan Yang Berhormat Shah Alam berkompromi, dia tarik balik perkataan “kamu”, saya tarik balik perkataan “kurang ajar”. [Dewan riuh]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Nak tarik balik perkataan “kamu”, nak pakai apa? Awak? Engkau?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Guna Yang Berhormatlah, saya Yang Berhormat dalam Dewan ini, Pasir Salak. Kenapa? Tak tahu?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Ketawa] Oh, Yang Berhormat, okey, okey saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa nak pakai perkataan “Yang Berhormat” seperti mana dia juga terhadap Yang Berhormat Kuala Selangor pun tak guna perkataan “Yang Berhormat”, dia kata “Kuala Selangor”.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eh, saya guna.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia cicirkan, boleh baca Hansard.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, panggillah dia Yang Berhormat, panggil dia.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ha, ini masalahnya Yang Berhormat Shah Alam ini, selalu putar belit sebab itu kalau Yang Berhormat Ipoh Timur guna perkataan “orang utan”, mereka senyap pula. Ini *double standard*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Double standard*. Okey, kita kompromi boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Nak kompromi ke? Tarik baliklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik balik perkataan “kamu” dan saya tarik balik perkataan “kurang ajar”.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, saya tidak ada masalah pasal memang niat kita tidak begitu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha baguslah. Saya tarik balik.

Seorang Ahli: Tarik apa? [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua telah pun berniat baik, mulai dari saat ini kalau saya yang duduk mempengerusi, kalau ada saya dengar perkataan-perkataan yang *unparliamentarily*, saya tidak kira dari *senior politician* ke, daripada *back-benchers* baru jadi wakil rakyat ke, saya akan menggunakan kuasa saya di bawah 44(2). Ini sebagai amaran.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dan nanti apabila saya menggunakan itu pula, ada lagi suara-suara sumbang yang saya dengar daripada belakang.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, cuma nak tanya perkataan "kamu" itu boleh digunakan ke atau tidak di dalam Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua: Bagi saya, tidak ada masalah dengan perkataan-perkataan yang tidak menyinggung, tetapi eloklah kalau umpamanya gunakan perkataan-perkataan yang lebih baik daripada itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya pun setujuah Tuan Yang di-Pertua, mungkin orang yang sudah lanjut sikit usianya lebih sensitif. Lalu mungkin bagi saya perkataan "kamu" itu tidak ada masalah tetapi bagi Yang Berhormat Pasir Salak, dia terasa sangat so minta maafah.

Tuan Yang di-Pertua: Dan teruskan, teruskan Yang Berhormat, dekat 10 minit tadi itu sudah masa Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada *injury time*.

Tuan Yang di-Pertua: Orang lain tidak ada *injury time*, Yang Berhormat pula ada *injury time*. Sila-sila, ada lagi lebih kurang 22 minit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa terhad, saya ingin menumpukan kepada tajuk-tajuk utama.

Pertama sekali, apa yang dibangkitkan oleh parti pembangkang tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk mengkritik, menghentam dan memburukkan kerajaan. Bukan tujuan untuk memberi idea, cadangan dan saranan yang boleh diambil kira oleh pihak kerajaan untuk memperbaiki bajet yang telah dibentangkan. Saya merasa kesal, kita mengharapkan konstruktif *opposition*, pembangkang yang membina, kita bersedia untuk mendengar apa juga cadangan, tetapi jikalau sekiranya mengkritik hanya untuk tujuan mengkritik, ini adalah satu sikap yang tidak bertanggungjawab.

Apakah salahnya kerajaan apabila berlakunya krisis ekonomi dunia? Ini bukan perbuatan Kerajaan Malaysia, ini krisis ekonomi dunia. Pakar dari Kuala Selangor, Yang

Berhormat Kuala Selangor, saya difahamkan seorang pensyarah ekonomi terkenal di sebuah universiti, bukan tidak tahu.

■1700

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak betul itu Pasir Salak. Minta maaf.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan? Tidak betul? Tetapi mungkin berlagak sebagai tokoh ekonomi, *sorry*lah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sudah, sudah, sudah!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, ini masalah yang timbul disebabkan oleh apa yang berlaku di Amerika Syarikat. Kerakusan mereka di Amerika Syarikat yang menimbulkan krisis kewangan dan juga menimbulkan krisis ekonomi yang hari ini banyak bank-bank bankrap, syarikat-syarikat besar bankrap. Amerika Syarikat yang menggunakan sistem ekonomi bebas yang menjadi keagungan daripada pihak-pihak parti pembangkang yang selalu menyeru "*Kita mengambil contoh kepada negara-negara yang maju seperti Amerika, seperti Singapura, seperti United Kingdom*". Inilah contohnya di mana ekonomi mereka sekarang ini sudah bankrap.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [*Bangun*]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu dan Shah Alam sudah berdiri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh, tidak ada masalah bagi *extra time*. Okey Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada *extra* Yang Berhormat. Shah Alam ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya terima kasih...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pendek sedikit.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Salak. *Emphasis on the* Yang Berhormat. Saya rasa apa yang disebutkan tadi memang tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Malahan inilah *point* yang hendak disampaikan oleh wakil rakyat-wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat bahawa ini merupakan satu masalah di peringkat antarabangsa. Mahu tidak mahu kita kena akui bahawa negara kita akan terjejas. Malangnya apabila Menteri Kewangan ataupun timbalannya membentangkan hujah-hujah yang menyatakan bahawa oh ini tidak ada kena mengena dan kita ini selamat daripada apa-apa kesan antarabangsa kerana negara kita ini adalah kukuh dan sebagainya. Ini merupakan satu penafian dan penipuan. Inilah di antara sebabnya mengapa kita inginkan bajet dikaji kembali. Ya, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hairan sekali lagi mengapa Yang Berhormat Shah Alam boleh berkata demikian apabila kerajaan lebih khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam masa pembentangan bajet tempoh hari telah menyebut masalah krisis ekonomi dunia yang besar

kemungkinannya mempengaruhi ekonomi negara kita ini. Ini diakui oleh beliau dan beliau mengambil kira faktor-faktor ini semasa pembentangan bajet ini. Bagaimana Yang Berhormat boleh mengatakan bahawa kerajaan ataupun Perdana Menteri, Menteri Kewangan tidak mengambil kira, tidak peduli dengan apa yang berlaku di persekitaran ekonomi dunia dan negara kita ini? Ini tidak betul, satu kenyataan yang tidak betul yang menyelewengkan rakyat dalam hal ini. Jangat buat begitu, tidak baik.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya sambung sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sambung? Okey sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada *injury timelah* Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagilah. Nanti dia orang kata saya tidak bagi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan begitu Yang Berhormat. Kita harus ikut peraturan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ikut peraturan tetapi dengan tidak ada pertanyaan sekarang saya bagi pertanyaan. Sekarang saya bagi pertanyaan. Bagilah masa.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya masih lagi dengan tekun menantikan apa dia penghujahan Yang Berhormat Pasir Salak sehingga ke saat ini. Masih lagi saya tidak kedengaran apa dia penghujahannya. Apa yang saya hendak sebutkan untuk pertimbangan Yang Berhormat Pasir Salak, Tuan Yang di-Pertua, diiktiraf dan diakui sendiri oleh Pengarah Urusan *Executive Director Malaysian Economic Research* paling mutakhir bahawa ramalannya adalah 40% kebarangkaliannya bahawa negara dan ekonomi negara akan mengalami *recession*, teknikal *recession* untuk 2/3 pada 2009.

Senario ini tidak ada langsung disebutkan dalam pembentangan bajet yang lalu. Justeru kerana itu perkara ini menjejaskan juga. Inilah antara perkara yang kita mahu hujahkan, kepentingan untuk membentangkan kembali satu yang lebih realistik dalam senario yang ada kini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada 12 minit lagi Yang Berhormat saya ingatkan. Tidak ada *injury time*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi jangan bagilah soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak apalah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okeylah kalau begitu. Saya nanti...

Tuan Yang di-Pertua: Shah Alam, Shah Alam nanti kalau Shah Alam mula bercakap nanti..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya boleh berpendirian jangan bagi soalan tetapi tidak seronoklah, kalau tidak ada soalan. Kalau Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya Yang Berhormat lebih seronok kalau ada umpamanya *exchanging of view* ini secara baik. Saya tidak apa-apa lagi saya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Okey let's have a good exchange of views. No problem, we do it now.* Okey sekarang saya hendak jawab yang Kuala Selangor *in a very healthy way.*

Tuan Yang di-Pertua: Dalam masa 12 minit ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: 12 minit juga.

Tuan Yang di-Pertua: Mesti 12 minit mana boleh Yang Berhormat saya kasi *injury time*, yang lain tiada *injury time.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya baru balik dia orang berucap sampai empat jam, tiga jam, dua jam, satu jam. Bagilah kita pula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang baru balik itulah relaks dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey saya...

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, sila teruskan. Tidak apa, jangan hiraukan. Sila teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Kuala Selangor sebut laporan itu, laporan ini yang mengatakan 40%, berapa *percent* kejatuhan pendapatan negara. Ini kajian jangkaan yang dibuat oleh mereka boleh jadi betul atau boleh jadi tidak. Ini ramalan, unjuran, *prediction, economic projection.* Kita dahulu membuat unjuran bahawa harga minyak akan naik sampai ke USD200 tetapi apa jadi kepada perkembangan semasa yang menunjukkan bahawa ramalan itu tidak betul. Pada hari ini harga minyak sudah menurun kepada USD70 satu tong. *So this* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, unjuran-unjuran ini dia tidak semestinya akan sama, kekal sampai bila-bila, dia mungkin berubah.

Jadi dengan sebab itu adakah bajet setiap kali adanya perubahan, setiap adanya perkembangan, maka kita akan mengubah bajet kita. Setiap bulan mesti dibentangkan satu bajet baru? Setiap enam bulan mesti diubah bajet kita, dibentangkan sekali lagi? Ini seolah-olah kita perlu berbuat demikian.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi ini banyak hendak bertanya, boleh bagi masa tidak Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada *injury time.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I'm really to go for it.*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan, Batu Pahat mohon penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tambahlah sedikit masa.

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu, mana satu?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini kerajaan tidak payahlah bagi parti pembangkang. Yang Berhormat Tumpat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Pasir Salak, hendak betulkan kenyataan Yang Berhormat Kuala Selangor itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi Yang Berhormat Tumpat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Kuala Selangor itu tidak betul kenyataan dia.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa dia?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Kuala Selangor itu..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tumpat, Tumpat. Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kerajaan tidak payahlah.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat Pasir Salak. Ringkas sahaja Yang Berhormat Pasir Salak tadi menyebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan ketika itu apabila membentangkan belanjawan, bajet menyebutkan bahawa memang diambil kira perubahan-perubahan yang berlaku. Saya hendak hanya baca kepada Yang Berhormat Pasir Salak buku yang dikeluarkan atas nama Menteri Kewangan ini anggaran hasil Kerajaan Persekutuan 2009. Anggarannya di samping itu anggaran ini turut dipengaruhi unjuran purata harga minyak mentah pada USD125 setong dalam tahun 2008 berbanding dengan asalnya dalam tahun 2007, belanjawannya USD75.

Maknanya kerajaan telah mengambil anggaran USD125 tetapi sekarang sebagaimana Yang Berhormat sebut sudah menjadi USD70. Ini yang banyak lari pendapatan negara dan ini yang kita minta supaya ada pindaan, perubahan dan bajet yang baru Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *It's a good question* Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi Yang Berhormat Tumpat, kalaulah unjuran yang dibuat oleh Menteri Kewangan tempoh hari menjadi kenyataan ianya lebih menyusahkan, lebih menyusahkan kerana harga barang akan naik. Terus naik lebih tinggi daripada harga yang ada pada hari ini dan menimbulkan inflasi yang tidak terkawal. Apabila timbulnya inflasi yang tidak terkawal, bukankah ianya membawa musibah kepada ekonomi negara. Sekarang kita bersyukur kepada Allah SWT kerana harga minyak telah turun tetapi saya tahu Yang Berhormat maksudkan dengan turunnya harga minyak ini pendapatan negara juga akan turun.

Saya faham, saya faham saya belajar ekonomi saya faham. Tuan Yang di-Pertua, ingat bahawa sumber pendapatan kerajaan cuma satu daripadanya ialah daripada royalti minyak, daripada keuntungan syarikat Petronas. *This is only one source of revenue.* Satu sumber

pendapatan kerajaan. Ada banyak sumber-sumber lain lagi. Untuk menjana ekonomi seterusnya dalam tempoh inflasi, kemelesetan dan sebagainya ada kaedah-kaedah lain yang kerajaan boleh ambil. Sebagaimana apa yang berlaku di Amerika Syarikat pada hari ini dengan keadaan yang bankrap begitu tetapi kerajaan mereka yakin dan percaya boleh membawa perubahan kepada keadaan yang lebih baik untuk mengatasi masalah ini dengan langkah-langkah tertentu.

■1710

Kalau Yang Berhormat Tumpat mengatakan bahawa pendapatan dari satu punca itu sudah akan membawa keadaan ekonomi yang musnah, bagaimana mereka begitu yakin? Bagaimana European Union, negara-negara European Union yakin untuk memulihkan ekonomi mereka walaupun pendapatan negara mereka sudah jatuh merudum dan bank-bank bankrap, syarikat-syarikat bankrap, pengangguran sudah meningkat kepada 6% di United Kingdom. Akan tetapi mereka yakin sebab mereka bersatu, rakyatnya bersatu tidak macam kita berpecah-belah, memburukkan antara satu sama lain, ini yang menjadi masalah. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu, saya bagi PKR, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mereka yakin kerana mereka ambil tindakan, kita tidak yakin kerana Kerajaan Barisan Nasional masih tidur. Masalah bukan sahaja sumber petroleum itu antara satu daripada hasil tetapi itu antara hasil Kerajaan Persekutuan yang paling besar 40 hingga 42% daripada kesemua hasil. Sekiranya kita anggarkan bahawa anggapan USD125 setong itu tidak tepat, sekarang dengan USD75 setong.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah faham, *I'm very fast. I move very fast.* Tuan Yang di-Pertua ...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Masa pun berjalan begitu cepat juga, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Inilah yang saya kata tadi. Sekejap. Kenyataan yang sungguh memalukan, bagaimana boleh guna perkataan Kerajaan Barisan Nasional tidur. *What kind of statement coming from seorang doktor, what kind of word statement you are using?*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Sebab saya doktor saya tahu dia sedang tidur.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Because you are stupid! A stupid doctor.*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Peraturan mesyuarat, saya minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta diingatkan dengan peraturan mesyuarat. Saya tahu peraturan mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang kadang-

kadang lupa peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Pasir Salak jangan gunakan perkataan-perkataan seperti itu. Terima kasih, dia tarik balik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tarik balik. *Don't be stupid again.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat jangan guna perkataan sebegitu nanti saya suruh Ahli Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, saya tarik balik sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, nanti saya pula yang suruh tarik balik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Macam mana boleh kata kerajaan tidur. Janganlah buat macam itu, malu. Malu seorang tokoh pemimpin Pakatan Rakyat. Malu kepada penyokong. Dahulu telah menipu penyokong, dia ingat ini pemimpin yang bijaksana.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Kalau boleh ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini kalau tidak bagi nanti dia tidak bagi undi pula. Okeylah Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ada 13 undi Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya tadi hendak minta Yang Berhormat Pasir Salak memberi penjelasan tentang kenyataan Yang Berhormat Kuala Selangor tentang MIER.

MIER memang menyebut dengan jelas bahawa kerajaan mesti menyediakan pakej rangsangan ekonomi yang baru dan tidak perlu maksudnya untuk kita hendak tolak, bawa bajet yang baru cuma dia kata menyediakan pakej yang baru. Dia tidak sebut dengan jelas, dia tidak sebut dan MIER memang membuat unjuran baru dan MIER mengatakan ekonomi negara akan pulih pada 2011 dengan syarat kerajaan menyediakan pakej rangsangan yang baru.

Samalah kita berhadapan dengan krisis ekonomi dahulu. Kita membawa pakej rangsangan yang baru tanpa kita hendak membawa bajet baru. Ini yang perlu difahami sebenarnya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, betul. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Fokus *speech* kepada lima minit Yang Berhormat, lima minit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya bagi masuk *injury time* sudah dua minit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada Yang Berhormat Gopeng. Yang Berhormat Gopeng menyebut iaitu pendapatan daripada minyak petrol merupakan 40% daripada pendapatan kerajaan, sangat besar dan ini merupakan satu sumber pendapatan yang mengikut beliau akan menentukan kedudukan ekonomi negara sama ada kita berjaya atau tidak.

Yang Berhormat Gopeng, saya sudah sebut tadi, pendapatan petroleum ini sama ada royalti atau dividen atau pun keuntungan syarikat walaupun jatuh beberapa peratus sebagaimana Yang Berhormat takutkan itu, ini tidak bermakna bahawa kerajaan tidak ada daya usaha lain.

Kerajaan Barisan Nasional kreatif, *creative and strategic thinking*. Dia boleh memikirkan. Yang Berhormat perlu ingat bahawa bajet ini bukan kali pertama dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional telah membentangkan bajet dalam masa senang dan waktu susah dan setiap kali bajet dibentangkan...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kali 10 defisit..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Defisit, *that's why* tunjuk perasaan boleh hebat, jangan cakap kalau tidak tahu. Ini bukan soal buat kerja tunjuk perasaan, ini soal bajet pentadbiran ekonomi. Saya hendak tanya, defisit Amerika Syarikat berapa sekarang? Ada baca?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Itulah masalah Amerika Syarikat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, itu yang menjadi pujaan tuan-tuan. Bush, *your good friend*, Bush. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gopeng apa lagi hendak tambah. Jadi saya ingin menyatakan di sini bahawa kita terima bajet ini dengan komen-komen, dengan pandangan yang boleh membantu untuk menjadikan bajet ini satu bajet yang berjaya. Bukan kita menghentam sehingga bajet ini dilanyak sebegitu rupa dan tidak dapat dilaksanakan.

Kejayaan atau kegagalan sesuatu perancangan termasuk bajet, masa sahaja yang menentukan. Masa akan menentukan kerana apabila kita laksanakan bajet ini ianya akan diuruskan. Kita terima dengan pandangan dan saranan dan juga teguran-teguran tetapi bukan untuk menjahanamkan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, sebab sayang ini yang kita bahaskan, sebab sayang itu yang kita berikan kritikan yang positif, konstruktif. Sayang negara, bukan sayang BN.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan kepada tajuk yang lain iaitu ...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam dua minit Yang Berhormat. *Injury time*, dua minit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Why they are so against me when I want to speak? Why*, Tuan Yang di-Pertua, *why? I'm alone here, you are fighting me alone, the whole bunch of you, I don't understand.*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Okey, *how can you be alone?* Semua BN...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Why are you so afraid of me alone?*
[Dewan riuh]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Hendak ucap tahniah, hendak ucap tahniah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You know I feel very honoured.*

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat. [Ketawa]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *You are more danger.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The whole opposition is fighting against me alone* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Sendiri syok....

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [Menyampuk]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I think you have a wrong strategylah.* [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. [Ketawa]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I know I'm not a minister* dengan izin. *I'm ordinary back-bencher. You are treating me like a senior*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Like FELCRA Chairman...*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tahniah FELCRA Chairman.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu pun saya izinkan juga. Cakap sahaja bahasa orang putih. Sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Laju sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi, apabila marah cakap orang putih. Jadi memanglah kita setuju. Pendapatan negara terjejas disebabkan oleh kemelesetan yang menimpa negara kita.

So, saya juga ingin menyeru kepada kerajaan memandangkan masalah ini maka kerajaan harus memikirkan strategi baru, langkah baru tetapi bukan membenteng... [Disampuk] *Please, Tuan Yang di-Pertua, tidak bermakna ianya perlu membentangkan satu bajet baru. It's a different, two different things, presenting a new budget and making any changes to the budget, it's a two different thing* dengan izin Yang Berhormat.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada kerajaan, jangan mengalah. Jangan mengalah dalam menghadapi cabaran ekonomi dunia ini. Kerajaan jangan mengambil tindakan yang mudah iaitu menghentikan projek-projek pembangunan untuk rakyat, jangan menghentikan program-program untuk kesejahteraan rakyat, jangan menghentikan program pembangunan modal insan, jangan menghentikan projek-projek untuk membangunkan luar bandar.

■1720

Tidak semestinya kerajaan hanya bergantung kepada pendapatan. Kerajaan boleh menggunakan kaedah-kaedah lain dan selain daripada itu juga, selama ini kerajaan kita diseru

oleh pihak Barat yang mengaku bahawa mereka adalah pakar-pakar ekonomi supaya kerajaan mengurangkan *intervention* dalam soal pengendalian ekonomi negara.

Mereka menyeru kerajaan supaya *liberalized, de-regularized*, serahkan kepada *free market*, serahkan kepada *private sector* tetapi keadaan ekonomi pada hari ini sudah membuktikan bahawa sistem kapitalisme yang dianjurkan oleh Barat itu sudah tidak boleh dipakai 100% dan malah orang-orang Barat termasuk Amerika Syarikat, Eropah dan sebagainya yang mendabik dada sebagai tokoh-tokoh ekonomi yang cuba mengajar kita, pada hari ini mereka meniru kita, meniru Kerajaan Malaysia dalam menangani masalah ekonomi dunia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya *intervene* dalam pengurusan ekonomi negara pada hari ini. Pastikan kerajaan menggunakan segala *resources*, segala kemampuan untuk memastikan ekonomi negara kita bergerak dengan cergas, mengembang dan tidak menguncup sebagaimana yang dijangkakan berlaku akibat daripada *economic recession, stagflation* dan *whatever section*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum habis, sikit lagi. Minta maaf. Jadi dengan sebab itu, kita lihat juga pada hari ini kerajaan di Amerika Syarikat membeli bank, *nationalize the bank, bail out*. Dulu kalau kerajaan *nationalize company*, kerajaan akan dikutuk. Kalau kerajaan membeli saham dalam syarikat, kerajaan akan dikutuk, tidak moden, tidak progresif tetapi hari ini yang tidak progresif itu yang diamalkan oleh kerajaan di dunia ketiga, dunia sebelah sini negara membangun. Inilah yang menjadi tiruan kepada kerajaan-kerajaan Barat. Mereka sekarang ini menjadi pemegang-pemegang saham di dalam bank-bank, dalam syarikat-syarikat besar bagi menentukan bahawa bank-bank akan berfungsi dalam membangunkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua, seminit dua lagi. Saya menyeru kepada kerajaan, jangan takut membelanjakan kewangan secara defisit. Ini soal defisit adalah soal teori. Oh takut defisit, *double digit, three digit*, apa ini? Kerajaan boleh mengamalkan belanjawan defisit kalau sekiranya wang-wang yang dipinjam daripada luar itu digunakan untuk pembangunan ekonomi bukan untuk tujuan projek-projek yang tidak berguna kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan masa yang terhad ini apa benda yang boleh saya cakap lagi. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah banyak cakap tadi Yang Berhormat, bagi peluang kepada teman-teman.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya berharap, saya memohon kepada kerajaan, bagilah perhatian kepada petani-petani, nelayan-nelayan, wanita-wanita, ibu-

ibu tunggal dan berilah perhatian kepada belia-belia yang menganggur, berilah perhatian kepada setinggan, berilah perhatian kepada kakitangan kerajaan yang masih lagi menghadapi masalah, berilah perhatian kepada pekerja-pekerja kilang, berilah perhatian kepada pesara-pesara, berilah perhatian kepada pemandu-pemandu teksi, berilah perhatian kepada usahawan-usahawan kecil dan berilah perhatian kepada anak-anak yang belajar sama ada di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah ataupun universiti-universiti.

Jangan rasa segan dan silu, jangan berasa ragu-ragu untuk melakukan apa juga program bagi membela kumpulan-kumpulan yang saya sebutkan tadi. Jangan ada pihak yang menuduh bahawa kerajaan tidak adil, kerajaan hanya mengutamakan bangsa itu dan bangsa ini. Kita menyokong supaya kerajaan memberi pertolongan, bantuan kepada semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada orang Melayu, orang Cina, India dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mereka yang perlu diberi pertolongan mesti diberi pertolongan. Ini menjadi dasar kepada kerajaan kita pada hari ini yang mesti diteruskan dan kita jangan gentar dengan tuduhan-tuduhan pihak pembangkang yang mengatakan bahawa kita mengamalkan dasar diskriminasi yang mana tidak betul sama sekali. Merupakan tohmahan dan tuduhan yang semata-mata untuk memburukkan kerajaan dengan harapan untuk mengambil alih pemerintahan kerajaan kita pada hari ini yang tidak mungkin menjadi kenyataan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai. Jangan ada provokasi Yang Berhormat Lembah Pantai, telinga saya sudah sakit. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak, sila.

5.25 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya amat berterima kasih kerana diberikan peluang untuk turut serta dalam perbahasan bajet walaupun lapuk, walaupun secara prinsip kami semua Ahli Parlimen Pakatan Rakyat tidak menerima pakai tapi kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua dan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Menghormati Parlimen, maka atas *academic exercise*, kita teruskan jua. Saya mendengar tadi ramai Ahli Parlimen Barisan Nasional yang juga tidak bersetuju dengan unjuran yang sudah lapuk ini dan saya ingin menyebut pada hari ini, salah satu kenyataan terbuka dibuat oleh Perdana Menteri sendiri yang membuktikan bahawa bajet kita, apa yang dirancang oleh kerajaan sekarang ini perlu diubahsuai mengikut keperluan masa.

Pada 15 Oktober, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri menyatakan ketidaktentuan ekonomi global mungkin akan menyebabkan kerajaan perlu menyemak semula pelaksanaan sesetengah projek utama termasuklah pembangunan koridor ekonomi. Ini merupakan kenyataan yang membimbangkan. Sedang kita mahu pelabur asing masuk, sedang kita di *Iskandar Region* mahu menggunakan IPO untuk meraih pelaburan, untuk menjana dan juga melaksanakan projek-projek, kenyataan sebegini akan *erode*, menghakis dengan izin, *international confidence*, *investor confidence*. Oleh kerana itu kami menyeru sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional untuk menyokong membuat *revised budget* sesuai dengan keperluan, sesuai dengan unjuran yang lebih relevan.

Saya juga amat bimbang kerana dengan kemelut ekonomi dunia walaupun disebut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak langsung memberi kesan kepada ekonomi Malaysia tapi pada hakikatnya, sebentar tadi Ahli Parlimen Kuala Selangor menyatakan bahawa MIER menyatakan dengan keperluan kita mengambil kira fakta-fakta terbaru, mereka juga memberi kenyataan bahawa defisit belanjawan yang dianggarkan pada 4.8% kini mungkin menjangkau lebih pada 5% dan saya ingin ingatkan masalah ekonomi ini bukanlah perkara baru. Pada tahun 2000 kalau kita lihat kepada unjuran pertumbuhan ekonomi untuk tahun seterusnya tahun 2001, dikatakan 6% tapi jelas realiti sebenar yang wujud hanyalah 0.4%.

Ini masa Amerika Syarikat diserang pada 9/11 dengan izin. Inikan sekarang dengan kemelut ekonomi global yang memang ternyata akan memberi impak, kesan dan dampak yang jelas kepada ekonomi kita. Sebentar tadi,

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya teruskan kepada *point* pertama dulu dan saya akan bagi selepas ini, insya-Allah.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih.

Seorang Ahli: Sama-sama.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ini kerana apabila rakyat tertanya-tanya, disebut tentang pembelian 12 unit Eurocopter Cougar (EC-725), masih lagi yang berasa tak puas hati. Oleh kerana itu saya ingin menanyakan, adakah kebenaran dalam kenyataan yang wujud di internet sekarang bahawa kalau kita bandingkan dengan pembelian oleh negara Brazil, dibeli oleh mereka helikopter tempur jenis sama dengan harga lebih USD1billion. Maksudnya memang kita dengar bahawa dengan harga yang lebih murah yang dibeli oleh Brazil ini, mereka beli RM83 juta, Malaysia beli RM193 juta.

Perbezaan ini mungkin ada bantuan teknikal ataupun pemindahan teknologi tapi pada masa yang sama, ini merupakan perbezaan harga lebih daripada 200%.

■1730

Jadi kita tanyakan apa ini namanya? Apakah ini komisen yang berlebihan? Ini perlu diambil kira dengan serius kerana kita berhadapan dengan masalah lain, kerana itu saya harap dapat dijawab oleh kementerian. Silakan Yang Berhormat Arau, jangan lama ya?

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ingin bertanya penjelasan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat membangkitkan soal Barat yang berada dalam keadaan *collapse* sekarang ini terutama dari segi sistem ekonomi dan perbankan. Akan tetapi, apa yang berlaku sekarang yang diamalkan di US dan juga di sebahagian daripada negara-negara barat ialah mereka membuat program menyuntik dan juga *bail out* kepada syarikat ataupun bank-bank seperti mana yang kita buat 11 tahun yang lalu.

Adakah ini menggambarkan bahawa sistem yang diamalkan oleh barat sudah tidak relevan lagi dan sistem yang diamalkan oleh kita itu merupakan yang terbaik. Apakah pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya rasa ini persoalan yang memang serius dan sentiasa difikirkan oleh semua pakar ekonomi dan juga memberi kesan kepada bagaimana negara-negara lain yang kalau dulu dilihat kepada Amerika Syarikat sebagai contoh, *liberalization at its best*, dengan izin. Jadi pada saya ini membangkitkan isu *moral hazard*.

Permasalahan bila kredit rating agensi dan sebahagian yang lainnya terlalu dibuai dengan keghairahan, dengan keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira *regulatory framework*, tanpa mengambil kira undang-undang yang jelas, tanpa mengambil kira tanggungjawab mereka. Oleh kerana itu, di sini pihak pembangkang sering kali bawakan isu rasuah, isu bagaimana perbelanjaan negara itu bila dibuat, kena dibuat dengan baik.

Jikalau kita fikirkan, jangan sekali-kali kita fikirkan keuntungan tanpa mengambil kira nasib rakyat terbanyak. Jadi saya ambil contoh negara Amerika Syarikat sebagai - kalau dia hendak buat *bail out*, mereka sekurang-kurangnya tayangkan kepada kongres. Maka bila kita mahu menyelamatkan syarikat yang kita bawa, bukan kita tidak hendak selamatkan syarikat bawah-bawahan tetapi kenapa satu, dua, tiga syarikat terpilih yang rapat dengan pemerintah dipilih. Sementara yang lain dibiarkan berhempas pulas dengan kemelesetan ekonomi?

Saya teruskan, banyak juga dibawa tentang bajet ini dan dikatakan bahawa keadaan sekarang di Malaysia ini bukanlah disebabkan oleh kerajaan tetapi disebabkan oleh apa yang berlaku di Amerika Syarikat. Iaitu faktor luaran yang tidak mungkin disebabkan oleh faktor dalaman. Dari itu, bila dibawa pada bulan Jun satu isu mahu menaikkan harga minyak, kami tentang.

Ini kerana pada waktu itu kenaikan harga minyak petrol sebanyak 78 sen, kira-kira 4.6% dan juga diesel begitu tinggi, begitu mendadak sehingga memberi kesan yang begitu negatif

kepada harga barangan, harga makanan, kadar inflasi. Kemudian diberikan pula penstrukturan subsidi. Penstrukturan subsidi ini yang ditambah kepada penurunan ketiga sebanyak 15 sen pada 16 Oktober lalu, tidak mungkin dapat memberi kesan kepada harga barangan, kerana ia terlalu sikit. Penurunan dikit demi dikit tidak mungkin akan memberi impak yang jelas kepada harga barangan, harga keluaran dan inilah yang merunsingkan kita, yang berdarah tetap berdarah, yang luka tetap berparut.

Oleh kerana itu saya harap kerajaan jangan ambil remeh apa yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang, pihak kami ini. Memang kami berikan kritikan tetapi kalau dengan ada keikhlasan daripada pihak kerajaan maka sekurang-kurangnya beberapa orang Menteri Kabinet patut ada di sini pada hari ini untuk mendengar hujah daripada kami.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, saya harap kerana itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bila menyebut bahawa mereka mahukan trend harga barangan keperluan yang bergantung kepada kenaikan atau penurunan harga minyak mentah dan komoditi dunia, memberi impak kepada harga barang keperluan. Jadi mungkin perlu diambil kira penstrukturan semula subsidi ini tidak berjaya mencapai matlamat yang telah disasarkan pada awal.

Saya juga harap pimpinan yang ada sekarang ini, tidak kisah Perdana Menteri dahulu dan yang lain, yang penting jangan babitkan perkiraan politik dalam membuat apa-apa dasar ekonomi. Apa yang kena buat berdasarkan pragmatisme. Bukan kerana hendak menang sama ada pilihan raya, hendak menang itu atau ini. Ini penting kerana yang akan menerima akibat adalah rakyat terbanyak.

Saya juga ingin bangkitkan kebimbangan yang terakhir sebelum saya pergi ke Kementerian Pelajaran. Pada bulan September lalu Kementerian Kewangan telah menarik semula *windfall tax*, durian runtuh. Katanya kerana ianya membebankan pasaran bon tempatan.

Saya mahu bertanya, semasa mahu diperkenalkan *windfall tax* ini kenapa tidak dibuat kajian menyeluruh terdahulu?

Ini kan sudah beritahu kepada syarikat IPP, Pengeluar Penjana Kuasa Bebas kemudian ditarik balik. Ini memberi kerisauan kepada banyak daripada peniaga dan sebagainya. Ini tidak *healthy*, tidak sihat untuk kita.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat, sikit.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Silakan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya cuma hendak berkongsi rasa keliru saya juga atas subjek yang sama tadi iaitu berkenaan dengan bidang percukaian.

Baru-baru ini Menteri Kewangan mencadangkan bahawa *reinvestment allowance*, iaitu elaun pelaburan semula kepada mana-mana syarikat yang melabur ataupun datang ke negara kita untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang tertentu boleh menikmati elaun pelaburan.

Biasa tahun-tahun yang terdahulu diberi setiap akhir tahun dalam pengiraan cukai masing-masing tetapi tahun ini saya tidak faham kenapa dicadangkan *reinvestment allowance* ini hanya boleh dituntut selepas tiga tahun? Ini cukup keliru.

Saya rasa kita patut minta kerajaan supaya kalau boleh *revise* lah. Ini perkara yang penting, mustahak untuk FDI kita, *Foreign Direct Investment*, untuk *investment* ataupun pelaburan yang masuk ke negara kita. Sebab tahun pertama, kedua dan ketiga - sebelum ke tahun ketiga itu Tuan Yang di-Pertua, kalau mengalami kerugian dianggap hangus. Maknanya kalau pelabur-pelabur luar sedar tentang perkara ini dan saya pasti mereka sedar. Mana mungkin dia orang hendak masuk melabur dalam negara kita? Kalau tahun pertama, kedua dan ketiga kalau rugi dianggap hangus kerana elaun itu hanya dipertimbangkan pada tahun ketiga.

Jadi kalau boleh kekeliruan ini kita susun semulalah. Sebab itu saya bersetuju kalau boleh ada *revision* yang kita boleh buat dalam pembentangan bajet yang akan datang, kalau perlu untuk di *revise* semula. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa itu satu cadangan yang baik. Saya juga berkaitan dengan isu *reinvestment allowance* adalah pengenalan atau penurunan kadar cukai individu. Maksimum daripada 28% hingga 27% mulai tahun taksiran 2009.

Ini membimbangkan saya juga kerana sebab yang diberikan kepada penurunan cukai individu maksimum ini adalah untuk membendung *brain drain*, hilangnya cendekiawan Malaysia. Saya berasa, apakah rasional yang ini memang boleh diterima pakai? Selama ini bayaran cukai bukan menjadi punca *ascendancy* golongan *brain drain* ini. Sebenarnya mereka mahu satu suasana pekerjaan yang kondusif dan kompetitif. Jadi ini juga merupakan satu isu lagi yang perlu diambil kira oleh kerajaan. Sudahlah hasil pendapatan cukai ini penting buat negara, bila kita kurangkan kadar cukai individu maksimum sebegitu rupa, perlu ada rasional yang kukuh.

Saya pergi terus kepada Kementerian Pelajaran dalam menyentuh isu pelajaran ini, memang sebelum ini Ahli-ahli Parlimen lain menyebut tentang Program Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, PPSMI. Bukan seorang dua sahaja yang mengkritik pelaksanaan tersebut tetapi rata-rata ramai yang merasakan ini bukanlah memberi apa-apa manfaat kepada pelajar-pelajar. Ianya kalau dulu diberi hujah untuk memastikan pelajar menguasai bahasa Inggeris, sekarang mereka mengubah hujah katanya untuk menguasai subjek terma-terma teknikal dalam bahasa Inggeris, dalam subjek Matematik dan Sains.

■1740

Maksudnya, kita janganlah terlalu angkuh, saya harap pihak Kementerian Pelajaran boleh mengambil kira berdasarkan keputusan UPSR dan juga beberapa kajian lain yang jelas membuktikan bahawa program PPSMI ini tidak langsung, satu, membebaskan perjuangan bahasa kita kalau kemuncak mana-mana perjuangan bahasa itu adalah bila penggunaan Bahasa Melayu digunakan untuk mengajar dalam bidang undang-undang di peringkat universiti dan

sebagainya. Akan tetapi, kita seolah-olah pergi semula a *backward move* dalam melancarkan program PPSMI .

Pada 7 September lalu, saya sebutkan banyak kajian pada hari ini, ruang yang begitu terhad, saya sebutkan satu sahaja yang dilakukan oleh Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diketuai oleh Profesor Datuk Ishak Harun yang mengemukakan statistik pelajar-pelajar Tahun Lima pada Januari 2008.

Mereka disoal, ratusan yang merasakan bahawa pembelajaran subjek Matematik dan Sains menggunakan Bahasa Inggeris adalah mudah. Mengikut purata atau keputusan hanya 17% dari jumlah keseluruhan yang bersetuju bahawa subjek Sains menggunakan bahasa Inggeris mudah. Manakala 37.2%, golongan Cina, India dan Melayu semua sekali secara purata menyatakan adalah mudah mempelajari subjek Matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris. Ini maksudnya apa? Ini memperlihatkan kepada kita bahawa lebih 80% murid daripada semua keturunan menyatakan ia sukar mempelajari Sains dalam bahasa Inggeris dan lebih 70% pula Matematik.

Tambahan lagi, kajian tersebut menunjukkan bahawa sejumlah 85% guru Sains dan Matematik mengajar dengan menggunakan campuran Bahasa Inggeris dan Melayu, kaji selidik itu juga antara lain menyebut kegagalan pelaksanaan program antara lain berpunca daripada penguasaan Bahasa Inggeris. Kebanyakan guru sendiri yang lemah, jadi mereka tidak boleh menghadapi kesukaran yang begitu besar dalam menyalurkan maklumat kepada pelajar. Bagaimana untuk kita mengharapkan keputusan yang cemerlang daripada pelajar kita sekiranya para guru sendiri belum konsisten, belum boleh menggunakan Bahasa Inggeris secara sepenuhnya, dan saya bimbang, saya gusar kerana telah lebih 3 bilion dibelanjakan untuk tujuan ini, tapi kita sehingga ke hari ini melihat para guru masih lagi diberi skrip untuk menghafal dan menerangkan kepada murid.

Tuan Yang di-Pertua, masalah PPSMI ini perlu kita ambil secara serius, justeru kerajaan perlu kembali menggunakan dasar asal yakni menggunakan Bahasa Melayu. Mengapa kita perlu anak tirikan bahasa kebangsaan sendiri.? Kita perlu memastikan Bahasa Melayu ini jangan sampai dihancurkan oleh bangsanya sendiri. Sedangkan tamadun besar di dunia sekalipun menunjukkan negara itu terbangun oleh bahasanya sendiri dan bukan dengan bahasa asing.

Sesungguhnya, minda yang menganggap segala-galanya yang berbau Inggeris itu yang terbaik adalah minda yang terjajah. Jika kita tidak mendaulatkan bahasa kebangsaan, siapa lagi yang ingin kita harapkan. Di masa yang sama saya akui, kita memastikan tahap penguasaan Bahasa Inggeris ini dalam kita mahu bersaing dengan arena global perlu diperbaiki. Cadangan saya, kita perlulah menggunakan ruang yang ada dalam kelas-kelas Bahasa Inggeris dengan mempertingkatkan kualiti guru yang mengajar serta memberi lebih insentif supaya prestasi pelajar ini dalam kelas-kelas yang ada yang sudah tersedia ada, ini kos pun berkurang, tapi memang ada hasilnya.

Satu kajian telah dibuat, oleh mekanisme mengenai sistem pendidikan di sekolah-sekolah yang tersenarai antara yang terbaik di seluruh dunia. Analisis menunjukkan terdapat tiga faktor utama yang mendorong mereka mencapai kecemerlangan dalam sistem pendidikan. Yang pertama, bila sesebuah negara itu melahirkan tenaga pengajar yang berkemampuan atau berkualiti, kedua melatih mereka menjadi pengajar yang efektif dan ketiga, bila ada *continued evolution* dengan izin, memastikan sistem itu dapat memberikan yang terbaik

Saya ambil contoh negara Taiwan kerana sering disebut-sebut oleh di sebelah sana. Di negara Taiwan yang menjadi guru ini adalah mereka *the top 50%* yang pelajar terbaik dalam mana-mana universiti, di mana-mana sekolah. Jadi mereka ini, diangkat, diambil, dihantar di luar bandar, di sekolah-sekolah untuk memastikan para pelajar mendapat yang terbaik, *they have the best teachers*, dengan izin. Akan tetapi kita, dalam banyak-banyak kajian dapat dibuktikan bahawa rata-rata yang menjadi guru adalah mereka yang tidak dapat pekerjaan yang lain, *the lowest bottom round*. Jadi kerana itu saya harap, kementerian dapat mengkaji semula, mengambil dengan baik cadangan ini.

Penggunaan teknologi pengkomputeran bukanlah cara yang terbaik dalam meningkatkan prestasi pelajar berbahasa Inggeris, teknologi hanyalah alat bantuan sampingan,. Dalam mekanisme dengan kajian ini, ditunjuk bagaimana pelajar dengan guru yang baik, *performance* mereka jauh 50% lebih tinggi daripada pelajar dengan guru yang kurang baik. Seterusnya, kerajaan perlu memastikan bila guru-guru yang baik dipilih, mereka ini menjadi pengajar yang efektif. Tugas guru tidak tamat dengan memberikan input-input menamatkan *syllabus* sahaja, tetapi mereka bertanggungjawab untuk memberikan kefahaman kepada pelajar.

Komunikasi dua hala antara guru dan pelajar amat penting dalam proses pembelajaran. Inilah juga antaranya yang lain memberi keyakinan kepada pelajar bahawa guru mereka adalah orang yang terbaik untuk mengajar mereka dalam subjek tersebut. Justeru mungkin sampai kita boleh pastikan TESL *expert* dihantar kepada pelajar Darjah Satu dan juga tempat di kampung-kampung, berapa jumlah sangat pun peruntukan ini, kita beri latihan cukup dan perbanyakkan guru-guru, insya-Allah.

Seterusnya saya pergi kepada Kementerian Pengajian Tinggi, kerajaan pada masa ini membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar bagi sektor pendidikan institusi pengajian tinggi. Dalam Bajet 2009, peruntukan sebanyak RM4.3 Bilion, sejumlah wang yang besar berbanding peruntukan yang disediakan bagi pendidikan peringkat rendah, menengah dan program latihan, seperti yang tertera dalam laporan ekonomi 2008.-2009.

Malangnya setakat ini, setiap pelaburan yang dibuat oleh kerajaan tidak memberi pulangan yang besar, hatta kepada pihak universiti sekalipun. Saya rasa eloklah kalau kerajaan mengenal pasti, membuat kajian terlebih dahulu tentang permintaan pasaran, *market demand*, dengan izin, sebelum menawarkan mana-mana kursus baru. Universiti Sains Malaysia sudah membuat kaji selidik ini, mengenai peluang yang ada di dunia luar sebelum menyerap

permintaan pasaran tersebut, dan tentunya ini akan memberikan pulangan besar, keuntungan besar kepada kedua-dua pihak iaitu universiti dan juga mahasiswa.

Memang pihak kami juga ingin menyampaikan sekalung tahniah kepada semua warga USM, Tuan Yang di-Pertua, yang baru-baru ini diiktiraf sebagai Universiti APEX yang pertama di Malaysia, kita berikan masa sebelum mereka mula masuk ke *time higher education supplement* QS. Sesungguhnya pengiktirafan USM itu memberi makna yang begitu besar terhadap sektor *institusi* pengajian tinggi dan menggembirakan semua pihak. Secara tidak langsung pemilihan USM sebagai universiti APEX, membuktikan bahawa USM mampu bersaing insya-Allah dengan universiti-universiti yang lain. Universiti APEX adalah pengiktirafan yang diberikan kepada IPT tempatan yang menjadi penanda aras di peringkat dunia dalam bidang pengajian tinggi. Mereka dijanjikan autonomi daripada segi kewangan, skim perkhidmatan, pengurusan, pengambilan pelajar, kepimpinan tertinggi dan penetapan yuran pengajian. Justeru apa salahnya kalau kerajaan, Kementerian Pengajian Tinggi memberikan kepada USM, kepada semua universiti di Malaysia, bila sudah diakui bahawa kelonggaran ini, kebebasan ini, autonomi ini baik, apa yang menghalang kerajaan daripada melaksanakan semua prosiding ini kepada semua universiti.

■ 1750

Kita sudah iktiraf kriteria yang terdapat universiti APEX itu sebagai baik. Maka kita pastikan ianya diberikan, dipanjangkan kepada universiti-universiti lain. Kalau tidak mahu bagi pun peruntukan seperti yang diberikan pada USM sekurang-kurangnya berikanlah kelonggaran. Jadi sudah sampai masanya semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta diberi pendedahan mengenai sistem pentadbiran yang lebih bebas dan tidak terikat dengan ruang lingkup yang sedia ada. Status universiti APEX diperlukan dan saya berharap pihak Kementerian Pengajian Tinggi akan dengan ikhlas melaksanakan janji-janjinya termasuklah memastikan kesemua universiti-universiti tempatan diberikan hak mereka untuk mengadakan pilihan raya di universiti di kampus-kampus. Tidak perlulah tunggu untuk tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Lima minit lagi? Alamak. Saya pergi ke Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya tarik balik "alamak" itu. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua saya panik sedikit. Di sini dalam mengulas dasar yang dikenalkan atau pun disebut dalam belanjawan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan saya ingin mengambil perhatian sidang Dewan tentang kepincangan yang berlaku dalam pembinaan Kompleks Pasar Datuk Keramat seperti dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara 2007. Projek tersebut dianugerahkan kepada Syarikat Pelaras Utara Sdn Bhd pada asalnya ditolak oleh Jawatankuasa Penilaian Tawaran DBKL kerana didapati harga tawarannya rendah dan mungkin menyebabkan projek substandard kualiti serta terbengkalai. Malangnya Lembaga Perolehan DBKL mengetepikan pandangan ini dan berkeras untuk menganugerahkan projek bernilai RM34.2 juta kepada kontraktornya secara jelas diketahui tidak berwibawa.

Projek yang sepatutnya diberikan masa setahun lebih untuk siap, tergendala melebihi lima tahun dan SPUSB, syarikat tersebut diberikan lanjutan masa sebanyak tujuh kali dalam tempoh ini setelah menerima pertimbangan pihak kerajaan atas alasan-alasan yang tidak munasabah. Saya ingin mempersoalkan Tuan Yang di-Pertua, di mana perginya sikap profesionalisme dan ketelusan pihak terbabit dalam membuat pemilihan kontraktor. Wujudkan pemilihan berdasar kenal siapa atau kebocoran di sini. Projek ini telah mengakibatkan kerugian kos tambahan yang tinggi sebanyak RM3.47 juta dan yang menerima akibatnya adalah warga Kuala Lumpur. Justeru saya pohon kesediaan daripada pihak kerajaan untuk menilai keberkesanan, pelaksanaan kerajaan tempatan di Kuala Lumpur seperti yang dilakukan sebelumnya, tahun-tahun dahulu. Ini akan memberikan lebih akauntabiliti kepada warga Kuala Lumpur kerana PEMUDAH sendiri sudah ambil alih untuk *monitor* DBKL kerana kata mereka terlalu banyak *complaints*, rungutan dan juga kritikan yang diberikan.

Maka saya harap Ahli-ahli Parlimen yang ada di sini perlu melihat dengan serius Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, akta 190 keperluan untuk meminda untuk memberi balik hak yang sepatutnya diberikan kepada warga Kuala Lumpur. Terakhir saya mahu pergi kepada Kementerian Luar Negeri kerana kita sekarang ini perlu mengambil kira apakah yang disebut Yang Berhormat Kuala Selangor tadi [*Membaca sepatah ayat Al-Quran*], prinsip keutamaan kita. Dalam belanjawan ini kita patut fikirkan apakah projek-projek yang akan memberi manfaat kepada rakyat, bukan kepada satu dua kroni. Dalam keghairahan kerajaan Barisan Nasional menyediakan gula-gula dalam bajet, saya persoalkan langkah kerajaan dalam memperkenalkan program Malaysia Kitchen anjuran pihak Kementerian Usahawan dan Pembangunan Koperasi melalui agensinya PNS, Permodalan Nasional Berhad. Program Malaysia Kitchen mungkin niatnya murni hendak meletakkan hasil pengeluaran pertanian dan produk berasaskan pertanian negara pada kedudukan strategik menerusi rangkaian restoran dan premis peruncitan di luar negara serta mempromosikan industri pelancongan Malaysia.

Ia dimulakan dengan pelaksanaan pembukaan dua buah Restoran Jom Makan di bawah konsep *franchise* Malaysia Kitchen yang menawarkan sajian masakan Malaysia yang pertama di Jepun pada November 2007 dan baru-baru ini di sekitar bulan Jun 2008 di Pall Mall, London yang dirasmikan tidak lain tidak bukan oleh dengan gilang gemilangnya, Timbalan Perdana Menteri kita sendiri yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Malaysia Kitchen. Yang menjadi persoalan di sini mengapa perlu kerajaan membelanjakan sejumlah wang yang besar dalam hasrat mempromosikan makanan negara kita Tuan Yang di-Pertua? Franchise Jom Makan di kota London menelan belanja sekitar RM9 juta. Bukan sedikit untuk sebuah restoran yang sekadar dapat menampung 140 orang pelanggan pada satu-satu masa. Kerajaan melalui PNS merancang membuka lagi sembilan rangkaian seperti ini di Pakistan, Bangladesh, Perancis, Amerika Syarikat, China, Australia dan Arab Saudi sebelum akhir tahun 2009.

Tindakan ini tidak akan menguntungkan negara kita. Saya pun hairan mengapa perlu kerajaan membuka restoran-restoran bagi memenuhi hasrat meningkatkan promosi makanan serta industri pelancongan kita. Mengapa tidak wujudkan sahaja insentif kepada pengusaha-pengusaha restoran di Malaysia yang sedia ada? Bukankah ini lebih menjimatkan duit rakyat dan secara tidak langsung membantu rakyat Malaysia yang berniaga di sana. Mengapa persaingan baru perlu diwujudkan kepada pengusaha-pengusaha restoran dan adakah tugas kerajaan sekarang ini sudah beralih kepada *restaurant manager*? Kerana itu saya harap kalau dahulu kerajaan menyatakan keikhlasan untuk memperbaiki corak pentadbiran negara, belanjawan kita, bagaimana kita memperbaiki sistem taraf prestasi ekonomi, maka laksanakan tugas-tugas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua saya harap dapatlah ingatkan kepada kerajaan supaya menerima dengan terbuka kritikan-kritikan ini dan bila kita pergi mengorak langkah seterusnya perlulah kita diberikan belanjawan yang dimuatkan dengan unjuran-unjuran terbaru bagi sama-sama menyelesaikan kemelut yang melanda. Sekian saya dengan secara prinsip menolak belanjawan ini, terima kasih.

Beberapa ahli: [*Bangun*]

5.57 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya amat bersyukur kerana telah diberi peluang untuk turut membahaskan Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 29 Ogos yang lalu. Saya amat tersentuh dengan niat pembentangan bajet tersebut serta strategi pelaksanaannya iaitu strategi pertama menjamin kesejahteraan rakyat. Strategi kedua membangunkan modal insan berkualiti. Strategi tiga memperkukuhkan daya tahan negara. Syabas dan tahniah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas bajet yang mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Saya rasakan isu nasional dan isu peringkat negeri Sabah yang diberi janji diberi keutamaan dalam bajet ini Tuan Yang di-Pertua. saya ingin mulakan perbahasan saya ini dengan menyentuh sebagai sistem penyampaian negara iaitu *delivery system* dengan izin. Dalam membentangkan Bajet 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan bahawa anggaran perbelanjaan bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM207,899 juta iaitu RM207 bilion. Pecahannya adalah seperti RM129,992 juta adalah untuk perbelanjaan bekalan bersamaan dengan 62.5%. RM24,208 juta adalah untuk perbelanjaan tanggungan bersamaan dengan 11.6%. RM53,729 juta adalah untuk perbelanjaan pembangunan bersamaan dengan 25.9%.

■1800

Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyampaikan bajet yang begitu indah, yang begitu prihatin kepada kebajikan dan

kesusahan rakyat. Persoalannya ialah adakah sistem penyampaian negara dapat melaksanakan semua rancangan yang telah dicadangkan dalam bajet tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2007, dalam penyata akaun awam dan pengurusan kewangan kementerian serta jabatan Kerajaan Persekutuan, kita dapat melihat bahawa terdapat kepincangan dan kelemahan dalam sistem penyampaian negara seperti petikan Laporan Ketua Audit Negara berikut:

Perenggan (c), muka surat 20 berkata, "Analisis audit terhadap perbelanjaan pembangunan pada tahun 2007 yang melibatkan 29 kementerian, jabatan mendapati peraturan kewangan yang berkaitan tidak dipatuhi sepenuhnya kerana perbelanjaan telah dibuat tanpa atau melebihi daripada peruntukan. Perbelanjaan melebihi harga projek, anggaran Rancangan Malaysia Ke-9 dan tiada harga projek anggaran Rancangan Malaysia Ke-9 dinyatakan. Terdapat juga kes-kes di mana tambahan peruntukan yang diluluskan tidak dibelanjakan. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah kelemahan dari segi perancangan dan pemantauan terhadap peruntukan dan perbelanjaan. Terdapat 17 kementerian dan jabatan yang telah memohon berjumlah RM464.77 juta bagi 40 projek, tetapi tiada sebarang perbelanjaan dibuat. Sementara pecahan berikut menunjukkan betapa parahnya sistem penyampaian negara yang melibatkan 118 projek dengan anggaran RM2,304.42 juta di mana pencapaian pelaksanaannya kurang daripada 50%."

Tuan Yang di-Pertua, apakah penemuan ini boleh membanggakan kita. Mengenai dengan sistem penyampaian negara atau adakah pola ini juga yang telah menyebabkan rakyat telah hilang keyakinan kepada komitmen Kerajaan Barisan Nasional untuk membela rakyat, yang menyebabkan segelintir kita memihak kepada pembangkang pada pilihan raya yang lalu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Segelintir, sedikit sahaja. Shah Alam, segelintir, sedikit sahaja. Oleh yang demikian... Itu terpesong sahaja. Oleh yang demikian, kerajaan hendaklah memandang serius dalam penambahbaikan sistem penyampaian negara dan menghapuskan semua saki baki *The Little Napoleon* dalam pentadbiran negara. Mereka tidak kompeten atau yang tidak berkemampuan hendak ditukar. Sekiranya ini tidak dilakukan, saya khawatir bajet yang kita bahaskan ini tidak akan sampai sasaran dan matlamatnya, sementara wakil rakyat pula dihukum oleh pengundi nanti.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, soal Sabah Development Corridor, saya diberi fahaman bahawa peruntukan sudah ada dengan EPU, tetapi malangnya eksekutifnya belum ditubuhkan. Pihak Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan tersebut kepada eksekutif SDC, Sabah Development Corridor, tetapi belum wujud.

How is this going to happen when this is already October, dengan izin. Jadi inilah persoalan sistem penyampaian kita. Tidak tahu siapa yang salah, dalam pihak kerajaan negeri ke, dalam pihak kementerian atau menteri sendiri di dalam Jabatan Perdana Menteri. Itu soalnya.

Kedua, isu Petronas, ini fakta. Pada 31 Mei 2008, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pembatalan projek penyaluran gas cecair asli, LNG dengan paip dari Kimanis ke Bintulu, Sarawak. Tidak sampai seminggu kemudian, Petronas menolak, berkeras bahawa projek penyaluran gas ke Bintulu itu akan diteruskan juga. Jadi kenapa ini harus berlaku? Dan pula ditarik balik oleh Perdana Menteri. Jadi saya mohon kepada *Chief Executive* negara, walaupun ada maklumat bahawa projek ini telah pun ditawarkan kepada sesebuah syarikat yang mengendalikan projek *power plant* ini dengan harga yang *astronomical*. Kenapa?

Kita setuju rakyat di negeri Sabah bersetuju asalkan janganlah buat *pipeline* ini melalui hutan-hutan, tidak memberi limpahan kepada masyarakat yang kehausan dengan pembangunan, terutama sekali masalah-masalah *power plant* yang mana, *coal power plant* di Ladang Tuttur dibantah sekeras-kerasnya oleh pihak NGO. Jadi saya bercadang supaya gas ini, *pipeline* ini disalurkan kepada kawasan Pantai Timur Sabah melalui koridor-koridor yang akan dilaksanakan supaya limpahan-limpahan seperti daerah Tambunan, Keningau, Semporna, Tawau dan seterusnya ke Lahad Datu. Jadi ini dapat satu perkembangan.

Peluang untuk menggunakan sumber asli ini bagi memajukan industri yang lain, menyediakan peluang pekerjaan juga. Sabah mengeluarkan *crude oil*, minyak mentah terbesar di Malaysia dengan simpanan 2.2 bilion tong, Sarawak 1.4 bilion tong dan Semenanjung 1.8 bilion tong. Sabah mengeluarkan 11.6 tscf, Sarawak 43.9 tscf dan Semenanjung pula 33.5 tscf. Kalau kita lihat apa yang dilaksanakan oleh pihak Petronas selama ini, negeri-negeri yang mempunyai industri hiliran *petro chemical* di Terengganu – minta maaf sahabat-sahabat dari Terengganu – petroleum *refinery plant*, *gas processing plant*, 1, 2, 3, 4, 5 dan 6, *ethylene plant*, *maleic anhydride plant*, *aromatics complex*, *vinyl chloride plant*, *polyvinyl chloride plant*, *ammonia slim gas plant*, *acetic acid plant*, *second ethylene oxide plant*, *ethylene black core plant*, *multi unit directive plant* dan *low density polyethylene plant*. Ini di Terengganu.

Di Sarawak – *LNG plant*, *MLNG 2*, *MLNG 3*, *LPG instruction facilities*, *ammonia urea plant*, *middle dissertate synthesis plant* dan *melamine plant*.

Di Pahang – *MTB plant*, *propylene plant*, *polypropylene plant*, *propane dehydrogenation plant*, *heretic acid plant*, *oxen-alcohol complex*, *acyclic acid ester plant*, *ethylic anti-hydrate plant* dan *geochemical plant*. Saya tidak tahu *pronounce* dia.

Johor – *ethylic plant*, *propylene plant*, *sterile ammonium plant*, *polystyrene plant*, *anti-benzene plant*, *ethylene plant*, *benzene plant*, *dourine plant* dan *polyethylene plant*.

Di Kedah - *ammonia urea plant*, *methanol plant*, *oil refinery plant* dalam perancangan.

Melaka – *ammonia plant*, *methanol plant*, *oil refinery plant* dalam perancangan.

Labuan – *methanol plant*.

Sabah – *zero*. [Disampuk] *Zero plant*.

Dengan adanya industri gas dan minyak di negeri Sabah, ianya boleh menyumbang, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan terutama sekali bagi rakyat negeri Sabah;

■1810

Kedua, bekalan gas tersebut boleh disalurkan melalui paip ke Sandakan seperti yang saya sentuhkan tadi, ke Lahad Datu, Keningau, Ranau, Telupid di kawasan-kawasan pendalaman. Selain itu menyokong industri penjanaan kuasa elektrik, membuka peluang untuk industri hiliran *petrochemical* di daerah yang dimaksudkan, memberikan peluang kontraktor tempatan untuk mencari dalam aktiviti pemerigian dan industri. Saya bercadang membatalkan projek gas *pipeline* itu dari Kimanis ke Bintulu.

Kita tidak kisah syarikat siapa yang akan melaksanakannya asalkan projek itu memberi hasil kepada rakyat negeri Sabah yang kian lama menunggu *power plant* ini. Dari soal yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pasal industri sawit yang ramai telah berjumpa saya berkenaan soal masalah-masalah yang dihadapi oleh Sabah *planters* iaitu pengusaha-pengusaha ladang kelapa sawit di negeri Sabah. Seperti mana yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2009 yang telah dibentangkan pada bulan Ogos yang lalu, pemantapan ekonomi atau pendapatan rakyat adalah keutamaan kepimpinan negara.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, sila.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Putatan. Tadi saya dengar Yang Berhormat mencadangkan agar cadangan untuk menghantar ataupun *piping gas* dari Sabah ke Bintulu itu dibatalkan.

Pertama sekali, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu pengumuman awam di Sabah dahulu di mana beliau bersetuju bahawa gas yang dipohon dari Sabah itu digunakan di Sabah?

Kedua, adakah Yang Berhormat bermaksud untuk mencadangkan supaya gas itu tidak dihantar ke Bintulu bertujuan untuk menghalang rakan atau jiran kita mendapat manfaat daripada gas? Minta jelaskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Sebagaimana yang saya katakan tadi, pada 31 Mei apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjumpa dengan pemimpin-pemimpin dari negeri Sabah bahawa inilah satu daripada permintaan dan permohonan daripada pemimpin-pemimpin dari negeri Sabah untuk menyelesaikan masalah penjanaan kuasa. Beliau telah berjanji untuk membatalkan cadangan

Petronas bagi melaksanakan projek *pipeline* dari Kimanis ke Bintulu. Apabila Petronas berkeras bahawa kononnya projek itu adalah dalam kawasan negara kita juga, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju supaya projek itu diteruskan. Jadi tidak sampai satu minggu.

Jadi inilah cadangan saya Yang Berhormat supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang bakal menjadi Perdana Menteri kita dan juga selaku Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengkaji balik cadangan penerusan projek tersebut supaya boleh di *divert* kepada saluran yang memerlukan iaitu Pantai Timur Sabah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 10 minit lagi, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan kerajaan bahawa negeri Sabah merupakan negeri pengeluar tandanan buah segar sawit iaitu Fresh Fruit Branch (FFB) dengan izin, namun pemaju industri sawit di negeri Sabah terutama sekali para pekebun telah menjadi mangsa. Mangsa kepada polisi kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Situasi ini begitu parah sekali sehingga kebanyakan pekebun kecil terpaksa menjual lot-lot mereka kepada syarikat gergasi yang dimiliki oleh bukan rakyat tempatan dan sekali gus menggagalkan hasrat kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf ekonomi rakyat terutama sekali golongan petani. Polisi kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan ini juga yang bertanggungjawab menjadikan industri sawit di negeri Sabah satu industri yang malap ataupun lebih tepat lagi, *a sunset industry* dengan izin. Polisi yang dimaksudkan adalah di mana para pekebun kecil di Sabah telah dikenakan 7.5% cukai jualan oleh Kerajaan Negeri Sabah, cukai *windfall* 7.5% kepada Kerajaan Persekutuan dan ses kepada MPOB. Selain itu pula, mereka juga terpaksa membayar levi bagi setiap pekerja asing mereka.

Jadi, saya ada satu pecahan di sini Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ada pengecualian cukai dari Sabah, dari pengusaha ladang sawit dengan purata kita mengeluarkan 5,561,485 metrik tan pada tiap-tiap tahun. Cukai dipungut melalui dengan 7% ini pada penghujung tahun 2007 adalah RM987 juta. Sabah diskaun iaitu RM40 *per pack* berjumlah RM222,400,000. Ses RM15 dipungut oleh MPOB iaitu berjumlah RM83 juta lebih. *Windfall tax* iaitu 7.5% untuk CPO, 7.5% untuk CPKO yang dibayar kepada Kerajaan Pusat. Jadi, bermaksud di sini, harga *nett* CPO purata, RM1,174.52 dan *growth* FFB, Fresh Food Branch dari pengedar adalah hanya RM170 sahaja per tan. Jadi, kos harga diesel sudah naik, harga *shipment* sudah naik, jalan raya yang belum baik. Banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kerajaan patut lihat kerana ini akan membebankan lagi pengusaha-pengusaha ladang kelapa sawit. Para pekebun kecil juga telah dibebani oleh kenaikan mendadak harga baja, racun perosak dan juga racun rumpai. Sampai bilakah dasar atau polisi yang menindas ini

akan berlarutan? Sedangkan polisi ini tidak diaplikasikan di Semenanjung. Ini tidak ada di Semenanjung, hanya di Sabah sahaja.

Jadi saya berharap Kerajaan Pusat melihat ini di mana yang boleh dibantu. Keadaan ini telah menyebabkan kebanyakan pekebun kecil mengalami kerugian besar, tidak dapat membayar pinjaman bank dan gulung tikar. Oleh yang demikian, kerajaan hendaklah menggubal satu dasar yang lebih praktikal, menghapuskan semua jenis polisi yang menindas atau melindungi para pekebun sawit di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini negara kita dikejutkan dengan kenaikan harga makanan yang mendadak terutama sekali beras di mana bekalannya telah jatuh dengan mendadak sekali. Keadaan ini telah memaksa kerajaan untuk bertindak cepat untuk mengatasi masalah ini termasuklah memperkenalkan pelbagai jenis subsidi makanan dan meningkatkan pengeluaran beras negara. Ini merupakan tindakan yang cukup bijak. Akan tetapi persoalannya, bilakah negara kita dapat mencapai sasaran bekalan beras cukup bagi negara kita? Di negeri Sabah misalnya, subsidi hanya diberikan kepada para petani kecil. Kecil-kecilan sahaja dan tidak kepada pengusaha dan pengilang pengeluar pesat secara besar.

■1820

Subsidi yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) subsidi membajak bagi seorang pesawah adalah tertakluk kepada had maksimum dua hektar sawah;
- (ii) subsidi baja bagi seorang pesawah adalah tertakluk kepada had maksimum 10 hektar sawah; dan
- (iii) subsidi padi daripada BERNAS bagi seorang pesawah adalah tertakluk kepada had maksimum dua hektar sahaja.

Jadi, ini tidak adil. Kita perlu memperkasa, memperkuat, memperhebat dan memperluaskan lagi perusahaan pengeluaran beras kita. Jadi, oleh kerana kita lihat terutama sekali di negeri Sabah, Sarawak dan termasuklah negeri-negeri di Semenanjung mempunyai keluasan tanah yang terbiar dan terbengkalai dan tidak menghasilkan kepada beras yang kita harap-harapkan. Kalau kita tengok jumlah beras yang kita import pada setiap tahun adalah sebanyak 200,000 metrik tan yang kita terpaksa bayar RM3,500 per tan. Ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM700 juta pada tahun 2007, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, alangkah baik duit yang kita beli daripada luar negeri dibelanjakan dalam negeri kita. Saya menyahut perkara ini dan menyeru kementerian berkenaan terutama sekali Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam negara ini untuk memperkasakan lagi jelapang-jelapang padi yang akan mengeluarkan hasil beras kita. Malangnya, kekecewaan saya, apa yang diumumkan di Sarawak belum ada sehelai rumput pun yang dibuka. Di Sabah dijanjikan juga dengan peruntukan yang besar untuk membuka jelapang padi, tetapi di manakah semuanya? Ini sudah berapa tahun? Dua, tiga tahun belum ada apa-apa yang dilihat. Inikah yang boleh kita

banggakan? Saya rasa ini mungkin kelemahan dari segi pentadbiran pengurusan yang memakan masa. Saya ingin merayu supaya ini dapat dipercepatkan. Keadaan ini telah memaksa kerajaan kita bertindak cepat.

Subsidi ini kalau dilihat memanglah telah meningkatkan penggunaan tanah bagi pengeluaran hasil beras negara tetapi tidak cukup. Memang ada subsidi yang diberikan kepada petani tetapi tidak mencukupi. Bagi membolehkan negara kita mencapai sasaran bekalan beras yang mencukupi seluruh negara kerajaan hendaklah memandang serius dan memanjangkan subsidi yang dimaksudkan tadi kepada pengusaha yang agak besar sedikit. Kita mendesak supaya pengusaha yang bermodal besar untuk mengusahakan ladang-ladang tanah kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit soal tenusu yang juga dibawa oleh sahabat saya iaitu soal subsidi susu. Penternak kecil diberikan subsidi kurang daripada 20 sen seliter dan penternak komersial diberikan tidak lebih daripada 7 sen seliter. Jadi, saya mempersoalkan ini. Kalau kita ingin mempertingkatkan lagi hasil makanan kita ini sepatutnya kita melihat untuk membantu dan berusaha supaya penternak kecil ini dapat mengusahakan tanah-tanah yang terbiar. Akan tetapi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, dahulu pada tahun 1982 di Sabah, kita ada 700 penternak namun sekarang ini hanya ada 100 hingga 200 orang pengusaha sahaja kerana tidak menguntungkan dan kerajaan tidak memberi perhatian yang berat kepada penternak-penternak ini. Jadi, kalaulah kerajaan sebagaimana yang dikatakan dalam bajet memperkasakan ekonomi negara maka ini harus kita lihat untuk membantu rakyat kita di desa-desa untuk membuka dan mengusahakan tanah-tanah terbiar dan yang terbengkalai itu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.26 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk sama-sama membahaskan belanjawan negara pada sidang ini. Saya memang menaruh harapan yang tinggi agar belanjawan yang dibentangkan pada sesi kali ini mengambil kira hasrat dan *mood* rakyat yang rata-rata mahukan perubahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan ini dengan topik sistem ekonomi di Malaysia.

Sistem ekonomi di Malaysia perlu di struktur semula dan memperluaskan agihan ekonomi di kalangan rakyat dan melihat bahawa permasalahan ekonomi dan kemiskinan di dalam negara kita memerlukan pendekatan baru dalam menghadapi kemelut ekonomi yang semakin mencabar. Tanpa memikirkan kepentingan mana-mana kaum dan bertunjangan semangat Perlembagaan Negara, faedah penyelesaian yang berasaskan pertimbangan kaum wajar diganti dengan penyelesaian berasaskan keperluan golongan. Kelas di mana kelas masyarakat yang miskin diberikan keutamaan istimewa dan perhatian yang khusus.

Agihan dan peluang ekonomi bagi golongan berpendapatan rendah wajar diberi penekanan yang khusus dan diperbesarkan agihannya agar golongan ini dapat dibebaskan

daripada derita kitaran kemiskinan yang berterusan. Dasar yang saya cadangkan ini tidak akan menggadaikan kepentingan ekonomi masyarakat bumiputera dan juga orang Melayu sama sekali malah akan memperkasakan lagi kekuatan ekonomi orang Melayu dan bumiputera kerana majoriti yang miskin dan terpinggir dalam arus pembangunan negara adalah dari kalangan orang Melayu dan bumiputera. Dalam masa yang sama kepentingan kaum-kaum yang lain akan terus diberi pembelaan dengan saksama dan adil.

Walaupun terdapat usaha yang berterusan untuk memesongkan dan mengalihkan pemahaman rakyat terhadap cita-cita murni ini dengan menimbulkan hasutan-hasutan yang berbau perkauman, dasar yang dicadangkan akan membuktikan bahawa apa-apa dasar baru yang menjuruskan kepada hasrat untuk melakukan perubahan ke arah kebaikan untuk seluruh rakyat boleh diterima dengan baik oleh masyarakat. Rakyat sekarang sudah dapat berfikir dengan baik dan jernih. Rakyat sudah bosan dengan politik perkauman. Nampaknya politik yang berasaskan perkauman yang cuba menyempitkan pemahaman rakyat dengan dalih dan hujah-hujah yang tidak benar dan ketinggalan zaman sudah tidak lagi diterima oleh masyarakat di zaman teknologi maklumat yang semakin melebar pengaruhnya di kalangan masyarakat.

Beberapa pemimpin di kalangan BN sendiri kini tampil secara terbuka mengakui bahawa dasar politik berdasarkan kaum ini perlu dikaji semula dan direformasi. Cadangan agar kemasukan ahli-ahli baru ke dalam BN wajar dibuka kepada semua tanpa perlu terikat kepada mana-mana parti dalam komponen BN. Ini bagi hemat saya adalah satu kejayaan bagi gerakan reformasi yang didukung bersama dari Pakatan Rakyat dalam usaha merombak struktur politik lama berasaskan kaum kepada struktur politik baru yang menjamin keadilan untuk semua.

Belanjawan negara dan krisis ekonomi dunia. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan dan saranan yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang agar belanjawan negara kali ini disemak semula kerana banyak angka dan statistik yang dikemukakan ketika belanjawan ini di bentang oleh Perdana Menteri kira-kira tujuh minggu yang lalu sudah tidak lagi relevan apabila diambil kira perkembangan terbaru yang melanda ekonomi dunia secara global.

Krisis ekonomi global yang sedang melanda memerlukan satu pendekatan khusus bagi mendepani cabaran ini. Saya berpendapat hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang amat jelas, kukuh dan munasabah mengapa belanjawan kali ini perlu dirombak semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

■ 1830

Hanya mereka yang buta hati dan angkuh sahaja yang tidak mahu menerima hakikat ini. Kemelut yang bakal menimpa akibat dari krisis ekonomi dunia ini perlu diatasi dengan penuh kebijaksanaan agar ke bebanan terhadap rakyat dapat diringankan. Kebijaksanaan memerlukan

kesediaan untuk mendengar dan menerima pendapat yang lebih baik walaupun berbeza dengan pemahaman kita yang sedia ada.

Jangan kita sekali-kali mengabaikan amanah yang diberikan oleh rakyat untuk mempertahankan dan membela nasib mereka hanya kerana keangkuhan kita sendiri yang tidak sedia menerima dan mendengar pendapat yang berbeza dengan kita. Saya tidak berhasrat untuk membahas dengan bersandarkan kepada angka dan statistik yang dikemukakan di dalam pembentangan belanjawan kali ini tetapi saya akan menyentuh secara umum beberapa perkara khususnya yang melibatkan isu alam sekitar dan tenaga.

Keprihatinan terhadap pemuliharaan alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, bagi Parti Keadilan Rakyat, aspek pemuliharaan alam sekitar di dalam mengawal dan memantau pembangunan negara perlu terus diperingatkan dan diberi penekanan yang tinggi dan berterusan.

Dalam menjanakan pertumbuhan ekonomi yang mapan, kita tidak seharusnya terikat dengan memandangkan kepada angka dan statistik. Lebih-lebih lagi statistik dan angka itu dibicarakan hanya untuk memberikan gambaran-gambaran yang indah semata-mata tetapi leka terhadap realiti sebenar yang berlaku. Kita perlu sentiasa berwaspada terhadap ancaman kerosakan alam sekitar akibat kerakusan sesetengah pihak yang merompak khazanah hutan belantara kita tanpa menghormati undang-undang dan peraturan.

Isu pencerobohan dan pembalakan secara haram telah dibicarakan berulang-ulang kali dan diperingatkan berkali-kali tetapi malangnya perkara ini terus terjadi secara berleluasa berulang-ulang kali. Mengapa ini boleh terjadi dan tentunya ada yang tidak kena dengan cara kita menguat kuasa dan memantau perkara ini. Sedangkan setiap kali belanjawan dikemukakan, aspek alam sekitar dan pemuliharaan akan disentuh dengan ikrar baru amat mendukacitakan semakin banyak kerosakan yang berlaku saban tahun.

Sebagai contoh, di negeri Selangor. Pentadbiran kerajaan negeri yang baru dapat mengenal pasti kegiatan pembalakan haram yang kerap berlaku semenjak dua tahun kebelakangan tanpa apa-apa tindakan yang berkesan oleh pentadbiran kerajaan negeri yang lalu. Sebagaimana yang telah dilaporkan di dalam akhbar, kira-kira 1,000 hektar hutan telah diceroboh sejak dua tahun yang lalu. Itu Hutan Simpanan Raja Musa dan dua kawasan yang berhampiran Universiti Industri Selangor atau (UNISEL) serta Ladang Hopeful di Bestari Jaya.

Kegiatan pencerobohan yang tidak bertanggungjawab ini telah mengancam kemusnahan pada industri padi dan beras di negeri Selangor berikutan pencerobohan Hutan Simpan Paya Gambut yang merupakan kawasan tadahan hujan yang menjadi sumber utama air bagi 19,000 hektar sawah di negara ini. Sebagai contoh, saya menerima aduan dan sempat pergi ke Sekijang untuk menemui petani-petani di sana. Mereka mengadu kepada saya bahawa masalah yang mereka hadapi kerana kekurangan air pada sawah sebab sungai yang sedia ada iaitu Sungai Tinggi tidak dapat lagi menyalurkan air ke sawah padi kerana paras air sungai itu sudah

turun secara mendadak. Ini disebabkan oleh peneroka yang didukung oleh kerajaan yang lepas di mana mereka meneroka hutan simpanan untuk tujuan tanaman kelapa sawit.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah bertindak dan mengarahkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Jabatan Tanah dan Galian negeri supaya mengambil tindakan lebih agresif bagi membendung kegiatan haram ini. Sekiranya perkara ini dibiarkan secara berterusan tanpa apa-apa tindakan yang berkesan sebagaimana yang telah berlaku selama dua tahun ketika pentadbiran kerajaan negeri yang lalu, kegiatan pembalakan dan penerokaan tanah secara haram ini boleh menjejaskan mata pencarian lebih 9,000 pesawah di zon jelapang padi negeri Selangor iaitu Tanjung Karang, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan juga Sekijang. Ia sudah tentu akan menubuhkan pertumbuhan ekonomi negeri dan juga negara secara amnya. Ini hanya contoh kecil yang berlaku di negeri Selangor. Sekiranya dikumpulkan senarai kegiatan pembalakan haram dan keluasan hutan yang telah dimusnahkan secara tidak bertanggungjawab yang telah berlaku selama ini, lembaran sebenarnya tentu amat menakutkan dan membimbangkan kita semua.

Pencerobohan dan pembalakan haram hanya akan menyebabkan kerosakan sumber alam, mengurangkan potensi penyelidikan biodiversiti dan menjejaskan penemuan baru. Pembalakan haram dan pencerobohan hutan akan juga menjejaskan sumber pendapatan kerajaan dan menyuburkan amalan rasuah dan penyelewengan. Ini perlu dibanteras dengan sedaya upaya kita. Memulihara biologi dan biodiversiti Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada dokumen dasar kepelbagaian biologi kebangsaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan pada tahun 1998, Malaysia merupakan salah sebuah 12 negara mega kepelbagaian atau *mega diversity* dengan izin, di dalam dunia.

Kesemua negara ini mempunyai sekurang-kurangnya 60% daripada spesies yang diketahui di dunia. Pulau Borneo yang terdiri daripada Sabah dan Sarawak telah disenaraikan sebagai kawasan utama bagi endemisme. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh *Convention For Biological Diversity*, lebih kurang 40% ekonomi dunia bergantung kepada sumber-sumber biologi secara umumnya. Lebih banyak kepelbagaian kehidupan atau dengan izin, *diversity of life*, lebih banyak wang dan kemungkinan untuk membuat penemuan terbaru di dalam penyelidikan kesihatan dan juga berkait rapat dengan pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, penipisan ozon dan pelan tindakan menghadapi cabaran pemanasan global. Saya ingin membuka ruang fikir bagi Ahli Dewan terhadap ancaman kerosakan lapisan ozon yang kini sedang berlaku dengan kadar yang cepat. Hal ini perlu diberi perhatian yang serius oleh kerajaan dan Ahli Dewan kerana lapisan ozon mempunyai pengaruh timbal balik dengan cuaca dan cuaca secara langsung menjadi kesan terhadap ekonomi negara khususnya terhadap industri pertanian, penternakan, perikanan dan juga pelancongan. Malah, lebih dari itu kesihatan dan *survival* kita sebagai manusia mempunyai kesan langsung akibat dari

kerusakan lapisan ozon yang telah mengakibatkan peningkatan kepanasan suhu global atau lebih dikenali sebagai fenomena global *warming*.

Fenomena global *warming* wajar diberi perhatian yang serius. Antara kesan buruk yang terhasil akibat kenaikan suhu dunia adalah cuaca yang tidak menentu dan ekstrem seperti kemarau dan ribut taufan. Dalam jangka panjang ianya juga akan mengakibatkan peningkatan paras laut. Mengikut satu kajian yang dikeluarkan baru-baru ini oleh James Hansen seorang penyelidik dan saintis yang berkhidmat dengan NASA, kenaikan paras air laut dijangka akan meningkat sehingga 7 meter dalam jangka masa 15 hingga 20 tahun. Ini adalah satu fenomena yang amat membimbangkan. Sekiranya perkara ini berlaku, banyak kawasan dan penempatan khususnya di kawasan berparas rendah dan berhampiran dengan laut akan musnah, binasa dan ditenggelami oleh air.

■1840

Ancaman utama yang dikenal pasti menjadi penyebab yang mengganggu keseimbangan ozon lapisan adalah pengeluaran klorofluorokarbon atau CFC. Buatan manusia di mana gas ini meningkat kadar penipisan ozon yang menyebabkan kemerosotan beransur-ansur dalam paras ozon global. Jangka hayat bagi CFC sudah lama. Satu molekul yang dibebaskan hari ini boleh wujud 50 hingga seratus tahun dalam atmosfera sebelum ianya terhapus secara alami.

Tuan Yang di-Pertua, kita difahami bahawa Malaysia tidak terikat dengan Kyoto Protokol mahupun komitmen awal melalui Monterey Protocol dalam mengehadkan pengeluaran gas CFC. Akan tetapi sebagai sebuah negara yang mahu kekal di peringkat antarabangsa, negara kita wajar melangkah ke hadapan dan menjadi peneraju di dalam sumbangan dan usaha kita sebagai warga komuniti di dunia dalam menghadapi cabaran ini agar generasi yang akan datang dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

Ada beberapa cadangan yang ingin saya kemukakan di sini secara ringkas agar alam sekitar negara kita dapat kita pelihara dan hargai dengan sebaiknya;

- (i) skop barangan kerja pembalakan harus diperluaskan untuk memastikan hasil ekonomi dari penghasilan balak tidak akan ke paras yang merugikan negara ini. Maka memerlukan penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih menyeluruh agar ketirisan dan kerugian hasil balak akibat daripada aktiviti pembalakan haram dapat dibanteras sehabis mungkin;
- (ii) projek-projek pembinaan yang melibatkan penghapusan kawasan hutan terutamanya di kawasan yang mempunyai aliran sungai patut dilarang atau sekurang-kurangnya dipantau dengan teliti dan dikatakan prosedurnya;
- (iii) cukai karbon patut dikenakan agar masyarakat dapat digalakkan untuk mengurangkan aktiviti yang menyebabkan pencemaran alam sekitar. Cukai karbon adalah satu prinsip ekonomi yang dipanggil dengan izin

principle of negative externalities. Menurut prinsip ini sebarang penghasilan dan pengeluaran berbentuk negatif dalam hal ini sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar wajar dikenakan cukai untuk menggalakkan masyarakat agar lebih peka terhadap usaha memelihara alam sekitar; dan

- (iv) satu undang-undang strategik atau dengan izin bagi *climate change strategic* boleh dirangka dan dirumus sebagai persediaan awal kita untuk menghadapi fenomena perubahan cuaca yang *extreme* yang dijangka akan menampakkan kesannya secara ketara di dalam beberapa tahun yang akan datang, tenaga dan masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, khazanah sumber minyak asli dan gas negara kita semakin berkurangan dari hari ke hari. Sebagai persediaan dan langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah ini amat wajar kerajaan mengemukakan satu pelan yang komprehensif untuk menangani krisis kekurangan minyak pada masa akan datang. Tanpa minyak kita akan mengalami krisis tenaga yang besar. Penggunaan sumber tenaga alternatif sebagai solar mikro hidro, *wind turbine*, *solar hybrid* dan kenderaan pengangkutan berasaskan elektrik perlu diterokai dengan lebih meluas dan diperkenalkan secara efektif agar negara kita tidak ketinggalan dalam penyediaan teknologi dan tenaga alternatif pada masa akan datang.

Walaupun kerajaan ada mengusahakan penggunaan tenaga alternatif seperti solar, peratusannya berbanding penggunaan tenaga konvensional seperti hidroelektrik masih kecil. Iaitu kurang dari lima peratus dan masih jauh mencukupi sebagai persediaan kita menghadapi cabaran kekurangan bahan bakar berasaskan petrol pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping penggunaan tenaga alternatif perlu diperkenalkan dan diperluaskan kajiannya, kerajaan juga wajar mengkaji dan memantau kesan-kesan negatif yang mungkin terhasil dari penggunaan tenaga ini. Sebagai contoh, tenaga bio-mas yang dihasilkan oleh *incinerator* di Bukit Nanas di Kuala Lumpur dilaporkan menghasilkan bahan toksik yang boleh menjejaskan struktur tanah dan tumbuh-tumbuhan liar yang terdapat di Hutan Simpanan Bukit Nanas. Ini memerlukan pemeriksaan dan pemantauan yang berterusan oleh kerajaan agar kesan pencemaran itu dapat diminimumkan jika tidak dapat dibaik pulih sama sekali.

Begitu juga dengan jana kuasa elektrik berasaskan penggunaan arang batu seperti yang berlaku di Lahad Datu, Sabah. Walaupun projek jana kuasa tersebut dikatakan melibatkan pemantauan teliti dari Jabatan Alam Sekitar, atau dengan izin *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA). Malangnya tiada pemantauan dan juga regulasi pelepasan gas karbon dioksida, gas berbahaya yang memberi kesan rumah hijau atau *green house gas*.

Hal ini telah diamati dan diakui oleh Pengarah *Centre for Environment, Technology and Development* Malaysia, saudara Gurmit Singh. Mengikut pemerhatian beliau, walaupun ada regulasi terhadap pencemaran yang terhasil melalui pelepasan gas seperti sulfur dioksida dan

nitrogen oksida, malangnya tiada pemantauan dan regulasi khusus bagi kesan rumah hijau. Seperti kata beliau, dari perspektif cuaca, ini adalah berita buruk. Kita telah menukar dari menggunakan bahan bakar fosil yang agak bersih kepada bahan bakar paling kotor iaitu arang batu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan di bawah Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi ada mengemukakan dengan izin, *National Energy Policy* atau Dasar Tenaga Nasional. Dasar ini didapati tidak mengemukakan suatu rancangan yang benar-benar komprehensif bagi menghadapi cabaran krisis tenaga di masa akan datang. Ini diakui oleh Presiden Tenaga Nasional Berhad, yang telah membuat kenyataan pada 4 Jun 2008 menggesa kerajaan suatu dasar tenaga yang komprehensif agar bencana krisis tenaga di masa akan datang dapat dielakkan. Kebimbangan yang dinyatakan oleh Presiden Tenaga Nasional Berhad ini sememangnya berasas.

Kelemahan kita dalam merangka dasar tenaga nasional yang komprehensif amat ketara sekali. Sebagai contoh ini Menteri Tenaga Air dan Komunikasi ada membuat kenyataan akan mengkaji penggunaan tenaga nuklear sebagai alternatif jangka panjang. Namun, dasar kita berkaitan penggunaan tenaga melalui jana kuasa nuklear masih kabur. Adakah kita akan benar-benar mengguna dan meneroka potensi tenaga nuklear sebagai tenaga alternatif menggantikan jana kuasa hidroelektrik? Ini memerlukan satu jawapan yang jelas dan tegas.

Sekiranya kita terus berlengah untuk membuat keputusan dan perancangan yang teliti mulai sekarang, kita amat khuatir kita akan mengalami krisis tenaga yang amat serius. Saat negara sudah mengalami kekeringan sumber minyak di masa akan datang, apakah kita mampu di waktu itu untuk melancarkan program jana kuasa nuklear? Perkara ini wajar difikirkan secara mendalam agar krisis tenaga pada masa akan datang dapat diatasi dengan kebijaksanaan kita untuk merangka pelan dan rancangan jangka masa panjang. sekian terima kasih.

6.50 ptg.

■1850

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan, tahniah dan syabas di atas ucapan Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan pada 29 Ogos 2008 yang lalu. Sebagai wakil rakyat kawasan Ranau saya bagi pihak seluruh rakyat kawasan Ranau ingin memberikan dengan izin *the thumbs up* Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Belanjawan tahun 2009 antara lain memberi fokus kepada pembasmian kemiskinan khusus rakyat yang tinggal di luar bandar. Tumpuan kerajaan untuk membangunkan Malaysia secara menyeluruh amatlah dialu-alukan dan wajarlah diberikan sokongan oleh semua pihak. Sungguhpun belanjawan tersebut tidaklah menyebut secara terperinci langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kenaikan inflasi terutama di Sabah. Namun saya percaya kerajaan

komited, prihatin dan bersungguh-sungguh untuk mengawal gejala ini agar tidak berterusan menghimpit hidup rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan yang diberikan kepada Sabah sebanyak RM3 bilion itu saya amat mengharapkan agar kawasan Ranau akan turut sama mendapat ataupun dibangunkan melalui dasar pembangunan koridor terutama sekali pembangunan koridor negeri Sabah. Daerah Ranau yang terletak di pedalaman negeri Sabah mempunyai keluasan fizikal 3,555.9 kilometer persegi itu ialah lima kali ganda lebih luas daripada negeri Perlis dan dua kali ganda lebih luas daripada negeri Melaka.

Dengan keluasan fizikalnya yang begitu besar sudah tentulah ia memerlukan dana yang besar untuk melaksanakan program-program pembangunannya secara menyeluruh. Tuan Yang di-Pertua, sekadar menyebut sebahagian kecil prasarana yang perlu disediakan adalah seperti berikut. Pertama, dari segi pembangunan ataupun projek jalan raya. Naik taraf 12 rangkaian jalan raya sejauh 272.08 kilometer yang melibatkan kos RM553.6 juta dan saya ingin merujuk sumber daripada Jabatan Kerja Raya Ranau Tuan Yang di-Pertua. Nama jalan raya dan ada juga jaraknya ataupun jauh dalam kilometer.

- (i) Jalan raya Kampung Dongkut - Kampung Kengaran iaitu 63 kilometer jauhnya;
- (ii) Bongkut - Luyan 44 kilometer;
- (iii) Rawas – Tibabar 28.48 kilometer;
- (iv) Kundasang – Oluan – Inosok 8.2 kilometer;
- (v) Randagung – Himbaan 17.1 kilometer;
- (vi) Rundutuhan – Kudan 25.5 kilometer;
- (vii) Kibas – Mahiboyan – Kundasang 16.8 kilometer;
- (viii) Kibas – Lipasuk 4.1 kilometer;
- (ix) Ganagana 8.3 kilometer; dan
- (x) Muluk Ragan – Tinanam 25 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bekalan air bersih bekalan kepada rakyat setakat ini hanya mencapai 14% sahaja. Mengikut perancangan jabatan air daerah Ranau, daerah ini memerlukan dana sekurang-kurangnya RM500 juta untuk mencapai 50% bekalan air bersih kepada penduduk.

Bekalan elektrik. Pada masa ini bekalan elektrik mencapai hanya 41%. . Keperluan perumahan akan meningkat sehinggalah 29,000 unit menjelang akhir tahun 2020, SPNB perlu merancang lebih agresif untuk menyelesaikan keperluan ini dan harga rumah kos rendah kelolaan SPNB juga dianggap terlalu tinggi iaitu di antara RM75,000 hingga RM149,000 seunit bagi jenis rumah teres.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pelajaran di daerah Ranau. Lebih 90% bangunan sekolah-sekolah rendah masih lagi daif. Terdapat rumah-rumah guru yang berumur lebih 25 tahun malah ada yang diwarisi sejak zaman British lagi. Contohnya SK Pekan Ranau, sekolah tertua di daerah Ranau belum pernah diberi peruntukan pembinaan rumah guru. Bangunan sekolah ini juga menyedihkan.

Dari segi pembangunan ekonomi penduduk daerah Ranau Tuan Yang di-Pertua, majoriti penduduknya adalah golongan miskin. Sumber pendapatan mereka ialah hasil-hasil pertanian. Kerajaan perlu menyalurkan bantuan kewangan dan teknikal untuk membantu penduduk di kawasan saya. Saya juga mengalu-alukan supaya agensi-agensi yang sedia ada seperti FELDA dan FELCRA patut mengambil bahagian ataupun patut mengambil peranan. Dua bahagian yang berpotensi ini adalah bertujuan untuk memajukan yang pertama pembangunan pertanian dan kedua pelangsungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada kerajaan kementerian-kementerian berkenaan dan para menteri yang prihatin agar membuka hati, buka mata dan buka telinga agar dapat mencanai pembangunan di kawasan P.179 Ranau. Tuan Yang di-Pertua, di atas kertas atau pada teorinya Sabah termasuklah daerah Ranau kalau kita lihat lebih muda hanya enam tahun di belakang semenanjung Malaysia dari segi umur kemerdekaannya. Namun pilihlah mana-mana daerah yang kurang maju di Semenanjung Malaysia, daerah Ranau ataupun P.179 Ranau jelas ketinggalan 50 tahun di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 hanya 11 tahun di hadapan kita. Wawasan negara untuk membawa Malaysia maju mengikut acuan dan piawaian sendiri belum tentu boleh dicapai.

■ 1900

Bagi kawasan Ranau, sudah nampak petanda tidak tercapai. Kemudahan asas yang diperlukan belum pun mencapai 30%. Dengan kemampuan kewangan kerajaan yang disalurkan ke kawasan ini begitu terhad sebagaimana berlaku pada tahun-tahun yang lepas. Saya merasakan daerah Ranau akan terus ketinggalan arus kemajuan. Hanya dengan peruntukan yang besar, daerah ini mampu bersaing di peringkat nasional. Hakikatnya maka kawasan ini dahagakan kemajuan. Justeru itu, saya merayu agar daerah ini diberi perhatian khusus.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi fenomena yang paling menyedihkan yang sedang berlaku atau pun melanda dan sedang dialami di negeri Sabah iaitu kedudukannya sebagai negeri nombor dua termiskin di Malaysia. Kedudukan Sabah sebagai nombor dua termiskin dalam negara ini bukan hanya menyedihkan tetapi aluran Sabah bikin kasihan. Bikin kasihan kerana negeri Sabah seharusnya sekurang-kurangnya nombor dua terkaya ataupun sekurang-kurangnya salah satu daripada negeri yang terkaya dalam Malaysia. Saya juga tertanya-tanya tentang perkara ini kenapa sebab menjadi termiskin? Seakan-akan sebagai negeri miskin tegar di negara kita.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk fakta pengeluaran minyak mentah dan 'consider' dari luar pantai negeri Sabah dari tahun 2002 hingga 2007 adalah seperti berikut yang dikeluarkan oleh pihak Petronas. Tahun 2002, jumlah tong minyak dari Sabah ialah 35.2 juta, 2003 – 36.6 juta tong, tahun 2004 – 34.5 juta tong, tahun 2005 – 29 juta tong, tahun 2006 – 29.8 juta tong, tahun 2007 – 32.6 juta tong.

Jumlah royalti yang telah dibayar pada kerajaan negeri Sabah mengikut kalendar dari tahun 2002 sehingga 2007. Tahun 2002, Sabah hanya mendapat RM166.5 juta berdasarkan hanya 5%. Tahun 2003, Sabah mendapat RM207.4 juta, tahun 2004 – RM254.9 juta, tahun 2005 – RM276.7 juta, tahun 2006 – RM409.7 juta dan tahun 2007 - RM365.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat hasil dalam tahun 2002, sebanyak 35.2 juta tong minyak tetapi Sabah hanya mendapat royalti berdasarkan 5% iaitu RM166.5 juta. Ini bererti harga ataupun hasil daripada 35.2 juta tong ialah RM33.3 bilion, RM33.3 bilion dan negeri Sabah hanya mendapat RM166.5 juta.

Dalam tahun 2003, 36.6 juta tong, hasil adalah RM41.8 bilion dan Sabah hanya dapat RM207.4 juta. Tahun 2004, 34.5 juta tong, seharusnya hasilnya adalah RM50.95 bilion dan Sabah hanya mendapat RM254.9 juta. Dalam tahun 2005, 29 juta tong, RM55.34 bilion dan negeri Sabah hanya mendapat RM276.7 juta. Tahun 2006, 29.8 juta tong, nilainya ialah RM81.94 bilion dan negeri Sabah hanya mendapat RM409.7 juta. Dan tahun 2007, 32.6 juta tong dengan nilai RM74.8 bilion dan negeri Sabah hanya mendapat RM365.4 juta.

Ini bererti dari tahun 2002 sehingga 2007, jumlah juta tong yang diperolehi daripada luar pantai negeri Sabah ialah 198.4 juta tong yang bernilai kira-kira RM338.57 bilion dan Sabah hanya mendapat RM1,680.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, itulah saya rasa satu-satunya penyebab yang menjadikan Sabah negeri yang termiskin di Malaysia jika kita bandingkan dengan negeri-negeri lain.

Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah. Kalau sekiranya terlalu rumit kerana terikat dengan perjanjian-perjanjian yang begitu merugikan Sabah, silakan berikan melalui lebih banyak pertambahan peruntukan selain daripada bajet untuk pembangunan negeri Sabah. Bukan hanya RM1 bilion, bukan hanya RM2 bilion tetapi RM3 atau 4 bilion untuk negeri Sabah setiap tahun menjelang tahun 2017 kerana dalam tahun 2017 Petronas menjangkakan hasil minyak daripada negeri Sabah akan menurun.

■1910

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: ...kalau sekiranya tidak ada penemuan telaga baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Seputeh dengan Ipoh Barat Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Saya tidak, saya tidak beri peluang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita mahu sokong, kita mahu sokong Yang Berhormat kita mahu sokong pandangan yang sama juga.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Saya tidak beri laluan nanti kemudian. Saya habiskan ini dahulu. Kalau ada masa sekarang saya beri peluang. Harap-harap ada masa lagilah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada sedikit-sedikit lagilah masa.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Berapa minit lagi, berapa lama lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa sila-sila Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tidak lama lagi itu lebih baik saya habiskan dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habis dahululah habis dahulu.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui Petronas tidak akan wujud ia tidak ada kalau sekiranya minyak dari Sabah, minyak dari Sarawak, minyak dari Terengganu tidak ada. Dan kenapa tidak prihatin tentang kedudukan negeri Sabah? Seheinggakan hari ini tidak satu pun kilang yang dibina oleh Petronas di negeri Sabah kalau di bandingkan di negeri-negeri di Semenanjung. Bikin kasihankan? Bikin kasihan, bikin susah hati, bikin marah juga. Kita dianggap pusat kekayaan tetapi di sebaliknya kita menjadi negeri yang termiskin. Bagus kalau di peringkat atasan tetapi nombor dua termiskin di negara Malaysia.

Kerajaan tidak ngam. Kalau di Sabah betul-betul keadaan ini, tindakan ini betul-betul tidak ngam menjadikan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ya, saya beri laluan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya ucapan Yang Berhormat tadi amatlah dekat dengan fikiran kami di sini. Tengok sudah beberapa tahun kami berada di sini dengan sungutan daripada Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional di Sabah selalunya bangkit perkara yang sama, di mana Sabah daripada satu negeri yang begitu kaya, jadi satu negeri yang termiskin di seluruh Malaysia. Apakah Yang Berhormat mahu terus berada di dalam Barisan Nasional? Apakah Yang Berhormat juga akan mempertimbangkan

mungkin biar Pakatan Rakyat, datang ke Pakatan Rakyat supaya kami jadi Kerajaan Pusat supaya kami juga boleh tolong membangunkan Sabah dan memanfaatkan orang-orang di Sabah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Pandangan itu memang menarik tetapi pandangan itu masih lagi samar-samarlah. Saya anggap sebagai omong kosong dan bagi saya, saya lebih mengharapkan, lebih besar harapan kalau berterusan dalam Barisan Nasional kerana Barisan Nasional ini adalah kerajaan yang berkuasa untuk membantu rakyat Sabah.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini Yang Berhormat Ranau sudah banyak peminat ini.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tidak ada harapan bagi pihak pembangkang untuk membantu kerana tiada kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada empat orang bangun Yang Berhormat. Putatan lepas itu Kuala Krai, Ipoh Barat, Seputeh. Yang mana satu bagi Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kami mahu tolong orang Sabah sahaja bukan tolong Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Saya bagi Yang Berhormat daripada Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Memanglah kawan sendiri.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Ranau.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Putatan di tengah-tengah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah, tidak payahlah Seputeh.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ranau soal dan masalah yang kita hadapi di Sabah ini memang banyak ya. Bukan di Sabah sahaja di negeri di Semenanjung pun ada juga masalah terutama sekali Ipoh Barat itu banyak masalah. Jadi Yang Berhormat Seputeh menimbulkan masalah yang di Sabah itu kerana mereka datang ke Sabah itu untuk mengacau-mengacau sahaja bersetuju atau tidak?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih kepada rakan Yang Berhormat daripada Putatan. Memang betul saya setuju 100%.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Semestinyalah kita mahu tolong, tolong Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Untuk meningkatkan ekonomi.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Saya tidak beri laluan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak bagi laluan Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Dengan keterangan-keterangan yang demikian saya mohon menyokong. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ringkas sahaja. Itu sebabnya Sabah menjadi negeri yang termiskin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *You* hendak cakap ke lagi sudah dua kali Yang Berhormat duduk, duduk Seputeh, sila duduk.

Seorang Ahli: Cukuplah Seputeh.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

7.16 mlm.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak cakap sedikit mengenai Sabah. Memandangkan seorang Ahli Parlimen seperti dari Ranau sendiri telah berikhtiar dan bersetuju bahawa akibat polisi-polisi kerajaan yang telah mengakibatkan mereka sangat sesuai dan dekat menjadi pengemis di negeri mereka sendiri. Maka saya cadangkan bahawa kerajaan menubuhkan satu *Select Committee* yang khas untuk mengambil tahu keadaan yang rumit di Sabah. Dan kami di pembangkang akan memberi sokongan yang penuh kepada kerajaan untuk mengkaji adakah ini wajar dan saya cadangkan sedemikian supaya satu *Select Committee* ditubuhkan agar mendapat *all party to be involved* supaya satu kajian yang menyeluruh dibuat.

Adakah wang-wang yang diagihkan kepada negeri Sabah berlaku ketirisan? Adakah ACA perlu mengambil tindakan dalam hal-hal di mana wang-wang yang mungkin telah disalahgunakan supaya rakyat Sabah dapat menikmati kemakmuran yang telah dijanjikan kepada mereka, pada tahun 1963 mereka masuk dalam Malaysia. Dan ini adalah satu perkara yang mustahak yang perlu satu kajian menyeluruh oleh kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini dari Perak buat apa pembangkang? Ini negeri kita, ini dia pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat masa berjalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya terus sahaja lain kalilah. Penindasan Orang Asli. Malaysia telah merdeka selama lebih daripada 51 tahun. Di dalam tempoh ini kerajaan telah menumpukan pembangunan negara dari satu negara yang bergantung kepada pertanian ke satu negara yang berkecimpung di dalam sektor perindustrian. Di dalam mengejar mimpi pembangunan setanding dengan negara-negara maju, negara Malaysia telah lupa amanah dan

tanggungjawab yang dipikul terhadap satu golongan masyarakat istimewa dan yang patut dibanggakan oleh semua golongan masyarakat Malaysia - Orang Asli.

Golongan minoriti orang asal yang merupakan peribumi negara ini, yang kaya dan yang hidup dengan adat tradisi dan cara hidup yang unik dan tersendiri kini diancam sehingga identiti mereka hampir lenyap. Dasar pentadbiran bagi Orang-orang Asli tahun 1961 yang diisytiharkan untuk memartabatkan masyarakat Orang Asli di samping menubuhkan satu proses integrasi dengan kaum lain kini terpesong dari niat dan perhitungan asal. Akibatnya masyarakat Orang Asli kini menjadi masyarakat yang kaya, tetapi yang terencil dan tertindas di negara Malaysia. Satu keadaan *oxymoronic* yang memilukan. Masyarakat Malaysia sentiasa dikelirukan oleh arus media perdana dan laporan palsu kononnya masyarakat Orang Asli adalah dilingkungi...

■1920

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Krau bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya belum habis lagi.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu sahaja soalan, tentang Orang Asli.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh tetapi saya ada lima muka surat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh, boleh?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mungkin apabila Yang Berhormat sudah dengar ini, apabila hendak tanya soalan, *no problem*.

Masyarakat Malaysia sentiasa dikelirukan oleh media perdana dan laporan-laporan palsu kononnya masyarakat Orang Asli adalah dilingkungi di dalam golongan masyarakat miskin tegar.

Ini sama sekali tidak benar. Sebaliknya masyarakat Orang Asli bukannya golongan miskin tegar tetapi dimiskinkan dengan polisi-polisi kerajaan yang sudah lama songsang daripada matlamat dan tujuan sebenar Dasar Pentadbiran Bagi Orang-orang Asli 1961 yang berjanji untuk memberi perlindungan kepada golongan ini yang amat *vulnerable* terhadap ancaman-ancaman yang bertopengkan integrasi dan pembangunan khazanah mereka.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau JHEOA, satu jabatan yang diwujudkan khas untuk memberi perlindungan serta memastikan kesejahteraan dan pembangunan masyarakat Orang Asli kini wujud sebagai satu entiti yang hilang pedoman dan tidak relevan untuk menjaga kepentingan Orang Asli.

Masyarakat Orang Asli yang hilang harapan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang bangun memperjuangkan hak-hak mereka dengan pertolongan dan bantuan badan-badan penyokong dituduh bersubahat dengan NGO-NGO yang mempunyai agenda-agenda tertentu.

Setiap bangunan besar Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bukan diduduki oleh Orang Asli dan setiap kereta mewah yang dibeli dengan dana jabatan, wang yang diagihkan kerajaan dinikmati oleh golongan bukan Orang Asli dan setiap satu peruntukan dana untuk peralatan demi pembangunan, adakah ia sampai kepada Orang Asli yang patut menikmatinya.

Malahan selepas 51 tahun merdeka, masyarakat Orang Asli belum merdeka, tidak dididik dan dibekalkan ilmu untuk berdikari. Hakikatnya sehingga kini belum lagi seorang di kalangan Orang Asli dapat menerajui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Diharapkan Jabatan Hal Ehwal orang Asli melindungi hak Orang Asli seumpama harapan pagar, pagar makan padi.

Setiap satu projek TSK atau tanaman semula komersial yang diwujudkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dengan membawa masuk penyertaan badan-badan seperti RISDA hanya menjadikan Orang Asli kuli-kuli di dalam tanah adat mereka sendiri.

Urutan pendapatan peneroka-peneroka FELDA adalah di dalam lingkungan RM3500 sebulan. Apakah rasional pendapatan Orang Asli hanya mendapat pulangan tidak melebihi RM400 sebulan sahaja, itu pun tidak setiap bulan. Masyarakat Orang Asli yang bangun membantah ketidakadilan dalam pengagihan keuntungan dan yang ingin mendapatkan kebebasan pengurusan ladang-ladang mereka diancam dengan perlucutan penyertaan serta tindakan mahkamah kononnya menceroboh tanah adat mereka sendiri misalnya di Buluh Nipis, Pahang.

Di dalam masa yang sama diharapkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan memberi nasihat undang-undang yang cukup munasabah dan sebenarnya kepada Orang Asli atau sebarang pengambilan tanah jelas mengecewakan.

Contohnya, kes ADUN di bawah di negeri Johor iaitu pengambilan tanah suku kaum Jakun sebanyak 53,273 ekar. Jumlah pampasan yang dikira oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah sebanyak RM560,535 sahaja tetapi apabila suku kaum tersebut yang tidak puas hati membawa kes tersebut ke mahkamah dengan bantuan peguam swasta, pampasan melonjak melebihi RM26 juta.

Lagi satu ialah mahkamah rayuan mempersoalkan pengabaian tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di dalam melindungi kepentingan masyarakat Orang Asli Temuan yang mengalami masalah pengambilan tanah di Bukit Tembok, Dengkil. Tanah adat Orang Asli masih belum diiktiraf adalah sebanyak 31,000 ekar. Sebahagian tanah ada Orang Asli yang dituntut, yang diluluskan untuk penggazetan tetapi belum digazetkan dan 80,000 ekar masih hanya di dalam proses kajian untuk digazet tetapi media arus perdana sentiasa menguar-uarkan berita penggazetan tanah adat Orang Asli seolah-olah memberi gambaran bahawa tanah adat Orang Asli selamat.

Akan tetapi hakikatnya tanah adat Orang Asli jauh daripada selamat. Orang Asli setiap hari diancam dengan pengambilan tanah-tanah adat mereka tanpa pengetahuan mereka dan

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menutup mata dan telinga terhadap beban kesengsaraan yang dipikul oleh masyarakat ini yang terus tertindas dan dipencilkan.

Perbincangan secara *consultation* dengan persetujuan *free fire and informed consent* jarang dipraktikkan. Sebahagian tanah adat Orang Asli diagihkan kepada gergasi-gergasi komersial dan korporat serta pembalok-pembalok tanpa pengetahuan atau persetujuan Orang Asli sekali gus memberi kesan serius kepada sumber-sumber keperluan dan cara hidup mereka;

- (i) sungai-sungai dicemari;
- (ii) alam semula jadi dimusnahkan;
- (iii) sumber-sumber keperluan dilenyapkan;
- (iv) tanah-tanah keramat dan suci dihapuskan; dan
- (v) tradisi dan adat dipupuskan.

Alasan kerajaan adalah penglibatan gergasi-gergasi komersial serta pembalok-pembalok meningkatkan peti dana untuk pengurusan serta pentadbiran negara. Jika ada tanah-tanah adat yang belum ataupun tidak diagihkan kepada yang berkepentingan komersial, maka tanah-tanah adat ini diwartakan sebagai rizab hutan dengan sewenang-wenangnya dan sekali gus merampas dan mengharamkan sumber hutan yang sekian lama menjadi punca pendapatan sara hidup Orang Asli.

Kita mesti ingat Tuan Yang di-Pertua, setiap kereta rasmi serta bilik hawa dingin serta lain-lain keistimewaan yang dinikmati oleh pentadbir-pentadbir kerajaan adalah hasil dari pencabulan hak asasi manusia yang asas seperti yang tertakluk di dalam piawaian antarabangsa UNDRIP, atau United Nation Declaration on the Right of Indigenous People yang dipersetujui oleh Malaysia dan di *adopt* kan pada United Nation General Assembly Resolusi 62295 (2007).

Identiti Orang Asli diancam. Di dalam ucapan-ucapan rasmi kerajaan hanya kaum Melayu, Cina dan India, Kadazan dan Iban disebut-sebutkan. Pengenalan Orang Asli sebagai satu komponen masyarakat Malaysia lantas disenyapkan. Dokumen-dokumen rasmi mengkategorikan Orang Asli sebagai golongan lain-lain.

Apakah pengiktirafan yang diberikan kepada Orang Asli ini wajar dan boleh diterima masalah sedunia? Masalah penghinaan orang asal bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Akan tetapi beberapa negara yang kini menanggung malu akibat kesilapan masa silam yang sarat dengan pencabulan hak asasi manusia orang asal kini dengan terang-terang dan secara terbuka memohon maaf dan melangkah untuk memperbetulkan sejarah penyelewengan hak orang asal.

Contohnya Australia *Prime Minister, Kelvin Rudd introduced a motion in Australia Nation Parliament, Tuesday 12th February 2008, apologizing for the past mistreatment of other country's aboriginal population.*

Malaysia juga telah melangkah memperbetulkan sejarah masyarakat Orang Asli. Satu halaman baru buku sejarah, *a new page in a history book* bermula di negeri Perak, sejarah

gemilang negeri Perak dikunjungi, State of Perak Enactment No.3 tahun 1939, Perak *Aboriginal Tribes Enactment*.

■1930

Enakmen pertama yang memberikan pengiktirafan undang-undang terhadap hak-hak Orang Asli di Malaysia dengan mewujudkan satu Piawai Pelindung (*Protector*) yang kemudiannya dimodankan dan diwartakan dengan Akta Orang Asli 1954. Kini Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Perak mengambil langkah pertama dengan menubuhkan satu jawatankuasa *task force* yang kebanyakannya terdiri daripada golongan Orang Asli dengan tujuan antara lainnya untuk mencari jalan mengiktiraf tanah-tanah adat Orang Asli dan mengembalikan sejarah dan tradisi dan hidup masyarakat Orang Asli daripada terus dipadamkan selama-lamanya.

Saya menyeru sidang ini untuk mengaku bahawa keciciran kita dalam tugas kita perlu dipikul bersama-sama dengan mengambil langkah-langkah segera untuk memulihkan beban penderitaan saudara-saudara kita yang berketurunan Orang Asli. Saya hari ini pada 20 Oktober 2008 sebagai Ahli Parlimen pertama secara sukarela memohon maaf kepada saudara-saudara saya keturunan Orang Asli dan berjanji untuk melakukan segala apa yang mampu oleh saya untuk meningkatkan taraf hidup Orang Asli secara setaraf dengan amanah dan janji kerajaan dasar kerajaan tahun 1961.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan di antara tanah-tanah yang telah diambil oleh kerajaan tanpa apa-apa perbincangan dengan Orang Asli adalah satu tanah yang sekarang diduduki oleh satu universiti yang terkenal di negara ini. Saya difahamkan ini adalah satu perkara yang sepatutnya tidak berlaku tetapi universiti itu yang telah dibina dengan tidak mengambil kira tanah adat Orang Asli, tanah kubur sekarang semua telah hilang. Kita memikirkan adakah Kerajaan Barisan Nasional memikirkan bahawa masyarakat Orang Asli ini tidak perlu diambil kira dalam apa-apa perbincangan. Bukankah mereka manusia, mereka adalah bangsa yang pertama yang asal di negara ini dan apakah kerajaan akan berani berdiri dan meminta maaf ke atas apa yang terjadi dan mengambil kesempatan untuk memberi bukan sahaja pampasan kepada mereka tetapi juga tanah-tanah mereka yang hilang di dalam Kuala Lumpur sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia secara keseluruhan berada dalam kejutan dan mula bersuara dan menentang tindakan kerajaan terhadap sekatan yang dikenakan pada HINDRAF. HINDRAF adalah nadi kaum India yang selalunya menyuarakan masalah sosial politik daripada peringkat akar umbi yang kini disekat daripada membuat apa-apa aktiviti dan diisytiharkan sebagai pertubuhan haram. Ini menunjukkan kegagalan kerajaan walaupun negara ini dikatakan bebas dan adil. Ianya adalah satu tindakan yang keji dan penghinaan kepada rakyat oleh Kerajaan Persekutuan yang selalunya khuatir terhadap perkara-perkara kecil dan juga mempunyai ciri-ciri perjuangan yang berdisiplin.

HINDRAF adalah satu pertubuhan yang patuh pada undang-undang dan juga hanya melakukan bantahan secara demokrasi, aman dan damai. Selain daripada sekatan ini, kerajaan harus mencari satu jalan penyelesaian yang alternatif dengan menegaskan permintaan HINDRAF, *The 18 Points* yang dikatakan dan harus menggunakan cara diplomasi secara bijaksana dan berwibawa untuk mengatasi masalah-masalah asas kaum India seperti isu kemiskinan dan kekurangan peluang. Rakyat Malaysia sememangnya menentang sekatan ini dan dapat melihat dengan jelas tipu helah ini sebagai satu senjata Kerajaan Barisan Nasional yang selama ini dipimpin oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak mempunyai daya pemikiran yang matang.

HINDRAF adalah penting untuk menyatukan rakyat Malaysia bagi mencapai pembinaan negara dan proses pemulihan negara bagi merasai suasana bersatu di dalam negara tetapi realitinya adalah songsang dan tindakan adalah mundur, berniat dendam dan remeh temeh. Mengharamkan HINDRAF akan memburukkan situasi dan akan melahirkan perasaan tidak puas hati daripada kaum India terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Kami mendesak supaya kerajaan membatalkan sekatan yang dikenakan pada HINDRAF dengan mengesahkan pertubuhan ini.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, pada Oktober tahun lalu satu permohonan telah dibuat oleh HINDRAF untuk *register* sebagai satu pertubuhan daripada segi undang-undang. Kenapa ia tidak dipertimbangkan, kenapa ia tidak diluluskan? Rakyat Malaysia akan berusaha bersama HINDRAF untuk melaungkan sekatan ini dan akan mengadakan kempen seluruh negara untuk menekan pihak berkuasa sehingga membatalkan sekatan yang dikenakan. Pihak berkuasa juga harus memberikan tawaran yang ikhlas untuk membatalkan sekatan yang dikenakan. Pihak berkuasa juga harus memberi tawaran yang ikhlas untuk mendaftarkan HINDRAF dan sahkan sebagai... segala tekanan yang dihadapi oleh kaum India.

Sekatan yang dikenakan terhadap HINDRAF adalah satu bukti di mana Kerajaan Barisan Nasional masih gagal untuk mempelajari kegagalan Pilihan Raya Mac 2008 di mana rakyat Malaysia sendiri menentang kezaliman dan penyalahgunaan kuasa secara habis-habisan. Tuan Yang di-Pertua, kita semua di Malaysia dikatakan ada *economy fundamental* yang kuat, maka kemungkinan besar kita tidak akan menghadapi *recession* Ini adalah kata-kata yang kita baca dan kerap kali dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri tetapi kita semua tahu juga apa yang terjadi di Amerika dan semalam di mana beratus-ratus orang telah dibuang kerja di China. Saya berpendapat dan banyak orang dalam arena ekonomi berpendapat bahawa ia juga akan berlaku di negara ini.

Jadi dalam keadaan ini, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah pekerja-pekerja di negara ini. Satu di antaranya adalah kerajaan perlu menubuhkan *retreatment fund* dan juga *funds* yang lain untuk menolong orang-orang yang mungkin akan dibuang kerja. Yang mustahak sekali adalah kita perlu adakan satu minimum *wage* di negara ini. Kenapa kerajaan gagal untuk mengimplementasikan satu program sekurang-

kurangnya setiap pekerja di negara ini dibayar gaji tak kurang daripada RM1000. Sekarang di Malaysia, jika sesebuah keluarga mendapat kurang daripada RM1000, mustahil untuk mereka sekeluarga untuk menikmati kehidupan yang normal.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, cadangan Pakatan Rakyat adalah kita syorkan bahawa gaji minimum diberi. Apakah rasionalnya? Di antaranya adalah keperluan oleh keluarga-keluarga dan pekerja-pekerja tapi lebih mustahak adalah ia akan menyekat pengambilan pekerja-pekerja di luar negara. Banyak di antara majikan-majikan di negara ini memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja dari luar negara kerana gaji mereka adalah kurang dan apabila mereka dibawa ke negara ini, mereka boleh dibayar gaji yang kurang berbanding dengan pekerja-pekerja di negara ini dan ini sekali gus menyusahkan pekerja-pekerja di negara kita.

Di antaranya Tuan Yang di-Pertua, di semua *five stars* hotel di Kuala Lumpur, saya kerap kali nampak bahawa kebanyakan pekerja di sana adalah orang-orang asing. Kenapa pekerja-pekerja seperti itu di mana gaji-gaji dibayar sekurang-kurangnya RM1000 sebulan, kenapa pekerja-pekerja asing dibenarkan bekerja di sana walhal kita ada anak-anak kita sendiri di negara ini yang sudi untuk bekerja walaupun kerajaan mengatakan bahawa kita adalah dalam situasi *full employment* iaitu 3.2% sahaja yang tidak bekerja di dalam negara ini. Ini adalah satu angka yang boleh dipertikaikan kerana ini adalah satu angka yang diguna pakai oleh Kementerian Sumber Manusia di mana adalah berasal daripada pihak-pihak yang berdaftar dengan mereka tetapi ini bukan satu statistik yang betul.

Kalau satu negara ada *full employment*, semestinya sekurang-kurangnya pekerja-pekerja yang tidak ada kerja akan dibayar setiap bulan satu bayaran ganjaran seperti di negara-negara maju, negara-negara Barat. Kita sudah ada dalam situasi sedemikian dan kita perlulah juga ada sedemikian di mana semua rakyat Malaysia tak kira bangsa, tak kira agama, tak kira di mana dia kerja atau tidak bekerja, jikalau dia telah dibuang kerja atau jikalau dia tidak ada kerja dan lebih daripada 18 tahun, dia akan dibayar setiap bulan satu bayaran oleh kerajaan.

■ 1940

Ini sekali gus kita akan ada satu statistik yang munasabah, yang betul-betul. Statistik yang kita ada sekarang dengan Kementerian Sumber Manusia adalah tidak betul dan tidak boleh diterima kerana kalau kita ada *full employment*, kita tidak akan ada situasi di mana banyak pekerja-pekerja lagi di negara ini yang tidak boleh mendapat kerja, yang lebih 200 ribu orang bekerja di Singapore. Ini adalah satu masalah yang rumit dan juga kerajaan perlu ambil tindakan di mana pekerja-pekerja asing diberi keutamaan berbanding dengan pekerja-pekerja di negara ini. Ada beberapa kes sekarang di Mahkamah Perusahaan di mana datang kes-kes itu menunjukkan bahawa beberapa *factories* di negara ini, majikan telah memberhentikan pekerja-pekerja tempatan dan memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja asing.

Ini kerajaan perlu mengambil tahu dan ambil tindakan supaya perkara-perkara ini tidak terjadi dan jangan membenarkan pekerja-pekerja asing datang ke negara ini sewenang-

wenangnyanya. Kita perlu satu polisi yang *blue print*, yang sangat *clear* untuk masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, kita ada situasi di mana pekerja-pekerja asing yang datang ke negara ini yang ada juga situasi di mana banyak di antara mereka tidak mendapat perlindungan. Selepas bekerja dua tahun, tiga tahun tidak dibayar gaji selepas itu mereka diseksa. Ada juga yang mati dalam keadaan ini dan kerap kali perkara-perkara ini di Indonesia dan di Filipina, kerap kali di surat khabar-surat khabar mereka mengecam, surat khabar di sana sangat kritikal kepada Malaysia kerana kita ada majikan-majikan yang tidak mematuhi undang-undang.

Satu di antara perkara ini adalah kerana Kementerian Sumber Manusia di mana tidak ada sistem di mana kita boleh *check* semua pekerja. Adakah pekerja-pekerja ini asing ini dibayar gaji tiap-tiap bulan, adakah apa-apa seksaan berlaku? Adakah mereka diabaikan? Perkara-perkara ini perlu diberi keutamaan oleh kementerian tetapi nampaknya apa yang diberi keutamaan oleh kementerian ini dan kementerian-kementerian lain adalah untuk mencari jalan macam mana kita boleh membawa lebih pekerja dari luar negara supaya dalam proses ini ada ejen-ejen, kroni-kroni Barisan Nasional yang telah diberi permit. Ada syarikat-syarikat yang diberi permit, 2,000, 3,000, 10,000 orang boleh dibawa dari luar negara dan dalam sekali gus boleh membuat *money making machine*, berjuta-juta wang dapat diuntungkan dalam proses ini. Itu adalah *priority* yang diberi dan ini kita patut elakkan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Boleh tidak kalau kita mencadangkan, bagaimana pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat kalau kita mencadangkan supaya ada satu tabung juga untuk pekerja-pekerja asing terutama pembantu-pembantu rumah yang mungkin mereka ini dinafikan mendapat gaji dan sebagainya dan juga kita mencadangkan supaya setiap tiga bulan sekali ejen ini mesti mengumpulkan pembantu-pembantu ataupun pekerja-pekerja yang mereka bawa ke Malaysia untuk dinilai kembali keadaan mereka ataupun dibuat *spot-check* ke tempat-tempat di mana mereka bekerja. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Satu cadangan yang baik, saya terima menjadi satu *part of my speech*. Perkara ini adalah satu perkara yang sudah lama di mana tindakan belum diambil. Saya harap kerajaan akan ambil teliti dan serius mengenai perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina di negara ini saya hendak tahu apakah polisi memberi pembinaan sekolah-sekolah baru Cina dan sekolah Tamil kerana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memberi janji bahawa sekolah baru akan dibina. Saya hendak tahu di manakah sekolah-sekolah baru Tamil dan sekolah-sekolah Cina akan dibina.

Terutamanya di Bercham di kawasan saya di mana satu tanah telah diagihkan oleh kerajaan negeri di mana ada tanah untuk pembinaan satu sekolah Cina dan juga kekurangan

guru-guru di sekolah Cina dan sekolah Tamil terutamanya. Saya tahu juga ada kekurangan guru di sekolah kebangsaan, itu juga kerajaan perlu ambil tindakan dan apakah...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Minta jalan. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat saya ingin masuk sedikit mengenai dengan isu sekolah kebangsaan Tamil iaitu pada pagi tadi saya baru melawat sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Senawang. Sebenarnya di kawasan Rembau bukan di kawasan Rasah. Mungkin kerana Ahli Parlimennya sedang sibuk berkempen, dia tidak dapat turun jadi saya turun hendak tengok keadaan sekolah Tamil itu. Sekolah Tamil itu telah banjir teruk semalam apabila ada hujan lebat berlaku, banjir teruk, komputer-komputernya dan semua peralatannya semuanya rosak.

Masalahnya saya dapati ialah bahawa, sebenarnya sekolah Tamil itu telah dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk membina satu bangunan baru, tujuh bulan sebelum ini iaitu sebelum pilihan raya. Majlis pecah tanah sudah dilakukan dan sebagainya. Ini sudah memang telah menjadi kebiasaan, sebelum pilihan raya berbagai-bagai majlis pecah tanah dan sebagainya dilakukan tetapi selepas pilihan raya tidak nampak. Tidak nampak janji itu ditunaikan. Jadi saya mungkin minta Yang Berhormat Ipoh Barat boleh perhalusi supaya kita tekan sedikit, supaya kerajaan perlulah semua janji-janji sebelum pilihan raya itu perlulah ditunaikan. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebenarnya Barisan Nasional selalunya sebelum *general election* mereka mengisytiharkan macam-macam. Di kawasan saya juga katakan sekolah-sekolah baru akan dibina, jangan kkuatir, jangan ikut tohmahan-tohmahan oleh pembangkang tetapi selepas pilihan raya mereka semua lupa. Ini adalah satu di antara yang dibuat oleh Kuala Krau dan sebagainya, kita patut di Kuala Krau sendiri ada sekolah-sekolah Tamil, keadaan yang sangat serius. Kita perlu memberi pertolongan kepada mereka. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rasah adalah satu perkara di mana patut diambil tindakan kenapa Ahli Parlimen Rembau dia terlibat dalam *election* Puteri UMNO, dia sibuk dalam hal itu tetap yang mustahak adalah jangan kita abaikan kewajipan kita.

Kita adalah satu negara yang kaya-raya, kita ada kebolehan, kita matang dalam hal ini, kita patut memberi pertolongan. Jangan cakap, tanya kepada sekolah-sekolah Tamil dan Cina tetapi sekolah kebangsaan pun ada keadaan sedemikian. Ada kita tidak boleh lupa dua, tiga tahun dahulu di mana ada seorang guru mati semasa jatuh dari *stairs* kerana anai-anai telah makan... Ini adalah satu perkara macam mana boleh terjadi di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua adalah *International Criminal Court*. Saya telah bangkitkan beberapa kali mengenai ini iaitu kita perlu menjadi satu *member* dalam *International Criminal Court, under the Rome Statute* di mana pada 90-an, beberapa negara semua lebih kurang sekarang lebih dari 70% negara di dunia ini telah

menjadi anggota di ICC tetapi Malaysia nampaknya enggan. Ada beberapa persoalan yang saya tanya kerajaan kata bahawa mereka sedang menyiasat kaedah-kaedah atau terma-terma *Rome Statute* tetapi hingga sekarang satu keputusan yang *final* belum dibuat. Kalau negara-negara sekecil seperti East Timor dan Cambodia dan banyak negara-negara Eropah telah menjadi anggota. Kenapa Malaysia enggan menjadi satu anggota dalam ICC.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelantikan hakim-hakim. Saya khuatir dengan pelantikan yang baru yang dibuat iaitu *Chief Justice* yang baru, kita semua khuatir bahawa dia terlibat sangat kuat dengan anggota parti politik dulu dan dia adalah calon dari UMNO. Ini satu perkara patut dielak di mana kita perlu membawa *confidence in the judiciary* bukan *crisis of confidence* yang telah diwujudkan selepas pelantikan, yang mustahak sekali bilakah kerajaan akan mengesyorkan satu *judicial appointment commission* dalam kehakiman. Bila ia akan berlaku dan kenapa hingga hari ini Gopal Sri Ram yang telah dilantik sebagai *Appeal Court Judge* kali pertama tahun 1992 sampai sekarang masih di sana.

Menteri undang-undang kerap kali saya telah bertanya mengenai perkara ini tetapi menteri undang-undang nampaknya belum dapat jawapan yang munasabah dari AG Chambers.

■ 1950

Saya harap kali ini menteri berkenaan akan berusaha untuk menjawab kerana minggu lalu saya dengan menteri dengan Gopal Sri Ram sedang makan malam di Indian High Commission di mana semestinya Yang Berhormat Menteri telah mendengar komplek-komplek di sana dan mustahak sekali adalah keyakinan, keyakinan dalam *judiciary* kerana kalau kita ada kehakisan kepercayaan kepada *judiciary* ini akan membawa *consequence* yang sangat serius di negara ini.

Jangan kita alih kepada satu situasi di mana *nightmare in the judicial system*, kita kekurangan hakim-hakim di beberapa mahkamah di mana kawan saya, Yang Berhormat Puchong telah memfailkan satu kes terhadap kerajaan kerana tidak ada hakim di Johor Bahru, mana boleh jadi, Malaysia Boleh. Malaysia Boleh tidak ada hakim, orang yang kena *charge filed sue against the government. This brings shame and dishonor with respect*, ini satu perkara yang patut dielakkan. Di Ipoh, kekurangan hakim semasa menteri menjadi timbalan menteri pada tahun 1998, berkata bahawa pembinaan Mahkamah Tinggi di Telok Intan, *it's no waste, it is not a white elephant*, sudah berapa tahun sekarang tidak ada hakim langsung, *it is a white elephant* saya ingat sekarang jadi *blue elephant* pula. Ini perkara yang patut dielak, kita ada peguam-peguam yang rela menjadi hakim di Mahkamah Tinggi, saya harap kerajaan akan ambil tindakan supaya *there is transparent*, ada hakim-hakim yang betul-betul layak boleh dilantik dengan seberapa segera yang boleh, sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan perbahasan Bajet 2009, beberapa perkara yang perlu saya dapatkan penjelasan daripada Dewan yang mulia ini oleh menteri-menteri yang berkenaan,

pertamanya dalam ucapan pembentangan atau perbahasan bajet oleh Ketua Pembangkang Yang Berhormat Permatang Pauh telah menyatakan bahawa sepanjang Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan, Yang Berhormat Permatang Pauh tidak pernah tidak hadir semasa perbahasan bajet yang dibahaskan oleh Ketua Pembangkang, sepanjang Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah perkara ini benar atau memesongkan Dewan yang mulia ini, kerana saya mendengar dengan teliti ucapan Ketua Pembangkang Yang Berhormat Permatang Pauh menyatakan bahawa Menteri Kewangan kita yang baru ini angkuh, sombong dan sebagainya, tidak hadir dalam Dewan yang mulia ini ketika Ketua Pembangkang memberikan ucapan atau membahaskan Bajet tahun 2009.

Kedua, dalam ucapan-ucapan atau di luar menyatakan bahawa Pakatan Rakyat akan membentangkan bajet baru dan menolak bajet yang dibentangkan oleh pihak kerajaan, tapi tidak nampak bajet baru yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang.

Ketiga, Yang Berhormat Ipoh Barat tunggulah, tadi saya dengar dengan teliti termasuk juga dengan Yang Berhormat Seputeh, jangan balik lagi, kedudukan laporan polis yang diberikan oleh seorang Dato' kepada ISA sebenarnya kepada Badan Pencegah Rasuah, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat kerana percaya kepada sistem atau Badan Pencegah Rasuah kerana minta masuk ke Sabah sebagainya, tapi oleh sebab kepercayaan Yang Berhormat Ipoh Barat itu, saya ingin bertanya, sejauh manakah tindakan Badan Pencegah Rasuah terhadap laporan yang menyatakan Yang Berhormat Permatang Pauh ada menerima RM60 juta daripada Magnum Corporation,

Keempat, Yang Berhormat Ipoh Barat pasal Badan Pencegah Rasuah juga, saya nak tanya menteri berkenaan di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah, akta rasuah ini sedekah ini adakah diterima sebagai atau diistilahkan sebagai rasuah atau tidak iaitu sedekah seks, itu saya nak tahu. Itu empat isu yang nak saya minta penjelasan daripada Dewan yang mulia ini, Ipoh Barat dengar ke? Ini sedekah seks ini, ini rasuah ke tidak? Seterusnya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan kesempatan untuk saya turut serta dalam perbahasan Bajet 2009.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang membentangkan bajet bertemakan kerajaan prihatin. Keprihatinan kerajaan dijelmakan di dalam Bajet 2009, dengan memberikan peruntukan sejumlah RM207.9 bilion atau 5.1% lebih tinggi daripada Bajet tahun 2008, melalui pelaksanaan tiga strategi utama iaitu menjamin kesejahteraan rakyat, membangunkan modal insan berkualiti dan memperkukuhkan daya tahan negara.

Pelbagai langkah dan insentif dikemukakan dalam Bajet 2009 ini yang sebahagian besarnya untuk membantu rakyat menangani kenaikan kos sara hidup akibat daripada kenaikan harga barang terutamanya bahan makanan dan sumber tenaga seperti minyak. Asasnya kerajaan telah pun menjangkakan akan berlakunya krisis ekonomi dunia.

Oleh itu langkah berjaga-jaga telah diperkenalkan dalam rangka bajet tahun 2009, menjamin kesejahteraan rakyat, terutamanya saya ingin menyentuh tentang tumpuan kerajaan untuk menjamin kesejahteraan rakyat melalui program-program jaringan keselamatan sosial. Langkah kerajaan menaikkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi bantuan kebajikan daripada RM400 kepada RM720 sebulan, untuk Semenanjung dan RM830 bagi Sarawak dan RM960 bagi Sabah, dan bilangan penerima yang layak dijangka 110 ribu isi rumah daripada 54 ribu termasuklah warga emas yang layak 14 ribu penerima daripada 14 ribu dengan peruntukan RM500 juta, menunjukkan keprihatinan kerajaan.

Dalam soal ini, kerajaan disaran memastikan pengagihan yang menyeluruh kepada kumpulan sasar, dalam hal ini, kecekapan dan keberkesanan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab ini amatlah penting termasuk turun padang oleh pegawai-pegawai kebajikan di peringkat daerah menemui semua yang layak menerima bantuan, bank data berhubung dengan penerima-penerima disediakan dengan lebih komprehensif. Satu cara program cari yang diperkenalkan di bawah kementerian ini adalah satu usaha yang baik. Oleh itu peranan kepimpinan atau pemimpin masyarakat seperti ketua kampung atau tok empat, JKKK, penghulu dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat sangat berkesan.

Saya ingin menyentuh tentang cadangan kerajaan untuk menubuhkan tabung bantuan khas dengan dana RM20 Juta bagi disalurkan bantuan kepada keluarga yang hilang pendapatan secara mengejut akibat kemalangan. Langkah kerajaan ini amatlah dihargai kerana sering kali keluarga malang yang menghadapi situasi kehilangan ketua keluarga dan sebagainya memerlukan pertolongan yang segera dan serta-merta bukan sahaja dari segi tempat tinggal, makan minum dan perubatan malah dari segi pendidikan anak-anak mereka.

Peranan tabung ini akan mengukuhkan lagi membina negara prihatin dan tradisi kerajaan membela rakyat, sering kali perancangan yang baik akan gagal kerana pelaksanaan yang lemah, kerajaan diharapkan akan mampu mengurus dana ini dengan berkesan terutama dasar yang jelas dan pengurusan yang telus lagi cekap. Bajet 2009 juga mengumumkan isi rumah dengan bil elektrik dengan RM20 sebulan tidak perlu membayar bil elektrik berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2008 hingga akhir 2009, sebagai usaha meringankan beban rakyat berpendapatan rendah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Pemberian ikhlas kerajaan ini atas dasar keprihatinan kerajaan dan jangkaan tekanan ekonomi negara termasuklah ekonomi global yang menghadapi krisis kewangan dan makanan..

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sikit sahaja,

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak cukup masa ni, banyak ada 10 muka surat ni. Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat kata lima, tidak bagi laluan saya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Seminit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Nak bagi ke tidak Yang Berhormat ?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak bagilah sebab jemputan hari raya pun tak jemput saya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boringlah kalau tak bagi ni, Seminit je.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih ya, saya berharap juga TNB dalam perkara ini memainkan peranan yang juga lebih berkesan bukan sahaja memungut atau mengutip atau mengenakan bil-bil yang tinggi terhadap syarikat besar yang tidak membayar bil masih lagi tidak mengambil tindakan. Akan tetapi orang kampung, orang miskin yang tidak dapat membayar bil terus dipotong bil-bil atau meter-meter mereka ini. Bajet 2009 juga menyaksikan penurunan 1% cukai pendapatan individu...

■2000

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat, Kota Melaka, boleh? Sedikit sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak apalah, Yang Berhormat. Adalah permulaan...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikit, TNB punya, boleh?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak bagi jalanlah macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi, tidak bagi?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi, tidak bagi.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya terus tidak bagi jalan. Hendak habiskan 10 muka surat ini, terima kasih. Selepas ini Kota Melaka ya. Bajet 2009 juga menyaksikan penurunan 1% cukai pendapatan individu adalah permulaan dalam amalan percukaian yang lebih liberal di masa hadapan sekali gus memastikan modal insan negara lebih berdaya saing. Walaupun penurunan kadar cukai ini tidak besar dari segi jumlah tetapi ianya menepati harapan sebahagian besar rakyat negara ini. Penurunan kadar cukai maksimum individu yang pertama dibuat sejak enam tahun lalu. Walaupun kerajaan dijangka kehilangan RM500 juta setahun tetapi ia akan menggalakkan perbelanjaan pengguna dan hasil daripadanya akan kembali kepada kerajaan.

Langkah ini juga wajar bagi mengelak penghijrahan keluar pekerja mahir ke negara lain yang memiliki kadar cukai lebih rendah selain menarik pekerja mahir asing untuk bekerja di negara kita untuk meningkatkan produktiviti negara. Langkah kerajaan mengumumkan rebat cukai bagi isi rumah berpendapatan RM35 ribu setahun dan ke bawah yang dinaikkan kepada RM400 daripada RM350 setahun. Langkah ini akan mengurangkan beban golongan berpendapatan sederhana terutamanya yang akan terjejas susulan kenaikan harga barang makanan dan bahan api. Kita mengharapkan kerajaan terus membentuk dasar percukaian yang liberal dan lebih cekap pada masa hadapan.

Membasmi kemiskinan – kerajaan menyasarkan untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010. Kini bilangan miskin tegar seluruh negara adalah 44,304 orang. Kerajaan telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan tegar kepada 0.7% sahaja. Usaha yang bersungguh-sungguh oleh kerajaan dan semua pihak menunjukkan matlamat menghapuskan miskin tegar tahun 2010 akan tercapai. Masalah kemiskinan bermula di rumah. Setiap rakyat wajar dipastikan memiliki rumah. Langkah kerajaan mengumumkan Program Bantuan Rumah untuk membantu keluarga yang diperuntukkan RM50 juta untuk membina 1,400 rumah baru dan membaik pulih 1,000 buah rumah kepada golongan tua, uzur, cacat dan ibu bapa tunggal dalam Bajet 2009 adalah satu langkah yang bijak dan wajar diteruskan.

Membangunkan modal insan berkualiti – strategi kedua kerajaan dalam Bajet 2009 adalah membangun modal insan berkualiti. Dalam konteks ini kerajaan telah memperuntukkan RM47.7 bilion atau 23% dari Bajet 2009 untuk pendidikan dan latihan. Usaha kerajaan meliputi mempertingkatkan program latihan dan kemahiran seperti menaik taraf kolej komuniti dan politeknik, institusi latihan jururawat dan pusat latihan industri pembinaan. Bagaimanapun Bajet 2009 tidak menyentuh masalah pengangguran siswazah. Masalah pengangguran di kalangan siswazah agak kritikal kerana bilangannya kini lebih 100,000 orang. Bilangan ini terus meningkat setiap tahun.

Kementerian Sumber Manusia atau KSM wajar melihat masalah pengangguran di kalangan siswazah ini amat penting kerana negara kehilangan modal insan yang berkelayakan. Apakah langkah KSM menyediakan peluang pekerjaan kepada siswazah ini.? Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adakah telah merancang dari segi keperluan siswazah yang diperlukan? Berapa ramai sebenarnya siswazah yang menganggur dewasa ini? Apakah bidang-bidang pengajian yang mendapat permintaan tinggi? Dalam hubungan ini Bajet 2009 harus juga menekankan perlunya siswazah ini mendapat latihan industri, bukan sekadar latihan praktikal semasa dalam pengajian dan mendapat pemarkahan.

Program penempatan dalam industri akan membangunkan modal insan dengan meningkatkan kepakaran *hard skills* dan kebolehan *soft skills*. Peruntukan khusus bagi siswazah yang telah menamatkan pengajian ini untuk mengikuti program penempatan dalam industri mampu membuka ruang pekerjaan kepada siswazah yang menganggur. Malah pengangguran di kalangan siswazah juga tidak ditangani dengan berkesan akan menimbulkan masalah yang lebih besar dari segi sosial, ekonomi dan politik. Kita menyedari kerajaan ada menyediakan program sokongan seperti Usahawan Siswazah, Usahawan Tani dan sebagainya melalui pelbagai kementerian seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi sejauh manakah kejayaannya. Kerajaan dicadangkan agar tabung khusus diwujudkan bagi memastikan kejayaan program penempatan dalam industri di dalam dan juga di luar negara.

Memperkukuhkan daya tahan negara – Bajet 2009 memperuntukkan keseluruhannya RM53.7 bilion untuk pembangunan. Bagi peruntukan pembangunan tersebut, RM27.8 bilion akan dibelanjakan untuk sektor ekonomi meliputi pertanian, perindustrian dan infrastruktur. Bajet ini adalah bajet realistik dengan keadaan ekonomi negara yang menerima kesan daripada iklim ekonomi negara. Bajet kali ini tidak memperkenalkan kenaikan cukai kecuali rokok, malah kerajaan sebaliknya bagi barangan pengguna lain termasuk beberapa peralatan elektrik untuk memasak seperti bahan makanan asas lain, semua ada penurunan selain pelbagai pengecualian.

Bajet 2009 memperuntukkan RM35 bilion bagi meningkatkan kemudahan pengangkutan awam adalah selaras dengan hasrat rakyat yang mahu sistem pengangkutan diperbaiki supaya lebih cekap dan mampu memberikan perkhidmatan yang boleh diharapkan. Komitmen kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam adalah usaha yang amat tepat bagi mempercepatkan transformasi sistem pengangkutan awam negara. Dalam hubungan ini adalah disarankan agar Kementerian Pengangkutan membuat kajian kemungkinan untuk mewujudkan perkhidmatan awam kereta api yang lebih meluas ke Pantai Timur iaitu ke Pahang dan terus ke Terengganu kerana kemudahan ini mampu mengatasi masalah pengangkutan awam dan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Cadangan mewujudkan jaluran baru kereta api Pantai Timur adalah penting dan memerlukan perhatian yang serius. Dalam masa yang sama, kerajaan disarankan memberi insentif kepada pengguna pengangkutan awam seperti potongan harga tambang. Selain itu, kerajaan juga wajar menimbangkan insentif kepada pengusaha bas seperti memudahkan urusan pinjaman modal, mengkaji caj terminal bas yang agak tinggi dan mengurangkan cukai alat ganti selain mengurangkan atau menghapuskan cukai jualan kenderaan baru bagi meringankan beban pengusaha teksi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh mengenai koperasi kredit yang beroperasi secara meluas dengan menawarkan pinjaman peribadi dan sebagainya sama ada secara konvensional mahupun berasaskan syariah. Koperasi kredit ini didapati menawarkan pinjaman dengan mengenakan kadar pinjaman sehingga 10% setahun, sedangkan kos kewangannya hanya lebih kurang 4% atau 5%. Adakah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyedari hal ini?

Selain itu, koperasi kredit ini juga mengenakan caj tambahan seperti fi keanggotaan, fi risiko pinjaman, duti setem, *sinking fund*, caj bank risiko pinjaman sehingga keseluruhannya berjumlah 15%. Dalam memperkukuhkan daya saing negara, peranan institusi kewangan termasuk koperasi kredit adalah penting bagi menjamin kestabilan ekonomi secara makro. Adalah didapati koperasi kredit ini mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi berbanding syarikat kewangan dan membiayai aktiviti pinjamannya melalui bank dan peminjam wang atau *money lender*.

Kadar faedah yang dikenakan 10% hingga 15% setahun serta mengenakan pelbagai caj tambahan, fi keanggotaan, *sinking fund*, dan fi risiko sehingga menyebabkan jumlah bersih yang diterima peminjam hanya kurang 80% daripada pinjaman sahaja.

■ 2010

Adakah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bercadang mengkaji semula kadar faedah koperasi yang tinggi ini termasuk mengehendkan pelbagai caj yang menekan peminjam? Adakah kementerian melakukan pemantauan kepada koperasi-koperasi ini?

Selain dari itu, apakah peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam memberi garis panduan dan mengawal pinjaman peribadi dan pinjaman pengguna oleh koperasi kredit ini kerana didapati tiada keseragaman. Umpamanya, ada sesetengah koperasi memberikan pinjaman kepada kakitangan berjawatan kontrak, tetapi ada juga yang menolak.

Begitu juga diakui adanya koperasi kredit yang memberi manfaat kepada pengguna dan memberikan perkhidmatan seperti Koperasi Wawasan Malaysia (KOWAMAS) yang mendapat pembiayaan dari Maybank dan memberikan kredit secara syariah. Kegiatan koperasi kredit yang terlalu menekan pengguna perlu dipantau supaya tidak menyimpang dari prinsip dan falsafah koperasi serta menjatuhkan imej pergerakan koperasi negara.

Selanjutnya, saya ingin beralih kepada hakikat bahawa dalam menjamin ketahanan negara, faktor keselamatan awam wajarlah terjamin. Bajet 2009, Polis Diraja Malaysia (PDRM) diberi peruntukan berjumlah RM5.4 bilion. Peruntukan ini dijangka akan memantapkan pelan strategik 5 tahun iaitu tahun 2007 hingga 2011 seperti penambahan anggota dan pembinaan ibu pejabat, balai dan pondok polis.

Saya juga ingin bertanya, kenapakah dalam sistem menambahkan anggota terutamanya pegawai, dahulunya ada pengambilan ASP kadet tetapi sekarang telah dihapuskan? Adakah sasaran seorang anggota polis dengan 350 orang penduduk akan mencapai sasarannya kerana saya difahamkan, sekarang seorang anggota polis terpaksa menjaga lebih kurang 700 hingga 1,000 orang. Di samping itu, PDRM juga mewujudkan balai polis komuniti bagi mencegah jenayah.

Setakat ini berapakah balai polis komuniti telah diwujudkan dan nyatakan lokasinya? Adakah kementerian berhasrat memperluaskan balai polis komuniti ini ke seluruh negara, atau apakah pendekatan PDRM dalam mengatasi masalah jenayah termasuklah penculikan kanak-kanak? Setakat ini apakah kesannya ataupun kejayaannya dalam mencegah jenayah dengan wujudnya balai polis komuniti ini? Saya juga ingin mendapat penjelasan sama ada benar ataupun tidak, ada sewaan balai polis komuniti banyak tertunggak? Bolehkah Kementerian Dalam Negeri menyatakan jumlah terkini tunggakan bagi sewa balai polis komuniti ini?

Saya juga ingin bertanya, bilakah Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh yang baru yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dibina? Ini kerana Ibu Pejabat

Polis Daerah Temerloh ini masih lagi bangunannya bangunan kayu. Tidak seperti mana ibu pejabat daerah yang lain. Berapakah jumlah peruntukan yang akan diluluskan bagi pembinaan ini, dan bilakah pembinaan ini akan terus dimulakan kerana tanahnya telah dikenal pasti?

Bajet tahun 2009 juga menghargai perkhidmatan awam dengan memberikan bonus bersamaan sebulan gaji dengan minimum RM1,000 bagi tahun 2008. Bonus ini adalah sebagai penghargaan prestasi dan pencapaian cemerlang perkhidmatan awam. Tentulah bonus ini tidak wajar dibandingkan dengan bonus kakitangan sektor swasta kerana sektor swasta berorientasikan keuntungan. Agak malang juga bonus kakitangan awam sering dijadikan asas untuk kenaikan harga barang sedangkan bilangan kakitangan sektor swasta melebihi 3 juta dan menikmati bonus yang lebih tinggi.

Dalam konteks ini, fenomena kenaikan harga barang yang disebabkan oleh pemberian bonus kepada kakitangan awam akan dapat diatasi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di masa hadapan.

Seterusnya, saya percaya kerajaan bersedia menimbangkan permintaan satu juta kakitangan sektor awam untuk mendapat kenaikan COLA dan imbuhan perumahan asalkan kakitangan kerajaan terus menunjukkan prestasi cemerlang dalam berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara.

Saya juga ingin memberikan beberapa contoh yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang dalam meringankan beban hidup rakyat. Pertamanya, ingin saya menyatakan bahawa kerajaan negeri tidak menaikkan kadar tarif air sejak tahun 1984 atau lebih 20 tahun yang lepas. Sejak itulah sehingga sekarang, kadar tarif air pada purata 66 sen semeter padu itu tidak pernah dikaji semula apatah lagi yang bertujuan untuk dinaikkan demi kesejahteraan rakyat. Kadar tarif air sebanyak 66 sen semeter padu itu pun sebenarnya dikenakan di bawah paras kadar sebenarnya. Maknanya, bil sebenarnya, kalaulah RM2.50, kerajaan negeri akan menanggung RM1.50 sen. Penduduk rakyat negeri Pahang hanya membayar RM1. Bermakna, kadar subsidi yang diberikan oleh kerajaan negeri lebih daripada 150% tetapi kita tidak uar-uarkan di dalam surat khabar seperti kerajaan negeri lain yang memberikan bantuan RM100 kepada orang miskin, keluar surat khabar; tarif air beri 20 meter padu *free*, keluar surat khabar dan Kerajaan Negeri Pahang juga sebenarnya bagi orang tua berumur 80 tahun, sejumlah RM1000 dalam bentuk *one-off grant* telah diberikan sejak tahun 1982 sehingga sekarang.

Cukai Tanah juga tidak pernah dinaikkan semenjak 15 tahun lepas. Tidak seperti yang kita baca di surat khabar pada baru-baru ini, kadar Cukai Pintu, ada sebuah kerajaan negeri Pakatan Rakyat naik hampir 500% iaitu di Perak. Melalui Program Yayasan Pahang juga, seramai 300,000 pelajar telah mendapat manfaat Program Yayasan Pahang.

Di antara pemberian sekali gus diberikan kepada anak-anak negeri Pahang yang telah melanjutkan pelajaran ke universiti di peringkat ijazah sejumlah RM1,000 dan RM500 bagi pelajar

yang mengikuti atau masuk IPTA di peringkat diploma. Sebenarnya Kerajaan Negeri Pahang di bawah Kerajaan Barisan Nasional telah lama membantu pelajar-pelajar kita di dalam negeri.

Sebenarnya, di dalam membasmi kemiskinan, Kerajaan Negeri Pahang merupakan kerajaan yang paling banyak memberikan tanah kepada masyarakat luar bandar termasuk penduduk-penduduk daripada negeri yang lain seperti Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan sebagainya menyertai Skim FELDA di negeri Pahang. Dengan itu dapat juga mengurangkan kadar kemiskinan di dalam negara kita.

Sebenarnya kerajaan negeri juga telah mempertingkatkan dalam pengurusan untuk memberikan hak milik tanah sejak 20 tahun lagi dan membuka tanah bagi membasmi kemiskinan termasuk juga masyarakat Orang Asli melalui Sistem Tanaman Berkelompok Pertanian di bawah FELDA dan juga FELCRA.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, negeri Pahang adalah negeri yang tertinggi membuat bayaran dividen bagi peserta-peserta FELCRA. Saya percaya masyarakat atau rakyat negeri Pahang akan terus diberikan pembelaan oleh sebab keprihatinan Kerajaan Negeri Pahang dalam membantu rakyat di dalam negeri Pahang sendiri.

Akhirnya, saya ingin menyatakan bahawa Bajet 2009 yang dibentangkan telah membawa khabar gembira kepada semua lapisan rakyat termasuk di Sabah dan Sarawak, kepada golongan miskin, rakyat berpendapatan rendah dan sederhana, pesara, kakitangan awam termasuk jururawat dan polis, orang kurang upaya, petani, nelayan, suri rumah dan pekerja swasta, semuanya turut menikmati faedah. Bajet 2009 ini adalah selaras dengan perancangan jangka masa sederhana dalam misi nasional dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan membangunkan negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■2020

8.20 mlm.

Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya mulakan dengan firman Allah SWT. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: "*Tolong bantulah atas jalan kebajikan dan ketakwaan dan janganlah kamu membantu dan bersama atas jalan kejahatan dan permusuhan*". Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi ruang kepada saya pada petang yang mulia ini bagi membahaskan Belanjawan 2009. Mudah-mudahan dapat sama-sama kita mengambil manfaatnya dan pihak kerajaan mestilah penuh rasa tanggungjawab dalam melaksanakan tuntutan hak-hak kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon Kementerian Kerja Raya khususnya bagi memastikan kelangsungan pembangunan khususnya di Parlimen Jerai. Apabila mana kita sampai sahaja ke kawasan Parlimen Jerai sudah tentulah rakyat akan melihat perkembangannya. Apa yang berlaku di sana adalah kesulitan dan keresahan rakyat berkaitan

dengan pembangunan jambatan yang dibina pada awal tahun 70-an sehingga kini belum ada pembesaran dan pembangunan baru yang menyebabkan sering kali pada hari-hari perayaan mahupun hari-hari cuti umum, boleh dikatakan saban minggu berlakunya kemalangan disebabkan sempitnya jambatan tersebut yang mungkin sesuai pada era 70-an dan tidak sesuai lagi pada era 2008 dan 2009 ini.

Namun kita memohon kepada kementerian tersebut supaya mengkaji dan memberi peruntukan khas serta membina jambatan tersebut bagi kemudahan dan keselamatan rakyat yang menggunakannya berulang-alik dari Alor Star ke Sungai Petani. Sama juga dengan kehendak trafik yang saban masa dan saban hari ada cuti umum dan seumpamanya Ops Sikap telah dilancarkan. Namun disebabkan laluan dan perjalanan ataupun prasarana tersebut menyebabkan kemalangan bertambah, maka dengan adanya pembangunan ini, jambatan baru ini, kita pohon kepada kementerian supaya dapat menyelamatkan kemalangan dan memberi kelancaran pembangunan di kawasan Parlimen Jerai.

Kedua, saya mohon kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, baru-baru ini sering kali hujan turun di kawasan Jerai di daerah Yan, Kuala Muda khususnya Gurun, walaupun tidak selebat seperti yang dijangka oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, cukup dengan tiga jam sahaja, maka kampung-kampung di Jitra, Setoi dan seumpamanya sering kali ditenggelami air dan hasil perbincangan pihak saya dan juga JPS, yang mana pihak JPS telah pun memohon dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dalam anggaran RM11.3 juta bagi memastikan rakyat selesa dengan hujan yang lebat sekali pun, namun rakyat pasti akan selamat daripada banjir dan seumpamanya. Namun usaha ini gagal dan tidak dapat peruntukan. Dalam majlis di Dewan yang mulia ini saya mohon sekali lagi agar kementerian tersebut lebih peka dan lebih melihat kepada keresahan dan kerosakan harta benda rakyat. Apabila peruntukan ini turun dan dapat diatasi masalah banjir ini, kita yakin rakyat lebih selesa dan kita mesti merujuk kepada kata-kata pemimpin Islam terulung Sayidina Ali r.a. mengatakan: "*Pemimpin mestilah merasakan keselesaannya adalah kesejahteraan rakyat, penderitaan rakyat adalah penderitaan pemimpin*".

Jadi, dengan memohon daripada JPS ini peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun Rancangan Malaysia Kesepuluh nanti pastilah mereka turun dan membantu menyelesaikan permasalahan yang sedang berlaku, isu banjir di Kedah dan di seluruh negara khususnya di negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat dan sudah pastilah kita tidak mahu ada unsur-unsur anak tiri dan seumpamanya.

Saya merujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mana 70% penduduk kawasan Jerai adalah merupakan petani dan sering kali kita melihat pelbagai usaha telah dilakukan oleh kementerian bagi mengawal harga padi dan seumpamanya. Namun terdapat penindasan-penindasan yang tidak terancang, yang perlu saya sebut supaya rakyat dan kementerian dapat sama-sama mengatasi masalah ini.

Pertamanya adalah hal kawal selia padi yang telah memutuskan dan mengarahkan kepada pelesen-pelesen pembeli padi supaya tidak menjual harga padi melepasi 5 kilometer persegi. Apabila ini diarahkan, maka ini sudah tentulah memberi kerugian kepada petani apabila mana pelesen-pelesen pembeli ini hanya mampu menjual sekitar 5 kilometer sahaja. Ini bermakna kilang-kilang yang berada di sekitar itu membeli harga murah sudah pastilah pelesen ini akan membeli harga murah kepada petani menyebabkan petani terus ditindas dalam segala hal.

Seperti juga dengan hal lesen beras, ataupun lesen kecil membeli beras, kita mohon agar BERNAS membenarkan pelesen-pelesen kecil ini terus memberi beras kepada BERNAS kerana di sini dapat mengawal harga yang murah dan memastikan rakyat terus berbelanja dengan harga yang murah dan mendapat keuntungan yang besar kepada rakyat. Kita pohon kepada kementerian tersebut membenarkan untuk diaktifkan semula B-Mart yang suatu masa dahulu telah pun berjaya mewujudkan harga yang terkawal, harga rendah kepada masyarakat dan kita meminta petani-petani tidak ditindas lagi.

Mengenai isu MADA yang mana kita melihat racun yang dibekalkan oleh pihak MADA tidak ada kualiti bahkan terlalu mahal jika dibandingkan dengan harga di pasaran. Apabila petani-petani membandingkan harga tersebut, maka petani merasa kesal kerana baja atau racun yang dibekalkan tidak ada kualiti dan lebih mahal daripada harga-harga pasaran atau harga runcit. Kita melihat peruntukan racun RM500. Apabila petani mengambil harga racun RM450 maka disoal di manakah bakinya. Bakinya adalah dalam bentuk ringgit tidak dipulangkan kepada petani dan petani kerugian RM50. Bayangkan puluhan ribu petani yang kemungkinan dalam pembelian tersebut mengambil dalam nilai di bawah daripada RM500 maka bakinya tidak dipulangkan kepada petani. Ini juga menjadi tanda tanya dan persoalan kepada petani yang sering kali bertanya hak mereka diambil dalam bentuk begitu. Kita minta kementerian, kalaulah nilainya RM500, petani mengambil racun di bawah RM500 maka bakinya mesti dipulangkan balik kepada petani tersebut sebagai tanda ketelusan pihak kementerian, pihak agensi kerajaan, MADA dan petani.

Seterusnya dari segi subsidi minyak. Bagaimana petani hendak memastikan kelangsungan hasil daripada padi tersebut apabila mana mesin-mesin pengusaha padi tidak dibekalkan subsidi minyak. Maka pada hari ini daripada RM80 satu relong dinaikkan kepada RM120. Maka kita minta kalaulah kementerian yang sama boleh menyediakan subsidi minyak kepada nelayan kita mohon, kita mencadangkan agar kementerian yang sama menyediakan subsidi minyak kepada pengusaha mesin-mesin padi supaya petani tidak menjadi mangsanya, yang mana terpaksa berbelanja besar untuk kos mesin padi.

Seterusnya memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana kita melihat pada hari ini bomba merupakan sesuatu yang cukup penting dalam isu kebakaran, kemalangan dan sebagainya. Kita melihat bomba sukarela lebih banyak daripada bomba di

bawah kelolaan kerajaan itu sendiri. Contohnya di Jerai sahaja bomba kerajaan hanya ada satu dan lapan lagi adalah bomba sukarela. Jadi kita memohon kepada kementerian tersebut menyediakan peruntukan khas bagi membantu bomba di seluruh negara kerana mereka kadang-kadang lebih awal dan cepat, kerana mereka berada di sekitar kawasan perumahan, bandar-bandar kecil dan seumpamanya. Kita mohonlah peruntukan itu diberikan yang dapat membantu ahli-ahli bomba sukarela di seluruh negara kerana mereka juga menghulurkan jasa besar bagi menyelamatkan kebakaran dan seumpamanya. Kita juga memohon diberikan bantuan kenderaan lori, kereta, paip dan seumpamanya bagi melancarkan lagi aktiviti-aktiviti bomba sukarela di seluruh negara. Kos-kos pembinaan bagi balai bomba sukarela perlu diberikan bantuan peruntukan agar bomba sukarela dapat meneruskan kejayaannya membantu rakyat seperti mana yang dihasratkan oleh kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyebut di dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan, satu kementerian yang cukup penting untuk membina insan, memulihkan keyakinan anak-anak muda yang berkepercayaan mendidik anak-anak muda. Saya melihat Kementerian Belia dan Sukan merupakan kementerian yang paling penting antara kementerian-kementerian lain supaya anak muda kita dapat didisiplinkan, disusun-atur kehidupan mereka, dan masa depan mereka. Maka kita mohon Kementerian Belia dan Sukan mestilah aktif bukan sekadar untuk melihat dari jarak jauh sahaja, tetapi mesti melihat perjalanan anak muda khususnya program-program berkaitan dengan golongan muda dalam negara kita.

■2030

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi kah Yang Berhormat?

Tuan Mohd Firdaus Jaafar [Jerai]: Ada lagi 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ha...

Tuan Mohd Firdaus Jaafar [Jerai]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Habiskan dalam masa 10 minit.

Tuan Mohd Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih. Pada saya, saya merujuk kepada aktiviti sukan yang berada dalam negara kita terutama kita melihat persatuan-persatuan sukan, persatuan-persatuan yang lebih cenderung kepada politik sehingga kita melihat tidak ke mana sukan-sukan tanah air kita.

Kita bercakap soal badminton, sepak takraw, soal bola sepak dan seumpamanya dan kita melihat seolah-olah kementerian ini mengadakan program sekadar batuk di tangga sahaja yang tidak boleh menjamin kelangsungan sukan dan membina anak muda cintakan sukan negara. Merujuk kepada keputusan Persatuan Bola Sepak Malaysia yang menterinya memberi jawapan kepada saya Khamis yang lalu diserahkan kepada pemilihan pasukan dan juga aktiviti sukan bola sepak kepada persatuan seolah-olah memberi gambaran kepada kita kementerian

tidak mengambil tahu langsung hal-hal berkaitan dengan bola sepak. Saya mengakui sukan ini adalah merupakan sukan yang paling hebat sambutannya dan merupakan satu perniagaan kepada kelab-kelab atau negeri yang mewujudkan *team* bola sepak yang hebat.

Saya melihat apabila keputusan FAM khususnya, kita pohon Kementerian Belia dan Sukan untuk mengkaji semula. Kita masih punya masa dua bulan sebelum bermulanya liga 2009 ini untuk memikir semula tentang kebaikan adanya pemain import untuk mengharungi, mewarnai cabaran bola sepak tempatan. Bagi peminat keputusan yang dibuat adalah kurang bijak. Alasan kemerosotan bola sepak negara di samping ingin memberi peluang kepada pembangunan adalah satu alasan yang dangkal. Belum pernah saya dengar liga profesional dalam negara lain yang prestasi bola sepak mereka merosot dengan hadirnya pemain import. Liga Singapura dengan lima pemain import telah berjaya meletakkan Singapura di tahap mengatasi Malaysia. Liga V, yakni Vietnam telah meletakkan Vietnam sebagai sebuah kuasa baru bola sepak Asia selepas Jepun. Mampu kah Malaysia tanpa pemain import? Dalam hal ini peminat bola merasakan sistem kita tidak betul, bukannya pemain import yang tidak betul.

Dalam hal ini, peminat merasakan sistem perlu diubah, perlu disusun semula bagi memastikan bola sepak negara kita penuh dengan minat dan mewarnai dengan pelbagai aktiviti melalui saluran pemain importnya dan menaikkan semangat sokongan di semua peringkat anak-anak muda. Apabila persatuan bola sepak yang kementeriannya membisu seribu bahasa, membiarkan ini diteruskan, maka kita bimbang, kita takut bola sepak kita lebih ke bawah daripada negara lain dan akhirnya tidak mendapat sokongan daripada rakyat, golongan muda dan menyebabkan persatuan bola sepak terpaksa gulung tikar dalam hal-hal liga tempatan.

Apabila pemain import tidak mewarnai liga tempatan, maka di manakah sebenarnya kelangsungan liga kita? Apakah kita mampu bersaing dalam liga Asia, AFC dan sebagainya dan terbukti apabila mana Kerajaan Malaysia ataupun kementerian, persatuan bola sepak Malaysia tidak membenarkan pemain import beraksi pada tahun hadapan. Maka, contohnya negeri Kedah terpaksa gulung tikar di peringkat AFC kerana tidak dapat bersaing dengan negara-negara, kelab-kelab negara Asian disebabkan mereka mempunyai tenaga pemain import yang lebih berwibawa mengatasinya.

Jadi, persoalannya apakah langkah bijak yang dilakukan oleh kementerian, oleh persatuan bola sepak tempatan yang membiarkan keadaan ini berlaku? Apakah kita ingin maju seperti mereka yang sudah maju ataupun kita mahu undur ke belakang? Pelbagai persoalan yang timbul yang perlu dijawab oleh persatuan mahupun kementerian. Maka, kita jadikan kambing hitam persatuan kita, pemain ataupun hobi anak muda dan menyebabkan anak muda beralih arah daripada bersukan yang lebih sihat, persaingan yang lebih sihat kepada mencari jalan memenuhi nafsu jahat dan seumpamanya. Kita bimbang dengan keputusan ini akan merudum, akan menjatuhkan lagi nilai prestasi sukan kita dan menyebabkan anak muda hilang arah.

Hari ini kita melihat bagaimana persatuan-persatuan bola sepak negeri atau pun kelab-kelab sedang mencari dan mengambil pendekatan membeli pemain-pemain dan harga pemain tempatan juga melambung, tetapi kualiti yang tidak ke mana. Kita tidak mahu pasukan ataupun mutu bola sepak tempatan merudum, menjadi bahan ketawa seluruh negara-negara, rakan-rakan, jiran-jiran kita.

Pada masa ini sedang berlangsung pesta merdeka. Bagaimana peminat kita? Bagaimana anak muda membanjiri stadium pada malam ini? Malaysia bertemu Afghanistan contohnya. Kita hanya beraksi dengan pasukan-pasukan yang tidak ternama. Apa tujuan kita sebenarnya? Untuk menang sahaja kah ataupun kita sorak sendiri kah? Tahukah kita menang dengan pasukan tersebut mendapat sorakan, ejekan. Kita kalah, lagilah kita mendapat ejekan dari peminat-peminat tempatan. Sebenarnya tidak ada hala tuju yang jelas kepada persatuan bola sepak dan kementerian dan mesti bertanggungjawab hal ini. Seumpama dengan badminton, kita juara sahaja, kita melatah. Kementerian, Timbalan Perdana Menteri melatah dan menawarkan RM1 juta kerana pemain kita, atlet kita yang memenangi pingat emas dan seumpamanya. Kenapa kita tidak mengikut susunan yang ada, imbuhan-imbuhan yang sewajar dengannya? Kenapa kita menggalakkan mereka? sebenarnya memberikan tekanan kepada atlet-atlet kita, memberi tekanan kepada pertubuhan-pertubuhan kelab-kelab dan seumpamanya.

Apabila kita mendidik dan mengambil pengalaman, bukan tidak pernah FAM telah pun memutuskan melarang pemain import bermain dalam liga tempatan. Pernah berlaku pada masa yang lalu dan banyak kali beberapa perkara yang telah dilakukan. Namun, tahap permainan, tahap sukan Malaysia masih tahap yang sama. Jadi, kita mohon kementerian mestilah mempunyai objektif yang jelas, mempunyai kemahuan yang serius supaya segera memperbetulkan apa yang salah dan segera sama dengan liga-liga negara jiran supaya negara kita bukan sahaja penyokongnya berpaling tadah menyokong kelab-kelab England contohnya, Chelsea dan sebagainya tetapi tidak mengambil peduli kelab-kelab tempatan yang dilangsungkan di dalam negara kita sendiri.

Apabila kita hilangkan rasa minat, dorongan anak-anak muda terhadap sukan, maka masa yang sama, jangan kita salahkan mereka. Jangan kita salahkan mereka tidak ada semangat kesukanan negara, menyokong *team* pasukan kebangsaan negara. Disebabkan tangan-tangan kitalah, disebabkan ketidaktelusan kitalah kementerian dan orang yang berwajib menyebabkan mutu, nilai bola sepak tempatan merudum. Saya mewakili hasil perbincangan saya dengan rakan-rakan pemain, rakan-rakan jurulatih, dan bekas-bekas pemain mohon agar kementerian merujuk dan mengkaji semula agar mana pemain import dapat datang dan mewarnai bola sepak tempatan tahun hadapan supaya peminat-peminat dan sorakan rakan muda sama-sama membangun dan bersama dengan sukan tempatan kita ini. Dengan tindakan yang kurang bijak tadi, kita percaya pasukan kebangsaan kita mahupun persatuan-persatuan kita tidak ke mana.

Tuan Yang di-Pertua dan akhir sekali saya memohon kepada semua pihak juga kementerian-kementerian yang melibatkan agenda-agenda pembangunan rakyat mestilah telus dan bersama-sama membasmi kemiskinan tegar, membasmi pengangguran di kalangan remaja-remaja kita, di kalangan intelektual kita yang menganggur dan memastikan kerjaya mereka selamat, memastikan pelabur-pelabur terus berminat dengan negara kita ini, memastikan anak-anak kita mempunyai akhlak budaya yang baik yang cemerlang, modal-modal insan mesti diperbanyakkan, pendidikan, rohani dan jasmani, membina akhlak mulia di kalangan remaja-remaja, mempunyai pemimpin yang bertanggungjawab, yang tidak rasuah dan korupsi, mempunyai warganegara yang bijak, yang baik, dan memahami tanggungjawab kita bersama.

Mudah-mudahan dengan saranan ini, saya yakin dan percaya kementerian dapatlah melihat, menjenguk keadaan rakyat di bawah sana yang tenggelam dengan banjir, kemiskinan, harga petrol yang merudum, yang turun ini, turut sama dengan harga getah, harga sawit. Kita memohon kepada jawatankuasa pemandu atau jawatankuasa kawal harga barang mestilah segera bermesyuarat memutuskan semula harga-harga barang di pasaran supaya turun seperti mana harga-harga petrol, harga-harga getah dan sawit supaya rakyat tidak tertekan dengan pendapatan yang kecil dan terpaksa mengeluarkan belanja yang besar. Mohon kepada Tuan Yang di-Pertua untuk perhatian kepada menteri-menteri yang terlibat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Selasa, 21 Oktober 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.40 malam.